

**UMNO: SATU KAJIAN KELANGSUNGAN
PARTI POLITIK MELAYU**

Oleh
SHAHIDAN KASSIM

Tesis ini diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah,
Universiti Utara Malaysia bagi memenuhi keperluan
pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah

2006



Pusat Pengajian Siswazah
(Centre for Graduate Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(*Certification of thesis / dissertation*)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

SHAHIDAN KASSIM

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

DOKTOR FALSAFAH (Ph.D.)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title)

"UMNO : SATU KAJIAN KELANGSUNGAN PARTI POLITIK MELAYU"

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi
(as it appears on the title page and front cover of thesis / dissertation)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi
bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan
yang diadakan pada : **25 JUN 2006**

that the project paper acceptable in the form and content and a satisfactory knowledge of the
field is covered by the thesis, was demonstrated by the candidate through an oral examination
held on : **25 JUNE 2006**

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: Prof. Dr. Hjh Ku Ruhana Ku Mahamud

Tandatangan
(Signature)

Penilai Luar
(External Assessor)

: Prof. Dr. Jayum Anak Jawan

Tandatangan
(Signature)

Penilai Dalamam
(Internal Assessor)

: Prof. Madya Dr. Mansor Mohd Noor

Tandatangan
(Signature)

Penyelia
(Supervisor)

: Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date)

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysi (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran Penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan

Pusat Pengajian Siswazah,

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Tesis ini merupakan satu kajian untuk melihat kelangsungan politik UMNO dalam pemerintahan di Malaysia dalam konteks alaf baru. Kajian juga cuba mengenalpasti sejauhmana sokongan rakyat terhadap UMNO pada pilihan raya akan datang serta faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan rakyat tersebut. Kajian ini menyingskap apakah peluang-peluang, kekuatan-kekuatan, ancaman-ancaman dan kelemahan-kelemahan UMNO dalam meniti perjuangan survival politik Melayu dahulu dan akan datang. Pada umumnya terdapat perseimbangan penemuan di antara analisis yang bersifat kualitatif dengan analisis yang bersifat kuantitatif melalui ujian-ujian hipotesis yang telah dilakukan. Berdasarkan hasil-hasil kajian terdahulu [Plasser, F., (2001), Chamil Wariya (1998), Coleman, J. J., (1996), Ahmad Fawzi Basri., et.all (1995), Ahmad Atory Hussain (1990,1998), Baharudin Ali Masrom (1989) dan Syed Arabi & Safar (1986)] dan lain-lain, maka kajian ini mendapati wujud beberapa faktor yang menjadi penentu kepada sokongan rakyat terhadap UMNO. Ujian-ujian hipotesis yang dijalankan dalam kajian ini mengesahkan ke semua faktor (faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi, demokrasi, pertumbuhan ekonomi, faktor isu dan kempen) mempunyai korelasi yang positif dengan sokongan rakyat terhadap UMNO. Dalam menilai survival politik UMNO pada masa hadapan, sejarah boleh dijadikan sebagai pengukur di samping ramalan dan tinjauan yang dilakukan. Dalam sejarah pengalaman pilihanraya-pilihanraya yang lepas, umpamanya pilihanraya-pilihanraya di tahun-tahun 1978, 1982, 1986, 1990, 1999 dan 2004 Barisan Nasional (BN) dan UMNO telah mencatatkan kejayaan dengan majoriti atau peratus pencapaian yang tinggi. Sebagai sebuah parti yang dinamik dan berkembang semenjak enam puluh (60) tahun lamanya, UMNO sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar. Cabaran-cabaran yang berlaku adalah kerana wujudnya faktor-faktor persekitaran dan faktor-faktor dalam parti. Beberapa cadangan harus diambil berat oleh UMNO, khususnya, dan orang Melayu, amnya, bagi menjamin survivalnya di masa hadapan. Antaranya ialah prasyarat untuk UMNO mengekalkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu adalah bergantung kepada kesanggupannya untuk berpegang teguh pada paksi perjuangan untuk menegakkan hak-hak bangsa Melayu. Selain itu, pentadbiran yang cekap, telus dan perancangan program-program pembangunan yang berkesan serta golongan profesional Melayu digalakkan menyertai parti dan mereka tidak harus memihak kepada mana-mana pihak adalah merupakan prasyarat penting untuk UMNO laksanakan. Golongan profesional seharusnya diberi ruang untuk mengemukakan pandangan atau pendapat. Namun mereka hendaklah menyokong karajaan yang memerintah. Sementara itu, bagi mereka yang mengemukakan pandangan yang bercanggah dengan pucuk pimpinan parti tidak seharusnya pula diketepikan (teguran mengikut cara Islam). Seterusnya UMNO dan kepimpinan memerlukan perpaduan yang benar-benar utuh serta kukuh dan juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang benar-benar berwibawa dan berperibadian tinggi demi kelangsungan masa hadapan bangsa dan agama. Untuk memastikan perjuangan mulia ini terus terlaksana, UMNO perlu dipimpin oleh tokoh-tokoh yang bersih dan disegani serta berwibawa. Mereka haruslah terdiri daripada kalangan intelektual dan mengenepikan pemimpin-pemimpin yang mengamalkan amalan tidak sihat. Mereka ini harus berani dan ikhlas meletak perjuangan parti di hadapan dari habuan peribadi. Pemimpin ini juga harus memimpin dan memberi layanan sama rata kepada semua kumpulan UMNO dan bukannya memilih kumpulannya sahaja untuk mendapat habuan apabila ia berkuasa. Sesungguhnya banyak lagi yang harus dipikul oleh seseorang pemimpin hingga ke tahap berkorban apa sahaja untuk agama, bangsa dan tanah air.

ABSTRACT

This thesis analyzes the survival of UMNO politics in the governing of Malaysia within the context of the new millennium. The objectives of this research are also to identify the extent of the peoples' support towards UMNO in the coming elections and to recognize the factors that influenced these peoples' support. Beside that, this research exposes the opportunities, strengths, threats and weaknesses of UMNO in their journey of survival of past and the future Malay politics. Generally, there is a balance of finding between quantitative and qualitative analysis through hypothesis testing that have been established. Based on previous researches [Plasser, F., (2001), Chamil Wariya (1998), Coleman, J. J., (1996), Ahmad Fawzi Basri., et.all (1995), Ahmad Atory Hussain (1990,1998) Baharudin Ali Masrom (1989), Syed Arabi & Safar (1986) and others] this research found the existence of several factors as determinants of the peoples' support towards UMNO. The hypothesis testings that have been carried out in the research confirms all factors (candidate and leadership, party programmes, image and ideology, democracy, economic growth, issue and campaigns factors) have a positive correlation with the peoples' support towards UMNO. In order to evaluate UMNO's future political survival, history can be used as a yardstick, as well as for forecasting and making some observations. In previous elections, such as the election of 1978, 1982, 1986, 1990, 1999 and 2004, Barisan Nasional (BN) and UMNO have always won with a big majority or achieved a high percentage of votes. As a dynamic and growing party the last sixty (60) years, UMNO has always faced challenges from within and outside the organization itself. The challenges occurred due to the existence of external factor and factors within the party. There are several suggestions which must be given due consideration by UMNO especially, and the Malays, generally, to ensure its survival in the future. Amongst others is the prerequisite for UMNO to preserve its influence amongst the Malays, which is dependent on its willingness to hold on tight to the core struggle of upholding the Malay rights. Other than that, UMNO has to fulfill other important prerequisites such as, having an efficient and transparent administration, planning effective development programmes, as well as the encouraging Malay professionals to join the party but must continue to support government of the day. Professionals ought to be given a chance to air their objections and opinions. Meanwhile those who give opinions different from that of the leadership should not be sidelined. For the sake of the future of the Malay race and Islam, UMNO and its leaders need to be strongly united, and at the same time the must be really credible and of good character. To ensure its honorable struggle can be carried on, UMNO needs to be led by personalities who are clean and respected, and upholding Islamic principles. They should be chosen from the ranks of intellectuals, whilst leaders with unhealthy practices should be cast aside. The leaders should be brave and sincere, putting party struggle above their own needs. They should lead and treat equally all groups within UMNO, and not choose their own groups to benefit while they are power. Hence there is a lot that must be borne by a leader to the extent of sacrificing the ultimate for the sake of the Malays, religion and the nation.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat Allah swt kerana dengan Rahmat dan Izin-Nya, tesis ini telah berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan tesis ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan ditujukan khasnya kepada penyelia utama tesis saya iaitu Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain dan Allahyarham Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Basri. Tidak lupa juga saya ucapan ribuan terima kasih kepada kakitangan dan pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) dan juga pemeriksa tesis saya dalam UUM dan luar UUM. Saya juga menghargai kerjasama yang diberikan oleh semua penduduk kampung semasa kaji selidik ini dibuat. Terima kasih khusus kepada isteri saya, Datin Seri Shamsiah M. Yassin dan anak-anak yang memberi galakkan kepada saya belajar, begitulah juga kepada kawan-kawan dan rakyat Malaysia amnya. Kepada pembantu penyelidik saya, Encik Rusli Ahmad tiada kata-kata manis selain dari ucapan Terima Kasih. Ucapan terima kasih juga kepada pembanci-pembanci yang bersedia untuk mengutip data bagi menjayakan kajian ini. Kepada rakan-rakan saya dan kakitangan di Pejabat Menteri Besar Perlis yang memberi sokongan, terima kasih juga saya ucapkan. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini samada secara langsung atau tidak langsung walaupun nama mereka tidak tercatit di sini.

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Perakuan Kerja Tesis	ii
Kebenaran Mengguna	iii
Abstrak	vi
Absract	v
Penghargaan	vi
Kandungan	xii
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Lampiran	
Senarai Singkatan	
 BAB SATU: PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Cabaran UMNO Dari Tahun 1946-2000	4
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	14
1.4.1 Objektif Umum	14
1.4.2 Objektif Khusus	14
1.5 Hipotesis Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Skop Kajian	17
1.8 Batasan dan Kekangan Kajian	18
1.9 Definisi Konsep	20
1.9.1 Politik	20
1.9.2 Parti Politik	22
1.9.3 Survival atau Kelangsungan	23
1.9.4 Cabaran	24
1.9.5 Kekuatan	25
1.10 Ringkasan Bab Seterusnya	26
 BAB DUA: ULASAN KARYA	 28
2.1 Pengenalan	28
2.2 Faktor Sokongan Terhadap Parti Politik	28
2.2.1 Faktor Peranan Kempen dan Komunikasi	28
2.2.2 Kekuatan Parti dan Sokongan	31
2.2.3 Pengaruh Ekonomi Ke atas Pengundi	35
2.2.4 Pengaruh Agama dan Ideologi Ke atas Pengundi	36
2.2.5 Pengaruh Undang-undang Ke atas Politik	38

2.3	Gelagat Pengundian Terhadap Parti Politik	39
2.3.1	Kesan Globalisasi Ke atas Budaya dan Amalan Politik	39
2.3.2	Penglibatan Masyarakat Dalam Pilihanraya	40
2.3.3	Ketaatan Pengundi Kepada Calon (UMNO)	41
2.3.4	Faktor Pemilihan Calon Parti MCA dan DAP	43
2.3.5	Kejayaan Barisan Nasional	44
2.4	Isu Perpecahan Dalam Umno	45
2.4.1	Isu Pemecatan Anwar Ibrahim	45
2.4.2	Krisis Mahathir-Razaleigh	46
2.5	Faktor Sokongan Terhadap UMNO	48
2.5.1	Faktor Demografi Dalam Menentu Survival UMNO	50
2.5.2	Faktor Pemilihan Calon dan Kepimpinan Parti	53
2.5.3	Faktor Peranan Kempen, Isu Semasa dan Persekutaran	56
2.5.4	Faktor Program-program Organisasi Parti	59
2.5.5	Faktor Pertumbuhan Ekonomi	62
2.5.6	Faktor Demokrasi Dalam Parti	65
2.5.7	Faktor Imej dan Ideologi Parti	66
2.6	Rumusan	68
BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA		70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Rekabentuk Kajian	70
3.3	Kawasan dan Populasi Kajian	70
3.4	Sampel Kajian	71
3.4.1	Sampel Kajian Tinjauan Pendapat Pertama	71
3.4.2	Sampel Kajian Tinjauan Pendapat Kedua	72
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.6	Instrumen Kajian	75
3.7	Skala, Kod dan Skor Instrument	79
3.7.1	Penggunaan Skala dan Kod Dalam Instrumen Kajian	79
3.7.2	Pengukuran Skala, Kod dan Skor Pembolehubah Bebas	80
3.7.3	Pengukuran Skala, Kod dan Skor pembolehubah Bersandar	81
3.8	Kebolehpercayaan Peralatan Kajian	82
3.9	Kaedah Analisis Data	83
3.10	Prosedur Pengutipan Data	84
3.11	Angkubah, Model Dan Rangka Kajian	84

2.3	Gelagat Pengundian Terhadap Parti Politik	39
2.3.1	Kesan Globalisasi Ke atas Budaya dan Amalan Politik	39
2.3.2	Penglibatan Masyarakat Dalam Pilihanraya	40
2.3.3	Ketaatan Pengundi Kepada Calon (UMNO)	41
2.3.4	Faktor Pemilihan Calon Parti MCA dan DAP	43
2.3.5	Kejayaan Barisan Nasional	44
2.4	Isu Perpecahan Dalam Umno	45
2.4.1	Isu Pemecatan Anwar Ibrahim	45
2.4.2	Krisis Mahathir-Razaleigh	46
2.5	Faktor Sokongan Terhadap UMNO	48
2.5.1	Faktor Demografi Dalam Menentu Survival UMNO	50
2.5.2	Faktor Pemilihan Calon dan Kepimpinan Parti	53
2.5.3	Faktor Peranan Kempen, Isu Semasa dan Persekutaran	56
2.5.4	Faktor Program-program Organisasi Parti	59
2.5.5	Faktor Pertumbuhan Ekonomi	62
2.5.6	Faktor Demokrasi Dalam Parti	65
2.5.7	Faktor Imej dan Ideologi Parti	66
2.6	Rumusan	68
BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA		70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Rekabentuk Kajian	70
3.3	Kawasan dan Populasi Kajian	70
3.4	Sampel Kajian	71
3.4.1	Sampel Kajian Tinjauan Pendapat Pertama	71
3.4.2	Sampel Kajian Tinjauan Pendapat Kedua	72
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.6	Instrumen Kajian	75
3.7	Skala, Kod dan Skor Instrument	79
3.7.1	Penggunaan Skala dan Kod Dalam Instrumen Kajian	79
3.7.2	Pengukuran Skala, Kod dan Skor Pembolehubah Bebas	80
3.7.3	Pengukuran Skala, Kod dan Skor pembolehubah Bersandar	81
3.8	Kebolehpercayaan Peralatan Kajian	82
3.9	Kaedah Analisis Data	83
3.10	Prosedur Pengutipan Data	84
3.11	Angkubah, Model Dan Rangka Kajian	84

3.12 Kerangka Teoritikal Kajian	86
3.12.1 Model Kognitif Memilih Undi	86
3.12.2 Teori Perlakuan Pengundi	89
3.12.3 Teori Sistem	95
3.12.4 Kesimpulan	98
3.13 Keputusan Ujian Rintis	99
3.14 Rumusan	100
 BAB EMPAT: HASIL KAJIAN	 101
4.1 Pengenalan	101
A. KRISIS MELANDA, PARTI TETAP UTUH	101
4.2 Cabaran Politik UMNO 1946-1989	104
4.2.1 Cabaran Menghadapi Kaum Imigren Cina dan India	105
4.2.2 Cabaran Dalam Politik Melayu Sebelum UMNO	108
4.2.3 Cabaran Dalam Proses Penubuhan UMNO	112
4.2.4 Cabaran Penjajahan dan Konfrontasi	115
4.2.5 Cabaran Dalam UMNO	120
4.2.6 Cabaran Dari Pembangkang	126
4.2.7 Cabaran Ekonomi dan Sosial	137
4.3 Cabaran Politik Umno 1990-2000	147
4.3.1 Kegawatan Ekonomi	149
4.3.2 Pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim	152
4.3.3 Reformasi Jalanan	154
4.3.4 Penubuhan Parti Keadilan	157
4.3.5 Politik Wang Dalam UMNO	158
4.3.6 Kekalahan UMNO Dalam Beberapa Pilihanraya Kecil	161
4.3.7 Penentangan Segelintir Golongan Profesional	161
4.3.8 Kakitangan Kerajaan Kedah Menentang Kerajaan Kedah	163
4.3.9 Globalisasi dan ICT	165
4.3.10 Sekolah Wawasan dan Tuntutan Suqui	169
4.3.11 Sekolah Agama Rakyat (SAR)	172
4.3.12 Lain-lain Ancaman Berbentuk Andaian dan Kekuatiran	176
4.3.13 Kesimpulan	177
 B. KEKUATAN DAN SUMBANGAN UMNO	 178
4.4 Asas-Asas Kekuatan UMNO	178
4.4.1 UMNO Mempunyai Struktur Organisasi Yang Lengkap	179
4.4.2 Konsep Kongsi Kuasa	180
4.4.3 Dasar-Dasar Pembangunan Oleh UMNO	181
4.4.4 Kejayaan UMNO Mengkekang Parti Pembangkang	183

4.4.5	Undang-undang dan Peraturan Perlembagaan Malaysia	185
4.4.6	Program-Program UMNO	185
4.4.7	Kebijaksanaan Pemimpin UMNO Menangani Krisis	186
4.4.8	Sistem Sokongan Yang Konstan	189
4.4.9	Sistem Sokongan Yang Lentur (flexible)	191
4.4.10	Kesimpulan	194
4.5	Sumbangan UMNO Pada Masyarakat Dan Negara	195
4.5.1	Mempertahankan Hak Keistimewaan Orang Melayu	197
4.5.2	Hapuskan Kemiskinan dan Eratkan Perpaduan Kaum	198
4.5.3	Pendidikan	201
4.5.4	Pembangunan Dan Pertumbuhan Ekonomi	202
4.5.5	Mewujudkan Perpaduan Politik dan Kestabilan Negara	202
4.5.6	Kesimpulan	203
C.	SOKONGAN PENGUNDI TERHADAP UMNO	204
4.6	Keputusan Kaji Selidik	204
4.6.1	Profil Responden	205
4.6.2	Penglibatan Responden Dalam Politik	207
4.6.3	Sumber Responden Mendapatkan Maklumat Politik	211
4.6.4	Maklumat Pengundian	213
4.6.5	Pendapat Responden Mengenai Faktor Kejayaan UMNO	220
4.6.6	Pendapat Responden Mengenai Krisis Dalaman	223
4.6.7	Pendapat Responden Mengenai Kuasa Mereka	224
4.6.8	Pendapat Responden Mengenai Pencapaian Ekonomi	226
4.6.9	Pendapat Responden Mengenai Parti Yang Akan Memerintah	227
4.6.10	Survival UMNO di DUN Tambun Tulang.	228
4.6.11	Pengujian Hipotesis	229
4.6.12	Kesimpulan	236
4.7	Rumusan	238
BAB LIMA: PERBINCANGAN, RINGKASAN DAN CADANGAN		239
5.1	Pengenalan	239
5.2	Perbincangan dan Ringkasan	239
5.2.1	Analisis Faktor Sokongan Rakyat Terhadap UMNO	239
5.2.2	Analisis Survival UMNO Pada Masa Depan	244
5.2.3	Analisis Cabaran-Cabaran UMNO	249
5.2.4	Analisis Asas-Asas Kekuatan UMNO	252
5.2.5	Analisis Tahap Kesedaran dan Pembabitan Masyarakat	254
5.2.6	Risiko Perpecahan Undian Pengundi Melayu	255

5.3 Cadangan	259
5.3.1 Membela Hak Orang Melayu	259
5.3.2 Usaha-usaha Untuk Mensifarkan Kemiskinan	259
5.3.3 Usaha-usaha Meningkatkan Kerjasama Antara Kaum	260
5.3.4 Penglibatan Golongan Profesional Dalam Pentadbiran	261
5.3.5 Pemimpin Mesti Tonjolkan Akhlak Terpuji	261
5.3.6 Demokrasi dan Kompromi Antara Pemimpim	262
5.3.7 Perangi Politik Wang, Rasuah dan Penyelewengan	263
5.3.8 Pembangunan Yang Seimbang	263
5.3.9 Perangi Gejala Sosial	264
5.3.10 Cabaran Akan Datang: Perjuangan Meningkatkan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu/ Kaum Bumiputera	265
5.4 Penemuan Baru Kajian	265
5.5 Rumusan	266
Rujukan	269
Lampiran	284

Jadual 3.1:	Jumlah Pengundi Di Kawasan Pengundian Kampung Banat	72
Jadual 3.2:	Jumlah Pengundi Mengikut Kawasan di Tambun Tulang	73
Jadual 3.3:	Skala, Kod dan Skor Bagi Pembolehubah Bebas	81
Jadual 3.4:	Skala, Kod dan Skor Pembolehubah Bersandar	82
Jadual 3.5:	Keputusan Ujian <i>Reliability</i>	82
Jadual 4.1:	Bilangan Penduduk Tanah Melayu Mengikut Etnik	106
Jadual 4.2:	Taburan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Etnik 1947	139
Jadual 4.3:	Pekerjaan Akauntan Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979	140
Jadual 4.4:	Pekerjaan Arkitek Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979	140
Jadual 4.5:	Pekerjaan Doktor Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979	140
Jadual 4.6:	Kumpulan Hak Milik Saham (pada nilai par) Syarikat Berhad	142
Jadual 4.7:	Kumpulan Hak Milik Saham (pada nilai par) Syarikat Berhad	144
Jadual 4.8:	Pemulihan Ekonomi Negara Dilanda Krisis	152
Jadual 4.9:	Menerima Tawaran Semasa Pemilihan Jawatan UMNO	160
Jadual 4.10:	Bilangan Pelajar di Peringkat Ijazah di IPT Awam	201
Jadual 4.11:	Jantina Responden	205
Jadual 4.12:	Kategori Umur Responden	205
Jadual 4.13:	Taraf Pendidikan Responden	206
Jadual 4.14:	Jenis Pekerjaan Responden	206
Jadual 4.15:	Kategori dan Purata Pendapatan Responden	207
Jadual 4.16:	Sumber Responden Mendapat Maklumat	212
Jadual 4.17:	Gelagat Atau Perubahan Pengundi Dalam Memilih Parti	214
Jadual 4.18:	Pengundi Akan Memilih Parti Mana Pada Pilihanraya	215
Jadual 4.19:	Kaitan Antara Kawasan Kediaman Dengan Sokongan	216
Jadual 4.20:	Pendapat Responden Mengenai Faktor Kejayaan UMNO	221
Jadual 4.21:	Pendapat Responden Mengenai Krisis Dalaman Parti	224
Jadual 4.22:	Pendapat Responden Mengenai Kuasa Sebagai Pengundi	225
Jadual 4.23:	Pendapat Responden Mengenai Pencapaian Ekonomi	226
Jadual 4.24:	Pendapat Responden Mengenai Parti Yang Akan Memerintah	227
Jadual 4.25:	Pengundi Akan Memilih Parti Mana Pada Pilihanraya	228
Jadual 4.26:	Korelasi Antara Faktor Calon dan Pemimpin dengan Sokongan	229
Jadual 4.27:	Korelasi Antara Faktor Program dengan Sokongan	230
Jadual 4.28:	Korelasi Antara Faktor Imej dan Ideologi dengan Sokongan	231
Jadual 4.29:	Korelasi Antara Faktor Demokrasi dengan Sokongan	232
Jadual 4.30:	Korelasi Antara Faktor Petumbuhan Ekonomi dengan Sokongan	233
Jadual 4.31:	Korelasi Antara Faktor Isu dan Kempen dengan Sokongan	234
Jadual 4.32:	Regression Antara Faktor-faktor Penentu dengan Sokongan	236

Rajah i:	Hubungan antara petunjuk dan faktor kekuatan parti organisasi	33
Rajah ii:	Kerangka kajian	86
Rajah iii:	Model kognitif memilih undi	88
Rajah iv:	Kerangka analisis model input-through-output-outcome	98
Rajah v:	Tahap minat responden dalam politik	208
Rajah vi:	Kekerapan responden berbincang mengenai isu politik	209
Rajah vii:	Berbincang mengenai politik dengan keluarga, jiran dan rakan	209
Rajah viii:	Responden pernah bertengkar	210
Rajah ix:	Peratus pembabitan responden dalam aktiviti berpolitik	211
Rajah x:	Pilihan responden semasa mengundi	213
Rajah xi:	Tindakan responden jika calon disokong tidak terpilih	214
Rajah xii:	Faktor-faktor pemilihan calon oleh responden	217
Rajah xiii:	Faktor-faktor pemilihan parti politik oleh responden	218
Rajah xiv:	Kepentingan kempen pada calon	219
Rajah xv:	Kempen hanya aktif dan panas dekat pilihanraya	219
Rajah xvi:	Peratus pencapaian BN dalam pilihanraya	245

Lampiran 1.1:	Asas dan Tujuan Perjuangan UMNO	284
Lampiran 1.2:	Detik-detik Bersejarah Dalam UMNO	285
Lampiran 2.1:	Jumlah Bahagian, Cawangan dan Keahlian UMNO	286
Lampiran 3.1:	Peta Kawasan Kajian	287
Lampiran 3.2:	Soal Selidik Kajian	288
Lampiran 3.3:	Ujian Kebolehpercayaan/Reliability	295
Lampiran 4.1:	Struktur Organisasi UMNO	299
Lampiran 4.2:	Carta Badan Perhubungan Negeri	307
Lampiran 4.3:	Carta Jawatankuasa Bahagian	308
Lampiran 4.4:	Carta Jawatankuasa Cawangan	309
Lampiran 4.5:	Perlembagaan UMNO	310
Lampiran 4.6:	Antara Program-program UMNO/BN	327
Lampiran 4.7:	Pemimpin-pemimpin UMNO Dari Tahun 1946-kini	330
Lampiran 4.8:	Pengasas UMNO- Dato' Onn Jaafar	331
Lampiran 4.9:	Pendana Menteri Malaysia Pertama- Tunku Abdul Rahman	332
Lampiran 4.10:	Pendana Menteri Malaysia Kedua-Tun Abdul Razak	333
Lampiran 4.11:	Pendana Menteri Malaysia Ketiga-Tun Hussein Onn	334
Lampiran 4.12:	Pendana Menteri Malaysia Keempat-Tun Dr. Mahathir	335
Lampiran 4.13:	Pendana Menteri Malaysia Kelima-Datuk Seri Abdullah	336
Lampiran 4.14 :	Ujian Frekuensi (Profil Responden)	337
Lampiran 4.15 :	Ujian Frekuensi (Berminat Dalam Hal Ehwal Politik)	339
Lampiran 4.16 :	Ujian Frekuensi (Pembabitan Dalam Aktiviti Berpolitik)	341
Lampiran 4.17 :	Ujian Frekuensi (Saluran Mendapatkan Maklumat Politik)	343
Lampiran 4.18 :	Ujian Frekuensi (Gelagat Semasa Mengundi)	346
Lampiran 4.19 :	Ujian Frekuensi (Faktor Pemilihan Calon)	349
Lampiran 4.20 :	Ujian Frekuensi (Faktor Pemilihan Parti Politik)	351
Lampiran 4.21 :	Ujian Frekuensi (Peranan Kempen)	352
Lampiran 4.22 :	Ujian Frekuensi-Faktor Sokongan Terhadap UMNO	353
Lampiran 4.23 :	Ujian Frekuensi (Krisis Dalaman)	357
Lampiran 4.24 :	Ujian Frekuensi (Kuasa Sebagai Pengundi)	358
Lampiran 4.25 :	Ujian Frekuensi (Pencapaian Ekonomi)	360
Lampiran 4.26 :	Ujian Frekuensi (Parti Yang Akan Memerintah Negara)	361
Lampiran 4.27 :	Ujian Frekuensi -Parti dipilih di Tambun Tulang	362
Lampiran 4.28 :	Pengujian Hipotesis 1- Ujian Korelasi	363
Lampiran 4.29 :	Pengujian Hipotesis 2- Ujian Korelasi	364
Lampiran 4.30 :	Pengujian Hipotesis 3- Ujian Korelasi	365
Lampiran 4.31 :	Pengujian Hipotesis 4- Ujian Korelasi	366
Lampiran 4.32 :	Pengujian Hipotesis 5- Ujian Korelasi	367
Lampiran 4.33 :	Pengujian Hipotesis 6- Ujian Korelasi	368
Lampiran 4.34:	Pengujian Hipotesis 7- Ujian Regrasi	369

Senarai Singkatan

AJK	Ahli Jawatankuasa
BN	Barisan Nasional
BNM	Bank Negara Malaysia
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPK	Dasar Pelajaran Kebangsaan
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
Ha	Hipotesis Alternatif
Ho	Hipotesis Null
IMF	Dana Kewangan Antarabangsa
IMP	Independence Of Malaya Party
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awan
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KeADILan	Parti Keadilan Malaysia
KLCC	Kuala Lumpur City Center
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KM Selangor	Kesatuan Melayu Selangor
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMM	Kumpulan Militan Malaysia
LDP	Parti Liberal Demokratik Sabah
LRT	Transit Laju Ringan
LUTH	Lembaga Urusan Tabung Haji
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAS	Malaysia Airline System Bhd.
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress

MMKK	Maktab Melayu Kuala Kangsar
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak
PBDS	Parti Bangsa Dayak Sarawak
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PERKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad
PETA	Pembela Tanah Air
PKEN	Perbadanan dan Kemajuan Ekonomi Negeri
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKN	Program Khidmat Negara
PMP	Persatuan Melayu Perak
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PN	Parti Negara
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PPP	Parti Progresif Penduduk
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
RIDA	Rural Industrial Development Authority
RMK	Rancangan Malaysia Kedua
RML	Rancangan Malaysia Kelima
RRJP 1	Rangka Rancangan Jangka Panjang 1
Sapp	Parti Maju Sabah
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPDP	Parti Progresif Demokratik Sarawak
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihanraya
SPSS	Statistical Package For Social Science

SUPP	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
UDA	Perbadanan Pembangunan Bandar
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	United Malays National Organisation
UM	Universiti Malaya
UPKO	United Pasok Momogun Kadazandusun Organization
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WTO	Pertubuhan Perdagangan Sedunia

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organisation* (UMNO), Parti Islam SeMalaysia (PAS), Parti Keadilan Malaysia (KeADILan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) merupakan parti-parti politik Melayu yang utama di Semenanjung Malaysia. Daripada keempat-empat parti ini, UMNO merupakan parti yang paling berpengaruh dan mendapat sokongan majoriti orang Melayu di Semenanjung dan di Sabah.

Kewujudan UMNO adalah hasil daripada gerakan kesedaran kebangsaan orang-orang Melayu yang menyeluruh dan membabitkan semua golongan masyarakat Melayu, iaitu dari golongan guru, ulama, rakyat biasa dan golongan bangsawan. UMNO ditubuhkan di atas gabungan berpuluh-puluh pertubuhan dan persatuan Melayu seperti persatuan-persatuan Melayu negeri (hampir tiap-tiap negeri ada persatuan Melayu masing-masing), persatuan guru-guru Melayu, persatuan masyarakat Boyan dan persatuan orang Asli. Dari gabungan persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan inilah lahirnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) atau United Malays National Organisation (UMNO) pada 11 haribulan Mei tahun 1946, dengan meletakkan asas dan matlamat perjuangannya adalah untuk mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara¹ (Abdul Malik Munip 2001, Lampiran 1.1: Asas dan Tujuan Perjuangan UMNO).

¹ Empat puluh satu buah pertubuhan politik seperti Seberkas Kedah, Persatuan Melayu-Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Perlis, Perak, Negeri Sembilan dan lain-lain persatuan dengan diwakili oleh 107 wakil terlibat dalam perhimpunan kongres

Di bawah pemerintahan Parti Perikatan yang diterajui oleh UMNO perkembangan ekonomi Malaysia telah meningkat. Ini kerana pelbagai usaha telah dijalankan oleh UMNO untuk memajukan ekonomi rakyat terutama sekali orang Melayu. Usaha-usaha membangunkan ekonomi orang Melayu telah dimulakan di peringkat awal penubuhan UMNO lagi. Dato' Onn Jaafar, selaku Yang Di Pertua UMNO pertama telah berjaya mendesak kerajaan British agar menubuhkan satu badan untuk membantu mengatasi masalah kemunduran ekonomi dan kemiskinan di kalangan orang Melayu terutama mereka yang tinggal di luar bandar. Hasil daripada desakan itu maka lahirlah RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) yang telah ditubuhkan pada bulan Disember 1950. Seterusnya Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengambil alih peranan RIDA untuk menjadi pemangkin ekonomi orang Melayu. MARA ditubuhkan hasil daripada Konvensyen Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan pada 21 Disember 1961 di Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh UMNO. Seterusnya pada tahun 1971 Dasar Ekonomi Baru (DEB) pula telah diwujudkan untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan penglibatan kaum bumiputera amnya dan orang Melayu khususnya dalam bidang-bidang pendidikan, perniagaan, perdagangan dan profesional (Ahmad Simion & Ahmad Saupi, 1989).

Hasil daripada usaha-usaha kerajaan dibawah penerajuan UMNO, kadar kemiskinan telah menurun dari tahun ke tahun. Sebagai contoh mengikut Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah menurun dari 49.3 peratus (1970) kepada 39.6 peratus (1976) dan 18.4 peratus (1984). Sementara itu mengikut Rancangan Malaysia Ke Lapan

Melayu SeMelayu pada 1-4 April 1946 di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman. Proses penubuhan UMNO ini akan di terangkan dengan lebih terperinci dalam Bab Empat, Hasil Kajian.

(2001-2005), kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 8.7 peratus pada tahun 1995 kepada 6.1 peratus pada tahun 1997 sementara bilangan isi rumah miskin berkurangan sebanyak 25 peratus daripada 365, 600 kepada 274, 200. Usaha untuk mengurangkan lagi kemiskinan telah terhalang oleh krisis ekonomi yang menyebabkan kadar kemiskinan meningkat kepada 8.5 peratus pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, berikutan pemulihan ekonomi pada tahun 1999, kadar kemiskinan telah berkurang kepada 7.5 peratus.

Orang Melayu dan kaum bumiputera lain tidak terlepas peluang daripada menerima perkembangan ekonomi tersebut. Taraf sosio ekonomi orang Melayu telah meningkat dengan ketara terutamanya selepas perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pemilikan kekayaan orang Melayu telah meningkat dari lebih kurang 2.8 peratus di tahun 1970 kepada 23.0 peratus pada tahun 1990 (Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990). Seterusnya hak milik modal saham kaum bumiputera meningkat lagi pada kadar 12.6 peratus setahun daripada kira-kira RM37 bilion pada tahun 1995 kepada RM59 bilion pada tahun 1999 (Rancangan Malaysia Ke Lapan, 2001-2005)².

Seterusnya kualiti hidup rakyat Malaysia, berdasarkan perkara terpilih telah menunjukkan perubahan yang sangat membanggakan semenjak tahun 1970 hingga ke tahun 2002. Dalam tiga dekad ini, jangka hayat lelaki telah meningkat dari 61.6 tahun ke 70.4 tahun dan perempuan dari 65.6 tahun ke 75.3 tahun. Kadar kematian bayi telah menurun dari 39.4 per 1000 bayi ke hanya 5.7 per 1000 bayi, kadar celik huruf telah meningkat dari 58 peratus ke 94 peratus, dan

² Pemilikan modal bumiputera jatuh kepada 18.7 peratus pada tahun 2002. Pemilikan modal bumiputera lebih tertumpu kepada institusi bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan lain-lain. Pemilikan individu adalah jauh lebih rendah dari jumlah ini (Utusan Malaysia, 7 Ogos, 2004). Pengkaji di hari muka diharapkan membuat kajian dan memberi pandangan baru.

kemudahan paip air dan api telah masing-masing meningkat dari 48 peratus dari jumlah penduduk dan 44 peratus isi rumah ke 94 peratus dan 98 peratus (Mansor Mohd Noor, 2005).

Pembangunan yang dialami oleh negara kini amat pesat ekoran daripada kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik serta keamanan yang dikecapi oleh negara di bawah teraju UMNO. Pelbagai projek dilaksanakan dan pelbagai kemudahan disediakan demi memenuhi tuntutan dan keselesaan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Peningkatan bilangan universiti dari tiga (3) buah universiti awam di tahun 1970 kepada empat belas (14) buah universiti awam di tahun 2000 dan 17 buah pada tahun 2004 membuktikan kesungguhan kerajaan memberi pendidikan kepada rakyat tanpa mengira kaum, status sosial, luar bandar atau dalam bandar.

1.2 Latar Belakang Cabaran UMNO Dari Tahun 1946-2000

Pelbagai kejayaan telah dicapai oleh UMNO sejak dari awal penubuhannya hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun sebagai sebuah parti politik, UMNO tidak dapat lari dari menghadapi masalah dan cabaran. Namun begitu masalah dan cabaran yang timbul telah berjaya diatasi oleh UMNO dengan kewibawaan para pemimpinnya. Chamil Wiraya (1985) menyatakan dalam usaha UMNO untuk membina kekuatan demi kekuatan dan berjaya menumpaskan saingan pengaruh parti-parti Melayu yang lain dalam mendapatkan sokongan popular rakyat namun tidak bermakna UMNO tidak menghadapi sebarang krisis atau pergolakkan. Dalam sejarah politik UMNO sejak penubuhannya, pergolakkan memang berlaku.

UMNO mempunyai rekod yang cemerlang. Sejak penubuhannya dari tahun 1946 hingga ke hari ini, UMNO masih kekal memerintah negara walaupun terpaksa menghadapi cabaran demi cabaran dalam arus politik tanah air. Apabila UMNO ditubuhkan pada 11 haribulan Mei 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) terserap sebagai parti gabungannya, tetapi pada 29 haribulan Jun 1946 PKMM bertindak mengisyiharkan keluar dari UMNO kerana cadangan PKMM menetapkan warna bendera Merah Putih telah ditolak di samping perbezaan ideologi dan fahaman politik menyebabkan sukar kedua-dua parti itu untuk bekerjasama. Walau bagaimanapun PKMM tidak berusia panjang dalam politik tanah air kerana serentak dengan itu Undang-Undang Darurat diisyiharkan pada bulan Jun 1948, maka PKMM pun diharamkan.³

Pada tahun 1951 UMNO sekali lagi menghadapi kejutan apabila Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan kerana cadangan beliau untuk membuka keahlian UMNO kepada kaum bukan Melayu, khususnya, kaum Cina dan India di tolak. Dato' Onn bertindak keluar dari UMNO dan menubuhkan Independent of Malaya Party (IMP). Berbekalkan prinsip partinya, iaitu, dasar pintu terbuka kepada semua kaum, Dato' Onn meraih sokongan daripada rakyat pelbagai kaum. Namun begitu parti ini kurang mendapat sambutan dari orang-orang Melayu. IMP gagal dalam pilihanraya peringkat tempatan atau Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 yang mana IMP tewas kepada pakatan gabungan UMNO-MCA. Kekecewaan terhadap prestasi IMP menyebabkan Dato' Onn membubarkan IMP dan seterusnya menubuhkan Parti Negara (PN) pada bulan Februari tahun 1954. Adapun tujuan penubuhan PN itu adalah untuk menghadapi pilihanraya yang bakal diadakan pada 11 Oktober 1955. Namun begitu PN kalah

³ Kerjasama antara UMNO dan PKMM serta perpecahannya akan di bincang dalam Bab Empat

teruk dan gagal mendapat sebarang kerusi dalam pilihanraya yang ditandinginya. PN gagal mendapat sambutan dan akhirnya berkubur begitu sahaja.⁴

UMNO juga menerima tampanan hebat apabila Ustaz Ahmad Fuad, seorang pegawai agama dalam UMNO bertindak keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Islam SeMalaya (PAS) dalam tahun 1951.⁵ Sejak penubuhan PAS, ia berkembang sebagai sebuah parti politik yang menjadi saingan kepada UMNO hingga ke hari ini. Berbekalkan kepada isu-isu Melayu dan Islam serta konsep negara Islam, PAS menjaya agendanya itu kepada rakyat dengan harapan untuk membangkang UMNO dan, akhir-akhir ini, berhasrat hendak memerintah negara. Namun begitu kejayaan yang dicapai oleh PAS tidaklah sampai ke tahap yang membanggakan. Sejak penubuhannya hingga ke hari ini, PAS belum berjaya mencapai cita-citanya, iaitu, memerintah negara walaupun mengadakan kerjasama dengan parti lain. Walaupun begitu dari segi prestasi pencapaianya, berlaku juga sedikit sebanyak peningkatan prestasi calonnya dalam pilihanraya yang diadakan terutama pada pilihanraya tahun 1999.⁶

Krisis melanda UMNO sekali lagi berlaku apabila, bekas Naib Presiden UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah bertindak keluar dari UMNO pada tahun 1988 dan menubuhkan Parti Semangat 46.⁷ Ini berikutan daripada kekecewaan beliau dalam pertandingan pucuk pimpinan UMNO pada pemilihan 24 April 1987 yang membawa kepada pengharaman UMNO (lama) pada 12 Februari 1988. Dengan tujuan untuk meneruskan semangat dan idealisme UMNO 1946, iaitu, memperjuangkan nasib bangsa Melayu, Tengku Razaleigh dengan beberapa

⁴ Perihal mengenai parti IMP dan PN akan dihurst lebih lanjut dalam Bab Empat kajian

⁵ Keterangan lanjut mengenai penubuhan PAS akan dibincangkan dalam Bab Empat

⁶ Prestasi PAS akan di bincangkan dalam Bab Empat

⁷ Proses dan sebab-sebab penubuhan Semangat 46 akan dibincangkan dalam Bab Empat

orang bekas pemimpin UMNO yang lain berjuang untuk mendapatkan sokongan rakyat. Walau bagaimanapun perjuangan Parti Semangat 46 gagal mendapat sokongan yang dicita-citakan. Pemimpin dan ahli Parti Semangat 46 bertindak kembali kepangkuan UMNO. Akhirnya Parti Semangat 46 dibubarkan, manakala Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah bersama pengikutnya kembali kepangkuan UMNO pada tarikh 6 Oktober 1996.

Seterusnya di sekitar akhir tahun 1998, UMNO dikejutkan pula dengan kemunculan Parti KeADILan ekoran dari pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Pendana Menteri, Timbalan Presiden dan, sekaligus, ahli UMNO.⁸ Berdasarkan kepada agenda untuk memperjuangkan keadilan dalam masa yang singkat, parti ini bergerak ke seluruh Malaysia untuk menaiksi simpati rakyat. Walaupun keADILan mempunyai keyakinan besar untuk merampas pemerintahan Malaysia bersama pakatan Barisan Alternatif, tetapi parti ini tidak mendapat undi yang dicitakannya. Parti ini juga telah menerima nasib yang sama, seperti Parti Semangat 46, di mana pada pilihanraya 2004 yang lalu ia gagal mendapat sokongan rakyat.

Fenomena perpecahan dalam parti politik adalah merupakan fenomena yang selalu didengar di negara-negara yang mengamalkan pemerintahan bercorak demokrasi. Di Malaysia perpecahan berlaku dalam setiap parti politik dan bukan parti UMNO sahaja. Parti PAS juga tidak ketinggalan dari menerima perpecahan. Sejarah perpecahan PAS bermula di awal penubuhannya lagi, iaitu, pada tahun 1957 apabila Haji Ahmad Fuad telah meletak jawatan sebagai Presiden parti kerana tidak bersetuju dengan kongres parti itu menyertai

⁸ Kemunculan parti keADILan akan diuraikan dalam Bab Empat

‘National Convention’ yang dianjurkan oleh UMNO-MCA. Krisis dalam PAS juga wujud di antara pemimpin di peringkat nasional dengan pemimpin di peringkat negeri, contohnya pada tahun 1959 satu krisis telah meledak di Terengganu. Pemimpin PAS Terengganu, Ahmad Azam Napiah, telah bertindak meletak jawatan apabila pemimpin PAS kebangsaan enggan menyerahkan kuasa parti itu kepada beliau. Perletakan jawatan ini diikuti dengan tindakan keluar ahli-ahli dari PAS beramai-ramai. Akibatnya pada tahun 1961, negeri Terengganu telah jatuh ke tangan UMNO sebelum pilihanraya umum ketiga diadakan. Seterusnya perpecahan PAS merebak ke negeri Kelantan pada tahun 1975 apabila Datuk Mohamad Nasir dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan. Beliau keluar PAS dan bertindak atas tiket Parti Berjasa yang merupakan parti serpihan PAS dan bergabung dengan Barisan Nasional. Selain perpecahan berlaku dalam UMNO dan PAS, parti-parti politik lain juga tidak dapat dinafikan telah menghadapinya seperti parti KeADILan, MCA, MIC dan lain-lain parti politik.

Namun begitu untuk tujuan kajian ini, memadai di tumpukan kepada parti UMNO. Untuk menilai sejauhmanakah perpecahan yang berlaku itu menggugat dan mengancam survival parti politik itu adalah tidak diketahui dan sukar diramal dengan mata kasar. Tanpa satu kajian atau analisis yang menyeluruh untuk membuktikannya adalah tidak tepat jika kita mengatakan survival parti itu sudah terancam.

1.3 Penyataan Masalah

UMNO kini sudah menjangkau usia 60 tahun. Dalam usia sebegini, persoalannya, ialah, mampukah ia menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman dalam meneruskan agenda perjuangannya? Jika sebagai seorang manusia ia sudah memasuki usia menopaus bagi wanita, andropaus bagi laki-laki dan ia tidak segagah seperti semasa usia remajanya⁹. Selepas lebih setengah abad, sebagai sebuah parti yang berjuang membela agama Islam dan nasib bangsa Melayu, UMNO telah memainkan peranan penting dan mencatatkan pelbagai kejayaan dalam pembangunan negara. Adalah tidak sukar untuk menyenaraikan kejayaannya tetapi isu yang menjadi persoalannya sekarang ialah bagaimanakah masa depannya, kelangsungan survivalnya? Apakah UMNO akan terus bertahan untuk 50 tahun atau 100 tahun yang akan datang? Jika UMNO masih bertahan, ke arah manakah pula perjuangannya ?

Perbagai masalah dan cabaran dalaman mahupun luaran terpaksa dipikul oleh UMNO.¹⁰ Perpecahan dalam parti, berpuak-puak, perebutan kuasa, penyelewengan dan politik wang, masalah perpaduan dan perkauman, sikap negatif orang Melayu dan sikap parti pembangkang yang fanatic agama, kekolotan, anti pemodenan dan anti-barat terpaksa dihadapi oleh pucuk pimpinan UMNO. Mampukan UMNO bertarung menangani masalah ini terutamanya masalah yang berkaitan dengan politik wang dan rasuah yang telah menular dan

⁹ Ini adalah tanggapan umum berhubung dengan jangka hayat dan prestasi manusia di Malaysia secara keseluruhannya pada zaman sekarang. Pada hakikatnya manusia masih aktif dan mengecapi kejayaan yang cemerlang walaupun berada di peringkat umur lebih 50 tahun. Contohnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad masih utuh dan mantap di usia 81 tahun manakala Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pendana Menteri Malaysia masih memerintah negara dengan gagah pada usia 66 tahun.

¹⁰ Cabaran UMNO akan diterangkan secara terperinci dalam Bab Empat

menjadi penyakit serius daripada peringkat pangkat atasan sehingga golongan akar umbi di kampung-kampung?

Bukanlah satu perkara yang mudah untuk menyatupadukan orang Melayu, meningkatkan taraf hidup, pendidikan dan minda orang Melayu. Untuk mencapai semua ini UMNO terpaksa berhadapan dengan masalah perpecahan di kalangan orang Melayu sendiri, akibat kurangnya pendidikan dan minda orang Melayu yang negatif¹¹. Menurut Jaafar Abdul Rahim (1996) orang Melayu mempunyai minda yang negatif, iaitu, suka menyalahkan orang lain. Kelemahan diri mereka sendiri tidak dicari. Walaupun sudah 39 tahun sudah merdeka tetapi masih ramai orang Melayu bersifat lemah, negatif dan bermentaliti subsidi. Mereka juga mudah mengikut gelagat orang lain. Walaupun pemimpin kata yang salah, tetap dituruti tanpa banyak soal. Di samping itu Jaafar Abdul Rahim juga menegaskan bahawa sekarang orang Melayu menerima Islam dengan pandangan yang agak sempit. Fahaman mazhab di kalangan orang Melayu juga merupakan salah satu faktor yang menimbulkan perpecahan di kalangan mereka. Tambahan pula sesetengah ulamak berfikiran sempit. Mereka membaca ayat-ayat Al-Quran tanpa menghuraikan makna kepentingan ayat Al-Quran itu untuk kemajuan umat Islam¹².

Sokongan terhadap parti politik adalah tidak menentu selepas tahun 1998 terutamanya, di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Sabah. Negeri Kelantan dan Terengganu berjaya diperintah oleh PAS dalam pilihanraya tahun

¹¹ Permasalahan orang Melayu juga akan disentuh dalam Bab Empat

¹² Pendapat Jaafar Abdul Rahim ini tidak dipersetujui sepenuhnya oleh penulis walaupun pendapat tersebut berdasarkan kepada kajian-kajian yang disokong oleh fakta-fakta. Diharapkan pengkaji di hari muka akan membuat analisis dengan lebih terperinci lagi sebelum melabelkan bangsa Melayu dan sifat-sifat mereka. Penulis tidak ada ruangan lagi untuk membuat kajian mengenai label Melayu ini kerana tajuk tesis yang berlainan. Namun bagi tujuan tajuk yang dibincangkan, maka buku Jaafar Abdul Rahim dijadikan sebagai bahan rujukan.

1999, manakala di negeri Kedah PAS berjaya merampas 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 8 kerusi Parlimen. Sokongan terhadap parti politik tidak seperti pasaran saham. Dalam pasaran saham memang ada turun naik nilai saham, tetapi bagi sesuatu saham yang mempunyai aset yang kukuh atau keuntungan yang tinggi, ia adalah sukar digugat walaupun wujudnya khabar angin. Ini tidak sama dengan parti politik, walaupun ia berada di tahap yang kukuh tetapi ia tidak diberi jaminan selamat untuk tidak kalah dalam pilihanraya. Perubahan dalam pemilihan parti politik oleh pengundi boleh berubah, kadang kala ia berubah kerana adanya khabar-khabar angin atau berubah kerana percakapan pemimpin itu sendiri. Soal sokongan pengundi kepada parti politik adalah sesuatu yang sukar diduga. Ini kerana pengundi terbahagi kepada beberapa jenis, iaitu, pengundi yang kuat identifikasinya (berpegang teguh dan fanatik), sederhana, lemah dan di atas pagar (boleh berubah, mengikut keadaan semasa). Bagi pengundi yang kuat identifikasinya, khabar angin dan kempen tidak memberi kesan kepadanya tetapi bagi pengundi yang sederhana, lemah dan yang berada di atas pagar kempen dan khabar angin boleh menggugat sokongannya terhadap sesebuah parti itu. Oleh itu sokongan yang diterima oleh parti politik adalah sukar diramal. Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian Ahmad Fawzi Basri (1995) yang menyatakan bahawa ketiauan orang Melayu terhadap parti politik bukanlah “rigid”. Dengan erti kata lain ia adalah bergantung kepada faktor-faktornya.¹³

Apa yang menjadi tanda tanya ialah akan tamatkah riwayat pemerintahan Melayu yang menerajui perjuangan bangsa Melayu melalui UMNO dalam pemerintahan negara? Ini ekoran daripada ramalan pelbagai pihak yang

¹³ Kajian oleh Ahmad Fawzi Basri (1995) dan dapatannya akan dibincangkan dalam Bab Dua

mengatakan bahawa perjuangan politik Melayu, khasnya, UMNO akan berkubur setahun dua lagi dalam mengemudi pemerintahan negara. Apakah ini satu kenyataan atau sekadar ramalan ataupun hanya sebagai taktik politik sahaja?¹⁴

Apa yang pasti jika jatuhnya UMNO, akan tamatkah riwayat pemerintahan Melayu yang menerajui perjuangan bangsa Melayu turun-temurun dalam memperjuangkan dan menjaga hak keistimewaan orang Melayu? Perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union sehingga tertubuhnya UMNO menjadi titik tolak permulaan dalam perjuangan membela bangsa Melayu hingga ke hari ini (Lampiran 1.2: Detik-detik Bersejarah Dalam UMNO). Kejatuhan UMNO adalah dicurigakan akan menghasilkan kerajaan boneka yang diperintah oleh parti gabungan PAS, keADILan dan PRM yang tidak mempunyai apa-apa kuasa. Pemerintahan seperti ini akan hanya menurut kehendak gabungan parti-parti mereka demi menjamin keutuhan gabungan daripada berpecah dan dirampas oleh UMNO. Pemerintah seperti ini dipersoalkan akan kemampuan untuk memimpin dan memajukan rakyat dan negara, terutamanya, agenda Melayu.

Parti-parti pembangkang dewasa ini didapati sanggup bekerjasama untuk mencapai matlamat politiknya. Umpamanya dikatakan parti PAS dan keADILan sanggup mengekplotasi dan memutarbelitkan isu penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Pendana Menteri hinggakan rakyat terpedaya dan berlaku ketidakteraman dan keselamatan dalam negara. Menurut John Funstons (2000) pada pilihanraya 1999, PAS telah melupakan isu Islam dan sebaliknya menekankan isu Anwar Ibrahim dalam kempen pilihanrayanya.

¹⁴ Kenyataan ini dibuat oleh parti-parti pembangkang sebelum pilihanraya 2004

Sementara itu pula, parti PAS yang selama ini melaungkan slogan “Sebuah Parti Islam” sanggup bersekongkol dan menerima parti bukan Islam Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang selama ini dianggap musuh ketatnya semata-mata untuk melihat kekalahan UMNO pada pilihanraya 1999¹⁵. Dalam pilihanraya kecil DUN Indera Kayangan, Perlis, pada 2002 yang lalu misalnya, PAS bertindak turun membantu calon keADILan yang bukan beragama Islam. Tidak hairanlah jika satu hari nanti PAS akan mengubah asas perjuangan mereka hanya semata-mata untuk memenangi pilihanraya. Datuk Nik Aziz pernah berkata bahawa Menteri Besar Kelantan boleh terdiri daripada orang bukan Melayu (Utusan Malaysia, 2001).

Dalam negara yang mengamalkan prinsip demokrasi, lazimnya bukanlah satu langkah yang bijak untuk menyelesaikan masalah politik dengan mensabotaj, menganjurkan reformasi jalanan ataupun membuat gerakan militan hingga menggugat keselamatan, ketemteraman dan pembangunan negara. Apa yang lebih penting, ialah, sama-sama menjaga dan mencari jalan bagaimana untuk mengekalkan kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang sedia ada kepada yang keadaan lebih baik.

Pada pendapat pengkaji, secara tidak langsung kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan mengambil pendapat masyarakat mengenai perkembangan politik masa kini. Selain itu masalah atau isu-isu yang timbul akan dikenalpasti dan juga bagaimana perlu isu itu ditangani. Antara masalah-masalah yang dikenalpasti itu ialah, seperti, perpecahan Melayu dalam UMNO, antara UMNO dengan lain-lain parti Barisan Nasional, perebutan kuasa dalam UMNO,

¹⁵ Kerjasama PAS-DAP dalam pilihanraya 1999 akan dibincangkan dalam Bab Empat

penyelewengan kuasa, rasuah, politik wang, penularan pengaruh PAS di negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan juga di negeri-negeri lain di Malaysia perlu diberi perhatian untuk diurus dan diatasi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji kelangsungan (survival) UMNO dalam pemerintahan negara. Kajian ini cuba mengenalpasti sokongan rakyat terhadap UMNO pada pilihan raya serta faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan rakyat. Dengan itu kajian ini akan menyingkap apakah peluang, kekuatan, ancaman dan kelemahan UMNO untuk meneruskan survival politik Melayu pada masa akan datang.

1.4.2 Objektif Khusus

Manakala objektif khusus kajian ini adalah pertamanya untuk menilai kejayaan dan sumbangannya UMNO dalam pembangunan negara. Kedua, ialah untuk mengkaji pandangan survival UMNO pada masa akan datang. Ketiga pula untuk meneliti cabaran-cabaran serta ancaman yang dihadapi oleh UMNO. Seterusnya untuk meninjau faktor-faktor kekuatan UMNO dalam menghadapi cabaran dan ancaman untuk mengekalkan

survivalnya. Manakala objektif terakhir ialah untuk meneliti tanggapan dan kesedaran rakyat terhadap politik, ekonomi dan pendidikan.

1.5 Hipotesis Kajian

Terdapat tujuh hipotesis penting yang dikemukakan dalam kajian ini dan ianya adalah seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat korelasi antara faktor kewibawaan calon dan pemimpin UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha1 : Terdapat korelasi antara faktor kewibawaan calon dan pemimpin UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho2 : Tidak terdapat korelasi antara faktor program parti dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha2 : Terdapat korelasi antara faktor program parti dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho3 : Tidak terdapat korelasi antara faktor imej dan ideologi UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha3 : Terdapat korelasi antara faktor imej dan ideologi UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho4 : Tidak terdapat korelasi antara faktor demokrasi dalam UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha4 : Terdapat korelasi antara faktor demokrasi dalam UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho5 : Tidak terdapat korelasi antara pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha5 : Terdapat korelasi antara pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho6 : Tidak terdapat korelasi antara faktor isu dan kempen dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha6 : Terdapat korelasi antara faktor isu dan kempen dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ho7 : Faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu tidak mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO

Ha7 : Faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO

Pengujian hipotesis ini akan dibincangkan di dalam Bab Empat, Hasil Kajian.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ianya memberi pelbagai maklumat dan pengetahuan umpamanya maklumat mengenai UMNO, sama ada dari segi perjuangan, perkembangannya, cabaran-cabaran dihadapi dan sebagainya. Maklumat ini secara tidak langsung memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada pembaca atau pengkaji.

Di samping itu kajian ini juga merupakan saluran utama untuk melihat dan mendapatkan maklumbalas dari masyarakat mengenai keadaan politik, ekonomi dan sosial masa kini. Antara maklumat yang boleh diperolehi seperti melihat tahap pembabitan masyarakat dalam politik, peranan kerajaan dalam membangunkan kawasan dan menyediakan infrastruktur kepada rakyat. Maklumat ini didapati berguna kerana ianya diperolehi terus dari masyarakat. Faedah daripada komen dan pandangan yang diberikan oleh mereka menjadi input yang berguna dan jika diambil kira ia akan membawa kebaikan kepada masyarakat dan kerajaan.

Akhir sekali kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan atau model untuk kajian-kajian yang akan datang. Pengkaji akan datang boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dalam menghasilkan kajian yang lebih baik. Segala kekuatan dalam kajian ini diambil sebagai contoh dan kelemahannya pula diperbaiki.

1.7 Skop kajian

Skop kajian ini didapati amat luas kerana ianya mencakupi bidang ekonomi, politik dan sosial. Namun begitu, penumpuan hanya akan diberikan kepada beberapa aspek yang penting sahaja. Umpamanya dalam aspek ekonomi penumpuan hanya akan diberikan kepada item-item yang berkenaan dengan taraf hidup rakyat, peluang pekerjaan dan pencapaian ekonomi kaum bumiputera. Dalam aspek ini tanggapan masyarakat terhadap kejayaan pemerintah, amnya, UMNO dalam menyediakan atau mewujudkan perkara tersebut dinilai. Kesedaran rakyat terutamanya kaum bumiputera dalam mengejar kepentingan ekonomi juga akan diambil kira.

Sementara itu dalam bidang politik pula, kajian ini akan memberi penekanan terhadap parti politik UMNO. Oleh kerana UMNO sendiri merupakan subjek yang luas maka kajian ini akan menumpukan dari aspek cabaran yang dialaminya di samping meninjau masa depannya. Selain melihat dari sudut parti politik, kajian ini juga akan mengambil sedikit pandangan masyarakat terhadap politik sama ada dari segi tanggapan dan kesedaran dalam berpolitik mahupun penglibatan masyarakat dalam politik.

Selain mengkaji dari sudut ekonomi dan politik, kajian ini turut menyentuh dibidang sosial. Dari sudut ini, penumpuan hanya akan diberikan kepada aspek pembangunan fizikal kawasan/tempat tinggal, pendidikan dan komunikasi. Manakala dalam aspek politik dan ekonomi, kajian ini menfokuskan tanggapan dan kesedaran masyarakat terhadap aspek sosial terutamanya aspek pendidikan.

Akhir sekali kajian ini hanya mengambil skop kajian UMNO di Perlis. Di Perlis pula skop kajian diperkecilkan lagi kepada kawasan Arau iaitu di DUN Tambun Tulang.

1.8 Batasan dan Kekangan Kajian

Beberapa batasan dan kekangan kajian dikenalpasti dalam kajian ini. Pertamanya, kajian ini menumpukan kepada persampelan dari negeri Perlis sahaja yang majoriti pengundi atau rakyatnya terdiri daripada orang Melayu. Justeru itu, penemuan dan penilaian yang diberi mungkin tidak melambangkan keseluruhan pengundi Melayu di Semenanjung Malaysia. Pada pendapat pengkaji, ini merupakan batasan atau kekangan dari kajian ini. Walau bagaimanapun pengkaji akur bahawa memang terdapat perbezaan penemuan atau tanggapan mengenai beberapa aspek politik di kalangan orang Melayu, bukan sahaja di antara orang Melayu Perlis dengan orang Melayu Johor atau Perak mahupun Wilayah Persekutuan, bahkan juga di antara orang Melayu Pantai Barat dengan orang Melayu Pantai Timur. Oleh hal yang demikian penemuan dari kajian ini sekurang-kurangnya dapat mengetahui tanggapan masyarakat Melayu dari negeri Perlis.

Batasan dankekangan kajian yang kedua adalah berhubung kait dengan tempoh masa kaji selidik dilakukan. Kaji selidik ini dilakukan pada awal tahun 2003 dan rintisan awal kajian dibuat pada tahun 1998. Pada tahun 2003, didapati suasana politik pada masa itu berada dalam keadaan tenang (tiada kempen politik kerana pilihanraya agak jauh). Justeru itu, pendapat dan pandangan yang diberikan oleh responden adalah berdasarkan kepada situasi semasa. Misalnya penilaian pendapat yang diberi sebelum pilihanraya berkemungkinan tidak sama dengan penilaian sebenar yang diberi pada masa pilihan raya berlangsung.

Batasan dan kekangan kajian yang ketiga adalah berkaitan dengan kebolehpercayaan maklumat semasa penyelidik mendapatkan data. Dalam mendapatkan maklumat dari responden terutama sekali dalam hal sokongan mereka terhadap parti politik, penyelidik menghadapi masalah kerana terdapat sesetengah responden tidak mahu memberi kerjasama atau menjawab secara telus. Ini berkemungkinan besar disebabkan responden mencurigai pihak penyelidik yang menganggap penyelidik sebagai orang kerajaan dan datang menyiasat. Dengan sebab itu mereka tidak mahu berterus terang mengenai pendirian mereka terutama sekali dalam hal sokongan terhadap parti politik.

Batasan dan kekangan kajian yang keempat ialah pemilihan responden terpaksa dibuat secara persampelan. Ini kerana populasi kajian ini adalah besar iaitu 36,619 orang. Cara pemilihan responden adalah dibuat dengan menggunakan kaedah sampel Rawak Mudah atau “Simple Random Sampling” (Kerlinger, 1973) dan panduan bilangan sampel yang dicadangkan oleh Krejcic & Morgan, (1970).

Seterusnya batasan dankekangan kajian yang kelima ialah kajian ini hanya memberi tumpuan khusus kepada parti politik UMNO sahaja. Oleh itu maklumat mengenai parti lain adalah hanya sebagai satu kesinambungannya dari UMNO sahaja. Sementara itu pula maklumat mengenai UMNO bukanlah dihuraikan secara keseluruhannya. Perbincangan banyak ditumpukan dari aspek cabaran, kekuatan dan masa depannya.

1.9 Definisi Konsep

Sebelum membuat perbincangan yang lebih lanjut di bahagian seterusnya terlebih dahulu kajian ini memperihalkan beberapa penerangan konsep penting yang akan diketengahkan dalam kajian ini. Oleh kerana kajian ini lebih memberi tumpuan dalam bidang politik banyak definisi dan konsep politik diberi penekanan dalam kajian ini. Antara definisi dan konsep itu adalah seperti politik dan parti politik, survival, cabaran dan kekuatan politik UMNO. Tujuan penghuraian konsep-konsep ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman yang menyeluruh kepada pengkaji kajian ini.

1.9.1 Politik

K. Ramanathan (2000) mendefinisikan politik sebagai satu proses yang melambangkan gelagat manusia yang mengandungi konflik di antara kebaikan di sebelah pihak dan kehendak-kehendak kumpulan di pihak lain yang diperlakukan atau diselesaikan serta kerap kali membabitkan penggunaan atau perebutan kuasa.

Almond G. A., Powel. G. B., Stroom. J. K., Dalton. R. J., (2000) pula mendefinisikan politik sebagai satu tindakan yang dihasilkan akibat dari campuran pelbagai sentimen dan sentiasa berubah mengikut masa dan peristiwa. Politik mempunyai pelbagai rupa dan berkuasa untuk menentukan baik atau buruk. Teras kepada politik bagaimanapun bergantung kepada manusia membuat keputusan yang penting untuk dirinya sendiri dan orang lain.

Sementara itu, Ahmad Atory (2000) mengulas politik secara umum ialah yang berhubung dengan pemerintahan, atau cara-cara memperolehi kuasa di dalam semua organisasi manusia yang formal atau tidak formal seperti di dalam sebuah masyarakat kampung, desa, negeri, negara atau antarabangsa.

Seterusnya Syed Ahmad Hussein (1994) menghuraikan perkataan “politik” berasal daripada istilah Yunani “polis” yang bermakna “negara bandar”. Dilihat dari satu segi, politik sememangnya boleh merangkumi kesemua aktiviti manusia. Apabila politik dilihat sebagai proses manusia berhubung sesama mereka atau malah sebagai perhubungan manusia yang melibatkan kuasa, semua individu dalam masyarakat akan bersifat “politikal”. Apabila seseorang itu mengundi, menunjuk perasaan, menandatangani surat rayuan, membayar cukai (atau mengingkarinya), menghantar anak ke sekolah dan sebagainya dia menjadi sebahagian dari proses politik dalam ertikata ini. Dalam kehidupan harian pun sering didengar ungkapan-ungkapan seperti “politik pejabat” dan “politik rumahtangga”.

1.9.2 Parti Politik

K. Ramanathan (2000) mendefinisikan parti politik sebagai kumpulan dalam negeri yang ahli-ahlinya bergabung untuk menguasai teraju pemerintahan dan memerintah sesebuah negara. Definisi parti politik berdasarkan pada tujuh perkara iaitu; Aktor atau pemimpin parti; tindakan atau aktiviti dalam parti; tujuan penubuhan parti; lapangan; menyenaraikan fungsi-fungsi eksekutif; meringkaskan struktur-strukturnya; dan kegiatan yang dimainkan oleh parti.

Sementara itu Ahmad Atory (2000) parti politik pula beliau menegaskan bahawa parti politik adalah organisasi yang bergerak untuk mencari pengaruh untuk mendapatkan kuasa politik di kalangan masyarakat. Matlamat parti politik ialah mendapat kuasa yang membezakan dengan organisasi-organisasi yang lain dalam masyarakat. Parti politik lazimnya berperanan sebagai satu mekanisma pengurusan konflik, juga sebagai alat mendengar suara-suara dari masyarakat, juga berperanan sebagai organisasi yang mengeluarkan pemimpin, mengharmonikan kepentingan serta bertindak sebagai pengantara atau membangunkan masyarakat ke arah berwawasan atau ke arah kemusnahan.

Syed Ahmad Hussein berkata perkataan parti berasal dari perkataan Latin iaitu “Pars” yang bererti “bahagian” (part). Pada mulanya di abad ke 19, bila orang menyebut parti, ia selalunya dikaitkan dengan ideologinya lebih daripada orang-orang di dalamnya. Perspektif ini berterusan sehingga ke hari ini. Ini tidaklah memerlukan kerana kebanyakan

nama-nama parti politik itu sendiri pun mengambarkan ideologinya seperti Parti Demokrat, Parti Komunis, Parti Liberal dan sebagainya. Dengan Marx dan Lenin, penekanan mula diberi kepada landasan-landasan sosial dalam melihat parti politik. Marx dan Lenin melihat parti politik sebagai gambaran kelas-kelas sosial dalam kehidupan politik masyarakat. Parti politik telah diberikan definisi yang pelbagai, daripada yang berbentuk moral dan idealistik sehingga yang berbentuk material dan instrumentalis semata-mata.

1.9.3 Survival atau Kelangsungan

Kajian ini cuba meneliti survival politik UMNO pada masa akan datang dalam pemerintahan negara. Menurut Ahmad Atory Hussain (2005) survival adalah kelangsungan atau “proses untuk terus hidup” bagi sesebuah organisasi atau parti politik. Survival politik UMNO adalah didasarkan oleh kekuatan-kekuatan UMNO dalam menghadapi cabaran yang ditempuh di samping sokongan rakyat yang diberikan kepadanya dan diundi pada hari pilihanraya.

Menurut Mohd. Izani Mohd Zain (2000), masa depan atau survival adalah berkaitan dengan apa yang akan terjadi pada suatu hari nanti. Perbincangan itu sudah pasti akan menyentuh beberapa ramalan yang boleh diandaikan berlaku berdasarkan realiti yang berlaku sekarang. Kebiasaan ramalan tersebut mempunyai keberangkalian sama ada boleh berlaku atau sebaliknya.

1.9.4 Cabaran

Bila mengkaji survival secara tidak langsung ia akan menyentuh aspek cabaran. Oleh itu kajian ini cuba memaparkan cabaran-cabaran yang telah dialami oleh UMNO sejak penubuhannya hingga ke hari ini yang mana cabaran-cabaran itu sedikit sebanyak telah menggugat survival UMNO. Antara cabaran dalaman yang pernah ditempuhi oleh UMNO seperti pembelotan pemimpin, keretakan dan perpecahan dalam ahli dan pemimpin UMNO, perpecahan dalam parti, skandal pemimpin, dan masalah politik wang. Antara cabaran luaran parti pula berkaitan dengan pengaruh parti pembangkang, perkembangan globalisasi dan ICT, pengaruh persekitaran contohnya krisis ekonomi serantau.

Ahmad Fawzi (1995) berkata cabaran pertama UMNO berlaku apabila Parti Kebangsaan Melayu (PKMM) bertindak keluar dari UMNO (1946) atas sebab kelainan ideologi dan simbol serta kaedah perjuangan. Krisis besar UMNO juga berlaku apabila Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan Yang Dipertuan Agong UMNO dan seterusnya bertindak keluar dari UMNO ekoran cadangan beliau untuk membuka ahli UMNO kepada orang bukan Melayu ditolak.

Bagi meneliti cabaran-cabaran ini satu penelitian akan dibuat berdasarkan kepada kesemua cabaran-cabaran yang dianggap menggugat survival UMNO dan telah dilalui oleh parti sebelum ini dan cabaran yang akan datang. Selain penelitian ke atas kes-kes yang berlaku, pandangan masyarakat masa kini ke atas cabaran-cabaran juga akan diteliti. Selain

dari itu, untuk menguatkan lagi kajian ini, teori-teori politik dan pandangan ahli politik dan akademik yang berkaitan dengan cabaran dalam politik akan dikemukakan bagi menyokong ulasan-ulasan yang dibuat.

1.9.5 Kekuatan

Seterusnya apabila melihat dari aspek cabaran kajian ini juga tidak dapat lari dari melihat faktor kekuatan UMNO dalam menghadapi cabaran tersebut untuk menjamin survivalnya.

Huckshorn, R. J., Gibson. J. L., Cotter. C. P & Bobby. J. F (1986) dan Coleman. J. J., (1996) menegaskan kekuatan parti adalah dirujuk sebagai dapat bertahan beroperasi sebagai sebuah parti pemerintah dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan matlamat pemilih. Di samping itu kekuatan parti pula adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti organisasi yang lengkap dan kapasiti program. Organisasi yang lengkap memerlukan ibu pejabat parti, sumber seperti belanjawan/kewangan dan kakitangan untuk beroperasi.

Antara faktor kekuatan UMNO yang akan disentuh adalah berkenaan dengan kepimpinan, ideologi, imej, kedudukan parti dan sejarah perjuangan parti.

1.10 Ringkasan Bab Seterusnya

Dalam kajian ini terdapat lima bab kesemuanya. Bab satu ialah pengenalan yang mana ia meliputi pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, skop dan batasan kajian serta definisi konsep. Manakala bab dua membincangkan ulasan karya yang meliputi kajian lepas dan ulasan-ulasan di samping menekankan pula penentu-penentu sokongan terhadap parti politik. Bab tiga pula membincangkan tentang metodologi kajian dan analisa data yang meliputi rekabentuk kajian, populasi dan pemilihan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, instrument kajian yang digunakan, skala, kod dan kaedah pemarkatan instrument dan kebolehpercayaan instrument kajian serta keputusan ujian rintis.

Hasil kajian dipaparkan di dalam bab empat yang membincangkan mengenai krisis-krisis yang melanda UMNO tetapi parti itu tetap utuh. Krisis-krisis itu merangkumi cabaran-cabaran UMNO, sejarah, kepimpinan politik, ekonomi dan sosial pada masa itu. Cabaran UMNO ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu dari tahun 1946-1989 dan dari tahun 1990-2000. Antara cabaran-cabaran UMNO dari tahun 1946-1989 ialah penentangan terhadap gagasan Malayan Union, menyaingi kebangkitan parti pesaing, masalah-masalah perpaduan kaum dan pembangunan ekonomi negara serta menaikkan taraf hidup orang Melayu. Sementara cabaran-cabaran selepas tahun 1990 pula seperti isu kegawatan ekonomi, Anwar Ibrahim, globalisasi dan sebagainya.

Seterusnya pula diutarakan asas-asas kekuatan UMNO dan sumbangannya kepada masyarakat. Analisis keputusan kajian yang melihat sokongan pengundi

terhadap UMNO juga dimasukkan dalam bab ini. Adalah diharapkan kajian kes di DUN Tambun Tulang, Perlis dapat disejajarkan dengan keadaan yang berlaku di seluruh negara atau dapat di “*postulate*” dengan sesetengah negeri di Malaysia. Akhir sekali bab lima ialah perbincangan, ringkasan dan cadangan.

BAB DUA

ULASAN KARYA: SOKONGAN PENGUNDIAN

2.1 Pengenalan

Terdapat banyak kajian yang dilakukan untuk melihat gelagat masyarakat atau pengundi dalam memberi sokongan terhadap parti politik dan pemerintah dalam sesebuah negara. Di samping melihat gelagat masyarakat dalam memberi sokongan terhadap parti politik, kajian yang dijalankan juga ada menyentuh tentang peranan parti politik dalam pemerintahan dan pembangunan negara. Usaha-usaha yang dijalankan oleh sesebuah parti politik adalah untuk mengekalkan atau mempertahankan survival parti politik itu dalam pemerintahan di sesebuah negara. Bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas mengenai faktor sokongan terhadap parti politik, gelagat pengundian terhadap parti politik, isu perpecahan dalam UMNO dan faktor sokongan terhadap UMNO.

2.2 Faktor Sokongan Terhadap Parti Politik

Terdapat banyak kajian yang dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan terhadap parti-parti politik. Antara faktor-faktor dan kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lepas adalah seperti berikut:

2.2.1 Faktor Peranan Kempen dan Komunikasi Dalam Pilihanraya

Plasser (2001) membuat kajian mengenai pentingnya peranan kempen yang dimainkan oleh organisasi parti dalam membantu calon meraih sokongan pengundi dalam satu-satu pilihanraya. Dapatan kajian ini

merumuskan bahawa penolakkan sesebuah parti oleh pengundi bukan akibat daripada wujudnya persaingan semata-mata tetapi mempunyai hubung kait dengan peranan kempen yang dimainkan oleh organisasi parti politik itu sendiri semasa pemilihan. Di samping pentingnya peranan kempen, kejayaan sesebuah parti juga bergantung kepada kapasiti atau keupayaan program organisasi parti untuk berkomunikasi dengan pengundi. Keputusan kajian Plasser juga mendapati beberapa aspek penting untuk memastikan kejayaan sesebuah parti itu dalam satu-satu pemilihan, umpamanya peranan golongan elit parti dalam mengambil berat terhadap alat penyebaran yang digunakan untuk berkempen seperti televisyen, operasi melalui surat secara langsung, perancangan aktiviti kempen melalui media, rekabentuk dan peranan yang dimainkan oleh perunding professional parti serta pakar hubungan awam.

Tan & Ho (2000) membuat kajian mengenai gelagat pengundi, berbeza dengan kajian Plasser yang memberi tumpuan kepada peranan kempen dalam pilihanraya. Kajian ini dibuat untuk melihat kesan pengundi bebas yang wujud dalam sistem parti politik di Taiwan dan Korea. Seterusnya melihat implikasi pengundi bebas dalam pengukuhan demokrasi, khususnya, minat atau sokongan yang sentiasa berubah dalam pilihanraya di Taiwan dan Korea. Model logit yang dibentuk oleh Tan & Ho adalah seperti berikut:

$$\text{Sokongan pengundi} = a + b_1x_1 + b_2x_2 + b_3x_3 + b_4x_4 + b_5x_5 + b_6x_6 + b_7x_7 + e$$

(a = pemalar, x₁=umur, x₂=pendidikan, x₃=pendapatan, x₄=agama, x₅=penilaian terhadap kerajaan, x₆= minat terhadap politik, x₇= isu yang dibawa, e = faktor-faktor lain)

Dengan menggunakan analisis komperatif perbandingan terhadap gelagat pengundi bebas di dua buah negara ini, kajian Tan & Ho membincangkan implikasi pembangunan politik dan arahnya pada masa hadapan. Kajian ini juga cuba dikembangkan kepada dua arah, iaitu, yang pertama, memberi fokus kepada kumpulan baru pengundi bebas, dan keduanya, mengenengahkan demokrasi Asia, iaitu, pilihanraya Presiden di Taiwan dan Korea. Analisis seterusnya menentukan profil pengundi bebas di Taiwan dan Korea dalam pembangunan sistem parti, khususnya, mengenalpasti siapakah pengundi bebas, bagaimana pengundi bebas berbeza antara Taiwan dan Korea dan bagaimana pengundi bebas memberi kesan kepada politik di Taiwan dan Korea. Antara dapatan penting dan diketengahkan dalam kajian Tan & Ho menunjukkan bahawa pengundi Asia adalah berbeza daripada pengundi Amerika Syarikat kerana mereka terdiri daripada golongan muda, berpelajaran (di Korea), dan sangat berminat dengan politik. Jumlah pengundi bebas di Taiwan dan Korea adalah besar dan ini bermakna politik di dua buah negara ini secara relatifnya berubah mengikut keadaan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesetiaan terhadap parti bagi kedua buah negara adalah lemah, walau bagaimanapun pengundi di Korea adalah lebih tidak dapat dijangkakan berbanding Taiwan. **Bagi parti politik yang menghadapi keadaan pengundi yang sentiasa berubah-rubah maka kempen memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pendirian pengundi.** Dapatan ini selari dengan dapatan Plasser (2001) yang menyatakan pentingnya peranan kempen dalam pilihanraya. Menurut kajian Tan & Ho ini lagi, di Taiwan dan Korea, pilihanraya secara demokrasi adalah merupakan perkara baru. Oleh itu pengundi-pengundi

Seterusnya kajian ini menyatakan terdapat korelasi di antara pola pengundian dengan tahap pendapatan. Golongan yang berpendapatan RM500 dan ke atas cenderung menyokong MCA sementara golongan berpendapatan di bawah RM500 adalah cenderung menyokong DAP.

2.3.5 Kejayaan Barisan Nasional

Wee Fook Sang (1988) pula membuat kajian berbeza skopnya dengan lain-lain kajian yang menilai sejauhmanakah Barisan Nasional telah berjaya mewujudkan perpaduan nasional di kalangan rakyat? Penilaian ini dibuat dengan mengkaji peranan UMNO, MCA Dan MIC (1974-1987). Antara dapatan yang diketengahkan Wee Fook Seng ialah tentang hubungkait antara kejayaan dan kegagalan Barisan Nasional. **Kejayaan Barisan Nasional adalah dari segi ekonomi, kestabilan politik negara, dasar-dasar untuk membaiki taraf hidup rakyat serta memupuk persefahaman antara kaum.** Sementara itu pula kegagalannya pula ekoran dari masalah dasar-dasar Barisan Nasional yang sesetengahnya telah mewujudkan masalah perkauman dan parti berasaskan perkauman masih kuat.

Kajian Wee Fook Sang ini merumuskan beberapa langkah perlu diambil, umpamanya mewujudkan kepentingan nasional dengan mengasaskan satu parti di mana semua parti komponen Barisan Nasional bergabung dan mewakili semua kaum dan segala dasar yang dibuat, tidak lagi boleh dikhaskan kepada satu-satu etnik sahaja. Untuk tujuan ke arah perpaduan nasional pula kerajaan Barisan Nasional mempunyai kelemahan, oleh itu

bebas di negara tersebut amat berminat dan mengambil bahagian secara aktif dalam pilihanraya yang dijalankan. **Disebabkan jumlah dan kumpulan pengundi-pengundi bebas yang aktif adalah besar, maka pilihanraya adalah lebih berkesan dalam faktor jangka masa pendek dan secara umumnya keputusan pilihanraya tidak tetap, akan berubah pada pilihanraya akan datang.**

2.2.2 Kekuatan Parti dan Sokongan

Coleman (1996) pula mengkaji mengenai hubungan di antara kekuatan parti dengan kekuatan sokongan masyarakat terhadap parti. Kajian ini memperlihatkan persamaan dengan kajian Tan & Ho yang mengemukakan persamaan logit atau *regression* dalam menerangkan angkubah kajianya. Model yang dibentuk adalah seperti berikut;


$$\text{Sokongan Terhadap Parti} = \text{Pemalar} + \text{Pendidikan} + \text{Ideologi} + \text{Pendapatan} + \text{Jantina} + \text{Minoriti} + \text{Kekuatan Identifikasi Parti} + \text{Kemajuan Parti} + \text{Kekuatan Parti}$$

Antara keputusan penting kajian ini menunjukkan bahawa organisasi parti yang kuat dapat memberi sumbangan kepada rakyat dan seterusnya dapat menarik sokongan rakyat kepada parti. Oleh itu kekuatan bukan terletak kepada parti semata-mata tetapi juga kepada sumbangan parti pada masyarakat dan pembangunan negara. Kekuatan parti secara keseluruhannya ada kaitan dengan sokongan rakyat kepada parti yang meliputi kesetiaan dan ketaatan kepada parti. Oleh itu, jurang kekuatan di antara dua organisasi parti mempunyai kaitan dengan jangkaan sokongan rakyat dan ukuran alternatif kepada perlaksanaan parti serta kejayaan parti dalam mentadbir sesebuah negara atau negeri.

Menurut Coleman sokongan atau kesetiaan rakyat terhadap parti boleh berubah, oleh itu interaksi parti dengan rakyat dijangka dapat mengubah pendirian, kesetiaan dan sokongan rakyat kepada satu parti. Interaksi antara parti dengan rakyat bukanlah sesuatu yang mudah. Contohnya dapat dilihat, interaksi antara ahli-ahli biasa, ahli yang berjawatan dan organisasi parti dapat memberi kesan kepada sikap rakyat. **Kadang kala pengundi lebih menyukai sesebuah parti berbanding calon yang bertanding.** Kenyataan ini disokong oleh Gerber dan Jackson (1993). Mereka menyatakan bahawa aktiviti parti akan berupaya mengubah keutamaan polisi akibat daripada sokongan rakyat/pengundi. Oleh itu, parti akan membentuk keutamaan atau persepsi pengundi secara langsung. Kajian Coleman ini merumuskan bahawa organisasi parti yang kuat dapat mengurangkan persepsi negatif terhadap parti, manakala parti yang kuat pula dapat membina sikap rakyat ke arah memberi sokongan kepada parti, khususnya bila wujud perbandingan antara dua parti yang mana lebih kuat. Di samping itu kawalan oleh sesebuah parti dapat mempengaruhi pengundi secara umum manakala kekuatan dan persaingan antara parti dilihat dapat menyumbangkan kepada sokongan pengundi secara umum kerana pengundi dapat membuat pilihan.

Huckshorn, Gibson, Cotter & Bobby (1986) membuat kajian yang hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh Coleman dan Jackson, iaitu mengenai kekuatan sesebuah organisasi parti. Walau bagaimanapun kajian Huckshorn lebih menekankan kepada kekuatan parti sebagai kesan dari penyatuan parti nasional/kebangsaan dan negeri khususnya dalam menentukan organisasi parti kebangsaan. Manakala kajian Coleman pula

menekankan kekuatan parti didasarkan oleh sokongan rakyat. Kajian ini mengemukakan hipotesis, iaitu, kekuatan parti negeri menyumbang kepada tahap penyatuan parti negeri dengan parti kebangsaan. Hipotesis ini menggambarkan dua andaian, iaitu, pertama **organisasi parti negeri bertanggungjawab kepada kepimpinan parti kebangsaan** dan kedua **adalah sukar bagi organisasi parti untuk memperolehi kekuatan jika tiada sumber**. Kajian ini merumuskan mengenai kekuatan organisasi parti berdasarkan rangka kerja seperti dalam Rajah i.



Rajah i

Hubungan antara petunjuk dan faktor kekuatan parti organisasi

Sumber: Disesuaikan dengan pandangan Huckshorn., et.al.(1986:976).

Antara dapatan penting kajian Huckshorn et. al. menunjukkan bahawa penyatuan parti diperingkat negeri dan pusat merupakan sumbangan yang penting dalam menguatkan organisasi parti negeri. Organisasi parti negeri berfungsi kepada organisasi parti kebangsaan dalam membuat tindakan dan usaha untuk menguatkan parti. Kajian ini mendapati penyatuan melibatkan dua corak interaksi antara kebangsaan dan organisasi parti negeri. Penyatuan disifatkan saling bergantungan pada setiap tahap sama ada dengan orang bawahan ataupun atasan. Secara konsepnya, penyatuan mesti dilihat dari segi hubungan keterlibatan parti negeri dalam parti kebangsaan dan keterlibatan parti kebangsaan dalam parti negeri. Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan Republik adalah lebih aktif daripada Demokrat dalam mendapat sokongan daripada parti negeri.

Seterusnya kajian Huckshorn et. al. merumuskan bahawa **kekuatan sesebuah organisasi parti negeri boleh ditunjukkan melalui konsep “kekuatan organisasi parti”**. Kekuatan parti adalah dirujuk sebagai dapat bertahan untuk terus beroperasi sebagai sebuah parti pemerintah dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan matlamat pemilih. Di samping itu kekuatan parti pula adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti organisasi yang lengkap dan kapasiti program. **Kajian ini menunjukkan bahawa organisasi yang lengkap memerlukan ibu pejabat parti, sumber seperti belanjawan/kewangan dan kakitangan untuk beroperasi.** Membangunkan kapasiti program juga penting bagi parti untuk membina kawasan pengundian yang di kuasai, mencipta sokongan dan menentang

kuasa perpecahan seperti perkauman. Secara umumnya penyatuan parti negeri dan kebangsaan menjadikan sesuatu parti itu lebih kuat. Penyatuan menjadikan sumber parti akan bertambah dan organisasi parti dapat di selenggarakan dengan lebih baik.

2.2.3 Pengaruh Ekonomi Ke atas Pengundi

Berbeza dengan kajian oleh Plasser yang mengukur peranan kempen sebagai asas meraih sokongan pengundi, kajian Monroe & Erickson (1986) pula mengenai kepentingan ekonomi dalam menentukan sokongan terhadap parti politik di Kanada. Dalam menentukan sokongan terhadap politik, kesan ekonomi diambil kira. Tiga faktor pandangan pengundi yang berkaitan tentang isu ekonomi ini ialah, **pertamanya, pengundi percaya bahawa kerajaan mengawal keadaan ekonomi, kedua, pandangan pengundi terhadap tanggungjawab kerajaan ke atas ekonomi domestik adalah baik, dan ketiga, pengundi percaya bahawa ada kaitan di antara perbezaan parti (setiap parti mempunyai matlamat ekonomi yang berbeza) ke atas keutamaan ekonomi dan keupayaan mengurus.**

Daripada hasil kajian yang lalu, Monroe & Erickson telah menyenaraikan tiga kemungkinan dapatan kajian. Pertama, pengundi yang percaya bahawa semua parti adalah sama dalam menentukan keutamaan polisi ekonomi akan memilih sesebuah parti berdasarkan faktor-faktor bukan ekonomi contohnya polisi luar yang dijalankan oleh parti tersebut. Di sini dapat dilihat bahawa ekonomi merupakan faktor yang kurang penting

dalam memberi sokongan kepada parti. Kedua, masyarakat awam percaya keadaan ekonomi domestik adalah hasil daripada polisi di mana samada parti itu berupaya dan boleh melakukan yang terbaik. Maka pilihan pengundi akan menentukan sama ada polisi ekonomi yang sedia ada dapat diteruskan atau tidak. Di bawah senario ini, pengaruh ekonomi dapat menentukan sokongan pengundi. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian yang lalu, iaitu, inflasi dan pengangguran dikatakan mempunyai hubungan yang negatif dengan populariti kerajaan. Sebaliknya pendapatan mempunyai hubungan yang positif dengan populariti kerajaan. Ketiga, setiap parti mempunyai polisi yang tersendiri tentang ekonomi. Oleh itu, situasi ekonomi ini lebih realistik dalam mempengaruhi gelagat pengundi. **Kebanyakan para ilmuan dan ahli politik percaya sokongan terhadap parti akan sentiasa berubah bergantung kepada keadaan ekonomi** (Cf. Mueller, 1973; Mackie, 1973). Walau bagaimanapun, daripada hasil kajian yang dibuat oleh Monroe & Erickson tiada bukti menunjukkan keadaan ekonomi memberi kesan kepada sokongan politik malahan sebaliknya pembolehubah politik sahaja yang relevan dengan sokongan terhadap politik. **Maka terbuktilah bahawa di Kanada, pembolehubah ekonomi tidak signifikan dengan sokongan masyarakat terhadap politik.**

2.2.4 Pengaruh Agama dan Ideologi Ke atas Pengundi

Lancaster & Lewis-Beck (1986) membuat kajian yang hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh Tan & Ho iaitu mengenai gelagat pengundi. Kajian Lancaster & Lewis-Beck mengkaji tentang gelagat

pengundi di Sepanyol. Kajian ini juga cuba membuat perbandingan antara gelagat pengundi di Sepanyol dengan pengundi di negara lain seperti Itali, Perancis, Britain dan Jerman. Konsep persamaan kajian ini di bentuk seperti berikut:

$$\text{Pengundi} = f [\text{jurang sosial, (kelas, agama, pekerjaan), ideologi dan ekonomi (penganguran, inflasi, pendapatan)}].$$

Dapatan kajian Lancaster & Lewis-Beck ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan untuk memilih parti berdasarkan perbezaan agama, walaupun ianya bukanlah satu faktor yang kuat terhadap faktor pemilihan parti. Sementara itu faktor ideologi merupakan faktor yang utama yang mempengaruhi pengundi dalam membuat keputusan untuk memilih parti. Selain itu dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor ekonomi, iaitu, pendapatan isi rumah memberi sedikit faktor kecenderungan pengundi untuk memilih satu-satu parti.

Kajian ini merumuskan faktor yang penting bagi pengundi dimulai dengan ideologi, ekonomi dan jurang sosial. Penglibatan orang Sepanyol dalam politik adalah rendah. Ini kerana demokrasi di Sepanyol merupakan satu perkara yang baru hasil daripada pertukaran sistem sosialis kepada demokrasi. Jika dibandingkan tahap minat pengundi Sepanyol dengan lain-lain negara seperti Itali, Perancis, Britain dan Jerman, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pembabitan mereka adalah paling rendah. Ini berikutnya dapatan kajian ke atas satu soalan yang dikemukakan: "Bila anda bersama rakan, kekerapan anda berbincang mengenai politik, selalu, dari masa ke semasa, tidak pernah?". Jawapannya adalah seperti berikut; Sepanyol: selalu

(12.0%), masa ke semasa (32.8%), tak pernah (51.9%) dan tidak tahu (3.3%). Itali: selalu (13.1%), masa ke semasa (44.5%), tak pernah (41.5%) dan tidak tahu (1.0%). Perancis: selalu (18.8%), masa ke semasa (42.48%), tak pernah (37.6%) dan tidak tahu (1.1%). Britain: selalu (13.7%), masa ke semasa (51.9%), tak pernah (33.5%) dan tidak tahu (0.9%). Jerman: selalu (17.3%), masa ke semasa (64.9%), tak pernah (13.5%) dan tidak tahu (4.3%).

2.2.5 Pengaruh Undang-undang Ke atas Politik

Mishler & Hildreth (1984) pula mengkaji tentang peranan undang-undang dalam memastikan kestabilan politik. Model untuk mengukur kestabilan politik di kemukakan seperti berikut;

$$\text{Kestabilan politik} = f(\text{proses dan struktur pembuat undang-undang, kestabilan politik masa lepas}).$$

Kajian ini cuba untuk melihat adakah wujud hubungan timbal balik di antara kestabilan politik dan pembuat undang-undang. Jenis kerajaan yang dilihat adalah kerajaan demokrasi dan komunis. Tiga hipotesis telah dikemukakan. Pertama, kestabilan politik berubah secara langsung dengan pembuat undang-undang. Kedua, kestabilan juga berfungsi kepada kekayaan ekonomi, kepelbagaian sosial dan jenis regim. Ketiga, pembuat undang-undang memberi sumbangan yang besar terhadap kestabilan politik terutama bagi sistem politik demokrasi berbanding sosialis. Antara dapatan penting kajian menunjukkan bahawa sistem berasaskan regim bertanggungjawab dalam membuat undang-undang tetapi walau bagaimana kerajaan berbentuk regim ini adalah kurang

stabil. Ini kerana pembuat undang-undang berkongsi kuasa dengan kuasa politik.

2.3 Gelagat Pengundian Terhadap Parti Politik

Seterusnya terdapat juga pengkaji yang mengkaji gelagat pengundian terhadap parti politik. Gelagat dan pengkajian itu dihuraikan seperti berikut:

2.3.1 Kesan Globalisasi Ke atas Budaya dan Amalan Politik

Sobri Sudin, Hafidz Hussein, & Muhamad Fuad Othman (1999) pula mengkaji mengenai kesan proses globalisasi ke atas budaya dan amalan politik di Malaysia. Kajian ini merumuskan beberapa penemuan penting. Antaranya dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan proses globalisasi dalam konteks di Malaysia amat jelas berlaku. Ini kerana perkembangannya adalah merupakan fenomena lazim yang berkait rapat dengan *nature* sistem antarabangsa itu sendiri yang memastikan setiap negara harus berhubung dalam bentuk *diplomatic relations* bagi memenuhi faedah ekonomi, politik, sosial dan keselamatan. Namun begitu kesan dalam mengubah budaya dan amalan politik di Malaysia adalah sesuatu yang masih kabur dan masih boleh didebatkan. Akan tetapi kesan atau pengaruh ke atas aspek lain misalnya ekonomi amat ketara, buktinya melalui kejatuhan nilai ringgit, harga saham yang bermula pada bulan Julai tahun 1997. Merujuk kepada aspek politik dan kaitannya dengan kesan atau proses globalisasi, kajian Sobri Sudin ini merumuskan bahawa walaupun ada kesannya tetapi dalam bentuk yang

minima. Seterusnya kajian ini menekankan bahawa kebanyakan perubahan yang didatangkan ke atas budaya dan amalan politik di Malaysia adalah berpunca hasil daripada kepekaan masyarakat ke atas isu-isu bercorak setempat dan bukannya didorong akibat proses atau pengaruh dari luar. Jika wujudpun, seringkali pengaruh luar itu akan bertindak sebagai asas percampuran dengan suasana setempat yang akan memperkuuhkan lagi *sensitiviti* dan kehendak yang diinginkan itu. Walau bagaimanapun didapati fenomena **globalisasi dalam bentuk perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat telah membentuk satu pemikiran, sikap dan tindakan hala baru ke atas generasi internet ini sehingga internet itu dianggap sebagai opinion leaders** (pemimpin pendapat) yang baru dan menggantikan pemimpin konvensional.

2.3.2 Penglibatan Masyarakat Dalam Pilihanraya

Ahmad Fawzi Basri, Mohd Fo'ad Sakdan, Mohamad Mustaffa Ishak, & Shafee Saad., (1997) pula mengkaji tentang penyertaan masyarakat dalam pilihanraya umum ke sembilan (1995) di negeri Kedah. Antara objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap penyertaan politik di kalangan masyarakat di negeri Kedah, mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat di negeri Kedah untuk terlibat ataupun tidak di dalam penyertaan politik, mengenalpasti tren pengundi yang terdapat di kalangan masyarakat Kedah. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga kawasan Parlimen iaitu Parlimen Pendang, Jerlun dan Alor Setar. Di bawah tiga Parlimen ini mengandungi lima Dewan

Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Jerlun, Alor Merah, Kota Darulaman, Ayer Putih dan Bukit Raya. Antara dapatan penting kajian Ahmad Fawzi menunjukkan bahawa majoriti undi UMNO telah merosot pada pilihanraya 1995 berbanding dengan pilihanraya tahun 1990. UMNO telah kehilangan satu kerusi DUN Sala di samping gagal merampas DUN Bukit Raya. **Dapatan kajian ini juga memaparkan bahawa pembabitan masyarakat atau pengundi dalam kegiatan politik adalah di tahap yang rendah.** Ramai di antara mereka hanya sekadar mendaftar sebagai pengundi, mengundi semasa pilihanraya atau pendengar ceramah sahaja. Sementara itu kajian ini mendapati bahawa masyarakat menyedari tanggungjawab mereka sebagai rakyat, iaitu, mengundi memilih pemerintah. Dorongan mereka untuk mengundi adalah untuk memilih kerajaan yang terbaik. Ketaatan pengundi terhadap parti adalah penting untuk pengundi dan ketaatan itu bertambah apabila seseorang pengundi itu telah terlibat dalam proses membuang undi lebih dari lima kali.

2.3.3 Ketaatan Pengundi Kepada Calon (UMNO)

Ahmad Fawzi Basri, Mohd Fo'ad Sakdan & Shafee Saad (1995) juga membuat analisis awal untuk meneliti ketaatan pengundi terhadap sesuatu parti yang diundinya sepanjang pilihanraya yang dilalui, iaitu, berdasarkan pilihanraya tahun 1986, 1990 dan jangkaan pengundian 1995. Dalam erti kata lain, semasa pilihanraya apakah yang menjadi asas bagi pengundi membuat pilihan. Fokus kajian ini diberikan kepada parti UMNO dan PAS di negeri Kedah. Kajian ini meninjau pandangan orang

Melayu di tiga buah kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Jerlun, Pendang dan Kota Darulaman di Kedah.

Dapatan kajian Ahmad Fawzi ini menunjukkan bahawa ketaatan orang Melayu terhadap parti bukanlah statik. Dengan erti kata lain ia adalah bergantung kepada faktor-faktornya seperti faktor tempat tinggal, taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan serta umur masyarakat. Contohnya, penduduk di kawasan luar bandar seperti Pendang dan Jerlun didapati lebih menaruh ketaatan terhadap parti PAS berbanding kawasan bandar seperti Kota Darulaman. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa UMNO berjaya mengekalkan sokongan pengundi dengan majoriti yang agak selesa pada pilihanraya tahun 1995. Ini mungkin kerana dikaitkan dengan teori identifikasi pengundi setia di kawasan masing-masing yang akan tetap mengundi parti tersebut walau apapun yang berlaku. Walau bagaimanapun, kajian ini melaporkan berlaku sedikit kemerosotan sokongan pengundi terhadap parti UMNO.

Mengikut kajian ini, keadaan ini wujud kerana rasa tidak puas hati pengundi terhadap calon yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan yang menyebabkan masalah yang serius timbul di beberapa kawasan. Terdapat beberapa kawasan yang terjejas jentera pilihanraya akibat tindakan boikot dan protes ahli-ahli parti kerana calon yang disokong oleh mereka digugurkan atau tidak terpilih untuk bertanding. Rasa tidak puas hati ini dikatakan telah diterjemahkan dengan memberikan undi kepada calon-calon pembangkang pada hari pengundian. Malah dari tinjauan yang dibuat sepanjang kempen pilihanraya berlangsung terdapat ahli-ahli parti

UMNO yang menyeru supaya diberikan sokongan kepada parti lawan untuk memberi peringatan dan pengajaran kepada pemimpin parti di peringkat negeri dan pusat.

2.3.4 Faktor Pemilihan Calon Parti MCA dan DAP

Boey Chin Gan (1992) juga membuat kajian yang hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh Ahmad Fawzi Basri (1995, 1997) yang menilai sokongan pengundi terhadap parti politik. Kajian Boey Chin Gan ini menilai sama ada MCA atau DAP yang mendapat sokongan kaum Cina. Tinjauan kajian ini dibuat di kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Darulaman. Antara persoalan-persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah; Pertama, adakah golongan yang berpendapatan RM500 dan ke atas lebih cenderung kepada MCA? Kedua, adakah golongan yang berpendapatan di bawah RM500 lebih cenderung kepada DAP?. Ketiga, adakah golongan yang berpendidikan diatas SPM lebih cenderung kepada MCA? Keempat, adakah golongan yang berpendidikan SPM dan ke bawah lebih cenderung kepada DAP? Kelima, adakah kekalahan MCA di sebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut; masalah personaliti calon, konsep sistem dua parti, perselisihan dalaman parti MCA dan prestasi perkhidmatan wakil rakyat yang tidak memuaskan.

Dapatkan penting kajian menunjukkan pengundi Cina di kawasan Kota Darulaman lebih di pengaruhi oleh isu-isu semasa dalam membuat pilihan dalam pengundian. Isu-isu itu seperti ketokohan calon, prestasi wakil rakyat sebelum ini dan pembangunan kawasan setempat.

Barisan Nasional perlu bertindak bagi mengatasi kelemahan-kelemahan untuk mengurangkan rasa tidak puas hati antara kaum. Usaha-usaha ke arah perpaduan dikaitkan dengan konsep sosial iaitu akodomosi, asimilasi dan integrasi.

2.4 Isu Perpecahan Dalam Umno

Di samping itu terdapat juga pengkaji yang mengkaji mengenai isu perpecahan dalam UMNO. Kajian itu dibentangkan seperti berikut:

2.4.1 Isu Pemecatan Anwar Ibrahim

Funston (2000) membuat kajian mengenai tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO (Barisan Nasional) kesan daripada pemecatan Anwar Ibrahim dari Timbalan Pendana Menteri dan ahli UMNO. Pemecatan Anwar Ibrahim secara tidak langsung telah mewujudkan Parti KeADILan seterusnya pengasasan Barisan Alternatif (PAS, keADILan, DAP) yang menentang Barisan Nasional dalam pilihanraya 1999. Walaupun pergolakan politik berlaku, pilihanraya umum ke sepuluh masih mencatatkan kemenangan yang berpihak kepada Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Barisan Nasional memenangi 148 daripada 193 buah kerusi. Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya ke sepuluh dikatakan berpunca daripada kerajaan mempunyai sumber yang cukup dalam menentang parti pembangkang. Parti pembangkang dikatakan kekurangan sumber dari segi kewangan dan kemahiran personal. Barisan Nasional berjaya dalam

mendapat kepercayaan pengundi bukan Melayu dalam menyokong Barisan Nasional walaupun dalam Barisan Alternatif terdapat DAP yang memainkan peranan penting dalam meraih sokongan pengundi bukan Melayu. Di Sabah dan Sarawak isu Anwar Ibrahim kurang mendapat sambutan begitu juga di Johor yang sejak dahulu lagi menjadi kubu kuat Barisan Nasional. Isu yang ditimbulkan oleh Funston dalam kajiannya ini adalah sama ada isu Anwar Ibrahim adalah isu Islam yang menjadi topik dalam pilihanraya ke sepuluh atau tidak, walaupun isu Islam sudah menjadi lumrah bagi parti pembangkang dalam menentang Barisan Nasional. Bagi pilihanraya ke sepuluh ini, PAS tidak menggunakan isu Islam sepenuhnya kerana PAS yang berpaktat dengan DAP memerlukan sokongan masyarakat bukan Islam, tetapi telah menggunakan isu reformasi, contohnya dalam topik utama ceramah, dalam akhbar Harakah dan juga internet.

2.4.2 Krisis Mahathir-Razaleigh

Mustapa Kamal Aud (1988) pula mengkaji mengenai krisis kepimpinan UMNO dan pembentukan elit politik melayu selepas kemerdekaan. Antara dapatan penting dan diketengahkan dalam kajian ini antaranya mengenai krisis di kalangan pemimpin-pemimpin dalam parti UMNO. Krisis ini timbul kesan daripada perlumbaan untuk merebut kuasa pemerintahan parti, juga perebutan untuk memantapkan kedudukan parti. Ini mengakibatkan wujud kesan memanipulasi sumber-sumber negara untuk pengukuhan kedudukan dalam parti. Kajian ini menghuraikan beberapa kesan yang timbul, umpamanya kesan terhadap pemilihan elit

UMNO itu sendiri. Kesan akibat sistem naungan politik, orang-orang terdekat dengan elit politik yang berkuasa akan mempunyai hubungan baik dan akan memperolehi keistimewaan, contohnya, melalui kenaikan drastik dalam jemaah menteri. Kesan lain ialah membawa kepincangan terhadap birokrasi kepimpinan parti dan malahirkan puak-puak di kalangan pemimpin UMNO (kepuakan), iaitu, individu yang tidak sebulu dengan pucuk pimpinan akan diketepikan. Kesan dualisme politik dan perniagaan juga berlaku di mana politik sebagai gelanggang memburu kekayaan dan politik wang serta kesan lain ialah perebutan kuasa. Konflik dalam UMNO wujud kerana setengah golongan elit UMNO mengejar populariti, kekayaan dan pangkat menyebabkan berlaku *politicking* yang berpanjangan, iaitu, dengan menabur janji-janji pemberian balasan, wang ringgit dan lain-lain habuan.

Kajian oleh Mustapa Kamal ini turut menghuraikan mengenai krisis-krisis yang pernah berlaku dan antara krisis yang muncul. Pertamanya, krisis kepimpinan Era Dato' Onn Jaafar. Krisis ini berlaku ekoran dari tindakan pemimpin-pemimpin UMNO lain menentang dasar cadangan Dato' Onn untuk menjemput orang-orang bukan Melayu untuk menyertai UMNO. Krisis ini berkesudahan dengan tindakan Dato' Onn keluar dari parti. Kedua, krisis kepimpinan era kepimpinan Tunku Abd. Rahman dikatakan berlaku kerana kelalaian Tunku memperjuangkan nasib ekonomi bangsa Melayu. Tindakan menyingkirkan Dr. Mahathir dan Musa Hitam mengeruhkan lagi suasana politik dalam UMNO. Ketiga, krisis era Dato' Hussien Onn pula berlaku kerana wujud sifat tidak percaya terhadap kepimpinan Dato' Hussien oleh sebilangan pemimpin

UMNO. Tindakan memenjarakan Dato Harun yang bersaing merebut kuasa membuatkan persaingan dalam UMNO terus berlaku. Dato Hussien Onn telah meletak jawatan atas sebab kesihatan. Keempat, krisis era Dato' Seri Dr. Mahathir pula tercetus ekoran dari longgarnya kesetiaan pemimpin UMNO kepada parti, berlakunya kecenderungan merebut kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin parti, umpamanya perlawanan merebut jawatan Presiden oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Kejadian ini menggugat perpaduan ahli-ahli dan melanggar kerukunan peraturan parti. Akibat dari masalah ini UMNO diumumkan tidak sah pada 20 haribulan Februari tahun 1988 apabila dikatakan gagal mendaftar 30 cawangan UMNO. Kelima, konflik penubuhan UMNO baru di mana berlaku persaingan 2 kumpulan dalam UMNO iaitu (1) team A dan (2) team B.

2.5 Faktor Sokongan Terhadap UMNO

Pelbagai pandangan diberikan oleh pengkaji, ahli politik dan akademik mengenai masa depan atau survival UMNO. Menurut Mohd. Izani Mohd Zain (2000), apabila bercakap soal masa depan, sebenarnya perbincangan adalah tentang apa yang akan terjadi pada suatu hari nanti atau pada hari-hari mendatang. Perbincangan itu sudah pasti akan menyentuh beberapa ramalan yang boleh diandaikan berlaku berdasarkan realiti yang berlaku sekarang. Kebiasaannya ramalan tersebut mempunyai keberangkalian sama ada boleh berlaku atau sebaliknya. Walau apa pun tanggapan yang diberikan, untuk mencari masa depan sesebuah parti politik sesebuah negara itu, sejarah perlu dijadikan sebagai panduan seperti yang dipersetujui oleh Ramlah Adam (2000) yang mengatakan bahawa kita

harus belajar dari sejarah untuk mencari masa depan yang lebih gemilang yang mana sejarah akan mengajar kita menjadi lebih dewasa.

Shaharom TM Sulaiman (1999) mengatakan sejarah kemenangan UMNO atau Barisan Nasional, harus dijadikan kayu ukuran di samping faktor media dan demokrasi dalam menentukan kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya, umpamanya dalam pilihanraya 1999. Beliau menegaskan orang ramai termasuk pengamat politik akan meramalkan untung nasib Barisan Nasional atau Barisan Parti Pembangkang dalam pilihanraya. Shaharom berkata, pelbagai spekulasi telah diadakan, dibangkitkan dan ditimbulkan sebagai asas dan alasan untuk membolehkan mereka menentukan ramalan sama ada Barisan Nasional atau Barisan parti pembangkang akan dapat memenanginya. Spekulasi ini semakin panas ekoran perkembangan politik semasa khususnya peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang rata-rata disifatkan tidak adil lalu meraih simpati yang luar biasa daripada barisan parti pembangkang.

Menurut Shaharom banyak pihak berpendapat bahawa pilihan raya 2004 merupakan peluang terbaik bagi barisan pembangkang untuk memperolehi kemenangan besar atau mungkin sengaja menyekat Barisan Nasional untuk memperoleh kemenangan besar atau mungkin saja menyekat Barisan Nasional dari memperoleh dua pertiga majoriti di Parlimen. Tetapi ternyata ramalan ini meleset, apabila pilihanraya 2004 membuktikan Barisan Nasional dapat menguasai Parlimen dengan selesa dan Terengganu dapat semula pada Barisan Nasional. Barisan Nasional

dan UMNO dalam sejarah pengalaman pilihanraya 1986, 1990 dan 1995 telah menghadapi pelbagai isu dan masalah. Sebagai contoh, pilihan raya 1990 telah mewujudkan pembentukkan Angkatan Pemuda Ummah oleh parti pembangkang dan kemunculan Parti Semangat 46. Namun begitu, Barisan Nasional berjaya juga dengan kemenangan besar dan seterusnya semakin cemerlang pada pilihan raya 1995, iaitu, barisan pembangkang mengalami kekalahan yang besar. Seterusnya pada pilihanraya umum 1999 UMNO sekali lagi dilanda krisis dalaman parti (isu Anwar Ibrahim) dan juga berdepan dengan pakatan parti pembangkang, Barisan Alternatif. Walau bagaimanapun, Barisan Nasional tetap menang dalam pilihanraya umum itu, meskipun Kelantan dan Terengganu dikuasai oleh pembangkang PAS .

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas mengenai faktor-faktor sokongan terhadap parti politik, seperti yang dibincangkan, maka faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan UMNO digariskan seperti berikut:

2.5.1 Faktor Demografi Dalam Menentu Survival UMNO

Kajian-kajian mendapati faktor demografi pengundi seperti kawasan kediaman, agama dan kaum sedikit sebanyak mempengaruhi sokongan pengundi terhadap sesebuah parti politik. Begitu juga dengan UMNO, di dapati faktor tempat tinggal telah membezakan sokongan pengundi terhadap parti UMNO dan PAS.

Faktor perbezaan kawasan kediaman sedikit sebanyak telah membezakan pengundi mengikut keutamaan parti. Perbezaan kawasan kediaman dari

segi kawasan luar bandar dan bandar, maju dan kurang maju, utara dan selatan serta unsur kedaerahan atau semangat kenegerian pengundi didapati mempengaruhi dan mencorakkan pengundi mengikut parti. Contohnya, kehidupan moden yang dialami oleh penduduk Johor Bahru hasil pelaburan asing, misalnya, akan membawa kepada pengundi untuk cuba mempertahankan kemodenan, pembangunan dan lebih penting ketuanan mereka di bumi sendiri. Ini seterusnya membuatkan mereka terus bersama-sama Barisan Nasional. Ini berbeza dengan kaum tani di utara di mana mereka lebih tebal dengan nilai keagamaan dan tidak diganggu oleh pihak (pelabur) asing. Mereka lebih senang bersama-sama memperjuangkan nilai keagamaan yang mereka anuti dan lebih cenderung ke arah PAS (Azalina Othman, 2000).

Kajian oleh Ahmad Fawzi Basri et.all (1995) telah membuktikan bahawa ketaatan orang Melayu terhadap parti bukanlah statik. Dengan erti kata lain ia adalah bergantung kepada faktor-faktornya, seperti faktor tempat tinggal, taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan serta umur. Contohnya, penduduk di kawasan luar bandar, seperti Pendang dan Jerlun didapati lebih menaruh ketaatan terhadap parti PAS berbanding kawasan bandar seperti Kota Darulaman.

Perbezaan kawasan kediaman mengikut luar bandar dan bandar juga menampakkan perbezaan sokongan pengundi berdasar pilihanraya-pilihanraya kecil yang berlalu mengikut negeri. Pilihanraya kecil di Negeri Kedah seperti di Pendang dan Anak Bukit menampakkan penguasaan dan pengaruh pembangkang manakala pilihanraya di

Sanggang, Keteri, Teluk Kemang dan Likas menampakkan pengaruh UMNO atau Barisan Nasional.

Selain faktor tempat kediaman, terdapat juga kecenderungan untuk memilih parti berdasarkan perbezaan agama, walaupun ianya bukanlah satu faktor yang kuat terhadap faktor pemilihan parti (Iman Ahmad, 2003, Lancaster, T., & Lewis-Beck, M. S., 1986). Sentimen keagamaan dan perkauman adakalanya merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi sokongan rakyat terhadap parti dalam pilihanraya. Sentimen agama adalah penting dan kadangkala telah menimbulkan perpecahan dalam pembuangan undi. Orang Melayu atau kaum lain akan membuat protes secara senyap-senyap, iaitu, dengan cara tidak turun mengundi jika berlaku krisis yang dapat dikaitkan dengan agama. Contohnya, di kawasan yang majoriti pengundinya orang Melayu, tetapi parti pemerintah meletakkan calon bukan Melayu. Ini membuatkan mereka enggan mengundi. Dalam keadaan ini PAS mungkin meraih keuntungan (Baharudin Ali Masrom, 1989). Beberapa contoh boleh disebut di sini seperti keputusan pilhanraya Kecil DUN Lunas, di Kedah di mana Barisan Nasional telah kalah kepada parti KeADILan yang membuktikan bahawa sentimen keagamaan dan perkauman menjadi faktor penting kepada kegagalan Barisan Nasional (Syed Razak Syed Zain, 2000). Pertembungan di Lunas menyaksikan pertemuan di antara calon MIC, India beragama kristian (S. Anthonymsamy) dengan calon Melayu (KeADILan-Saifuddin Nasution Ismail). Sebelum ini sudah timbul isu Dr. Joe Fernandez yang dikaitkan dengan percubaan-percubaan mengkristiankan orang Islam. Di samping isu sentimen

keagamaan, sentimen perkauman juga menjadi topik penting, iaitu, isu yang berkait dengan soal sekolah wawasan.

Walau bagaimanapun dalam sesetengah keadaan, fakta ini tidak semestinya seratus peratus tepat. Ini adalah kerana terdapat juga ahli-ahli parti yang mengundi mengikut parti dan bukan faktor agama atau keturunan calon. Ini dibuktikan semasa pilihanraya di kawasan Parlimen Teluk Kemang, Negeri Sembilan yang mana orang Melayu memberi undi kepada Barisan Nasional yang diwakili oleh MIC, S. Sothinathan walaupun pada masa itu parti KeADILan meletakkan calon Melayu, iaitu, Ruslan Kasim. Ini juga dibuktikan dari kajian William Tan Heng Huat (1992) yang dilakukan ke atas kawasan Parlimen Kota Melaka yang mendapati bahawa pengundi tidak mengundi mengikut kaum tetapi mengikut parti. Oleh itu dalam situasi tersebut, politik perkauman tidak tepat jika ianya dikatakan berlaku.

2.5.2 Faktor Pemilihan Calon dan Kepimpinan Parti Dalam Menentu Survival UMNO

Faktor calon dan kepimpinan parti juga penting dalam menarik sokongan rakyat. Peletakkan calon semasa pilihanraya menjadi salah satu penentu kepada kemenangan sementara faktor pemimpin atau pendukung parti semasa melobi di pilihanraya pula akan membantu calon.

Faktor personaliti calon merupakan faktor terpenting. Orang Melayu, terutama di kawasan bandar atau yang berdekatan hanya akan memilih calon yang mempunyai imej yang baik. Baik dalam erti kata tidak rasuah,

mampu memimpin atau menguruskan sesuatu, berakhlak tinggi, beragama dan tidak menghadapi masalah keluarga. Walaupun memang kebanyakan pengundi mengutamakan parti politik, tetapi kekuatan personaliti calon tetap memainkan peranan dalam menentukan kemenangan parti tersebut. Contohnya kekalahan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Johor Bahru pada bulan Ogos 1988 berkait rapat dengan faktor personaliti calon, di samping sentimen kedaerah. Sekiranya Barisan Nasional dapat meletakkan calon yang lebih berwibawa, kekalahan besar mungkin dapat dielakkan. Personaliti calon adalah berkait rapat dengan soal imej peribadi, keluarga dan hubungan kemasyarakatan. Calon-calon yang mudah didekati dan sering ditemui di kawasan orang ramai, mudah mesra dan mengambil berat tentang masalah masyarakat akan mudah diterima. Sebaliknya calon yang tidak popular, susah didekati dan tidak mesra dengan orang ramai tidak akan mendapat sokongan (Baharudin Ali Masrom, 1989).

Bagi pengundi muda yang belum terdedah dengan pengundian mereka meletakkan faktor calon yang bertanding sebagai faktor penting dalam membuat pilihan undi. Di sini mereka menilai calon yang bertanding dari beberapa sudut seperti pandai dalam membawa dan mengenangkan isu, menangani isu yang dibangkitkan, rekod pengalaman kerja dan pencapaian serta sifat-sifat keperibadian calon.

Kajian oleh Ahmad Fawzi Basri, et.all (1995) telah membuktikan bahawa peletakkan calon UMNO yang tidak disukai oleh pengundi telah menyebabkan berlaku kemerosotan sokongan terhadap parti itu.

Mengikut kajian ini, keadaan ini wujud kerana rasa tidak puas hati pengundi terhadap calon yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan yang menyebabkan masalah yang serius timbul di beberapa kawasan. Terdapat beberapa kawasan yang terjejas jentera pilihanraya akibat tindakan boikot dan protes ahli-ahli parti kerana calon yang disokong oleh mereka digugurkan atau tidak terpilih untuk bertanding. Rasa tidak puas hati ini dikatakan telah diterjemahkan dengan memberikan undi kepada calon-calon pembangkang pada hari pengundian. Malah dari tinjauan yang dibuat sepanjang kempen pilihanraya berlangsung terdapat ahli-ahli parti UMNO yang menyeru supaya diberikan sokongan kepada parti lawan untuk memberi peringatan dan pengajaran kepada pemimpin parti di peringkat negeri dan pusat. Sebagai contoh, kawasan pengundian yang pernah terjadi kes ini seperti DUN Sala Kedah, Parit Buntar Perak dan Parlimen Padang Terap Kedah.

Selain faktor ketokohan calon itu sendiri, faktor pendukung kepada calon yang dipilih juga penting. Ini kerana terdapat sesetengah pengundi yang tidak melihat kepada calon yang bertanding tetapi kepada pemimpin dan parti. **Kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya tahun 2004 menunjukkan sokongan besar rakyat terhadap kepimpinan Pendana Menteri Malaysia yang baru, iaitu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Penerimaan rakyat terhadap ketegasan dan tindakan beliau dalam menangani isu rasuah, keislaman dan ekonomi telah menarik perhatian rakyat untuk menyokong Barisan Nasional.** (Datuk Harun Din, Tan Sri Musa Hitam, Prof. Dr. Khoo Kay Kim, Utusan Malaysia, 22-23 Mac, 2004)

2.5.3 Faktor Peranan Kempen, Isu Semasa dan Persekutaran Dalam Menentu Survival UMNO

Peranan kempen juga mempunyai pengaruh yang kuat dalam memberi kemenangan kepada parti yang bertanding umpamanya UMNO sendiri. Peranan kempen penting dalam menyebarkan isu-isu persekitaran dan menyampaikan maklumat.

Terdapat beberapa aspek penting untuk memastikan kejayaan sesebuah parti dalam berkempen, umpamanya peranan golongan elit parti dalam mengambil berat terhadap alat penyebaran yang digunakan untuk berkempen seperti televisyen, operasi melalui surat secara langsung, perancangan aktiviti kempen melalui media, rekabentuk dan peranan yang dimainkan oleh perunding professional parti serta pakar hubungan awam (Plasser, F., 2001). Salah satu daripada faktor kejayaan UMNO dalam setiap kali pilihanraya diadakan ialah kerana parti itu sentiasa mengambil berat akan hal-hal seperti yang ditekankan oleh Plasser ini.

Peranan kempen penting terutamanya dalam pilihanraya kecil. Dalam pilihanraya kecil pengundi tidak perlu atau memikirkan soal dasar, polisi atau menifesto parti atau janji-janji parti kerana kerajaan telah pun dibentuk. Oleh itu isu yang baru atau isu semasa yang memainkan peranan. Penampilan isu yang sesuai dalam pilihanraya boleh mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti. Umpamanya penampilan isu sekolah wawasan dalam pilihanraya kecil Lunas berjaya menarik sokongan Cina menyokong pembangkang.

Selain itu, manifesto pilihanraya umum juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Manifesto dan slogan parti yang menarik adalah penting terutama kepada pengundi-pengundi atas pagar. Contohnya slogan Barisan Nasional “Bersih, Cekap dan Amanah” pada tahun 1982 dan “Tradisi Membela Rakyat” pada tahun 1986 amat sesuai dan kena pada masanya. Selain daripada itu faktor persekitaran juga memainkan peranan. Persekitaran tempat tinggal, iaitu, kawasan perumahan dan tempat kerja yang tenang tidak akan menimbulkan masalah kepada kerajaan. Sekiranya suasana *anti establishment* dan rasa tidak puas hati yang berleluasa berlaku di satu-satu kawasan, akan ramailah orang yang turut bersikap sedemikian, walaupun mereka mungkin tidak begitu faham terhadap isu-isu yang dibicarakan. Misalnya, kalau majoriti, katakanlah 51 peratus pekerja di sebuah kawasan atau pejabat tidak sukakan kerajaan, maka besar kemungkinan orang yang tidak terlibat secara aktif dalam politik akan turut terpengaruh. Ini berkaitan dengan aspek psikologi masyarakat. Kecenderungan mempercayai sesuatu akan lebih besar sekiranya mereka sering disogokkan dengan sesuatu maklumat yang saling meneguhkan. Apalagi jika tidak ada pihak lain yang lebih berwibawa dapat memberi dan meyakinkan mereka dengan penerangan yang sebaliknya. Keadaan ini berlaku dalam pilihanraya kecil di Johor Bahru dan Parit Raja. Para pekerja kerajaan di hospital, Lembaga Letrik Negara (LLN), Jabatan Kastam dan Majlis Perbandaran bersikap membenci kerajaan kerana terpengaruh dengan pelbagai hasutan, walaupun mereka sebenarnya tidak pasti sama ada hasutan-hasutan tersebut betul atau tidak (Baharudin Ali Masrom, 1989).

Dalam pilihanraya tahun 2004 manifesto Barisan Nasional, Malaysia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, pemimpin adalah kuli rakyat serta Pak Lah berkata “**Bekerja Dengan Saya Bukan Untuk Saya**” dan Islam Hadhari sedikit sebanyak telah membuka mata rakyat. Penekanan kepada isu ekonomi, pembangunan seimbang, pendidikan, agama, pembangunan sahsiah, akhlak dan nilai-nilai murni telah menarik sokongan rakyat menyokong Barisan Nasional. Manifesto Barisan Nasional yang juga memberi penekanan kepada pengukuhan perpaduan, kualiti hidup rakyat yang adil dan terjamin menjadi senjata terbaik Barisan Nasional memenangi pilihanraya (Chen Man Hin, 2000) .

Di samping peranan kempen isu-isu atau isi kempen yang diketengahkan juga merupakan faktor penting dalam menjamin kejayaan sesebuah parti. Isu yang ditimbulkan serta manifesto yang diperjuangkan akan juga mempengaruhi corak pengundian. Penelitian ke atas pilihanraya-pilihanraya terdahulu menunjukkan isu merupakan salah satu daripada faktor penting dalam penentuan kejayaan sesebuah parti. Dalam pilihanraya 1955, isu kemerdekaan yang diketengahkan oleh Parti Perikatan menyebabkan parti itu berjaya mencapai kemenangan. Dalam tahun 1959 dan 1969 isu-isu dalam negeri seperti bahasa, pelajaran dan kebudayaan khususnya berkaitan kaum Cina sangat dibincangkan. Isu ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi keputusan pilihanraya di tahun-tahun berikut di mana undi popular Parti Perikatan berkurangan (Syed Arabi & Safar, 1986).

Kekalahan calon UMNO, Ismail Kassim kepada calon PAS, Hashim Jassim dalam pilihanraya kecil Parlimen Arau pada tahun 1998 membuktikan betapa pentingnya peranan isu semasa dalam pilihanraya. Ini kerana pada ketika itu, isu kronisme dan nepotisme menjadi sebutan dan isu hangat di media massa. Isu ini juga dibangkitkan oleh Ketua Pemuda UMNO, Datuk Zahid Hamidi. Oleh itu apabila UMNO Perlis meletakkan Ismail Kassim sebagai calon, ia tersepit dengan isu kronisme dan nepotisme kerana hubungannya dengan Menteri Besar Perlis¹⁶ (Mazlan Nordin, 1998). Sementara itu, isu Anwar Ibrahim dalam pilihanraya 1999 juga sedikit sebanyak telah mempengaruhi simpati rakyat untuk memberi undi kepada Barisan Alternatif, akan tetapi pada pilihanraya 2004 isu Anwar Ibrahim sudah tidak menjadi isu penting lagi. Keadaan ini ditambah pula dengan ketandusan isu yang dibawa oleh pembangkang yang menyebabkan kemerosotan sokongan pengundi kepada mereka dalam pilihanraya 2004.

2.5.4 Faktor Program-program Organisasi Parti Dalam Menentu Survival UMNO

Program-program organisasi parti dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kejayaan sesebuah parti dalam pilihanraya. Program-program

¹⁶ Walaupun Ismail Kassim merupakan ketua pemuda UMNO negeri Perlis dan ketua pemuda UMNO bahagian Arau, tetapi ia tersepit dengan isu-isu kronisme dan nepotisme, yang mana isu itu khusus ditujukan kepada kroni-kroni dan kehadiran anak-anak Dr. Mahathir Mohamed dalam perniagaan di Malaysia. Isu ini dibangkitkan oleh Zahid Hamidi dalam Perhimpunan Agong Umno 1998. Beliau mengatakan kronisme wujud dalam UMNO apabila agihara kekayaan diberikan kepada rakan-taulan dan saudara mala (MASSA, 1998, 31). Isu ini menjadi bertambah mantap kerana ia disokong oleh Timbalan Pendana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika itu. Anwar Ibrahim secara tidak langsung telah mengeluarkan kenyataan tentang isu kronisme dan nepotisme iaitu pemimpin yang memilih kroni dari keluarga terdekat dalam mempertahankan kuasa dan faedah-faedah ekonomi (perniagaan). Anwar Ibrahim mempergunakan atau memperbandingkan isu kronisme dan nepotisme yang diamalkan oleh Presiden Suharto dan juga perjuangan pemimpin-pemimpin Indonesia seperti Amien Rais dalam mengadakan reformasi untuk membebaskan Indonesia dari cengkaman Presiden Suharto. Apabila selesai penamaan calon diadakan, UMNO Perlis resah dengan isu-isu kronisme dan nepotisme yang melanda negara pada masa itu. Sudah dijangka isu ini boleh memulakan tumpuk hitam dalam sejarah UMNO di Perlis.

parti untuk mendekati rakyat seperti pemimpin bersama rakyat, pemuda masuk kampung menyumbangkan satu input yang berguna. Keberkesanan jentera parti semasa berkempen merupakan salah satu faktor penting untuk menjamin kemenangan parti. Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya 1999 dikatakan berpunca daripada kerajaan Barisan Nasional mempunyai cukup sumber dalam menentang parti pembangkang. Parti pembangkang didapati kekurangan sumber dari segi kewangan dan kemahiran personal untuk melicinkan jentera berkempen.

Kajian oleh Coleman (1996) membuktikan pentingnya program-program yang dianjurkan oleh parti-parti politik untuk berinteraksi dengan rakyat. Program-program yang diadakan oleh parti politik untuk berinteraksi dengan ahli-ahli biasa dan ahli yang berjawatan dapat mengubah pendirian, kesetiaan dan sokongan berterusan kepada parti politik. Kajian Coleman turut menunjukkan bahawa organisasi parti yang kuat dapat mengurangkan persepsi negatif terhadap parti, parti yang kuat juga dapat membina sikap rakyat ke arah memberi sokongan kepada parti, khususnya, bila wujud perbandingan antara dua parti yang mana lebih kuat. Sebagai contoh dalam pilihanraya, rakyat akan memandang kepada parti yang kuat dan mampu memberi sumbangan kepada mereka. Justeru itu mereka menilai parti mana yang mampu untuk memuaskan kehendak mereka. Dalam hal ini parti yang memerintah mendapat keistimewaan kerana parti itu mempunyai kelebihan dari pelbagai segi seperti kekuatan kewangan dan jentera parti.

terbentuk hasil daripada penyatuan cawangan-cawangan, bahagian-bahagian dari 13 buah negeri dan Wilayah persekutuan. Hasil dari penyatuan ini, UMNO di peringkat nasional diketuai oleh seorang Presiden dan dibantu oleh seorang Timbalan Presiden dan tiga orang Naib Presiden serta seorang Setiausaha Agung, seorang Bendahari dan seorang Ketua Penerangan. Struktur organisasi UMNO juga dikukuhkan lagi dengan Ahli Majlis Tertinggi, Pengurus Perhubungan di negeri-negeri, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Cawangan di seluruh negeri yang dipilih oleh ahli-ahli UMNO yang lebih 3.0 juta orang. Ahli-ahli UMNO diikat dengan pelbagai disiplin dan etika seperti kuasa-kuasa Majlis Tertinggi, kuasa-kuasa Presiden, ketua bahagian dan lain-lain (Lampiran 2.1: Jumlah Bahagian, Cawangan dan Keahlian UMNO)¹⁷.

2.5.5 Faktor Pertumbuhan Ekonomi Dalam Menentu Survival UMNO

Kejayaan sesebuah parti politik juga dikaitkan dengan kejayaan dalam membangunkan petumbuhan ekonomi. Kejayaan dalam membangunkan ekonomi sedikit sebanyak mempengaruhi sikap pengundi. Kemampuan kerajaan mengendalikan ekonomi negara dengan baik adalah faktor kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri, Indera Kayangan di Perlis pada tahun 2002. Rakyat melihat realiti itu apabila kerajaan masih mampu menyediakan pakej ransangan ekonomi untuk menyediakan kemudahan asas dan pemberian pelbagai insentif termasuk bonus dan gaji kakitangan awam.

¹⁷ Perihal Struktur Organisasi UMNO dibincangkan di Bab Empat

Kajian Huckshorn et. all., (1986) telah menunjukkan bahawa penyatuan di antara parti di peringkat negeri dan pusat merupakan sumbangan yang penting dalam menguatkan organisasi parti negeri. Kajian Huckshorn merumuskan bahawa kekuatan sesebuah organisasi parti negeri boleh ditunjukkan oleh konsep “kekuatan organisasi parti”. Kekuatan parti adalah dirujuk sebagai dapat bertahan beroperasi sebagai sebuah parti pemerintah dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan matlamat pemilih. Di samping itu kekuatan parti pula adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti organisasi yang lengkap dan kapasiti program. Kajian ini menunjukkan bahawa organisasi yang lengkap memerlukan ibu pejabat parti, sumber seperti belanjawan/kewangan dan kakitangan untuk beroperasi. Membangunkan kapasiti program juga penting bagi parti untuk membina kawasan pengundian yang dikuasai, mencipta sokongan dan menentang kuasa perpecahan seperti perkauman. Secara umumnya penyatuan parti negeri dan kebangsaan menjadikan sesuatu parti itu lebih kuat. Penyatuan menjadikan sumber akan bertambah dan organisasi parti dapat diselenggarakan dengan lebih baik. Penyatuan disifatkan saling bergantungan pada setiap tahap sama ada dengan orang bawahan ataupun atasan.

Dalam konteks UMNO, penyatuan mesti dilihat dari segi hubungan keterlibatan UMNO negeri dalam peringkat kebangsaan (Perhimpunan Agung UMNO) dan keterlibatan UMNO Malaysia dalam parti negeri. UMNO turut mendapat keistimewaan dalam aspek ini hasil dari penyatuan parti itu di peringkat negeri dan pusat. Organisasi UMNO

Sementara itu, menurut Biro Analisa Politik (2000) sejak 1990 Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Sepanjang 5 hingga 6 tahun, purata pertumbuhan ekonomi mencapai 8.7 peratus. Pendapatan perkapita secara purata telah berlipat ganda setiap 6 tahun. Selain daripada defisit akaun semasa, petunjuk-petunjuk ekonomi yang lain tetap menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Dalam keadaan ekonomi yang kukuh ini, pilihanraya telah diadakan pada April 1995. Barisan Nasional telah mencatatkan kemenangan besar dengan memperolehi 161 kerusi daripada 92 kerusi Parlimen, 338 kerusi daripada 394 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Walau bagaimanapun kejayaan sesebuah parti dalam membangunkan ekonomi di sesuatu kawasan tidak boleh menjamin seratus peratus sokongan pengundi terhadap parti yang memerintah. Ini kerana faktor pertumbuhan ekonomi kadangkala tidak menjadi ukuran oleh pengundi kerana tidak semua pengundi mengecapi pembangunannya. Kekalahan Barisan Nasional di tangan PAS dalam pilihanraya DUN Anak Bukit pada tahun 2002 telah membuktikan keadaan ini.

Kebenaran hal ini dibuktikan oleh kajian Iskandar Miza Ahmad (1998) yang dibuat di kawasan Gelang Patah di Johor menunjukkan bahawa wujud kesan positif dan juga kesan negatif terhadap pembangunan yang berlaku di bahagian itu. Antara kesan negatif atau isu yang muncul akibat pembangunan ialah meliputi isu pampasan tanah yang rendah, nilai tanah yang berbeza di antara pemaju dan pampasan lewat dibayar kepada penduduk. Di samping itu, isu peminggiran kontraktor Melayu tempatan

daripada agenda pembangunan di Gelang Patah juga timbul. Masalah pencemaran laut dan pantai akibat pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan laluan kedua ke Singapura memberi kesan yang buruk kepada kerajaan Barisan Nasional.

Sementara itu kajian oleh Monroe & Erickson (1986) mendapati tiada bukti menunjukkan keadaan ekonomi memberi kesan kepada sokongan politik sebaliknya pembolehubah politik sahaja yang relevan dengan sokongan terhadap politik. Maka terbuktilah bahawa di Kanada, pemboleh ubah ekonomi tidak signifikan dengan sokongan masyarakat terhadap politik. Keadaan yang sama juga dikatakan berlaku di Kelantan semenjak PAS menawan negeri itu dari tahun 1990. Di Kelantan walaupun beribu dan beratus juta bantuan diberikan dan dibelanjakan kepada rakyat Kelantan, tetapi UMNO mengalami kekalahan juga. Keadaan ini tidak sepautnya berlaku kerana suasana ekonomi yang baik sudah tentu menjamin ketuanan UMNO. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang patut diambil kira dalam menilai tentang apa yang berlaku di Kelantan. Ini kerana terdapat permasalahan yang berlaku dalam pengagihankekayaan kepada rakyat. Sebagai contoh, wang yang diperuntukkan oleh kerajaan (Barisan Nasional) untuk menjana ekonomi tidak memberi kesan kepada rakyat. Ini kerana banyak bantuan yang diberikan oleh kerajaan adalah berbentuk umum seperti membina sekolah dan jalan raya. Ini berbeza dengan bantuan seperti wang ehsan yang diberikan oleh kerajaan pusat kepada Terengganu. Wang merupakan faktor penting bagi masyarakat dalam Negara Sedang Membangun.

2.5.6 Faktor Demokrasi Dalam Parti Dalam Menentu Survival UMNO

Faktor demokrasi dalam UMNO sedikit sebanyak telah menjadi penentu kepada kekuatan UMNO untuk berjaya dalam pilihanraya. Peralihan kepimpinan secara licin dan teratur dan diterima oleh semua pihak meletakkan amalan demokrasi yang sihat dalam UMNO. Manakala amalan para pemimpin UMNO yang mengamalkan muafakat dengan tiada penentangan atau pertandingan dalam jawatan tertinggi dalam parti memantapkan perpaduan parti. Sebagai contoh peralihan kepimpinan dari tangan Tun Dr. Mahathir kepada Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berlaku secara aman dan mendapat sokongan majoriti ahli UMNO.

Kejayaan yang diraih oleh UMNO banyak dibantu budaya dan cara kerjanya yang mengutamakan pendekatan musyawarah, perbincangan serta rundingan selain konsep demokrasi terpimpin yang diamalkan (Chamil Wariya, 1998),

Amalan demokrasi telah termaktub di dalam perlembagaan negara dan UMNO yang mana hak sebagai ahli, iaitu, mereka bebas untuk memilih pemimpin. Justeru itu, adalah janggal sekiranya hak yang dimiliki itu dinafikan. Arahan yang dikeluarkan oleh pucuk pemimpin supaya tidak berlaku pertandingan dalam jawatan tertinggi adalah untuk mengelak perpecahan sesama ahli. Jika boleh diadakan rundingan dan budi bicara, itu lebih baik tetapi bukanlah sehingga menghalang kepada pertandingan. Pertandingan bagi memilih pemimpin harus diteruskan bagi mendokong semangat demokrasi. Sejarah merakamkan UMNO (baru) yang

dilahirkan sejak 1988 sukar dipisahkan dengan gejala politik wang serta perebutan tempat oleh tokoh-tokoh yang merasakan mereka boleh melaksanakan tugas yang diamanahkan. Apa pun gejala yang muncul dalam parti sebenarnya bukan berpunca dari proses demokrasi, tetapi disebabkan oleh sikap fanatik segelintir penyokong dan individu yang bertanding. Sekiranya semua pihak faham bahawa bertanding bukan untuk menunjukkan kekuasaan tetapi demi masa depan bangsa dan negara, maka tidak timbulah segala permasalahan yang berlaku sekarang (Siti Zaharah Sulaiman, 1998).

2.5.7 Faktor Imej dan Ideologi Parti Dalam Menentu Survival UMNO

Imej parti merupakan salah satu faktor yang agak penting dalam sesuatu pilihanraya. Walaupun pilihan parti berasaskan kepada beberapa sebab, pengundi juga berfikir mengenai parti politik ketika mereka memangkah kertas undi. Mereka akan memilih parti yang dianggap berupaya membela nasib mereka. Oleh yang demikian, imej yang dipancarkan oleh parti berkenaan serta isu yang diketengahkan adalah penting kepada pengundi. Dalam pilihanraya 1955, pengundi-pengundi hampir sebulat suara memberi kepercayaan kepada Parti Perikatan. Ini kerana pada masa itu imej Parti Perikatan pada waktu itu adalah tinggi kerana dilihat oleh rakyat sebagai parti yang betul-betul memperjuangkan supaya negara segera mencapai kemerdekaan (Syed Arabi & Safar, 1986).

Dari segi imej, UMNO dianggap sebagai sebuah parti yang pragmatik, terbuka kepada semua kaum manakala PAS pula lebih terkenal dengan

imej sebagai sebuah parti berteras sepenuh kepada Islam yang mana pada awalnya menolak kerjasama daripada orang bukan Islam. Imej parti ini sedikit sebanyak membezakan penyokong antara kedua-dua parti berkenaan. Mengikut Chamil Wariya (1985), UMNO sebuah parti yang pragmatik yang tidak terikat dengan mana-mana idealogi, tidak seperti PAS yang percaya kepada cara Islam manakala Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) lebih terikat kepada ideologi sosialis.

Sementara itu Von Der Mehden (1987) menyatakan ideologi parti politik adalah penting di sesebuah negara yang merupakan alat penting untuk menyatukan rakyat, kekuatan persatuan dan kestabilan. Berdasarkan ideologi sebelum merdeka, usaha-usaha untuk menyatukan rakyat di bawah panji-panji merdeka, pemerintahan sendiri, agama tempat bernaung dan sebagainya. Malaysia dan Filipina mempunyai ideologi yang lebih memberatkan terhadap kesedaran usahawan swasta berbanding apa yang dijalankan di Amerika Syarikat. Di Amerika Syarikat mereka menekankan betapa perlunya dibentuk sebuah demokrasi yang membenarkan pemilikkan harta benda, dan tidak terlalu terikat dengan ideologi.

UMNO tidak ada ideologi tertentu seperti PAS atau PRM. Namun, UMNO berpegang kepada prinsip universal dan juga asas-asas yang terdapat di dalam ajaran Al-Quran seperti adil, saksama, kompromi, berbaik-baik dengan bukan Islam, laksana hukum-hukum Islam mengikut kemampuan, laksanakan pentadbiran mengikut merit dan *professionalism*. UMNO mengutamakan hak-

hak sama rata di antara kaum dan wanita seperti yang dituntut oleh Islam. UMNO melaksanakan dasar pendidikan yang adil, membenarkan bahasa ibunda, agama dan lain-lain ajaran diamalkan di sekolah masing-masing. Dengan sebab itu Tun Dr. Mahathir dengan berani dan tegas mengatakan Malaysia adalah negara Islam pada 29 September 2001 (Mingguan Malaysia, 30 September 2001).

2.6 Rumusan

Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian yang diutarakan di atas adalah seperti berikut: Menilai peranan kempen, program parti berkomunikasi dengan pengundi dan sokongan elit parti berkempen menggunakan alat-alat komunikasi (Plasser, 2001), melihat tingkah laku pengundi (Tan, 2000, Lancaster, 1986), mengkaji kekuatan parti dari sokongan rakyat (Colemon, 1996, Huckshorn, 1986), melihat kekuatan parti kesan dari penyatuan parti (Huckshorn, 1986, Gerber and Jackson, 1993) melihat hubungan kepentingan ekonomi dengan sokongan rakyat, (Monroe, 1986), meneliti peranan undang-undang dalam politik (Mishler, 1984), menilai gelagat pengundi Melayu (Funston, 2000), melihat kesan globalisasi kepada parti politik (Sobri Sudin, 1999) dan mengukur ketiautan pengundi kepada parti politik (Fauzi Basri, 1995, Boey Chin Gan 1992) serta mengkaji parti politik, UMNO dan Barisan Nasional (Mustapa Kamal Aud, 1988, Wee Fook Sang, 1988).

Sementara itu kajian ini telah mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi penentu kepada survival UMNO. Faktor-faktor itu ialah faktor pemilihan calon dan

kepimpinan parti, faktor peranan kempen, isu semasa dan persekitaran, faktor program-program organisasi parti, faktor pertumbuhan ekonomi, faktor demokrasi dalam parti dan faktor imej dan ideologi parti. Faktor-faktor ini ditelah dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas seperti Ahmad Fawzi Basri, et.all (1995) yang mengkaji faktor pemilihan calon dan kepimpinan parti sebagai penentu kepada sokongan rakyat terhadap UMNO, Plasser, F., (2001) yang mengkaji faktor peranan kempen, Coleman (1996) dan Huckshorn et. all., (1986) yang mengkaji faktor program-program organisasi parti, Monroe & Erickson (1986) yang melihat faktor pertumbuhan ekonomi, Chamil Wariya (1998) yang melihat kepada faktor demokrasi dalam parti, Syed Arabi & Safar (1986) yang melihat kepada faktor imej parti dan Von Der Mehden (1987) yang melihat kepada faktor ideologi parti.

Secara tidak langsung objektif-objektif kajian di atas sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan objektif yang hendak dicapai dan kajian ini akan cuba menggabungkan dan memilih cara dan teknik yang sesuai untuk dipadankan bagi mencapai matlamat kajian. Oleh kerana kebanyakan penemuan-penemuan kajian terdahulu banyak membincangkan atau menonjolkan perkara-perkara yang berkaitan dengan konflik, perbezaan ideologi atau tingkah laku pengundi, maka dalam **kajian ini akan memberi lebih tumpuan kepada survival sesebuah parti politik itu (UMNO) berbanding survival parti-parti lain (PAS, dan lain-lain parti).** Di samping itu kajian ini juga akan **mengutarakan mengenai cabaran-cabaran UMNO, sebab-sebab atau tip-tip kelangsungan UMNO memerintah, kesedaran rakyat terhadap kepentingan politik dan pendidikan serta sumbangan UMNO kepada masyarakat.**

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan bagaimana kajian dijalankan. Aspek-aspek yang dibincangkan termasuklah rekabentuk kajian, populasi dan pemilihan sampel kajian, kaedah pengumpulan data, instrument kajian yang digunakan, skala, kod dan skor pemarkatan instrument, kebolehpercayaan instrument kajian dan keputusan ujian rintis.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kaji selidik yang menggunakan kaedah tinjauan. Kaji selidik ini juga menggunakan kaedah pengumpulan data atau *survey* secara *parametric* di mana responden-responden telah dikenalpasti. Kaji selidik ini menggunakan kaedah kaji selidik yang dibuat oleh Ahmad Fawzi Basri (1995, 1997) dengan menggunakan soal selidik yang distruktur. Di samping itu, kaedah tinjauan secara temuduga bersemuka turut dibuat. Persampelan rawak mudah digunakan bagi memberi peluang kepada setiap responden dalam populasi yang hendak dikaji dipilih bagi sesetengah kawasan.

3.3 Kawasan dan Populasi Kajian

Kaji selidik ini adalah kajian populasi yang melibatkan responden dipilih dari kalangan penghuni tetap kawasan kajian. Kawasan kajian yang dipilih adalah di

negeri Perlis yang mana kawasan-kawasan itu terletak di kawasan Arau. Secara keseluruhannya, populasi kajian ini adalah berjumlah 38,067 responden yang mana berumur lebih daripada 21 tahun atau layak mengundi (Lampiran 3.1: Peta Kawasan Kajian).

3.4 Sampel Kajian

Kajian ini mengambil dua sampel untuk mencapai objektif kajian dengan lebih tepat lagi. Sampel yang dipilih itu adalah berdasarkan kepada tujuannya seperti berikut:

3.4.1 Sampel Kajian Tinjauan Pendapat Pertama

Bagi mewakili populasi kaji selidik tinjauan pendapat pertama (melihat profil responden, tahap kesedaran dan pembabitan mereka dalam aktiviti berpolitik serta mengkaji faktor-faktor penentu kepada sokongan pengundi terhadap parti politik khasnya UMNO), kaji selidik ini mengambil populasi penduduk di kawasan pengundian Kampung Banat sebagai sampel. Kampung Banat merupakan salah satu dari pusat pengundian di DUN Tambun Tulang dan pemilihan Kampung Banat sebagai sampel adalah berdasarkan kepada pemilihan secara rawak. Jumlah keseluruhan sampel yang diambil untuk kaji selidik ini adalah seramai 1,329 orang yang mana bilangan mengikut kampung adalah seperti di Jadual 3.1.

Jadual 3.2**Jumlah Pengundi Mengikut Tiga Kawasan di Tambun Tulang**

Kawasan Pengundian Kg. Banat	Jumlah Sampel
Kampung Banat	375
Behor Kurong Ayam	65
Kg. Bakong Behor Mengkuang	381
Kampung Arau	10
Kampung Kebun	232
Kampung Seberang	41
Kampung Station	119
Kampung Tok Kelarau	35
Kg. Alor Merah.	71
Jumlah	1,329
Kawasan Pengundian Mengkuang Layar	
Kampung Mengkuang Layar	328
Kg. Sungai Baru	548
Kg. Tambun Tulang	141
Jumlah	1,017
Kawasan Pengundian Kg. Surau	
Kampung Sentang	299
Kg. Sentua	604
Kg. Surau	738
Taman Sentua	23
Kg. Guar Ujung Batu	101
Taman Sri Medan	24
Kg. Loh Boh	68
Jumlah	1,857
Jumlah Keseluruhan	4,203

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah berbentuk kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Perancangan dibuat dengan teliti bagi memastikan berlakunya pengukuhan kajian ini. Kaedah kualitatif adalah pengumpulan data melalui teknik data primer dan teknik data sekunder. Data primer diperolehi oleh penyelidik dengan menggunakan soalselidik yang dibentuk khas untuk mengutip data. Data dikumpulkan secara temuduga berstruktur, iaitu, dengan berpandukan kepada soal selidik. Manakala data sekunder pula diperolehi melalui kajian atau pembacaan ke atas bahan-bahan bercetak seperti buku, latihan ilmiah, jurnal, laporan penyelidikan, majalah dan surat khabar.

Kebanyakan bahan-bahan ini diperolehi di perpustakaan dan carian menggunakan laman web (internet). Di antara perpustakaan yang menjadi tempat mencari maklumat ialah perpustakaan di Intitusi Pengajian Tinggi (IPT), iaitu, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan lain-lain. Di samping itu bahan-bahan dari perpustakaan awam turut diperolehi. Antara perpustakaan awam yang telah dikunjungi ialah Perpustakaan Awam Kedah dan Perpustakaan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Tujuan pengumpulan data sekunder ialah untuk membolehkan pengkaji mendapat bahan-bahan yang memberi gambaran kepada subjek yang dikaji. Ianya dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai konsep dan kerangka teori kajian serta membolehkan pengkaji mendapatkan bahan-bahan yang

bersesuaian untuk menyokong subjek kajian ini. Di samping itu juga, penganalisaan terhadap isi kandungan dokumen-dokumen politik juga dibuat.

Selain menggunakan soal selidik dalam kaedah data primer, temubual/temuramah secara bersemuka secara intensif dan perbincangan secara tidak langsung dengan golongan-golongan tertentu seperti pakar-pakar politik, pemimpin UMNO, pemimpin parti pembangkang dan beberapa pihak lain juga telah di buat. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara terus dan bagi mengukuhkan lagi perolehan kajian. Selain itu, teknik pemerhatian dan pengamatan juga dilakukan oleh penyelidik ke atas aspek-aspek yang hendak dikaji.

3.6 Instrumen Kajian

Soalselidik digunakan sebagai instrument kajian yang penting dalam kajian ini. Ia dibentuk berdasarkan kepada objektif yang hendak dicapai. Penggubalan soal selidik adalah berdasarkan kepada soal selidik yang telah dibentuk oleh pengkaji-pengkaji yang lepas, umpamanya soal selidik yang dibentuk oleh Ahmad Fawzi Basri (1995, 1997), Lancaster. T. D., (1986), Wiliam Tan Heng Huat (1992), Huckshorn, R.,J., (1986) dan Monroe, K., & Erikson, L (1986). Pembentukan soal selidik adalah dengan cara mengubahsuai sama ada menambah, mengemaskini ataupun mengekalkan soalan-soalan yang sedia ada.

Rangka soal selidik adalah seperti yang terdapat di lampiran 3.2. Satu ujian rintis dijalankan bagi memastikan soal selidik yang dibentuk benar-benar bersesuaian dan bertepatan dengan objektif kajian yang hendak dicapai. Soal

selidik dipecahkan mengikut beberapa bahagian agar memudahkan temubual dijalankan. Pecahan bahagian soal selidik adalah seperti berikut.

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Dalam bahagian ini, penumpuan diberikan kepada persoalan yang berkaitan dengan butir diri responden seperti jantina, umur, pekerjaan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, taraf pendidikan, taraf perkahwinan, keturunan dan kawasan kediaman.

Bahagian B: Pembabitan Responden Dalam Politik

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan minat dan tahap pembabitan responden dalam aktiviti politik. Soal selidik di bahagian ini dibentuk berdasarkan kepada soal selidik yang digubal oleh Ahmad Fawzi Basri (1995, 1997) dan Lancaster. T. D., (1986), Acock., A., Clarke. H. D., & Stewart. M. C., (1985).

Bahagian C: Sumber Responden Mendapatkan Maklumat Politik

Soalan-soalan di bahagian ini pula berkisar tentang sumber-sumber responden untuk mendapatkan maklumat mengenai politik semasa. Soal selidik di bahagian ini juga dibentuk berdasarkan kepada soal selidik yang digubal oleh Ahmad Fawzi Basri (1995, 1997).

Bahagian D: Maklumat Pengundian

Soalan-soalan dalam bahagian ini berhubung kait dengan maklumat semasa mengundi. Contohnya seperti soalan yang berkaitan dengan parti politik yang disokong, kekerapan mengundi dan pendirian pengundi mengenai parti yang

disokong. Di samping itu di bahagian ini juga dimasukkan soalan-soalan yang berkaitan dengan pandangan responden terhadap faktor-faktor pemilihan calon, parti politik dan peranan kampen. Soal selidik di bahagian ini dibentuk berdasarkan kepada soal selidik yang digubal oleh Ahmad Fawzi Basri (1995) dan Wiliam Tan Heng Huat (1992).

Bahagian E: Tinjauan Pendapat Responden Terhadap Kejayaan Umno Dalam Mendapatkan Undi

Bahagian ini dimasukkan soalan-soalan yang berkaitan dengan kejayaan parti UMNO dalam memerintah negara dari dulu hingga kini dan seterusnya. Soalan-soalan ini adalah menyentuh mengenai penentu-penentu kejayaan UMNO mengekalkan survival dan kepuasan rakyat kepada parti itu. Soalan-soalan itu adalah berkaitan dengan faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu kampen. Soalan di bahagian ini dibentuk berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Huckshorn, R.J., (1986) dan dari analisis yang dibuat oleh Ahmad Atory Hussain.

Bahagian F: Tinjauan Pendapat Responden Terhadap Krisis Dalam Yang Berlaku Kepada UMNO, MCA dan Keadilan

Soal selidik di bahagian ini mengutarakan soalan-soalan yang berkaitan dengan pandangan responden terhadap permasalahan yang berlaku ke atas parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan keADILan. Soalan di bahagian ini digubal sendiri berdasarkan kepada situasi permasalahan yang berlaku.

disokong. Di samping itu di bahagian ini juga dimasukkan soalan-soalan yang berkaitan dengan pandangan responden terhadap faktor-faktor pemilihan calon, parti politik dan peranan kempen. Soal selidik di bahagian ini dibentuk berdasarkan kepada soal selidik yang digubal oleh Ahmad Fawzi Basri (1995) dan Wiliam Tan Heng Huat (1992).

Bahagian E: Tinjauan Pendapat Responden Terhadap Kejayaan Umno Dalam Mendapatkan Undi

Bahagian ini dimasukkan soalan-soalan yang berkaitan dengan kejayaan parti UMNO dalam memerintah negara dari dulu hingga kini dan seterusnya. Soalan-soalan ini adalah menyentuh mengenai penentu-penentu kejayaan UMNO mengekalkan survival dan kepuasan rakyat kepada parti itu. Soalan-soalan itu adalah berkaitan dengan faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu kempen. Soalan di bahagian ini dibentuk berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Huckshorn, R.J., (1986) dan dari analisis yang dibuat oleh Ahmad Atory Hussain.

Bahagian F: Tinjauan Pendapat Responden Terhadap Krisis Dalaman Yang Berlaku Kepada UMNO, MCA dan Keadilan

Soal selidik di bahagian ini mengutarkan soalan-soalan yang berkaitan dengan pandangan responden terhadap permasalahan yang berlaku ke atas parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan keADILan. Soalan di bahagian ini digubal sendiri berdasarkan kepada situasi permasalahan yang berlaku.

3.7 Skala, Kod dan Skor Instrument

3.7.1 Penggunaan Skala dan Kod Dalam Instrument Kajian

Dalam instrumen kajian (soal selidik) di Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian H dan Bahagian I, kajian ini menggunakan skala Nominal dan skala Likert. Skala Nominal adalah merujuk kepada kaedah mengkelompokkan dan mengkategorikan pembolehubah berdasarkan kepada ciri-ciri kesamaan dan seterusnya memberikan nama dan label kepada pembolehubah itu. Contohnya penggunaan skala dan kod seperti berikut: 1. Lelaki; 2. Perempuan. Manakala penggunaan skala Likert pula dibuat untuk membezakan kod-kod di antara jawapan-jawapan yang diberikan. Umpamanya memberikan nilai skor di antara satu hingga empat kepada jawapan soalan. Contoh penggunaan skala dan kod seperti berikut:

1. Sangat Tidak Berminat
2. Tidak Berminat
3. Berminat
4. Sangat Berminat

Sementara itu dalam soal selidik di Bahagian E, Bahagian F dan Bahagian G, kajian ini menggunakan skala Likert sepenuhnya. Skala dan kod yang digunakan bagi setiap jawapan bagi soalan di semua bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Setuju
4. Sangat Setuju

3.7.2 Pengukuran Skala, Kod Dan Skor Bagi Pembolehubah Bebas-Faktor Sokongan Terhadap UMNO

Pengukuran pembolehubah bebas ini meliputi faktor-faktor seperti faktor calon dan kepimpinan, faktor program parti, faktor imej dan ideologi parti, faktor demokrasi, faktor pertumbuhan ekonomi dan faktor isu/kempen. Kesemua faktor ini menggunakan pengukuran skala likert dengan kod seperti berikut:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Setuju
4. Sangat Setuju

Bagi tujuan menerangkan dapatan kajian secara deskriptif (peratusan), kajian ini menggabungkan atau mengkategorikan kembali kod jawapan untuk memudahkan penerangan dibuat. Kategori itu dibuat dengan menggabungkan semula tidak setuju dengan sangat tidak setuju menjadi tidak setuju ($1 + 2 = 1$ -Tidak Setuju) manakala setuju digabungkan pula dengan sangat setuju menjadi setuju ($4 + 3 = 2$ -Setuju). Sementara itu bagi faktor yang mempunyai banyak item di dalamnya, skor keseluruhan diambil (dibuat dengan mencampurkan kesemua item di dalam faktor itu menjadi satu item sahaja). Bagi faktor yang mempunyai satu item sahaja skornya dikekalkan. Penentuan ini dibuat untuk memudahkan penyelidik menjalankan ujian semasa menguji hipotesis. Jadual 3.3 menerangkan bagaimana prosedur dalam penetapan skor dan percampuran (pemarkahan) itu dilakukan.

Jadual 3.3
Skala, Kod dan Skor Bagi Pembolehubah Bebas

Faktor-Faktor	Bil. Item	Skala dan Kod Jawapan	Skor Keseluruhan
Faktor Calon Dan Kepimpinan	3 Soalan 1-3	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	3-12
Program Parti	3 Soalan 4-6	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	3-12
Imej Dan Ideologi	4 Soalan 7-10	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	4-16
Demokrasi	1 Soalan 11	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	1-4
Pertumbuhan Ekonomi	1 Soalan 12	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	1-4
Isu Kempen	1 Soalan 13	1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Setuju 4- Sangat Setuju	1-4

3.7.3 Pengukuran Skala, Kod Dan Skor Bagi Pembolehubah Bersandar-Pemilihan Parti Politik (UMNO Dan PAS)

Bagi pengukuran pembolehubah bersandar, kajian ini menggunakan skala nominal dengan kod seperti berikut:

1. UMNO
2. PAS

Seterusnya untuk tujuan pengujian hipotesis penetapan skor adalah berdasarkan kepada skor 1 diberi kepada responden yang akan mengundi UMNO manakala skor 0 bagi responden yang tidak mengundi UMNO.

Jadual 3.4 menerangkan mengenai prosedur dalam penentuan skor dan pemarkahan tersebut.

Jadual 3.4
Skala, Kod dan Skor Pembolehubah Bersandar

Item/soalan	Skala dan Kod Jawapan	Skor
Akan Mengundi Parti Mana Pada Pilihanraya	1- UMNO 2- PAS	1-1 2-0
Akan Datang ?	3- Tidak Pasti	3-0

3.8 Kebolehpercayaan Peralatan Kajian

Sebelum ujian-ujian (silang, korelasi dan regrasi) dijalankan, ujian kebolehpercayaan/*reability* terlebih dahulu dibuat ke atas faktor-faktor atau angkubah yang dikaji. Keputusan ujian seperti di Jadual 3.5 mendapati nilai alpha yang diperolehi dari ujian *reliability* adalah tinggi iaitu melebihi 0.80 (Lampiran 3.3: Ujian Kebolehpercayaan/*Reliability*).

Jadual 3.5
Keputusan Ujian Reliability

Faktor	Bil. Item	Alpha
Faktor Calon dan Kepimpinan	3	0.853
Faktor Program Parti	3	0.852
Faktor Imej dan Ideologi Parti	4	0.919
Faktor Demokrasi	1	-
Faktor Pertumbuhan Ekonomi	1	-
Faktor Isu dan Kempen	1	-
Keseluruhan Faktor	13	0.961

3.9 Kaedah Analisis Data

Segala maklumat yang diperolehi dalam soal selidik akan direkod dan dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package For Social Science (SPSS). Secara keseluruhannya maklumat dipersembahkan dalam bentuk deskriptif yang meliputi peratusan dan min. Di samping itu pengujian hipotesis juga dijalankan bagi mengukuhkan lagi kajian. Beberapa ujian dijalankan dalam kajian ini. Umpamanya ujian frekuensi untuk mendapatkan peratusan dan min. Manakala ujian silang/rentas *Crosstab (Chi-square)* dijalankan untuk mengukur perbezaan (perbezaan kawasan kediaman) dan ujian *correlation* pula untuk mengukur korelasi serta ujian *regression* dijalankan untuk menguji faktor manakah paling berpengaruh. Ujian ini juga dijalankan untuk menguji sama ada menolak atau menerima hipotesis yang dikemukakan.

Bagi mengukur samada wujud hubungan atau korelasi di antara pembolehubah yang diukur atau untuk memastikan sama ada hipotesis diterima atau ditolak, aras keertian (*significance level*) 0.05 (95%) dipilih. Penentuan sama ada wujud hubungan, penerimaan atau penolakan hipotesis adalah berdasarkan kepada aras keertian yang dibandingkan dengan nilai sig. atau p. yang diperolehi. Sekiranya nilai sig. atau p. yang diperolehi daripada ujian-ujian yang dibuat adalah lebih besar dari 0.05, maka hipotesis alternatif (H_a) akan ditolak dan hipotesis null (H_0) akan diterima ataupun menunjukkan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara pembolehubah yang diukur. Sebaliknya jika nilai sig. atau p. yang diperolehi dari ujian adalah lebih kecil dari aras keertian (0.05), maka H_a diterima dan H_0 ditolak. Ini membuktikan bahawa pembolehubah-pembolehubah itu mempunyai hubungan yang signifikan.

3.10 Prosedur Pengutipan Data

Bagi mendapatkan data dengan menggunakan soalselidik beberapa prosedur telah diambil untuk melicinkan pengkajian. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Mendapatkan senarai pengundi di kawasan-kawasan yang terlibat daripada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).
- ii. Membuat pemilihan sampel daripada jumlah populasi yang diperolehi itu dengan menggunakan kaedah sampel rawak mudah.
- iii. Selepas mendapat sampel dan jumlah yang diperolehi mengikut kawasan satu tarikh ditetapkan untuk mengutip data dari responden.
- iv. Bagi membantu penyelidik mempercepatkan proses mengutip data pembanci telah dipilih dan dilatih untuk mengutip data.
- v. Proses mengutipan data akan berjalan di samping pemantauan oleh penyelidik.
- vi. Borang soalselidik dikumpulkan dan diperiksa untuk memastikan semua soalan dan pernyataan yang dikemukakan dijawab sebelum dianalisis.
- vii. Jawapan yang diperolehi daripada setiap responden dalam soalselidik akan dikodkan ke dalam komputer, diproses dan dipersembahkan.

3.11 Angkubah, Model Dan Rangka Kajian

Model kajian ini dibentuk berdasarkan kepada Model Kognitif Memilih Undi dan Teori Pelakuan Pengundi, kajian-kajian terdahulu seperti kajian oleh Ahmad

Fawzi Basri (1995, 1997), Coleman, J. J. (1996), Lancaster. T.D., & Lewis-Beck (1986).

Kajian ini merumuskan survival UMNO (angkubah bersandar, Y) adalah bergantung kepada sokongan yang diberikan oleh rakyat kepada UMNO. Sokongan rakyat pula adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kejayaan program parti, pertumbuhan ekonomi manakala kekuatan UMNO pula adalah berteraskan kepemimpinan, dasar dan kesederhanaan ideologi UMNO. Oleh itu kajian ini merumuskan angkubah atau faktor yang menjadi penentu kepada sokongan rakyat adalah berkait dengan faktor berikut;


- i. Calon dan kepimpinan parti (x1)
- ii. Program parti (x2)
- iii. Imej dan ideologi parti (x3)
- v. Demokrasi (x4)
- vi. Pertumbuhan ekonomi (x5)
- vii. Isu dan kempen (x6)
- viii. Faktor-faktor lain (e)

Selain faktor-faktor ini, kajian-kajian terdahulu (Ahmad Fawzi Basri, 1995) juga membuktikan bahawa faktor demografi (kawasan kediaman)¹⁸ membezakan sokongan pengundi terhadap parti politik. Oleh itu kajian ini turut melihat faktor perbezaan kediaman pengundi tetapi ia tidak dimasukkan dalam model regresi dan hipoteisis kajian ini. Secara ringkasnya model regresi kajian ini adalah seperti di tunjukkan berikut:

$$Y = \beta_0 + \beta_1 x_1 + \beta_2 x_2 + \beta_3 x_3 + \beta_4 x_4 + \beta_5 x_5 + \beta_6 x_6 + e$$

¹⁸ Kajian ini hanya menguji perbezaan faktor kediaman pengundi dengan sokongan terhadap UNMO, manakala faktor-faktor demografi lain seperti faktor agama tidak dikaji dalam kajian ini.

Sementara itu kerangka konseptual kajian ini dibentuk seperti di Rajah ii. Kerangka kajian ini dibentuk berdasarkan kepada kerangka kajian yang di buat oleh Huckshorn, R. J., Gibson. J. L., Cotter. C. P & Bobby. J. F., (1986).



Rajah ii
Kerangka kajian

3.12 Kerangka Teoritikal Kajian

Pengkaji berpendapat ada tiga (3) model/teori yang boleh menerangkan mengenai survival parti politik dalam membentuk pemilihan undi di mana pemilihan melalui pilihanraya amat penting untuk memantapkan survival parti politik itu. Model itu ialah seperti berikut:


3.12.1 Model Kognitif Memilih Undi

Model Kognitif Memilih Undi telah dikemukakan oleh Himmelweit. H., (1987). Model ini mengandaikan bahawa seseorang pengundi sebagai individu yang aktif, iaitu individu yang mempunyai personaliti, set tingkah laku dan fahaman untuk melihat dan menilai kebaikan dan keburukan seorang calon atau parti semasa membuat pengundian.

Berdasarkan kepada model ini, keputusan untuk mengundi adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan akan berbeza mengikut perspektif individu, masalah dalaman negara dan perbezaan landasan parti. Menurut model ini pengundian merupakan antara kriteria di mana ia memberi peluang yang baik untuk pengundi belajar dan bagaimana untuk membuat keputusan secara umum. Berdasarkan kepada faktor-faktor itu beberapa perkara perlu diambil kira dalam keputusan pengundian. Pertamanya, keputusan undi yang berulang, yang mana ada hubungkait dengan pengundian masa lepas (lima tahun sekali), Keduanya, kebebasan hak untuk memilih untuk semua orang. Ketiga, keputusan dibuat pada hari yang sama (hari mengundi) dan yang keempat, dalam membuat keputusan ia akan dipengaruhi oleh maklumat yang diperolehi oleh media cetak atau elektronik. Oleh itu keputusan untuk membuat pilihan (undi) adalah berbeza untuk setiap orang dan ianya dipengaruhi oleh latarbelakang, sejarah, pemikiran dan pendidikan.

Sementara itu, dalam keputusan pengundian ianya bukan hanya bergantung kepada keadaan politik, ekonomi, parti dan juga tanggungjawab pengundi tetapi bergantung juga pada keadaan atau persekitaran semasa dan juga persekitaran yang lepas. Ini dapat dilihat dari sudut perubahan individu itu sendiri, perubahan isu yang dibawa (janji parti) berkenaan parti yang dipilih pada masa lepas. Keadaan ini juga mempengaruhi keputusan untuk membuat pilihan. Secara ringkasnya faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi seperti yang dikemukakan oleh Model Kognitif Memilih Undi seperti di Rajah iii yang mana boleh diringkaskan seperti berikut;

- i. Pengaruh di rumah dan di sekolah, latarbelakang sosial dan pendidikan
- ii. Pilihan undi ibu bapa
- iii. Tahap pendidikan, status sosial dan pekerjaan individu
- iv. Situasi politik dan ekonomi semasa, perubahan sosial, sumber maklumat termasuk media massa dan elektronik.
- v. Pengaruh jiran, rakan, kesatuan sekerja dan ahli persatuan
- vi. Tindakan pihak berkuasa, kepentingan politik, orientasi nilai dan matlamat.
- vii. Orientasi politik individu, gerak balas terhadap isu-isu, kepercayaan dan penilaian ke atas parti, ahli politik dan pengaruh parti.



Rajah iii

Model kognitif memilih undi

Sumber: Disesuaikan Dengan Pandangan Himmelweit. H. (1987)

3.12.2 Teori Perlakuan Pengundi

Seterusnya dalam melihat sokongan rakyat kepada pemerintah, Teori Pelakuan Pengundi telah digunakan oleh Ahmad Fawzi Basri (1995). Beliau mengemukakan Teori Pelakuan Pengundi yang menerangkan ketaatan para pengundi berdasarkan kepada apakah yang pengundi pilih. Dua teori pelakuan yang menerangkan tentang sikap dan penentuan pilihan pengundi dalam pilihanraya telah diuraikan oleh beliau. Dua teori dalam kategori Teori Pelakuan Pengundi yang dimaksudkan ialah Teori Identifikasi Parti yang dikembangkan oleh Butler. D. E., dan Rose. R., (1959), Franklin. M. N., (1985), Harrigon. J. J., (1987) dan Riley. M., (1988). Kedua, Teori Pilihan Rasional yang diasaskan oleh Downs. A., (1957) dan dikembangkan oleh Zuckerman. A. S., (1991) dan Dowding. K.M., (1991). Kedua-dua teori ini (Teori Identifikasi Parti dan Pilihan Rasional) akan diterangkan di bawah ini.

Teori Identifikasi Parti menurut Butler dan Rose (1957) menghuraikan mengapa taat setia pengundi yang berterusan terhadap sesebuah parti sehingga mereka mengidentifikasikan dirinya dengan parti berkenaan walaupun ia mungkin tidak pernah menjadi ahli parti yang disokong itu. Sikap mengaitkan diri dengan sesebuah parti ini terbina oleh beberapa faktor, antaranya termasuklah peranan sosialisasi yang dimainkan oleh keluarga.

Menurut Riley (1988), ketaatan politik terhadap sesebuah parti banyak ditentukan oleh persekitaran di mana seseorang itu dibesarkan dan

dididik umpamanya persekitaran keluarga, jiran dan sekolah. Dalam konteks ini, imej sesebuah parti lebih mempengaruhi sikap terhadap parti dan penentuan pilihan pengundi berbanding dengan dasar yang dibawa oleh parti berkenaan.

Menurut pendapat Makmor Tumin (1999), identifikasi parti ialah pengenalan seseorang itu terhadap sesebuah parti, misalnya Barisan Nasional atau parti pembangkang. Mereka yang memilih Barisan Nasional sebagai identifikasi akan teguh memilih Barisan Nasional dalam apa-apa keadaan dan pada bila-bila masa sekalipun. Begitulah juga mereka yang memilih parti pembangkang sebagai identifikasinya. Identifikasi parti seseorang itu terbentuk dalam tempoh yang lama, kadang kala memerlukan tempoh masa berdekad lamanya. Faktor-faktor utama seperti sumbangan, kepimpinan, peranan dan *track record* yang cemerlang bagi sesebuah parti itu, membolehkan terbentuknya kesetiaan dan identifikasi parti seseorang itu terhadap sesebuah parti politik.

Dalam keadaan di Malaysia, menurut Ahmad Fawzi Basri (1995) sokongan berterusan yang diterima oleh UMNO dari kalangan masyarakat Melayu sedikit sebanyak memperlihatkan unsur imej tersendiri yang wujud dalam UMNO. Bagi kebanyakan orang Melayu, UMNO dianggap sebagai pelindung kepentingan politik mereka dan juga pemelihara unsur-unsur tradisi dalam masyarakat Melayu. Sikap inilah yang menyebabkan orang Melayu mengidentifikasi ciri kemelayuan dengan UMNO, lantas memberikan sokongan berterusan kepada UMNO dalam setiap kali pilihanraya. Dan sebaliknya, apabila

UMNO dilihat sebagai tidak lagi dapat memelihara kepentingan tradisi Melayu maka sokongan ke atasnya akan merosot. Berkemungkinan kemerosotan teruk UMNO dalam pilihanraya 1969 dan 1999 (sedikit teruk) dapat dikaitkan dengan situasi dan kenyataan ini.

Selain itu, kajian Butler dan Rose (1959) mengenai identifikasi parti juga menyebut bahawa golongan kelas pekerja bawahan yang telah menikmati peningkatan taraf hidup sering mengidentifikasikan diri mereka dengan anggota kelas menengah. Mereka ini lebih cenderung untuk mengundi parti yang lebih dianggap mewakili kepentingan kelas berkenaan. Umpamanya pengundi cenderung kepada Parti Konservatif di United Kingdom yang didapati lebih mewakili kelas menengah berbanding Parti Buruh yang dilihat lebih cenderung kepada kelas bawahan.

Dalam konteks di Malaysia, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) secara tidak langsung telah menghasilkan segelintir golongan korporat dan usahawan-usahawan yang berjaya. Mereka ini sudah tentu akan memberi sokongan kepada pemerintah. Penyataan ini disokong oleh Mohd Adilan Jusoh (1994) yang mengatakan wujud satu golongan Melayu bandar yang sudah berjaya menempatkan diri bersaing dengan bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan korporat. Kejayaan mereka ini tercapai dengan bantuan politik dan dasar kerajaan. **Bagi golongan ini, penglibatan mereka dalam politik adalah jaminan pekerjaan dan kestabilan politik yang akan membawa kepada keteguhan ekonomi negara. Mereka sentiasa mengharapkan keadaan sedemikian akan berterusan untuk menjamin survival mereka.** Pengekalan sokongan

kepada pemerintah adalah penting untuk memastikan kepentingan mereka terjamin.

Kemakmuran ekonomi dan keselesaan yang dinikmati oleh rakyat akan memberi kelebihan kepada UMNO atau Barisan Nasional dalam meraih sokongan rakyat berbanding parti pembangkang tetapi jika sebaliknya berlaku ia akan memberi kelebihan kepada parti pembangkang. Sekali lagi Makmor Tumin (1999) menegaskan dalam analisis-analisis politik terbaru, khususnya yang melibatkan pilihanraya, didapati kemenangan seseorang pemimpin atau sesebuah parti dalam pilihan raya amat dipengaruhi oleh calon dan parti yang memerintah dalam memastikan pertumbuhan ekonomi. Ini membawa maksud, semakin yakin pengundi terhadap pertumbuhan ekonomi, bertambah besarlah keberangkalian calon dan parti kerajaan yang memerintah untuk terus memerintah. **Faktor-faktor personaliti calon, ideologi dan lain-lain isu seolah-olah menjadi kurang penting dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya jika dibandingkan dengan faktor pertumbuhan ekonomi itu sendiri.** Di Amerika Syarikat misalnya, ramai calon presiden yang tewas dalam pilihanraya apabila majoriti pengundi mendapati pemimpin gagal mengembangkan ekonomi negara. Sebagai contoh Hubert Humphrey dalam tahun 1968, Gerald R. Ford 1976, Jimmy Carter 1980 dan George Bush 1992 dikatakan jatuh kerana kehilangan kepercayaan majoriti pengundi terhadap kebolehan mereka menangani masalah ekonomi negara tersebut. Fenomena yang sama juga berlaku di negara kita. Apabila ekonomi dalam keadaan meleset, misalnya pada pilihanraya 1986, parti-parti pembangkang memenangi kerusi yang agak tinggi

berbanding ketika ekonomi pesat berkembang. Keputusan pilihanraya 1995 yang lalu menjelaskan lagi keadaan tentang korelasi antara faktor pertumbuhan ekonomi dengan kemenangan parti pemerintah dalam sesebuah pilihanraya.

Menurut Harrigon (1987) perlakuan pengundi akan didorong oleh pengaruh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, perlakuan pengundi akan ditentukan oleh isu dan daya tarikan calon. Apabila kedua-dua unsur ini dicantumkan dengan identifikasi parti maka pilihan pengundi akan menjadi semakin mudah dilihat kecenderongannya. Namun beliau menegaskan bahawa dalam jangka panjang, corak pengundian akan ditentukan oleh faktor identifikasi parti, agama, kaum dan kelas masyarakat.

Teori Pilihan Rasional pula mengandaikan bahawa pengundi bersikap rasional apabila membuat pilihan mereka dalam pilihanraya. Mereka akan menentukan alternatif yang paling disukai dan bersesuaian dengan keutamaan mereka daripada senarai pilihan yang ada. Downs (1957), dalam teorinya menyatakan bahawa manusia yang terlibat dalam politik akan membuat perkiraan secara rasional untuk mencapai kehendak kepuasannya secara maksima. Pilihan politik ini menurut Downs adalah tidak banyak bezanya dengan pilihan ekonomi. Misalnya dalam ekonomi, pengguna akan membandingkan sesuatu barang itu dari segi kos dan kualiti dan seterusnya membuat pilihan. Ertinya, di dalam membuat pilihan politik, pengundi berdasarkan maklumat dan pengetahuannya terhadap sesuatu pilihan itu akan memberikan undinya

kepada parti yang paling berkemungkinan dapat memuaskan kehendaknya sebagai pengundi.

Menurut Downs lagi pengundi biasanya akan memutuskan secara rasional prestasi dan janji calon sebelum proses pembuangan undi dijalankan. Mereka juga melihat prestasi dan janji parti, khususnya, apabila sesebuah parti itu adalah juga parti kerajaan dalam menentukan pilihan yang akan dilakukan. Malahan prestasi atau janji calon atau parti mungkin tidak dihiraukan sekiranya prestasi kerajaan adalah lebih baik dan bernilai. Dalam konteks inilah jika keadaan ekonomi negara adalah stabil dan memberangsangkan, maka parti-parti dalam kerajaan memerintah mempunyai peluang yang cerah untuk menang.

Downs juga menggariskan tiga cara pengundian yang dilakukan oleh seseorang yang rasional. Pertamanya ia akan membandingkan hasil atau faedah yang diperolehi daripada aktiviti kerajaan yang memerintah dengan hasil atau faedah yang mungkin diperolehi jika parti pembangkang mengambil alih pemerintahan. Keduanya, dalam sistem pelbagai parti, seseorang pengundi itu akan cuba meramal pilihan pengundi lain dan kemudiannya akan bertindak seperti berikut; menyokong parti pilihan yang mempunyai peluang lebih baik untuk menang jika parti pilihannya tiada peluang yang baik untuk menang, ia akan memilih parti seterusnya yang mempunyai peluang untuk menang, jika parti alternatif tidak mempunyai peluang untuk menang, ia akan memilih parti kesukaannya supaya parti ini mempunyai peluang yang lebih baik pada pilihanraya akan datang.

Jika dilihat situasi di Malaysia, teori ini banyak menerangkan mengenai gelagat pilihan pengundi. Umpamanya sokongan yang banyak diterima oleh parti pemerintah adalah kerana kejayaannya dalam pembangunan negara yang nampak dengan mata kepala rakyat. Sementara sokongan yang diberikan kepada parti pembangkang pula adalah didasarkan kepada janji-janji yang diberikan kepada pengundi.

3.12.3 Teori Sistem

Selain itu kerangka teoritikal kajian ini dimantapkan lagi dengan menggunakan model input dan *through* serta output bagi sebuah organisasi yang boleh juga dikaitkan dengan satu teori/konsep organisasi. Model ini dibawa oleh David Eston (1965), iaitu, Teori Sistem yang antara lain menyatakan bahawa sistem yang terdapat di dalam masyarakat itu akan bertindak balas terhadap persekitaran (dalam hal ini dasar-dasar, program-program, pendapat, sokongan) lalu mewujudkan kestabilan dalam bentuk dasar ekonomi, politik dan sosial yang stabil (Ahmad Atory Hussain, 1998).

Secara asasnya model ini membincangkan empat komponen iaitu input, transformasi (sistem politik), output, alam sekeliling dan maklumbalas (Mansor Mohd Noor, 2005). Input bermaksud sebarang perkara yang akan memasuki sistem politik. Input boleh didapati dalam banyak bentuk seperti input fizikal dan bukan fizikal. Input-input fizikal terdiri dari buruh, modal, kewangan, jentera dan sebagainya. Manakala input bukan fizikal ialah buah fikiran, tuntutan, rayuan, idea, pendapat, rungutan dan

lain-lain. Dalam konteks sistem politik, input boleh datang dalam bentuk sokongan kepada sistem politik. Misalnya pematuhan kepada undang-undang, pembayaran cukai, undi, ketaatan dan lain-lain. Input juga terdapat dalam bentuk tuntutan seperti tuntutan mendapatkan pendidikan, perumahan, pertanian dan lain-lain.

Transformasi pula merujuk kepada proses mengubah input untuk menghasilkan keputusan. Dalam konteks sistem politik, proses transformasi akan melibatkan pengelasan, perancangan, koordinasi dan kawalan. Semua input yang masuk akan dinilai, ditapis dan sebagainya dengan tujuan ia dapat memberi manfaat kepada sistem keseluruhannya. Faktor-faktor seperti kecekapan, keberkesanan, amanah dan sebagainya yang perlu ada pada sesuatu sistem politik itu akan memainkan peranan kerana dari proses inilah akan lahirnya keputusan.


Sementara itu output pula merujuk kepada pelbagai bentuk output seperti produk, perkhidmatan, keuntungan, kepuasan dan sebagainya. Output tidak hanya terhad kepada perkara-perkara positif sahaja, ia turut merangkumi perkara-perkara negatif. Dari sudut sistem politik, output merupakan hasil dari tuntutan yang dibuat oleh ahli masyarakat kepada sistem politik. Tuntutan ini boleh berupa positif atau sebaliknya bergantung bagaimana ia diproses. Keputusan-keputusan politik seperti keputusan jemaah menteri, perundangan, kehakiman, pilihan raya dan sebagainya merupakan bentuk output yang sering diterima oleh rakyat.

Seterusnya alam sekeliling boleh terbahagi kepada dua. Pertama alam sekeliling dalaman dan kedua, alam sekeliling luaran. Alam sekeliling dalaman merujuk kepada persekitaran dalaman sesebuah sistem politik. Misalnya persekitaran politik dalaman sesebuah negara. Ia terbina dengan kompenan-kompenan tersendiri seperti kebudayaan, status, struktur masyarakat dan sebagainya. Manakala alam sekeliling luaran merujuk kepada alam sekeliling yang datang dari luar (arena politik antarabangsa).

Maklumbalas merujuk kepada tindak balas yang timbul hasil dari output (keputusan-keputusan). Keputusan-keputusan yang telah dibuat akan ditafsir oleh masyarakat. Masyarakat akan menerima keputusan tersebut dan menyesuaikan dengan persekitaran semasa. Keputusan yang tidak sesuai dengan persekitaran akan mengugat sistem kerana masyarakat tidak akan menyokong sistem jika apa yang mereka inginkan tidak tercapai. Justeru itu maklumbalas yang diterima akan berbentuk negatif. Dari segi politik, tindakbalas rakyat dapat dilihat dalam beberapa bentuk iaitu proses, gerakan revolusi, mengundi parti lawan dan sebagainya .

Dalam konteks sistem politik di Malaysia, jika Teori Sistem diaplikasikan ia boleh digambarkan seperti dalam Rajah iv. Berdasarkan model ini kejayaan output (survival, stabil dan maju) dapat diukur dalam bentuk outcome (kesan), iaitu, cemerlang, gemilang dan terbilang. Sementara itu, input pula mengandungi segala macam unsur seperti pilihanraya, sokongan rakyat, program-program parti, kepimpinan, ideologi, isi dan calon. Manakala *through* pula merujuk kepada

perancangan organisasi (UMNO) dan kerajaan, kawalan sistem pemerintahan dan pengelasan ahli UMNO.



Rajah iv

Kerangka analisis model input-through-output-outcome. Ahmad Atory Hussain (1998).

3.12.4 Kesimpulan

Merujuk kepada teori-teori ini, bolehlah disimpulkan bahawa gelagat pengundi adalah pelbagai. Ada pengundi yang kuat identifikasinya dan ada pengundi yang lemah, sederhana atau di atas pagar. **Bagi pengundi yang kuat identifikasinya, kempen atau program parti tidak akan menggugat pegangannya, sebaliknya bagi pengundi yang lemah, sederhana dan di atas pagar kempen dan program parti akan mempengaruhi pegangannya.** Di samping itu terdapat juga pengundi yang rasional dalam membuat pengundian, iaitu, dengan membandingkan

perkembangan parti dan calon yang bertanding. Pengundi seperti ini adalah sukar untuk diramal sokongannya.

Teori-teori yang dikemukakan secara tidak langsung akan dijadikan sebagai sandaran dan panduan terutama dalam soalan kaji selidik yang dihantar kepada responden.

3.13 Keputusan Ujian Rintis

Satu ujian rintis telah dijalankan di penempatan semula Kampung Sungai Pau, Sik, Kedah. Daripada ujian yang dijalankan terdapat beberapa masalah telah dikenalpasti. Antara masalah itu seperti soalan yang dikemukakan terlalu panjang dan memakan masa, soalan yang mengelirukan dan responden tidak memahaminya. Ini memandangkan kebanyakan responden adalah rendah tahap pendidikannya. Namun begitu kebanyakan soalan yang dikemukakan adalah bersesuaian dan jawapan yang diberikan oleh responden adalah ditahap yang tinggi kebolehpercayaannya. Keputusan ujian kebolehpercayaan bagi keseluruhan angkubah yang dikaji adalah 0.9604.

3.14 Rumusan

Di dalam bab ini secara khususnya telah membincangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi pemilihan responden dan tempat kajian, prosedur kajian, peralatan kajian dan kebolehpercayaan serta kaedah analisis data, angkubah, model dan rangka kajian, kerangka teoritikal dan keputusan ujian rintis. Dalam Bab Empat akan menerangkan tentang hasil dan analisis kajian.

BAB EMPAT HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai beberapa topik yang dipecahkan kepada tiga bahagian untuk menjawab objektif dan juga hipotesis yang telah dikemukakan di dalam Bab Satu. Bahagian pertama dalam bab ini akan membincangkan **mengenai krisis yang melanda parti (UMNO) tetapi parti tetap utuh**. Di sini kajian membentangkan mengenai cabaran-cabaran yang dilalui oleh UMNO sejak penubuhannya pada tahun 1946 hingga ke tahun 2000. Di samping itu bahagian ini juga membincangkan mengenai pembabitan dan kesedaran masyarakat terhadap ekonomi dan pendidikan. Bahagian keduanya, akan membincangkan mengenai **asas-asas kekuatan UMNO dan sumbangannya** kepada masyarakat dan negara. Akhir sekali di bahagian ketiga bab ini akan membincangkan mengenai **keputusan kaji selidik yang telah dibuat**. Di sini kajian mengutarakan perihal sokongan pengundi terhadap UMNO dan juga mengenai pembabitan dan kesedaran masyarakat terhadap politik.

A. KRISIS MELANDA, PARTI TETAP UTUH

Bahagian ini membincangkan **mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh UMNO yang membawa kepada survival UMNO itu sendiri**. Ertinya kaitan rapat antara cabaran-cabaran dan ancaman yang dihadapi UMNO dengan survival UMNO. Bertahannya UMNO bererti UMNO “survive” atau terus

“hidup”. Masalah kemiskinan, pendidikan, perpaduan, perpecahan bangsa dan parti politik serta negara bukanlah merupakan satu perkara yang baru. Di negara-negara seluruh dunia tidak ada satu negara pun yang tidak berpecah belah, rakyatnya dan bangsanya berpecah belah seperti yang berlaku dikalangan bangsa Arab, Pakistan, Vietnam, India, Sri Lanka, Palestine, China dan bangsa-bangsa Eropah maka demikianlah juga bangsa Melayu juga, menghadapi nasib yang sama. Perpecahan satu-satu bangsa itu pada amnya, disebabkan oleh beberapa hal, diantaranya dipengaruhi oleh golongan istana dan feudalisme seperti merebut kuasa, perebutan kekayaan, pengaruh dan lain-lain yang menghalalkan cara untuk mencapai matlamat¹⁹.

Perpecahan bangsa Melayu telah berlaku semenjak zaman-berzaman lagi. Contohnya ialah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511. Pada tahun ini Portugis telah menyerang negara (empayar Melaka) dengan kekuatan hanya beberapa buah kapal perang sahaja. Pada masa tersebut Melaka adalah sebuah kerajaan yang kuat, makmur dan kaya. Namun begitu di istana, raja dan pembesar sering berbeza pendapat, sementara penderhaka negara (pembawa fitnah)²⁰ pula menyumbang melemahkan lagi kerajaan. Dengan askar yang amat sedikit dan dalam masa yang singkat, Melaka (Empayar Melayu Melaka), sebuah empayar yang besar telah jatuh ke tangan Portugis dan seterusnya kepada penjajah lain selama 446 tahun. Antara faktor Melayu (Melaka) jatuh kerana mereka berpecah belah, berebut kuasa sementara itu kekayaan tidak digunakan

¹⁹ Perkara ini termaktub dalam buku-buku sejarah.

²⁰ Pembawa fitnah di sini dirujuk kepada Raja Mendeliar yang membuat fitnah terhadap Bendahara Melaka iaitu Tun Mutahir dengan mengatakan “Tun Mutahir hendak derhaka, sedia berebut tahta, kasadnya hendak naik raja di dalam Melaka ini”. Atas fitnah ini Sultan Mahmud Syah telah bertindak menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Tun Mutahir dan beberapa orang ahli keluarganya, yang diantaranya terdiri dari Seri Nara Diraja (adik Tun Mutahir), Tun A’li (menantu Tun Mutahir), Tun Hassan (anak Tun Mutahir). Sumber: Tun Seri Lanang, Sejarah Melayu, susunan semula Muhammad Haji Salleh, (1997).

untuk memperkuatkan pertahanan negara. Tambahan pula raja yang memerintah hanya mengutamakan keseronokan dan menambahkan adat istiadat untuk mengagungkan diri mereka disamping sering melaksanakan hukuman-hukuman kemanusian yang kejam tanpa memikirkan kesan-kesannya²¹ (lain-lain perkara diharapkan diperincikan lagi oleh pengkaji-pengkaji akan datang).

Perpecahan sesama bangsa Melayu tidak menguntungkan bangsa Melayu sebaliknya menguntungkan bangsa-bangsa yang mendatang atau kaum imigran dan kuasa-kuasa luar. Umpamanya, perpecahan UMNO di bawah pimpinan Tuanku Abdul Rahman Putra dengan PAS, maka Singapura terlepas ke tangan bangsa lain (kaum Cina yang asalnya ialah kaum imigran)²². Demikian juga kerana perpecahan orang Melayu di Pattani dan wilayah-wilayah Selatan Thailand membawa kepada penguasaan negara Thailand ke atas wilayah-wilayah berkenaan hingga ke hari ini. UMNO sebagai sebuah parti politik juga tidak dapat lari dari menerima perubahan dan perpecahan. Dalam sejarah politiknya beberapa peristiwa dan perubahan telah dilalui oleh UMNO. Peristiwa dan perubahan itu meninggalkan kesan yang negatif dan positif kepada UMNO.

Kajian ini membahagikan cabaran-cabaran yang dilalui oleh UMNO kepada dua peringkat iaitu cabaran politik UMNO 1946-1989 dan cabaran politik UMNO 1990-2000.

²¹ Hukuman seperti menyeksa, membunuh tanpa keadilan, perhambean dan lain-lain termaktub dalam buku Sejarah Melayu karangan Tun Seri Lanang.

²² Pengkaji-pengkaji di hari muka diharapkan membuat kajian yang lebih terperinci.

4.2 Cabaran Politik UMNO 1946-1989

Ahmad Fawzi (1995) membahagikan tahap perubahan politik UMNO pada tahun 1946-1989 kepada beberapa bahagian mengikut teori perubahan *cyclical* yang dikemukakan oleh Ogward Sprengler. Pembahagian itu seperti berikut:

- i. Tahun 1946- tahap kelahiran
- ii. Tahun 1946-1957- tahap pertumbuhan
- iii. Tahun 1957-1986- tahap kematangan
- iv. Tahun 1986-1988- tahap kematian

Sementara itu, Ahmad Atory Hussain (2001) menghuraikan dimensi politik UMNO kepada lima (5) tahap sebelum tahun 1990. Tahap-tahap itu seperti berikut:

- i. Tahun 1946-1957:
Perpaduan UMNO kukuh dan padu dalam kelompok Melayu yang mempunyai matlamat yang sama untuk menentang satu ancaman bersama, iaitu, Malayan Union.
- ii. Tahun 1957-1963:
Perpaduan UMNO dan Melayu masih utuh untuk memperjuangkan kemerdekaan dan menghadapi konfrontasi Indonesia walaupun wujud pembangkang Melayu yang kuat seperti PAS dan PRM. Tetapi jumlah mereka tidak ramai dan pengaruh mereka tidak besar.
- iii. Tahun 1963-1969:
Perpaduan UMNO masih kukuh tetapi kemunculan parti-parti pembangkang PAS dan DAP semakin menonjol. Orang Melayu mula mempunyai matlamat dan ideologi yang berbeza.
- iv. Tahun 1970-1981:
Perpaduan UMNO masih kukuh walaupun wujud babit-babit perpecahan dalam UMNO dan wujud perbezaan pendapat, tumpuan utama ialah pembangunan ekonomi kaum bumiputera.
- v. Tahun 1981-1988:
Perpaduan UMNO retak. Dikatakan keretakan dalam UMNO merupakan titik tolak perpecahan orang Melayu. Adapun perpecahan yang berlaku pada tahun 1987 melibatkan dua puak, iaitu, Team A yang diketuai oleh Dr. Mahathir dan Team B yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Walaupun wujud tahap-tahap di atas seperti yang diutarakan oleh Ahmad Fawzi dan Atory, UMNO dapat menyelesaikan masalah-masalah perpaduan dan perpecahan sehingga tidak terjadi pergaduhan atau konflik yang besar antara Melayu dengan Melayu atau Melayu dengan bukan Melayu. Antara faktor yang membawa kepada kejayaan UMNO menyelesaikan masalah ini adalah berhubungkait dengan faktor kepimpinan UMNO, imej parti, program parti, demokrasi, peranan kempen dan ideologi di samping lain-lain faktor.

Cabarannya dalam tahun 1946-1989 dibincangkan seperti berikut:

4.2.1 Cabaran Menghadapi Kaum Imigren Cina dan India

Kehadiran orang Cina dan India telah membawa banyak perubahan yang meliputi aspek-aspek politik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Kehadiran kaum Cina dan India bermula pada awal abad ke 19 apabila British menjajah Tanah Melayu. Kaum Cina diambil oleh British dari negeri China dan India untuk masing-masing bekerja di lombong bijih timah dan di ladang getah. Sultan Perak (Sultan Idris) pernah membantah kemasukan beramai-ramai kaum Cina dan India ke Tanah Melayu pada tahun 1932. Semasa kemelesetan ekonomi dunia yang meruncing pada tahun 1932, ramai kaum Cina dan India kembali ke negara masing-masing. Sekiranya penghijrahan balik ke negara asal mereka tidak berlaku pada masa tersebut, maka kaum Cina dan kaum India semestinya sudah mengatasi jumlah kaum Melayu. Sebagai contoh jika dilihat

komposisi penduduk mengikut etnik pada tahun 1938, orang Melayu telah menjadi kaum minoriti di Tanah Melayu pada masa itu (Jadual 4.1).

Jadual 4.1

Bilangan Penduduk Tanah Melayu Mengikut Etnik Pada Tahun 1938

Etnik	Bilangan Penduduk	Persentase
Melayu	680,000	33.0%
Cina	911,000	44.0%
India	466,000	23.0%
Jumlah	2,057,000	100.0%

Sumber: Kamaruddin M. Said (2004)

Kemasukan orang Cina dan India telah menghasilkan perbezaan sosio budaya, parti politik dan perkauman di Malaysia. Etnik-etnik Cina dan India telah membawa dan mewarisi budaya dari tamaddun yang berbeza ke Malaysia. Etnik Cina, misalnya, terbahagi kepada kumpulan-kumpulan dialek seperti Hokkien, Cantonese, Teochew, Hakka dan Foo Chew disamping mempunyai kepercayaan dan agama yang berbeza seperti Buddhisme, Taoisme, Confucionisme, Islam (persamaan dengan agama orang Melayu) dan lain-lain. Manakala kaum India pula dicirikan kepada bahasa atau dialek yang berbeza seperti Tamil, Telegu, Malayalam, Punjabi dan lain-lain. Selain menghasilkan perbezaan etnik dari segi sosio budaya, pola taburan kumpulan-kumpulan etnik mengikut parti-parti politik bersifat perkauman juga wujud. Contohnya MCA dan DAP yang mewakili kaum Cina dan MIC yang mewakili kaum India (Norlida Jani, 1996).

Berlatarbelakangkan keadaan kemajmukan ini maka cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman UMNO pada mula-mula dahulunya amat besar. Cabaran-cabaran inilah yang sebahagiannya membawa kepada penubuhan UMNO, wujudnya darurat, wujudnya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, berkerajaan sendiri pada tahun 1955, pakatan UMNO dengan MCA dan MIC, kontrak sosial dan seterusnya merdeka pada tahun 1957. Di samping itu juga wujudnya hak keistimewaan orang Melayu, sistem quota dan sebagainya. Pengenalan kepada sistem-sistem ini adalah disebabkan oleh kelemahan orang Melayu untuk bersaing dengan kaum Cina dan India. Ini kerana dari segi sejarah orang Cina lebih dahulu menerima kehidupan moden barat dari segi ekonomi, politik dan sosial termasuk pendidikan. Orang Cina mengambil ilmu barat dalam menjana kehidupan moden di Tanah Melayu tetapi orang Melayu masih berada ditakuk lama. Orang Melayu masih hidup di luar bandar yang serba kekurangan sedangkan orang Cina hidup di bandar-bandar, terutama di negeri-negeri pantai barat, Tanah Melayu yang diwujudkan oleh penjajah. Sehingga bila Perang Dunia Kedua tamat, kedudukan orang Melayu begitu daif dan hina, manakala kedudukan orang bukan Melayu yang serba moden dan mewah²³ hidup di bandar-bandar besar dan di pinggir bandar menjalankan aktiviti perniagaan daripada mengusahakan pokok taugeh hingga kepada perniagaan perkapalan. Dengan sebab itu, didapati kaum Cina menguasai ekonomi negara kerana mereka mempunyai asas yang kukuh. Jika tidak kerana dasar tindakan afirmatif yang diperkenalkan oleh UMNO dalam tahun 1974,

²³ Perkataan moden dan mewah adalah berlainan dengan konsep sekarang. Perbandingan dibuat untuk keadaan hidup di peringkat awal kemerdekaan.

mungkinkah orang Melayu dan bumiputera dapat menyaingi kekuatan ekonomi kaum Cina (Atory Hussain, 1998).

4.2.2 Cabaran Dalam Politik Melayu Sebelum UMNO

Sebelum kedatangan Inggeris, kuasa politik orang Melayu terletak di tangan raja-raja atau sultan. Sultan mempunyai kuasa mutlak ke atas pemerintahan negeri masing-masing dalam mentadbir negeri. Sultan-sultan dibantu oleh beberapa pegawai istana dan pembesar yang terdiri daripada golongan bangsawan seperti bendahara, laksamana, temenggung, shahbandar, bendahari dan sebagainya. Walaupun begitu, semasa penjajahan Inggeris, melalui perjanjian yang ditandatangani secara sukarela atau paksa, sultan-sultan Melayu di Perak (1874), Selangor (1874), Pahang (1888), Negeri Sembilan (1888) Kedah (1909), Perlis (1909), Kelantan (1909), Terengganu (1909) dan Johor (1919) telah menyerahkan sebahagian besar daripada kuasa politik kepada pihak Inggeris kecuali dalam hal-hal mengenai orang Melayu dan agama Islam. Dalam bidang-bidang lain raja-raja Melayu bertindak atas nasihat yang diberikan oleh Inggeris yang menempatkan seorang residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1895) dan seorang penasihat di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (1909).

Penjajahan Inggeris dan pengenalan pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu telah menggerakkan sedikit sebanyak semangat kesedaran di kalangan rakyat Tanah Melayu mengenai hak pemerintahan sendiri. Kesedaran ini mula muncul pada awal abad ke-20, di mana pada

peringkat awalnya kebangkitan ini dipelopori oleh golongan yang terdidik di Asia Barat atau Timur Tengah, terutamanya, di Mesir. Di negara itu, gerakan reformasi telah menuntut beberapa pembaharuan, terutamanya, mengenai Islam itu sendiri. Pelajar-pelajar Melayu yang pulang dari sana ingin membuat perubahan yang sama kerana mereka merasakan masyarakat Melayu ketinggalan dari semua segi. Mereka juga berusaha untuk mempengaruhi supaya orang-orang Melayu menghapuskan pegangan karut yang masih mereka percayai. Golongan pembaharuan yang terdidik di Asia Barat ini telah menyebarkan idea-idea mereka melalui beberapa akhbar yang mereka asaskan seperti *Al-Iman* dan *Saudara*. Perjuangan mereka boleh dirumuskan sebagai bertujuan melakukan pemodenan melalui Islam, menyerap teknologi barat, memberi peluang wanita untuk menerima pelajaran dan mengamalkan sistem pendidikan moden. Golongan ini lebih dikenali sebagai Kaum Muda dan mereka mendapat tentangan daripada alim ulama tradisional atau yang digelar kaum tua (Ahmad Samion & Ahmad Saupi, 1989).

Selain daripada golongan yang terdidik dalam Islam, terdapat juga dua golongan Melayu yang terlibat dalam pergerakan bercorak politik, walaupun tujuannya bukan untuk mengambil alih pemerintahan ini secara langsung tetapi memanjangkan perjuangan politik mereka melalui sistem yang ada. Di satu pihak terdapat kumpulan rakyat yang mendapat pendidikan Inggeris, terutama, di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK) yang diwujudkan pada tahun 1905, manakala di pihak yang satu lagi terdapat nasionalis Melayu yang lahir dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim yang diwujudkan pada tahun 1922.

Golongan cerdik pandai Melayu yang menerima pendidikan di MPSI lebih banyak terpengaruh dengan perkembangan di luar, terutama di Indonesia, di mana kebangkitan semangat kebangsaan memuncak dalam tahun 1920-an dan 30an bagi menentang penjajah Belanda melalui kekerasan untuk menuntut pembebasan yang mengambil sikap anti-feudal (raja) dan anti-kolonial. Golongan ini menuntut kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia di bawah Kesatuan Melayu Raya yang lebih besar. Antara pemimpin golongan ini, ialah, Ibrahim Yaacob dan Ishak Haji Mohamad. Golongan radikal Melayu ini menujuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam tahun 1937 yang mana ahlinya kebanyakannya terdiri daripada kalangan pelajar. Kehadiran KMM ini ditakuti oleh Inggeris dan tindakan keras diambil untuk menangkap pemimpin-pemimpin KMM dan pengikut-pengikut yang aktif. Ini dilakukan dalam tahun 1940, apabila kira-kira 150 orang pemimpin dan pengikut KMM ditahan oleh Inggeris. Ketika itu, KMM bukanlah pertubuhan politik tunggal yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu. Pada awal abad ke-20, di Singapura misalnya, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) telah ditubuhkan lebih awal daripada itu, iaitu, dalam tahun 1926. Tetapi ia bukanlah sebuah pertubuhan politik dalam erti kata yang sebenar. Ia lebih merupakan sebuah “*pressure group*” atau kumpulan pendesak kerana ia lebih bersifat untuk mempengaruhi kerajaan Inggeris supaya memberi kedudukan yang lebih baik kepada orang Melayu dari segi ekonomi, politik, sosial dan pelajaran. KMM tidak berjuang untuk memerdekakan Tanah Melayu sebaliknya ia mengikrarkan kesetiaan kepada Inggeris.

Kejayaan Jepun, sebuah kuasa timur, mengalahkan Inggeris dalam Perang Dunia Kedua telah memberi kesan yang mendalam dalam arus kebangkitan menentang penjajah di negara ini. Seperti Inggeris, Jepun juga hanya sedia bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang boleh diperalatkan olehnya untuk mengekalkan kehadirannya di Tanah Melayu. Kesatuan Melayu Muda (KMM) mendapat layanan yang baik, tetapi dibubarkan tidak lama selepas Jepun memasuki Tanah Melayu. Bagaimanapun, KMM disusun semula menjadi angkatan Pembela Tanah Air (PETA) untuk menentang British dan bekerjasama dengan Jepun. Pada saat-saat akhir apabila Jepun menyedari yang ia akan kalah dalam perang, Jepun bersetuju untuk memenuhi tuntutan PETA untuk mengisyiharkan kemerdekaan Malaya bersama Indonesia. Selain daripada menyusun semula KMM menjadi PETA, Jepun juga menganjurkan penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia-Semenanjung (KRIS), yang telah mengadakan pertemuan dengan Sukarno dalam bulan ogos 1945 untuk membincangkan kemerdekaan di bawah Indonesia Raya. Tetapi kedatangan semula Inggeris menyebabkan PETA dibubarkan.

Apabila Jepun menyerah kalah, British kembali berkuasa. Pada mulanya pemerintahan bercorak ketenteraan (BMA) diperkenalkan, untuk memudahkan ia menjalankan pentadbiran bagi menghadapi tentangan daripada beberapa kumpulan yang cuba mengambil alih kuasa sebaik sahaja Jepun berundur. Ini termasuklah usaha oleh Parti Komunis Malaya menimbulkan haru-hara untuk menumbangkan kerajaan Inggeris ketika itu. Pemerintahan tentera British bagaimanapun adalah untuk sementara

itu sahaja. Pemerintahan awam ingin dipulihkan. British bercadang untuk menyatukan seluruh negeri-negeri Tanah Melayu di bawah satu pentadbiran awam yang dikenali sebagai Malayan Union.

4.2.3 Cabaran Dalam Proses Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

Parti Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malay National Organization (UMNO) secara rasminya ditubuhkan pada 11 Mei 1946 dengan tujuan utama menyatukan bangsa Melayu menentang konsep politik Malayan Union. Malayan Union adalah satu sistem pentadbiran yang akan meletakkan seluruh negeri-negeri Tanah Melayu kecuali Singapura ke dalam satu unit pemerintahan pusat di bawah seorang pegawai tinggi British. Di bawah Malayan Union kuasa raja-raja Melayu akan diambil alih oleh gabenor dan raja Melayu hanya sebagai simbol sahaja. Malayan Union memberi kewarganegaraan mengikut '*jus soli*' (kelahiran). Walau bagaimanapun, konsep Malayan Union ditentang oleh orang-orang Melayu. Untuk menentang gagasan Malayan Union satu perjumpaan persatuan-persatuan Melayu telah diadakan dari 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru Kuala Lumpur. Sejumlah 41 buah pertubuhan dengan 107 wakil dan ribuan pemerhati telah hadir dalam persidangan itu. Antara pertubuhan dan pemimpin yang hadir dalam perhimpunan itu adalah seperti berikut²⁴:

- i. Seberkas Kedah – Datuk Senu Abd. Rahman dan Muhd. Jamil Binjal
- ii. Persatuan Melayu Kedah – Rajam Darus, Ahmad Abdullah
- iii. Persatuan Melayu Singapura – Abdul Rahim Ibrahim, Abdul Hamid Jumat

²⁴ Sumber: Diubahsuai dari Jamaie Hamil (2004).

- iv. Persatuan Melayu Pahang – Mohd. Nor Sulaiman
- v. Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka – Ahmad Jamal, Ali Mohamad
- vi. Persatuan Melayu Pulau Pinang – Ibrahim Mahmud, Pak Cik Ahmad
- vii. Persatuan Melayu Seberang Prai – Ahmad Maliki, Hashim Awang
- viii. Persetiaan Melayu Kelantan – Mewakilkan kepada Datuk Panglima Bukit Gantang (Dato' Abdul Wahab)
- ix. Persatuan Melayu Perlis – Tahirim Ibrahim, Salleh Osman
- x. Persekutuan Melayu Negeri Sembilan – Tunku Hussein Tunku Yahya, Raja Noordin Raja Deli
- xi. Perikatan Melayu Perak – Panglima Bukit Gantang (Dato' Abdul Wahab), Zainal Abidin Abas
- xii. Persatuan Melayu Perak – Datuk Muda Wan Mohd Nor Tahim, Tahir Setia Raja
- xiii. Persetiaan Muslim Teluk Anson-Saharom Muhyiddin
- xiv. Persatuan Melayu Chenderiang – Raja Lob Saharuddin Mohamad
- xv. Kesatuan Muhibah Malim Mawar – Ahmad Abdullah, Mokhtar Sultan Laidin
- xvi. Parti Kebangsaan Melayu Malaya – Dr. Burhanuddin Mohd. Nor, Zulkifli Auni
- xvii. Pergerakan Melayu Semenanjung Johor – Dato' Onn Jaafar, Syed Kadir Mohamad, Abdul Manap Buyong
- xviii. Persatuan Melayu Kluang – Kapt. Ahmad Don, Abu Bakar Abd. Hamid
- xix. Persatuan Melayu Selangor –Yunos Hamidi, Abdul Samad Ahmad (Kedua-duanya wartawan)
- xx. Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor – Datuk Hamzah Abdullah, Ismail Mat Shah
- xxi. Ikatan Setia Kampung Baru – Zainal Abidin Othman, Zaleha Mohd. Ali (kakak Datin Seri Dr. Hasmah Mohd. Ali)
- xxii. Kelab Peranakan Pulau Pinang – Baginda Buyong, Lop Ahmad
- xxiii. Dewan Perniagaan Melayu Selangor – Ramli Tahir, Ali Arshad
- xxiv. Persatuan Penghulu-penghulu Selangor – Raja Abdul Rahman Raja Yusof, Raja Ismail Raja Ibrahim

- xxv. Kelab Darul Ehsan Jeram – Othman Muhd. Sharif, Omar Hassan
- xxvi. Persatuan Kaum Ibu Selangor – Fatimah Musa, Zaharah Tamim
- xxvii. Persatuan Bawean Selangor – Ahmad Hassan, Mas’od Zubir
- xxviii. Persatuan Melayu Hulu Selangor – Nordin Nawi, Yahya Mohd. Sani
- xxix. Persatuan Melayu Sabak Bernam – Mohamad Muhd. Ali, Lop Salleh Noh

Dalam persidangan itu tentang terhadap Malayan Union diperhebatkan, termasuk menggesa raja-raja Melayu memulaukan Malayan Union. Kongres itu juga memutuskan untuk menu buhkan UMNO dan Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai Yang Dipertua pertama. Selepas Dato' Onn mendapat mandat dari orang Melayu beliau bangun dan menentang segala dasar dalam Malayan Union melalui UMNO, kerana kepimpinannya orang Melayu telah berdiri teguh bersamanya dan UMNO. Kesannya Inggeris terpaksa mengalah dengan rancangan Malayan Union.

Menurut Abu Hassan Adam (1984) rancangan penubuhan Malayan Union adalah sebagai pemangkin atau ‘catalyst’ yang mempercepatkan penubuhan UMNO. Kalaupun tidak disebabkan adanya ura-ura kerajaan Inggeris menu buhkan Malayan Union, UMNO tetap akan wujud kerana pada masa itu, orang Melayu telah pun sedar tentang betapa pentingnya membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajahan Inggeris. Kegiatan gerakan nasionalis negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina telah mempengaruhi fikiran orang Melayu di Tanah Melayu supaya berjuang mendapatkan kembali hak dan merdeka.

4.2.4 Cabaran Penjajahan dan Konfrontasi

i. Penjajah

Dari segi sejarah, Malaysia telah dijajah selama lebih kurang 446 tahun bermula dengan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Selepas itu, penjajahan diikuti dengan Belanda, Inggeris dan Jepun. Secara amnya, penjajah meninggalkan pengaruh yang agak kuat ke atas negara khususnya yang berkaitan dengan sistem pentadbiran, ekonomi dan pendidikan. Penjajah Inggeris dan Jepun juga meninggalkan kesan pada hubungan etnik di negara ini. Begitu juga pengaruh Siam ke atas negeri-negeri Melayu seperti Kedah, Terengganu, Kelantan dan Perlis.

Pada zaman penjajahan British, misalnya, British telah memulakan sistem ekonomi berorientasikan eskport dengan membuka perusahaan perlombongan dan ladang-ladang getah. Untuk memajukan bidang ini British tidak mengambil inisiatif untuk melibatkan kaum Melayu ke dalam kegiatan-kegiatan tersebut sebaliknya mendapatkan tenaga kerja dari luar iaitu dari China dan India. Kemasukkan kaum Cina dan India telah menghasilkan masyarakat majmuk di Malaysia (Norlida Jani, 1996).

Menurut Jamaie Hamil (2004) penjajah telah membentuk dasar diskriminasi terhadap peribumi, iaitu, orang Melayu. Diskriminasi ini jelas adalah untuk memelihara kepentingan ekonomi penjajah agar tidak

timbul persaingan modal antara Barat dengan penduduk tanah jajahannya. Misalnya, Peraturan Pemilikan Tanah 1987, bertujuan melindungi kepentingan modal British dalam urusan pembukaan ladang dan pada masa yang sama menghalang kaum peribumi daripada berbuat demikian. Malah kerajaan British telah menyediakan kemudahan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan untuk membantu kapitalis British menjalankan operasi mereka. Diskriminasi ini diteruskan dengan menjalankan pendekatan ekonomi dualisme yang memisahkan peranan penjajah terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk peribumi. Pihak penjajah mengaut sebanyak mungkin segala potensi ekonomi yang ada di Tanah Melayu untuk dibawa pulang ke negara asal mereka. Potensi ekonomi yang ada dibangunkan untuk kapitalis Barat dan orang Cina yang tinggal di Tanah Melayu sedangkan orang Melayu dibiarkan terus bergerak dalam sektor ekonomi tradisi. Walau bagaimanapun penjajahan telah meninggalkan kesan kepada pembentukan semangat perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Sebagai contoh menyedari hakikat bahawa orang Melayu akan kehilangan kuasa di negeri mereka sendiri dengan pembentukan Malayan Union (Kesatuan Malaya), maka Dato' Onn Jaafar bergabung dengan golongan nasionalis Melayu menentang pembentukan Kesatuan Malaya. Gabungan dari pemimpin-pemimpin dan kesatuan-kesatuan Melayu melahirkan UMNO pada 11 Mei 1946. Antara sebab-sebab Kesatuan Malaya ditentang adalah seperti berikut:

- i. Kedaulatan raja-raja Melayu akan tergugat. Raja-raja Melayu akan hanya berfungsi sebagai ketua adat dan agama sahaja

- ii. Pemberian hak kerakyatan yang bebas kepada kaum bukan Melayu membimbangkan orang Melayu kerana bilangan mereka akan melebihi bilangan orang Melayu
- iii. Hak keistimewaan orang Melayu sebagai kaum pribumi akan terhapus.

Walaupun terdapat bantahan, kerajaan Inggeris tetap meneruskan penubuhan Kesatuan Malaya. Pada 1 April 1946, Kesatuan Malaya dilancarkan dengan rasminya dan Edward Gent dilantik sebagai Gabenor yang pertama. Namun majlis perasmian tersebut telah dipulaukan oleh raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu. Ekoran daripada bantahan dan pemulauan itu, satu rundingan antara Edward Gent, raja-raja Melayu dan Dato' Onn telah diadakan. Perundingan itu memutuskan bahawa Kesatuan Malaya akan digantikan dengan satu pemerintahan baru. Akhirnya pada bulan Julai 1946 Kesatuan Malaya dibubarkan.

Pada bulan Februari 1948, kerajaan Inggeris telah mengisyiharkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu untuk menggantikan Kesatuan Malaya. Persekutuan ini terdiri daripada sembilan buah negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang. Ia diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh Kerajaan Inggeris. Dalam Persekutuan, sultan diberikan semua hak-hak ke atas perkara-perkara seperti pentadbiran kerajaan tempatan, urusan kesihatan, pendidikan dan pertanian. Sementara itu syarat-syarat kerakyatan diperketatkan dan hak keistimewaan orang-orang Melayu sebagai kaum Bumiputera diperkuatkan. Bermula dari sini semangat perjuangan orang Melayu

untuk mencapai kemerdekaan semakin tinggi dan akhirnya Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

ii. Konfrontasi

Di awal penubuhan, kerajaan Malaysia yang diketuai UMNO telah menerima ancaman dari kuasa luar, iaitu, Indonesia. Ancaman ini wujud kerana penubuhan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman yang meliputi Sabah dan Sarawak telah menimbulkan rasa tidak puas hati Sukarno, pemimpin Indonesia ketika itu. Presiden Sukarno mengumumkan dasar konfrontasinya pada 20 Januari 1963 dengan slogan “Ganyang Malaysia”. Penentangan Indonesia terhadap Malaysia bukan sahaja terungkap melalui hubungan diplomasi yang dingin tetapi melalui dasar yang lebih keras dengan melakukan konfrontasi secara terbuka. Sukarno memperluaskan penentangan meliputi sudut ekonomi, propaganda, mendalangi aktiviti subversif dan menceroboh ketenteraan di wilayah Malaysia.

Perlancaran konfrontasi oleh Indonesia pada tahun 1963, ketika itu didasarkan oleh beberapa perkara. Antaranya pembentukan Malaysia yang pro kepada Britain atau barat akan mengancam keselamatan Indonesia. Pembentukan Malaysia dilihat oleh Sukarno sebagai mengepung Indonesia dan mengancam masa depan negaranya. Dari sudut ekonomi pula pembentukan Malaysia yang lebih makmur akan menjadi tarikan kepada Sumatera dan Sulawesi untuk menganggotainya pada masa hadapan. Di samping itu sokongan yang diterima oleh

Sukarno dari blok komunis China dan Soviet menyaingi pengaruh Britain dan Amerika Syarikat yang diberikan kepada Malaysia.

Menurut Mohamad Rodzi (2005), tahun 1963 hingga 1966 merupakan tempoh penting dalam perkembangan sejarah hubungan antara Malaysia dengan Indonesia. Dalam jangka masa tersebut, hubungan kedua-dua negara yang dianggap bersaudara berada dalam keadaan tegang ekoran isu penubuhan Malaysia dan dasar konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia. Putusan hubungan diplomatik untuk tempoh hampir tiga tahun melambangkan ketegangan yang wujud antara kedua-dua negara akibatnya wujudnya perbezaan dari segi prinsip pemerintahan, kepimpinan dan dasar luar.

Walau bagaimanapun pelancaran konfrontasi oleh Indonesia gagal kerana tidak mendapat sokongan dari orang Melayu dan bukan Melayu di Malaysia. Penduduk bukan Melayu, amnya, kaum Cina tidak menyokong kerana bangsa Cina dikatakan diinianyai di Indonesia manakala orang Melayu tidak menerima fahaman politik yang dibawa oleh parti Indonesia ketika itu yang mana Parti Rakyat di bawah Sukarno dikatakan berfahaman Maxis-sosialis. Di samping itu, bantuan yang diberikan oleh kerajaan Britain kepada kerajaan Malaysia telah berjaya membantu melemahkan operasi tentera Indonesia. Konfrontasi tamat pada 1 Oktober 1965 apabila berlaku peralihan pucuk pimpinan Indonesia di mana Jeneral Suharto menjadi Presiden kedua Indonesia. Konfrontasi telah menyedarkan Tunku Abdul Rahman akan kepentingan wujudnya kerjasama serantau. Dengan sebab itu beliau telah menggerakkan

kerjasama dengan negara-negara serantau, terutama dengan negara-negara di Asia Tenggara yang akhirnya mewujudkan ASEAN pada tahun 1967.

4.2.5 Cabaran Dalam UMNO

i. Berpuak-puak

Budaya puak dalam parti politik bukanlah perkara baru samada dalam UMNO atau parti lain. Budaya *klik* dalam politik UMNO atau dipanggil puak atau *team* menjadi amalan di dalam UMNO di semua peringkat dari cawangan sehingga ke Majlis Tertinggi dan ahli Parlimen parti (Ahmad Atory Hussain, 1990,1998).

Kepuakan adalah merujuk kepada suatu cabang daripada sesuatu parti politik ataupun *klik personel* dalam parti politik yang menampakkan unsur-unsur persaingan dan keretakan dalam parti politik (Ahmad Atory Hussain, 1990,1998)²⁵.

Contoh *klik* atau *team* yang pernah wujud dengan jelas dan memberi kesan kepada UMNO ialah kewujudan Team A dan Team B dalam pertandingan pucuk pimpinan UMNO di tahun 1987. Pada masa itu **team A** diketuai oleh **Dr. Mahathir Mohamed, Ghafar Baba, Mohamad Rahmad dan Daim Zainuddin** dan lain-lain manakala team B terdiri

²⁵ Pendapat ini berdasarkan kepada kajian oleh Ahmad Atory mengenai perpecahan dalam UMNO semasa Tengku Razaleigh menentang Tun Dr. Mahathir pada tahun 1987 dahulu.

dari pada Tengku Razaleigh Hamzah, Dato' Musa Hitam, Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Ibrahim Ali dan lain-lain.

Budaya *klik* atau *puak* dalam parti sebenarnya boleh meninggalkan kesan yang buruk dan jika tidak dikawal dengan baik ia boleh mengancam survival UMNO. Ini kerana kewujudan *klik* secara tidak langsung telah menghasilkan sistem naungan politik (patronage)²⁶. Budaya penaung/pelindung (patronage) atau naungan politik boleh berlaku di mana-mana, selagi mereka (ahli dan pemimpin bawahan) dilindungi oleh elitnya (pemimpin-pemimpin yang lebih berkuasa), dan selagi itulah mereka akan taat setia dan patuh kepada elit berkenaan (Yusuf, 1996).

Budaya politik naungan juga berlaku di kalangan orang Melayu dan UMNO sama ada di luar bandar mahupun di bandar. Sebagai contoh anggota atau ahli UMNO di peringkat bawahan atau cawangan bergantung kepada naungan ketua bahagian, ketua bahagian pula bergantung kepada ketua menteri atau menteri besar di peringkat negeri dan seterusnya kepada ahli majlis tertinggi atau presiden parti pada peringkat tertinggi atau pusat. Sistem naungan yang telah menjadi tradisi terus menjadi amalan kerana pergantungan antara satu sama lain. Dalam suasana di luar bandar sistem politik pergantungan dan naungan sangat ketara berbanding di bandar. Di bandar kesetiaan orang Melayu agak rapuh kepada parti politik kerana kehadiran ramai Melayu baru atau Melayu pertengahan yang menganggap diri mereka lebih senang, lebih berkuasa, lebih cerdik dan lebih tinggi tarafnya dari penghulu-penghulu

²⁶ Sistem naungan wujud dan menjadi budaya dalam masyarakat Melayu turun temurun.

yang berpendidikan rendah dan sesetengah dari wakil rakyat yang kurang pendidikannya (dalam sistem politik terbuka sesiapa sahaja layak menjadi wakil rakyat atau pemimpin parti dan akan menjadi ketua kepada semua orang termasuk orang Melayu Pertengahan).

Sistem naungan politik Melayu adalah budaya hidup masyarakat Melayu. Masing-masing pemimpin dan pengikut memerlukan antara satu sama lain dalam menangani semua isu yang berbangkit²⁷. Contohnya isu yang melibatkan Dasar Ekonomi Baru terutamanya berhubung dengan soal kebocoran juga menjadi isu yang dibincang bersama. Selagi timbul isu yang memerlukan pemimpin berjuang selagi itulah pengikut akan bersama dan setia kepada pemimpin. Sistem naungan politik dalam memilih pemimpin atau pengikut adakalanya berhubungkait dengan hal kekeluargaan. Umpamanya terdapat pemimpin dipilih kerana adanya hubungan kekeluargaan dengan pemimpin atasan, dan ada pemimpin yang dipilih dari ahli keluarga yang berjasa. Sebagai contoh, di Perlis ada ura-ura pihak-pihak tertentu untuk mencetuskan semangat kekeluargaan yang mana promosi-promosi cuba diberikan kepada anak-anak pemimpin yang dikatakan telah berjasa. Usaha-usaha memang dibuat tetapi ianya tidak berjaya. Namun isu sebegini wujud dari masa ke semasa. Selain itu pemilihan pemimpin juga dibuat atas asas pertimbangan, hasil dari hubungan pemimpin atasan dengan keluarga berkenaan ataupun atas dasar persahabatan. Sebagai contoh pemilihan Najib oleh Pak Lah

²⁷ Sistem patronage atau naungan bermaksud rakyat bergantung kepada ketua untuk hidup dan keselamatan. Dalam sistem demokrasi sistem naungan menjurus pula kepada rakyat bergantung kepada ketua atau kerajaan, ketua dan kerajaan pula bergantung kepada rakyat bagi mendapat sokongan untuk terus memerintah.

²⁸(Najib adalah anak Tun Razak. Pak Lah pernah bertugas dengan Tun Razak sebagai Setiausaha Mageran. Pak Lah seringkali menyebut kehebatan Tun Razak sebagai pemimpin)²⁹. Di samping itu, sistem naungan politik dalam memilih pemimpin atau pengikut juga didasarkan oleh persahabatan. Sebagai contoh pemilihan Datuk Radzi Sheikh Ahmad (mempunyai sejarah menentang kepimpinan UMNO) sebagai Setiausaha Agong Umno dilihat atas dasar persahabatan (kawan karib Pak Lah)³⁰. Begitu juga dengan beberapa pilihan yang lain.

Sistem naungan akan tetap subur di kalangan orang Melayu dan UMNO atas asas kekeluargaan, persahabatan, bangsa Melayu dan lain-lain sekiranya pemimpin yang memerintah memerlukan sokongan dan pengikut memerlukan pergantungan. Oleh sebab terdapat unsur pelakuan tradisi dalam politik Melayu, sudah tentu konsep taat setia dan patuh terus menjadi amalan ahli politik dan orang yang dinaungi (Yusof, 1996). Orang-orang terdekat dengan elit politik yang berkuasa akan mempunyai hubungan baik dan akan memperolehi keistimewaan, contohnya, melalui kenaikan drastik dalam jemaah menteri. Sebaliknya individu yang tidak sebulu dengan pucuk pimpinan tidak mendapat tempat (Ahmad Atory Hussain, 1998).

²⁸ Datuk Seri Najib Tun Razak dipilih atas dasar senioriti dalam parti. Beliau adalah Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak dan diterima umum.

²⁹ Ini adalah pandangan umum sahaja. Namun pemilihan jawatan Timbalan Pendana Menteri adalah hak Pendana Menteri sendiri yang didasarkan kepada senioriti, kelayakan, penerimaan dan lain-lain. Dalam UMNO, hubungan kekeluargaan bukan kriteria utama. Penulis di hari muka diharapkan membuat kajian yang lebih lanjut mengenai perkara ini.

³⁰ Datuk Radzi Sheikh Ahmad mempunyai pengalaman dalam menyusun strategi parti sejak dalam "UMNO lama" dan beliau menggantikan Tun Khalil Yaakob yang menjadi Setiausaha Agong UMNO dalam zaman Tun Dr. Mahathir sebagai Pendana Menteri. Kebolehan ini membolehkan Pak Lah memberi pertimbangan dalam memilih Setiausaha Agong UMNO yang baru walaupun Datuk Radzi Sheikh Ahmad pernah menyertai dan terlibat dalam penubuhan parti Semangat 46.

Walaubagaimanapun UMNO boleh membina kekuatan dan boleh berkhidmat dengan baik kalau ianya ditadbir oleh team yang mempunyai kesamaan pemikiran dan perjuangan dengan Presiden parti.

ii. Perpecahan Dalam Parti

Seperti yang dibincangkan dalam bab-bab yang lalu, perpecahan di kalangan ahli atau pemimpin UMNO sememangnya pernah berlaku. Krisis seperti ini bermula di era kepimpinan Dato' Onn Jaafar. Ianya berlaku akibat tindakan pemimpin-pemimpin UMNO lain menentang dasar cadangan Dato' Onn untuk menjemput orang-orang bukan Melayu untuk menyertai UMNO. Krisis ini berkesudahan dengan tindakan Dato' Onn keluar dari parti. Kedua, krisis kepimpinan Era kepimpinan Tunku Abd. Rahman dikatakan berlaku kerana kelalaian Tunku memperjuangkan nasib ekonomi bangsa Melayu. Tindakan menyingkirkan Dr. Mahathir dan Musa Hitam mengeruhkan lagi suasana politik dalam UMNO.

Ketiga, krisis era Dato' Hussin Onn pula berlaku kerana wujud sifat tidak percaya terhadap kepimpinan Dato' Hussin oleh sebilangan pemimpin UMNO. Tindakan memenjarakan Dato' Harun yang bersaing merebut kuasa dikatakan membuatkan persaingan dalam UMNO terus berlaku. Krisis ini berkesudahan dengan Tun Hussein Onn meletak jawatan sebagai Presiden UMNO dan Pendana Menteri atas faktor kesihatan³¹. Keempat, krisis era Dato' Seri Dr. Mahathir pula tercetus akibat dari

³¹ Tun Hussein Onn telah menjalani pembedahan jantung pada tahun 1980

longgarnya kesetiaan pemimpin UMNO kepada parti, berlakunya kecenderungan merebut kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin parti. Kejadian ini menggugat perpaduan ahli-ahli dan melanggar kerukunan peraturan parti. Akibat dari masalah ini UMNO diumumkan tidak sah pada 20 haribulan Februari tahun 1988 apabila dikatakan gagal mendaftar 30 cawangan UMNO. Kelima, konflik penubuhan UMNO baru dimana berlaku persaingan dua (2) kumpulan dalam UMNO iaitu *Team A* dan *Team B*.

Krisis politik dan perpecahan yang berlaku dalam UMNO sehingga kemunculan UMNO (baru) adalah akibat daripada sikap pemimpin yang hendak meluaskan kuasa dan pengaruh serta merebut jawatan dalam parti. Ahmad Atory Hussain (2001) menghuraikan faktor perpecahan dalam UMNO adalah disebabkan oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah disebabkan oleh gerakan pelajar Islam dan ideologi kiri dari beberapa gerakan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Kedua, kecenderungan di kalangan sesetengah ahli UMNO yang cenderung untuk merebut kuasa. Ketiga, taat setia di kalangan ahli UMNO yang semakin longgar dan konsep penaung tercabar.

Faktor luaran pula ialah seperti hasil kesan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) yang berjaya menghasilkan cerdik pandai Melayu dalam pelbagai bidang. Kedua Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi penekanan kepada pencapaian kebendaan dan pemilikan harta di kalangan orang Melayu menyebabkan berlaku perebutan peluang ekonomi. Ketiga,

penekanan kepada sains dan teknologi menyebabkan semangat patriotisme semakin hilang. Faktor ini jelas, di mana pada tahun 2004, kerajaan melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Keempat, ketiadaaan ancaman luar dan dalam seperti komunis dan konfronrasи membuka ruang kepada pergerakan-pergerakan seperti ABIM dan ARQAM untuk menyebarkan pengaruh mereka dan cuba menyerapkan ideologi mereka itu ke dalam UMNO dan orang Melayu amnya.

4.2.6 Cabaran Dari Pembangkang

i. Cabaran Dari Parti Politik Pembangkang

a. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada 22 Ogos 1945 dan merupakan parti politik pertama yang ditubuhkan selepas Jepun menyerah kalah. PKMM lahir dari ruang kerja markas harian “*suara rakyat*” iaitu sebuah akhbar yang diterbitkan di Ipoh, Perak, di bawah penguasaan Arshad Ashaari. Dalam satu perjumpaan menubuhkan PKMM itu muncullah tokoh-tokoh pemimpinnya, iaitu, Mokhtaruddin Lasso seorang nasionalis kiri sebagai Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung Dr. Burhannuddin Al-Helmy, Setiausaha Agung Dahari Ali dan beberapa orang ahli jawatankuasa, termasuk, Ahmad Boestaman. Apabila UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 PKMM terserap sebagai parti gabungan, tetapi pada 29 Jun 1946 PKMM mengisyiharkan keluar dari UMNO. Penarikan PKMM merupakan titik awal perpecahan orang

Melayu dan UMNO. Mengikut Chamil Wijaya (1985) antara sebabnya penarikan PKMM kerana berlaku percanggahan pendapat antara pemimpin UMNO dan pemimpin PKMM untuk menentukan slogan UMNO. PKM mencadangkan slogan ‘Merdeka’ sebaliknya UMNO memilih slogan ‘Hidup Melayu’. Selain itu, ideologi PKMM yang lebih radikal, iaitu, terpengaruh dengan fahaman sosialis untuk menentang penjajah Inggeris dengan kekerasan yang bercanggah dengan pendirian UMNO.

Sementara itu Ahmad Fawzi Basri (1991) menghuraikan mengapa PKMM menarik diri dari UMNO adalah berkaitan dengan syor PKMM supaya bendera UMNO bercorak merah putih tetapi syor ini ditolak. Berikutan penolakan syor itu wakil PKMM, iaitu, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestaman, telah menarik diri daripada Persidangan Perhimpunan Agong UMNO Kedua di Ipoh pada 29 dan 30 jun 1946 dan terus keluar dari UMNO. Terkeluarnya PKMM itu adalah lebih daripada soal bendera; bendera hanyalah sebagai pencetus, tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah matlamat perjuangan dan ideologi memang berbeza daripada UMNO yang mengamalkan prinsip pragmatis. Meskipun demikian, saki-baki pengaruh parti kiri Melayu ini masih melukut hingga ke hari ini seperti kewujudan Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Front Sosialis (simbul kepala lembu) NGO-NGO seperti Aliran (satu masa dulu), gerakan-gerakan mahasiswa di IPTA seperti di USM, UM dan juga segelintir ahli akademik di UKM dan USM yang cenderung menyebarkan fahaman sosialis dan fahaman kiri kepada mahasiswa.

b. Independence Of Malaya Party (IMP)

Tahun 1949 merupakan satu lagi persimpangan bagi UMNO. Ini ekoran daripada tindakan Dato' Onn Jaafar, Yang Dipertua UMNO ketika itu membuat cadangan supaya UMNO membuka pintu keahliannya kepada orang bukan Melayu. Cadangan Dato' Onn ini bagaimanapun ditentang oleh kebanyakkhan ahli atau perwakilan UMNO. Tentangan daripada orang Melayu menyebabkan Dato' Onn, merasa kecewa dan menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO pada 10 Jun 1950. Walau bagaimana pun, tidak lama kemudian Dato' Onn kembali kepada UMNO selepas dipujuk oleh orang-orang Melayu.

Krisis terus melanda UMNO dan orang-orang Melayu apabila Dato' Onn sekali lagi meneruskan cadangannya untuk menjadikan UMNO sebagai parti pelbagai kaum. Ahli-ahli jawatankuasanya menyokong cadangan beliau, tetapi majoriti para perwakilan UMNO tidak menyokong. Setelah gagal mendapat sokongan popular dari orang Melayu, Dato' Onn membuat ancaman kali kedua untuk meninggalkan UMNO. Apabila ancaman beliau tidak dihiraukan oleh orang Melayu, Dato' Onn keluar dari UMNO dan disertai oleh beberapa orang pengikut setianya seperti **Dato' Panglima Bukit Gantang dan Dato' Nik Ahmad Kamil**. **Dato' Onn dan pengikut-pengikutnya menubuhkan “Independence of Malaya Party” (IMP)** untuk menyaingi UMNO dalam mendapat sokongan rakyat. Dato' Onn mengasaskan IMP berdasarkan konsep keahlian '*multiracial*', iaitu, terbuka keahlian kepada semua kaum. Namun begitu IMP gagal mendapat sambutan dari masyarakat kerana memandangkan masyarakat Cina dan India telah mempunyai persatuan

masing-masing serta bekerjasama dengan UMNO. Dato' Onn berasa kecewa lalu membubarkan IMP dan menubuhkan parti politik yang baru, iaitu, Parti Negara. Walau bagaimanapun parti itu juga gagal mendapat sokongan rakyat dan akhirnya berkubur begitu sahaja.

Mengikut Ahmad Fawzi Basri (1991), inilah krisis kepimpinan yang pertama dalam UMNO tetapi tidak menjaskan struktur UMNO, sekadar proses pembudayaan UMNO yang lebih terbuka nantinya. Sebagai parti pelbagai kaum ditolak pada waktu itu. Amat jelas bahawa krisis dalam UMNO ini bukan kerana perebutan kuasa di kalangan pemimpin UMNO tetapi pertentangan idea atau fahaman antara pemimpin dan ahli-ahli UMNO yang masih kental semangat kemelayuannya. Walau bagaimanapun kekentalan semangat itu telah berjaya ditoleransikan apabila Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO ke arah bekerjasama dengan MCA dan MIC untuk merdeka.

c. Kesatuan Islam Se- Malaya (PAS)

Pada tahun 1951, UMNO menghadapi cabaran baru dalam politik Melayu, iaitu, dari golongan radikal Islam. Ini akibat daripada keputusan Kesatuan Ulama-ulama Se-Malaysia melantik Ketua Jabatan Agama UMNO, Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai ketua Kesatuan Islam Se-Malaysia (PAS). Persatuan ini ditubuhkan secara rasmi dalam persidangan Persatuan Ulama di Butterworth pada 24 November 1951.

Pada peringkat awal kemunculan PAS adalah hasil daripada keinginan pemimpin-pemimpin UMNO untuk mendapatkan sokongan daripada

golongan Islam di samping membantu UMNO memperjuangkan Islam. Berasaskan matlamat ini, UMNO telah menaja satu persidangan ulama di Muar pada 21-22 Januari 1951. Persidangan ini dihadiri oleh 40 perwakilan dan 300 orang pemerhati yang terdiri daripada alim ulama dalam UMNO, wakil majlis Agama Islam negeri dan organisasi Islam yang lain. Daripada persidangan inilah lahirnya beberapa usul tentang pentadbiran Islam dan juga penubuhan Persatuan Ulama-ulama Semenanjung. Persatuan ulama ini kemudiannya mengadakan beberapa kali mesyuarat. Dalam mesyuarat akhirnya di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951 telah diputuskan beberapa perkara; pertamanya mengenai pentadbiran Islam, kedua ialah keputusan menukuhan sebuah parti politik Islam yang bebas di mana Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Ketua Jabatan Agama UMNO dilantik mengetuai badan perlembagaan Persatuan Islam Se-Malaysia (PAS).

Seterusnya PAS menjadi sebuah parti politik yang bebas dan bersaing dengan UMNO setelah kegagalan Haji Ahmad Fuad merebut jawatan Yang Dipertua UMNO dalam persidangan Agung UMNO 25-26 Ogos 1951. Kekalahan Haji Ahmad Fuad kepada Tunku Abdul Rahman menyebabkan beliau mengambil kesempatan menggunakan PAS bagi tujuan kesinambungan politik dan meneruskan cita-cita politiknya.

PAS sebagai parti politik dari segi keanggotaan tidak memperlihatkan sokongan yang menyeluruh, sehingga tahun 1953, apabila perlembagaan parti itu disusun semula dengan pertama meletakkan

kemerdekaan sebagai objektif utama³², keduanya menyempurnakan matlamat Islam untuk masyarakat keseluruhannya dan ketiga, membentuk kerajaan Islam. Berlandaskan kepada matlamat itu PAS melibatkan diri dalam politik tanah air. Kemasukan PAS dalam politik tanah air memberi saingan baru kepada UMNO dalam merebut kerusi pemerintahan negara. Umpamanya penglibatan PAS dalam pilihanraya di tahun-tahun 1959, 1964 dan 1969 sedikit sebanyak telah menggugat kerusi UMNO. Dalam pilihanraya 1959 misalnya, PAS berjaya menawan Terengganu dengan kemenangan 13 kerusi dari 24 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Namun begitu kemenangan PAS tidak lama, hanya untuk tempoh dua (2) tahun sahaja kerana beberapa orang wakil parti itu melompat parti ke Perikatan. Sementara itu bagi pilihanraya di tahun 1964 dan 1969 pula PAS berjaya menawan Kelantan.

Kemunculan PAS dalam kancang politik negara juga menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan orang-orang Melayu. Perpecahan orang-orang Melayu mula dirasai apabila PAS membabitkan diri dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan. Perpecahan di kalangan orang Melayu mula meruncing apabila terdapat segelintir dari pemimpin PAS yang mementingkan diri, menyeleweng dengan menggunakan nama Islam untuk memenangi kerusi dalam satu-satu pilihanraya.

³² Namun semasa UMNO menuntut kemerdekaan di tahun 1957, PAS tidak setuju dengan tuntutan tersebut dengan memberi alasan bahawa orang Melayu tidak mempunyai keupayaan untuk mentadbir negara. Kata PAS jarum pun orang Melayu tidak mampu untuk membuatnya, bagaimana pula hendak memerintah sebuah negara.

Penyelewengan³³ yang dilakukan oleh segelintir pemimpin PAS ini sedikit sebanyak telah menimbulkan pertelagahan di antara pemimpin UMNO dan PAS hingga merebak kepada para pengikutnya. Walau bagaimanapun UMNO di bawah pemimpin-pemimpinnya pada masa itu bertindak menangani masalah penyelewengan dengan cara toleransi dan memberi penerangan kepada orang ramai.

Ahmad Fawzi Basri (1991) menegaskan pada tahun 1951 UMNO menghadapi saingan baru dalam politik Melayu, iaitu, dari golongan Islam. Sementara itu Ibrahim Ahmad (1989) berpendapat konflik antara UMNO dan PAS berlaku kerana masing-masing memperjuangkan dasar dan ideologi politik yang berbeza. Kesan daripada perbezaan perjuangan ini menimbulkan sengketa yang mendalam yang dapat dilihat bukan sahaja dari garis-garis kepartian, malah menyentuh garis-garis keislaman (Aqidah, Iman dan syahadah). Ini telah menimbulkan krisis perpecahan orang Melayu yang rata-rata beragama Islam di negara ini. Terdapat jurang yang besar di antara pegangan Islam yang dipertahankan oleh PAS dan konsep Islam yang diperjuangkan oleh UMNO. Oleh itu, UMNO dan PAS terus berkrisis dalam konteks Islamisasi hingga ke hari ini. Ternyata konsep pentadbiran Islam dan negara Islam yang dislogarkan oleh PAS adalah tidak ada sebenarnya. Ini ternyata apabila PAS memerintah Kelantan dan Terengganu, sistem dan struktur pemerintahan dan pentadbiran yang diperjuangkan UMNO juga yang digunakan oleh

³³ Penyelewengan di sini lebih menjurus kepada hukum tentang larangan orang Islam bekerjasama dengan bukan Islam. Orang PAS yang dhaif dengan ajaran agama Islam mempercayai akan larangan ini dan ianya berpanjangan hingga ke hari ini. PAS menuduh UMNO kafir pada tahun 1960an, 1970an dan seterusnya kerana UMNO bekerjasama dengan MCA, MIC dan parti bukan Islam yang lain.

PAS. Begitu juga dengan aspek ekonomi dan pendidikan, kepada UMNO juga mereka bergantung.

d. Parti Semangat 46

Kemunculan Parti Semangat 46 kesan daripada kekecewaan Tengku Razaleigh Hamzah kerana kekalahannya dalam pertandingan pucuk pimpinan di perhimpunan agong UMNO pada 24 hb April 1987. Dalam perhimpunan ini buat pertama kalinya jawatan presiden ditandingi, iaitu, di antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh. Selain daripada jawatan presiden, jawatan Timbalan Presiden juga turut ditandingi oleh Encik Ghafar Baba dan Dato' Musa Hitam.

Pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden menyebabkan berlaku perpecahan dalam UMNO dengan kewujudan *team A* dan *team B*, yang mana *team A* ini antaranya terdiri daripada Dr. Mahathir, Ghafar Baba, Mohamad Rahmat, Daim Zainuddin dan *team B* pula diantaranya terdiri daripada Tengku Razaliegh Hamzah, Dato' Musa Hitam, Datuk Rais Yatim, Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Ibrahim Ali.

Dalam pertandingan ini kemenangan memihak kepada *Team A* yang dipelopori oleh Dr. Mahathir dan Ghafar Baba. Walau bagaimanapun kemenangan ini tidak direstui oleh penyokong-penyokong Tengku Razaleigh Hamzah. Kumpulan sebelas orang membantah dan mencabar kesahihan dan kemenangan Dr. Mahathir dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO. Mereka membawa usul ini ke mahkamah dengan mendakwa perhimpunan itu tidak sah kerana terdapat 30 cawangan

dalam empat bahagian yang turut menghantar wakil dalam perhimpunan agong tidak mendaftar dengan pendaftar pertubuhan. Dengan usul ini kumpulan sebelas berharap kemenangan yang diperolehi oleh Dr. Mahathir akan dibatalkan. Dalam kes ini Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Harun Hashim telah mengisyiharkan pada 4 Februari 1988 bahawa oleh kerana terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, maka UMNO pada keseluruhannya adalah juga sebuah pertubuhan yang tidak sah di segi undang-undang. Oleh itu UMNO yang diasaskan pada 11 Mei 1946 diharamkan yang berkuatkuasa pada 12 Februari 1988.

Selepas UMNO diharamkan Dr. Mahathir menubuhkan UMNO (Baru) yang diumumkan penubuhan secara rasmi pada 16 Februari 1988. Pada 14 Februari Tunku Abdul Rahman pula cuba menggerakkan untuk menubuhkan UMNO yang telah diharamkan itu tetapi gagal. Dr. Mahathir bertindak bijak menerima ahli UMNO (Baru) berdasarkan kepada ketiaatan dan bukan secara automatik. Keanggotaan baru diasaskan kepada kesetiaan kepada parti lama dan bagi mereka yang tidak setia, buat sementara tidak ada tempat untuk mereka ketika itu dalam UMNO. Seterusnya anggota Majlis Tertinggi yang didapati menentang Dr. Mahathir digugurkan dari menjadi Ahli Majlis Tertinggi. Antara mereka ialah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Datin Paduka Hajah Rahmah Othman, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Hajah Marina Yusof dan Haji Abdul Rahim Bakar. Dalam susunan kabinet Dr. Mahathir Mohamad

selepas itu beberapa menteri digugurkan termasuk Dato' Abdullah Ahmad Badawi (Ahmad Atory Hussin, 1998).

Sementara itu untuk membuktikan 1.4 juta bekas ahli UMNO lama setia atau tidak kepada UMNO baru sebanyak 1.4 juta borang keahlian diedarkan, tetapi mereka dikenakan dua, iaitu, syarat pertama mengikrar taat setia kepada parti dan syarat kedua bersetuju menyerahkan harta UMNO lama kepada UMNO (baru).

ii. Cabaran Dari Parti Politik Yang Berfahaman Fanatik, Kolot Dan Anti Moden Dan Barat Serta Menperjudikan Agama Dan Maruah Untuk Kepentingan Politik.

UMNO bukan sahaja terpaksa berdepan dengan parti politik, tetapi yang lebih buruk lagi ialah berdepan dengan segolongan dari parti politik yang membawa fahaman fanatik agama, kolot dan anti moden serta menperjudikan agama dan maruah untuk kepentingan politik.

Semenjak PAS menjebakkannya dalam arena politik, PAS menjadi parti saingan yang baru kepada UMNO dalam membantu orang Melayu dan mendapatkan sokongan mereka. Dalam sejarah perjuangan PAS, mereka pernah memerintah negeri Kelantan dan Terengganu serta menduduki beberapa kerusi Parlimen dan DUN di negeri-negeri Kedah, Perlis, Pahang dan beberapa negeri lagi.

Kemunculan PAS dalam kancah politik negara sebenarnya berkemungkinan banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan.

Kemunculan PAS dalam pilihanraya adalah sesuatu yang baik kerana ia merupakan satu amalan demokrasi memilih pemimpin dan parti. Apa yang buruknya ialah amalan politik yang digunakan oleh sesetengah pemimpin PAS untuk meraih sokongan rakyat. Dakyah-dakyah dan kempen-kempen politik PAS yang keterlaluan memburukkan UMNO telah menyebabkan berlaku pertelagahan dan perpecahan di kalangan orang Melayu.

S. Hashim Ahmad (2000) berkata UMNO terpaksa berdepan dengan muslihat dan dakyah PAS. S. Hashim Ahmad menghuraikan dakyah politik PAS seperti berikut:

- i. Teras dari kempen dan penyebaran mempengaruhi rakyat. PAS berselindung di sebalik nama parti itu sendiri dengan menyifatkan parti itu selaras dengan Islam, dan mahukan rakyat memihak kepada PAS dikatakan memihak kepada Islam.
- ii. Dakyah undi PAS masuk syurga dan undi UMNO masuk neraka
- iii. Sesiapa tidak menyokong PAS bererti mereka tidak menyokong Islam dan sesiapa menolak PAS bererti mereka menolak Islam.
- iv. PAS menyifatkan UMNO kafir kerana bekerjasama dengan parti-parti MCA dan MIC
- v. PAS mempertikaikan dan mempersenda tokoh ulama kerajaan sebagai ulama upahan

Penentangan PAS terhadap UMNO adalah penentangan tradisi, iaitu, bermula ketika Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun

Hussein Onn menjadi pemimpin UMNO dan sehingga kini apabila Dr. Mahathir Mohamed menjadi pemimpin UMNO. Sesiapa sahaja yang menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, PAS akan terus membuat penentangannya, kecuali jika PAS menjadi parti pemerintah (Zakry Abadi, 1990).

Selama bertahun-tahun PAS menjalankan kempen mereka menentang UMNO, UMNO tetap dengan cara dan sifat toleransi memperjelaskan kepada rakyat agar mereka tidak terpedaya dengan dakyah yang sengaja diadakan oleh PAS. Amalan toleransi dan demokrasi ini sedikit sebanyak telah berjaya membawa kejayaan kepada UMNO memerintah negara hingga ke hari ini.

Sebaliknya kempen-kempen dan dakyah-dakyah memburukan UMNO tidak memberi apa-apa kebaikan kepada PAS. Tindakan PAS hanya menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada mereka. Dakyah PAS yang terlalu ekstrim kepada agama juga menyebabkan orang-orang bukan Melayu takut untuk memberi sokongan kepada PAS sebaliknya mereka menaruh kepercayaan kepada UMNO untuk mentadbir negara.

4.2.7 Cabaran Ekonomi dan Sosial

i. Kemiskinan dan Sikap Negatif Orang Melayu

Menurut pendapat Ramlah Adam (1996), kelemahan masyarakat Melayu memang telah menjadi salah satu agenda golongan nasionalis dan masyarakat Melayu semenjak awal kurun 20. Kemiskinan ekonomi

Melayu ternyata dari jenis pekerjaan yang mereka lakukan dan pendapatan tahunan yang diperolehi mereka. Kebanyakan mereka adalah petani yang berpendapatan sangat kecil jika dibandingkan dengan penduduk bangsa lain.

Kemunduran ekonomi orang Melayu berpunca dari banyak sebab. Para nasionalis dan reformis Melayu menyalahkan British yang menjalankan dasar *dual-economy* yang menggalakkan sistem pertanian tradisional bagi orang Melayu dan ekonomi perdagangan bagi pelabur asing dan dagang yang terdiri dari pelbagai bangsa. British hanya menggalakkan orang Melayu membuka kebun kecil yang luasnya di antara 1 hingga 10 ekar. Penanaman padi yang menjadi pertanian utama orang Melayu, ditinggalkan tanpa dimajukan bersungguh-sungguh oleh British. Sebaliknya British lebih suka mengimport beras dari luar negara. Malah, telah menjadi sikap umum pegawai British yang gemar mengekalkan ekonomi sara diri orang Melayu demi mengelakkan mereka terdedah kepada ekonomi perdagangan yang akan mengganggu kepentingan ekonomi British dan kestabilan politik British itu sendiri. Mereka tidak mahu kehidupan tradisional orang Melayu diancam oleh sistem ekonomi moden (Ramlah Adam, 1996).

Sebelum tahun 1970 perbezaan dan pertumbuhan ekonomi di antara kaum di Semenanjung Malaysia adalah begitu jelas. Secara keseluruhannya orang Melayu mempunyai kedudukan politik yang kukuh tetapi kebanyakan daripada mereka adalah miskin. Ramai daripada orang Melayu terlibat dalam sektor pertanian yang kurang produktiviti seperti

pesawah padi, pekebun kecil getah dan nelayan berbanding kaum lain. Dalam tahun 1947 misalnya, sejumlah 57 peratus orang Melayu daripada 889,000 orang terlibat dalam bidang pertanian. Jika dibuat perbandingan antara orang Melayu dan etnik lain dalam bidang penanaman padi didapati 70 peratus dari 508,000 orang adalah terdiri daripada petani Melayu (Jadual 4.2).

Jadual 4.2

Taburan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 1947

Sektor Pekerjaan	Bumiputera (%)	Cina (%)	India (%)	Jumlah (,000)
Pertanian	57	30	13	889
Penanaman Padi	70	27	3	508
Penanaman Getah	39	33	28	381
Perlombongan	14	71	15	39
Pengeluaran, pembinaan	19	70	11	125
Perkhidmatan	27	48	25	407
Kerajaan	54	11	35	105
Jumlah	44	40	16	1565

Sumber: Dipadankan dari perangkaan Donald R. Snodgrass, 1980, hlm. 32-33, 38,41

Seterusnya jika dibandingkan pembabitan orang Melayu dan bukan Melayu dalam sektor pekerjaan profesional, jumlah pembabitan orang Melayu adalah jauh ketinggalan. Umpamanya dari segi kerjaya akauntan, pada tahun 1970 kaum Melayu hanya mempunyai 40 orang yang menjawat jawatan akauntan berbanding 387 akauntan berbangsa Cina dan 47 India. Dari profesion atau kerjaya kejuruteraan pula, hanya seramai 12 orang jurutera Melayu sedangkan 224 jurutera lagi terdiri dari jurutera Cina. Begitu juga dengan kerjaya doktor di mana kaum Melayu terus jauh terkebelakang. Doktor Melayu hanya dijawat oleh 79 orang

sedangkan 954 dan 857 orang lagi adalah terdiri dari doktor Cina dan India (Jadual 4.3-Jadual 4.5).

Jadual 4.3

Pekerjaan Akauntan Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Rakyat Asing
1970	40	387	47	118
1975	102	977	109	136
1979	110	1115	105	112

Sumber: Kamarul Arriffin (1997)

Jadual 4.4

Pekerjaan Arkitek Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Rakyat Asing
1970	12	224	4	37
1975	31	408	3	23
1979	56	432	6	19

Sumber: Kamarul Arriffin (1997)

Jadual 4.5

Pekerjaan Doktor Mengikut Kumpulan Etnik 1970-1979

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Rakyat Asing
1970	79	954	857	241
1975	113	1247	992	210
1979	272	1399	1338	159

Sumber: Kamarul Arriffin (1997)

Ahmad Fawzi Basri (1991) berkata pada masa dahulu orang Melayu dianggap sebagai bangsa yang lemah, mendirikan rumah di atas pokok, tidak mampu mengendalikan pengurusan perniagaan, tidak mempunyai ‘otak ilmu hisab’, tidak condong kepada sains dan teknologi, tidak gemar kepada ‘detail’, dan tidak berminat kepada usaha-usaha yang

payah. Pendeknya orang Melayu adalah bangsa yang malas dan tidak mahu berusaha. Dari masa ke semasa, orang Melayu di negara ini disamakan dengan orang-orang Negro dan Red Indian di Amerika Syarikat yang tidak berjaya. Mereka menjadikan kajian orang-orang barat dan orang-orang timur sendiri yang berpendidikan di universiti-universiti Amerika Syarikat, Great Britain dan Australia yang menganggap orang Melayu sebagai ‘Orang Pulau’ atau ‘*Islanders*’ yang tidak ada teknologi atau kemahiran, selain dari menikmati keindahan alam semulajadi dan memakai bunga di atas kepala.

Pada masa-masa tertentu orang Melayu dianggap sebagai perompak dan pembunuhan. Keyakinan dan kepercayaan terhadap orang Melayu disyaki. Ini ialah mentaliti 1960-an yang tebal di kalangan orang Melayu yang tidak berminat untuk menolong orang Melayu dan cemburu kepada kemajuan dan kehandalan mereka. Ini ialah mentaliti ‘*white psychology*’ di mana bangsa kulit putih dianggap lebih superior, lebih agung, dan lebih bermaruah. Mentaliti ini menyebabkan orang memandang orang Melayu sebagai bangsa yang selalu bergantung kepada orang lain untuk pekerjaan dan untuk kemajuan ekonomi amnya. Mereka digambarkan dalam buku-buku dan akhbar luar negeri sebagai pemandu kereta orang Cina, sebagai ‘*boyguards*’, sebagai peon, kerani rendah, anggota tentera dan polis sahaja.

Jika dilihat dari segi jumlah pemilikan saham oleh orang Melayu catatannya seperti di Jadual 4.6 yang mana menunjukkan orang Melayu

juga ketinggalan dalam nilai pegangan saham jika dibandingkan dengan bangsa lain.

Jadual 4.6

Kumpulan Hak Milik Saham (pada nilai par) Syarikat Berhad Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 1970

Tahun	Rakyat Melayu	Cina	India	Rakyat Asing	Syarikat Negeri
1970	126.6	1450.5	55.9	3377.1	320.1

Sumber: Kamarul Arriffin (1997)

Menurut Kamarul Ariffin (1997) semasa Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, penglibatan orang Melayu dalam bidang ikhtisas, perniagaan dan perindustrian masih sangat kecil berbanding dengan kaum bukan Melayu. Dari tahun 1957-1971, penglibatan tokoh-tokoh Melayu dalam dunia perdagangan dan perindustrian hanyalah sebagai simbolik. Ramai tokoh ini menjadi "Pak Pacak" kerana mereka bukan menguasai saham syarikat dan tidak pula memiliki kepakaran mengurus. Mereka diundang menjadi pengurus atau ahli Lembaga Pengarah kerana sebab-sebab tertentu, iaitu, untuk memenuhi kuota Melayu dan hubungan dengan pembesar-pembesar dan pegawai-pegawai Melayu. Kepada syarikat-syarikat asing pula, dengan adanya pengarah-pengarah Melayu dalam lembaganya, maka mereka rasa tanggungjawab mereka sudah selesai walaupun secara "melepaskan batuk di tangga". Pengarah syarikat sebegini sering disindir sebagai "orang keparat" dan bukan "orang korporat". Satu lagi kelemahan yang menonjol ialah perniagaan ala Ali Baba, iaitu orang Melayu digunakan sebagai kuda kayu atau kuda kepang bagi mendapatkan susuatu lesen (baik lesen membalak, lesen pengangkutan, atau apa juar lesen) dan modal

dan pengurusan dibekal dan dilakukan oleh rakan kongsi yang bukan Melayu. Sistem perniagaan begini telah merosakkan nama baik orang Melayu serta menghamparkan cita-cita penguasa Melayu yang tulus.

Untuk mengubah corak hidup orang Melayu serta membasmi kemiskinan mereka bukanlah satu perkara yang mudah. Sikap dan mentaliti orang Melayu yang negatif harus diubah terlebih dahulu sebelum dibangunkan ekonomi mereka. **UMNO selaku pemegang tampuk pemerintahan terpaksa berhempas pulas untuk memajukan ekonomi orang Melayu. Pelbagai dasar dan program serta agensi ditubuhkan untuk membantu orang Melayu.** Umpamanya penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA). MARA ditubuhkan hasil daripada Konvensyen Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada 21 Disember 1961 di Kuala Lumpur oleh UMNO. Penubuhan MARA adalah bertujuan untuk memberi pinjaman, pembelian ekuiti, penyediaan khidmat-khidmat teknikal, pelajaran teknikal dalam khidmat-khidmat pengurusan. MARA juga mempunyai institusi yang mengendalikan program pembangunan innovasi usahawan bumiputera. MARA memberi tumpuan kepada masyarakat luar bandar.

Seterusnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) pula diwujudkan pada tahun 1970 untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan penglibatan kaum bumiputera terutamanya orang Melayu dalam bidang perniagaan dan professional serta menstrukturkan semula masyarakat Malaysia. Di bawah DEB banyak agensi dan perbadanan ditubuhkan untuk membantu orang Melayu. Penubuhan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)

yang diberi peranan menyediakan kemudahan bagi perniagaan kecil dan besar, bantuan teknikal dengan menyediakan perkakas atau kelengkapan bagi perniagaan, pembaharuan semula bandar secara komprehensif, pembangunan bandar dan pembelian tanah untuk pembangunan di masa hadapan. UDA memberi tumpuan kepada masyarakat bandar. Seterusnya penubuhan Permodalan Nasional Berhad (PERNAS) sebuah agensi perdagangan nasional dan merupakan alat kerajaan yang paling penting bagi pembelian ekuiti melalui agensi amanah terhadap bumiputera. PERNAS pada asalnya dibiayai melalui ekuiti kerajaan dan objektifnya adalah untuk melibatkan diri dalam usahasama terutamanya dengan rakan kongsi luar negeri. Jenis-jenis pelaburan meliputi aktiviti-aktiviti dalam pembinaan, kejuruteraan, besi, elektronik, tayar, minyak kelapa sawit, kayu balak, pelancongan, perdagangan dan insuran. Sebahagian besarnya berdasarkan kepada kriteria daya keuntungan. Hasil daripada usaha-usaha kerajaan ini, kadar kemiskinan rakyat telah menurun dari tahun ke tahun. Mengikut Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah menurun dari 49.3 peratus (1970) kepada 39.6 peratus (1976) dan 18.4 peratus (1984). Pemilikan saham bumiputera juga meningkat jika dibandingkan antara tahun 1970an dan 1990an (Jadual 4.7).

Jadual 4.7

Kumpulan Hak Milik Saham (pada nilai par) Syarikat Berhad Mengikut Kumpulan Etnik Tahun 1970 dan 1990

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Rakyat Asing	Syarikat Nominari
1970	126.6	1450.5	55.9	3377.1	320.1
1990	20877.0	49296.5	1068	27525.5	9220.4

Sumber: Kamarul Arriffin (1997)

ii. Perpaduan Kaum (Rusuhan Kaum 13 Mei 1969)

Rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 merupakan permulaan awal masalah perpaduan kaum di Malaysia. Kejadian ini berlaku kesan daripada kemenangan parti-parti pembangkang, terutamanya, DAP dan Gerakan dalam pilihanraya tahun 1969. Susulan daripada kejayaan ini kaum Cina, amnya, bergembira kerana berjaya mendapat tambahan kerusi di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, terutama, di Selangor dan Pulau Pinang. Bagi meraikan kejayaan ini perkumpulan orang-orang Cina diadakan disamping mengadakan perarakan secara besar-besaran. Perarakan yang tidak terkawal, perlahan-lahan telah memasuki bandaraya Kuala Lumpur serta melalui Kampung Baru, sebuah kampung Melayu yang terbesar di tengah Kuala Lumpur. Di sini dianggarkan 30,000 orang Melayu tinggal dan perarakan tersebut telah menaikkan kemarahan orang Melayu.

Pada petang 13 Mei 1969, sekumpulan penyokong UMNO telah berkumpul di luar rumah kediaman Menteri Besar Selangor dengan tujuan untuk mengadakan tunjuk perasaan mengatasi perarakan yang telah diadakan itu bagi pihak UMNO. Selepas sahaja perarakan itu berjalan, huru-hara antara orang Melayu dan Cina meletus. Tidak beberapa lama rusuhan merebak ke berapa buah tempat lain di Kuala Lumpur. Serentak selepas rusuhan berlaku Pendana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman yang juga selaku Yang Dipertua UMNO telah memohon kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat. Dengan itu darurat diistisyiharkan pada 14

Mei 1969, mengikut Fasa 2 Akta 150 Perlembagaan Malaysia. Dua hari kemudian, Tunku Abdul Rahman telah menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) untuk mentadbir negara dan menghapuskan kacau bilau yang berlaku.

Selain itu beberapa langkah telah diambil oleh Tunku Abdul Rahman, umpamanya, pada 12 Jun 1969 pengeluaran sijil kerakyatan diberikan kepada orang bukan Melayu dan pemberian itu mengikut kelayakan sahaja. Seterusnya pada 30 Julai 1961 pengenalan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) dan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan sebagai alat mewujudkan perpaduan kebangsaan. Pada Januari 1970 pula, Lembaga Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara diwujudkan bagi menyelesaikan masalah perpaduan kaum serta menghindari dari peristiwa 13 Mei berulang. Manakala pada 31 Ogos 1970 pengisytiharan ideologi kebangsaan di isytiharkan yang dinamakan “Rukun Negara”. Akhir tahun 1970 Tunku telah bersara dan Tun Razak telah menggantikan beliau sebagai Pendana Menteri dan seterusnya memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan dan mengukuhkan perpaduan kaum. Dengan perkenalan langkah-langkah ini rakyat Malaysia berbilang kaum hidup aman hingga ke hari ini.

Menurut Faaland, Parkinson & Rais Saniman (1991) rusuhan kaum antara orang Melayu dan Cina berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Pertamanya kerana wujud masyarakat majmuk di Malaysia dan aliran

dualisme ekonomi serta ketidaksamarataan dalam penguasaan ekonomi. Keduanya adalah kerana parti-parti pembangkang terutamanya DAP dan Gerakan mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu, termasuk penggunaan bahasa dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ketiganya, DAP berkempen secara militan dengan mengemukakan tema “Malaysia untuk orang Malaysia”. Keempat, isu mengenai faedah segera dalam bentuk perolehan warga negara secara lebih mudah bagi orang bukan Melayu. Akhir sekali aspirasi orang Melayu untuk membaiki ekonomi mereka setanding dengan kaum lain kurang membawa hasil.

4.3 Cabaran Politik UMNO 1990-2000

Pengkaji berpendapat cabaran-cabaran UMNO dari tahun 1990 hingga 2000 merupakan usaha-usaha berterusan untuk mengisi kemerdekaan, khasnya, meninggikan pencapaian ekonomi orang Melayu. Era ini juga dianggap sebagai penting kerana pergolakkan, isu dan cabaran yang berlaku sekitar 1990-2000 itu telah menguji survival UMNO sendiri. Pada hemat pengkaji, era inilah yang paling mencemaskan UMNO. Dalam mengejar kemajuan untuk negara dan rakyat, UMNO berdepan dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Masalah perpecahan dan ekonomi orang Melayu masih menghantui pemikiran mereka walaupun negara sudah merdeka lebih 40 tahun. Pelbagai usaha dan dasar telah digubal untuk membantu orang Melayu tetapi kebanyakannya yang dilakukan oleh kerajaan tidak dipergunakan sepenuhnya oleh orang Melayu. Orang Melayu masih ketinggalan dalam bidang ekonomi mahupun lain-lain bidang. Tugas berat untuk membangun dan memajukan orang Melayu dan seterusnya negara terpaksa dipikul oleh pemimpin tertinggi negara. Dalam menjalankan tugas itu,

pemimpin UMNO terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran dan permasalahan seperti sikap negatif orang Melayu, perpecahan orang Melayu, perpaduan kaum, kegawatan ekonomi, globalisasi dan krisis politik.

Ahmad Atory Hussein (2001) memecahkan cabaran dalam tahun 90an kepada lingkungan 1997-2001 di mana dalam lingkungan ini berlaku dua ancaman paling serius bagi UMNO, iaitu, **pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Pendana Menteri dan kegawatan ekonomi.**

Sementara itu Ghazi Ramli & Aidit Ghazali (2000) pula menghuraikan beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh UMNO. Cabaran utama UMNO ialah untuk merealisasikan wawasan 2020 di mana cabaran kepimpinan yang benar-benar berketerampilan amat mendesak sekali dalam mengisi wawasan dan gagasan tersebut yang telah direncanakan oleh pucuk pimpinan UMNO. Cabaran kepimpinan yang dimaksudkan ini menyentuh kewibawaan yang dikatakan “*viable*” berdaya, mampu untuk membawa UMNO bersama-sama turut serta dalam arus perdana. Kepimpinan UMNO yang mantap akan menjana dan memperkasakan UMNO untuk berupaya meningkatkan martabat orang Melayu menjadi tuan kepada negara sendiri dalam aspek politik, ekonomi, teknologi, pendidikan dan sosial. Pemimpin Melayu perlu menjadi contoh ikutan rakyat sebagai sumber inspirasi serta mampu menjayakan segala wawasan dan dasar yang telah digariskan oleh kepimpinan UMNO.

4.3.1 Kegawatan Ekonomi

Kegawatan ekonomi bermula pada Julai 1997 apabila mata wang Bath Thailand diserang oleh spekulator rakus yang ingin meraih keuntungan di negara itu. Thailand yang mengalami defisit akaun semasa yang cukup besar gagal menghadapi serangan itu dengan cara yang berkesan. Selepas Thailand, Filipina kemudiannya menjadi mangsa diikuti negara-negara Asia Pasifik lainnya, termasuk, Indonesia, Korea Selatan dan Malaysia. Serangan spekulator telah mendedahkan kerapuhan sistem kewangan negara tersebut yang selama ini menyokong pertumbuhan ekonomi di negara-negara berkenaan. Syarikat yang meminjam dalam Dolar Amerika menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik.

Di sesetengah negara seperti Indonesia, hutang syarikat terlalu tinggi hingga menyebabkan kegagalan membayar balik pinjaman mengakibatkan bank-bank di negara tersebut menghadapi krisis tunai. Ini diikuti dengan kebekuan kredit yang akhirnya melumpuhkan ekonomi. Dalam keadaan terpaksa, sesetengah negara tidak mempunyai pilihan lain melainkan terpaksa menadah tangan kepada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) sekaligus meletakkan negara-negara tersebut di bawah telunjuk IMF. Kesan sosial dari kegawatan ekonomi amat membimbangkan. Pengangguran meningkat tiga kali ganda di Korea dan Jepun, begitu juga dengan negara-negara di Asia Tenggara. Kenaikan harga makanan yang diimport membebankan pengguna miskin di negara-

negara seperti Indonesia yang akhirnya menjadi sebahagian daripada faktor-faktor kejatuhan Presiden Suharto.

Malaysia juga tidak dapat lari dari menerima kesan krisis kegawatan ekonomi. Malaysia terperangkap dalam krisis kewangan serantau. Satu faktor utama ialah serangan ke atas mata wang negara. Krisis kewangan ini menjadi krisis ekonomi sepenuhnya dalam tahun 1998, di mana pertumbuhan ekonomi merudum 7.5 peratus. Kegawatan ekonomi yang melanda negara adalah amat ketara, tidak pernah negara mengalami keadaan sedemikian yang mana pada tahun 1985 ekonomi negara hanya menguncup satu peratus sahaja. Dari angka mutlak, Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga tetap telah berkurangan sebanyak RM14.79 ribu juta antara tahun 1997 dan 1998. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan telah berkurangan pada tahun 1998 sebanyak RM9 ribu juta. Tambahan pula modal bernilai ribuan juta ringgit juga mengalir keluar untuk mendapat kadar faedah yang lebih tinggi, khususnya di Singapura. Di samping itu, nilai pasaran modal telah berkurangan dari RM917 ribu juta dalam tahun 1997 kepada RM302.12 ribu juta pada 8 Jun 1998, menunjukkan pengurangan *capitalization* sebanyak lebih RM600 ribu juta (Ahmad Atory, 2000).

Kejatuhan nilai ringgit, penurunan pasaran saham dan aliran keluar modal memberi kesan buruk ke atas ekonomi sebenar dan menjelaskan pendapatan serta peluang bekerja serta mutu hidup di negara ini. Bagi menghadapi masalah ini Dato' Seri Dr. Mahathir selaku Pendana Menteri Malaysia dan juga presiden UMNO telah berusaha sedaya upaya

membawa Malaysia keluar dari masalah ini. Salah satu tindakan yang diambil oleh Dr. Mahathir ialah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Penubuhan MTEN ialah bertujuan untuk menerajui usaha-usaha bagi mengadakan dasar-dasar yang bersesuaian ke arah pemulihian ekonomi. Kerajaan melalui MTEN terpaksa memperkenalkan langkah-langkah tegas yang berbeza berbanding dasar-dasar IMF demi mengatasi kegawatan dan melindungi tahap sosio-ekonomi rakyat Malaysia. Langkah-langkah ini meliputi kawalan modal terpilih dan penetapan nilai mata wang. Dasar kawalan modal terpilih telah pun dua kali diubahsuai, pertama pada bulan Februari 1999 dan kedua pada bulan September 1999.

Usaha-usaha kerajaan tersebut secara tidak langsung telah berjaya memulihkan keadaan ekonomi negara. Kesan kegawatan ekonomi semakin hari semakin pulih. Menurut laporan yang diberikan oleh MTEN (2000) pertumbuhan ekonomi Malaysia telah menunjukkan satu peningkatan yang positif. Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menunjukkan pertumbuhan yang baik setelah indeks komposit menjunam ke paras terendah 262.7 mata pada 1 September 1998. Jika dikira dalam mata wang tempatan, prestasi BSKL adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain. Misalnya, bagi tempoh 1 September 1998 hingga 22 Mac 2000, BSKL mencatatkan pertumbuhan sebanyak 261 peratus berbanding bursa saham Korea (185%), Thailand (87%) dan Indonesia (80%). Selain itu Malaysia juga berjaya mempertahankan institusi kewangan dan bank daripada di tutup berbanding negara lain (Jadual 4.8).

Jadual 4.8**Pemulihan Ekonomi Negara Dilanda Krisis Tahun 1998-1999**

	Malaysia	Indonesia	Korea	Thailand
Pertumbuhan KDNK 1999 (%)	5.6	1.8	9.0	4.0
Bilangan Bank Ditutup	tiada	66	tiada	1
Bilangan Institusi Kewangan Ditutup	tiada	tiada	117	57
Pemodalaman Semula Bank (AS\$ Billion)	1.4	27.6	36	20.6
NPL Daripada Jumlah Pinjaman (%)	8.6	12.4	11.3	47.1
Hutang IMF (AS Billion)				
Diluluskan	tiada	14.9	20.8	3.9
Disalurkan	tiada	10.4	19.3	3.4
Kadar Pengangguran, 1998 (%)	3.2	5.6	7.4	4.1

Sumber: Institute of International Finance, 1999

Sebagai rumusannya, kepimpinan UMNO dengan kebijaksanaan Tun Dr. Mahathir Mohamed telah berjaya mengawal ekonomi Malaysia dengan baik daripada terus menjunam dan menerima nasib seperti Indonesia.

4.3.2 Pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim

Di tengah-tengah kegawatan ekonomi, negara dikejutkan pula dengan kegawatan politik, iaitu, isu pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Krisis atau isu ini tercetus kesan daripada pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Pendana Menteri dan Menteri Kewangan serta ahli UMNO pada 2 September 1998. Pemecatan Anwar Ibrahim dilakukan kerana beliau didapati terlibat dalam salah guna kuasa dan salah laku seks. Isu pemecatan Anwar Ibrahim telah menyebabkan berlaku kegawatan politik di Malaysia dalam tahun 1998 dan 1999. Ini kerana isu ini sedikit sebanyak telah memberi beberapa implikasi. Pertamanya isu Anwar Ibrahim telah menimbulkan krisis dalaman parti UMNO

sendiri. Ini kerana ahli-ahli UMNO yang menyokong dan taat kepada Anwar Ibrahim menentang pemecatan tersebut dan bertindak membelot kepada parti dan mengikut Anwar Ibrahim. Sekali lagi UMNO diancam masalah berpuak-puak. Isu Anwar Ibrahim juga menjadi modal kepada parti-parti pembangkang, terutama PAS dan DAP, untuk berkempen dalam pilihanraya. PAS telah mempergunakan isu Anwar Ibrahim sebaik-baiknya untuk meraih simpati rakyat dalam pilihan raya 1999. Isu Anwar secara tidak langsung telah membantu PAS dan DAP memenangi beberapa kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan dalam tahun 1999.

Menurut Ahmad Atory (2001) krisis Anwar Ibrahim merupakan satu cabaran yang paling serius bagi UMNO dalam tahun 90an. Krisis Anwar Ibrahim sekali lagi mengheret UMNO dalam kemelut politik yang mana seterusnya mengancam survival UMNO itu sendiri. Dalam krisis ini bukan sahaja sejumlah ahli UMNO keluar, tetapi juga sebilangan rakyat di luar parti itu mula tertarik dengan parti yang ditubuhkan oleh puak serpihan UMNO itu, iaitu parti keADILan. Krisis Anwar Ibrahim dianggap pemangkin kepada perpecahan UMNO dan orang Melayu.

Sementara itu, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Biro Analisa Politik (2000), sejak awal-awal lagi sering kedengaran khabar angin tentang percanggahan pendapat antara Pendana Menteri dengan timbalannya. Selepas krisis kewangan melanda, cara penanganan ekonomi Pendana Menteri dan timbalannya semakin menampakkan pertembungan. Segala bukti benar apabila Pendana Menteri Dato' Seri

Dr. Mahathir Mahamad melucutkan jawatan Timbalan Pendana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1999. Pada keesokan hari pula Anwar dipecat daripada UMNO. Anwar Ibrahim pula melancarkan serangan balas. Rapat umum diadakan secara besar-besaran dan gerakan reformasi dilancarkan. Perbuatan Anwar Ibrahim telah menyebabkan perpecahan dalam pengundi Melayu yang selama ini menyokong UMNO. Ini sekaligus memecahkan lagenda bahawa UMNO=Orang Melayu, Orang Melayu=UMNO.

Walau bagaimanapun krisis yang timbul dari isu Anwar Ibrahim berjaya ditangani dengan baik oleh pimpinan Dr. Mahathir. Dr. Mahathir telah mengadakan perjumpaan dengan rakyat untuk memberi penerangan mengenai perkara yang sebenar. Tindakan ini secara tidak langsung telah memberi kesedaran dan pengetahuan sebenar kepada rakyat. Akhirnya krisis ini semakin hari semakin reda dan dilupai oleh masyarakat. Namun begitu pada awalnya, oleh kerana penjelasan dari UMNO mengenai kes Anwar ini tidak boleh diterima oleh sesetengah ahli UMNO (masa satu tahun tidak cukup untuk jentera UMNO bergerak) maka pada pilihanraya tahun 1999, UMNO mengalami kemerosotan undi.

4.3.3 Reformasi Jalanan

Selain wujud krisis dalaman parti UMNO, pemecatan Anwar Ibrahim juga menimbulkan kekacauan politik dalam negara beberapa terutamanya di ibu kota. Kejadian ini berlaku apabila tindakan Anwar Ibrahim yang mengadakan ceramah-ceramah yang lantang di seluruh negara telah

mencetuskan situasi yang tidak menentu dalam negara dan menyebabkan rakyat Malaysia berada dalam keadaan kebingungan dengan situasi politik masa itu.

Pada awal pemecatan Anwar Ibrahim, penyokong-penyokong Anwar yang taat telah datang dan berhimpun di kediaman Anwar Ibrahim untuk menyatakan sokongan mereka terhadap Anwar Ibrahim. Bermula dari di situ Anwar telah memberi ceramah mengenai keputusan pemimpin tertinggi UMNO memecat beliau. Ceramah-ceramah yang diberikan oleh Anwar Ibrahim sedikit sebanyak telah menaikkan semangat para penyokongnya. Asas dari gerakan ini mula diperluas dalam bentuk *road-show* keseluruh negara yang meliputi hampir ke semua negeri di semenanjung Malaysia. Kemuncak gerakan ini ialah perhimpunan di Masjid Negara dan kemudiannya di Dataran Merdeka hingga membawa kepada penangkapan Anwar pada malam 20 september 1998. Penangkapan Anwar Ibrahim dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Anwar Ibrahim berjaya membakar api kebencian penyokongnya terhadap kerajaan hingga mereka bertindak liar di Dataran Merdeka, Bangunan Ibu Pejabat UMNO dan di Sri Perdana (kediaman rasmi Pendana Menteri) dan membuat kekecohan di Mahkamah Syeksyen dan Majistret Kuala Lumpur serta di Majlis penutup SUKOM 98 di Bukit Jalil (Azman Anuar, 1998).

Walaupun Anwar telah ditangkap tetapi penyokong setianya telah bertindak mengadakan perhimpunan (reformasi) dengan matlamat mendesak kerajaan membebaskan Anwar. “Reformasi” jalanan telah diadakan setiap hari di hujung minggu. Keadaan ini telah meletakkan negara terutama, di ibukota, berada dalam keadaan tidak tenteram dan kemusnahan harta benda awam. Untuk meredakan keadaan kerajaan terpaksa menahan pemimpin-pemimpin kanan keADILan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan mengenakan undang-undang yang ketat ke atas pesalah-pesalah yang menganjurkan perhimpunan haram.

Secara amnya tujuan reformasi jalanan diadakan adalah lebih kepada kepentingan individu, iaitu, pembebasan Anwar Ibrahim. Pengaruh pengenalan perubahan masyarakat dari luar negara, iaitu, bagaimana peristiwa kejatuhan Presiden Suharto di Indonesia menjadi contoh penyumbang kepada gerakan reformasi. Di samping simpati masyarakat kepada Anwar Ibrahim juga menggalakkan reformasi jalanan berlaku. Walau bagaimanapun reformasi tidak berjaya mencapai tujuannya, iaitu, untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan dan membebaskan Anwar Ibrahim. Ini kerana majoriti rakyat Malaysia tidak menerima perbuatan yang dianggap keras dan mengancam ekonomi dan keselamatan negara. **Dalam Perhimpunan Agung UMNO 2000, Dr. Mahathir menganggap Anwar telah melakukan satu bentuk “penderhakaan” terhadap orang Melayu dan ketuanan Melayu. Oleh sebab orang Melayu masih memegang nilai-nilai tradisi dan feudal, konsep “penderhakaan” ini diterima oleh orang Melayu terbanyak.**

4.3.4 Penubuhan Parti Keadilan

Gerakan reformasi dimantapkan lagi dengan penubuhan Parti Keadilan Nasional (PKN) pada 4 April 1999 menerusi pimpinan isteri Anwar Ibrahim, Dr. Wan Azizah Ismail. Ia turut didokong oleh pengikut setia Anwar Ibrahim seperti Dr. Chandar Muzaffar, Saifudin Nasution, Mohd Ezam dan pemimpin-pemimpin lain. Pada dasarnya penubuhan parti keADILan lebih berteraskan kepada perjuangan membebaskan individu, iaitu, membebaskan Anwar Ibrahim walaupun terdapat matlamat-matlamat perjuangan lain. Penubuhan parti KeADILAN sedikit sebanyak berjaya menarik ahli untuk menyertainya sama ada dari ahli UMNO atau pun dari pengundi baru. Meskipun KeADILan baru sahaja ditubuhkan pada sekitar pertengahan tahun 1999 tetapi perkembangan parti itu semakin pesat terutama dari segi keanggotaannya. Isu simpati kepada Anwar Ibrahim pada masa itu berjaya menarik perhatian orang ramai ketika itu.

Perlucutan jawatan Anwar Ibrahim berjaya menggabungkan parti-parti pembangkang yang mempunyai ideologi, bangsa dan agama yang berbeza. Pemimpim yang berkarisma ini mempunyai ramai pendokong, terutamanya, di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia (Biro Analisa Politik, 2000).

Sebagai sebuah parti politik, parti KeADILan melibatkan diri dalam politik tanahair dengan meletakkan calon-calonnya dalam pilihanraya 1999. Dalam pilihanraya 1999 parti keADILan berjaya meraih lima (5)

kerusi parlimen dan empat (4) DUN yang sebelum ini dimenangi oleh Barisan Nasional. Sementara itu dalam beberapa pilihanraya kecil, keADILan berjaya memenangi satu kerusi, iaitu, kerusi DUN di Lunas, Kedah. Namun demikian, dalam pilihanraya 2004 yang lalu parti keADILan mengalami kekalahan teruk dan hampir lumpuh, hanya Wan Azizah sahaja yang dapat mempertahankan kerusinya manakala yang lain tewas kepada Barisan Nasional. Keadaan ini bermakna, perjuangan politik yang berlandaskan “individu” (Anwar) tidak dapat diterima oleh rakyat di negara ini. Dikatakan bahawa oleh sebab UMNO sebuah parti yang dinamik dan peka dengan kehendak-kehendak dan aspirasi rakyat, perubahan pemimpin dari Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi telah berjaya menarik sokongan mereka yang dahulunya menyokong parti keADILan. Selain itu dalam masa empat (4) tahun (1999-2004) UMNO di bawah Dr. Mahathir berjaya mengatasi isu-isu besar negara, maka pilihan raya umum 2004 telah berjaya dimenangi dengan selesa oleh UMNO dan BN.

4.3.5 Politik Wang Dalam UMNO

Poltik wang ditakrifkan sebagai perbuatan membeli undi, menyogok atau merasuah bakal-bakal pengundi dalam satu-satu pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan peringkat majlis tertinggi untuk memilih calon-calon tertentu (Ahmad Atory Hussain, 1998). Menurut Tom Botommore (1983) antara punca yang menyebabkan berlakunya politik wang adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan kebendaan. Faktor ekonomi dan kebendaan mempunyai pengaruh yang amat besar sekali terhadap psiko-

sosial atau kemanusian. Lewis Beck (1983) pula menyatakan bahawa faktor ekonomi atau kebendaan mempunyai hubungan dan tarikan yang terkuat dengan kecenderungan tingkah laku pengundian atau ahli-ahli politik dalam bertindak ke arah mempengaruhi ahli-ahli untuk mendapat pengaruh dan kuasa. Seorang pemimpin yang berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi akan juga dapat mengekalkan kepopularannya.

Kejayaan korporat Melayu dan kemasukan mereka ke dalam UMNO didapati mengembangkan budaya tidak sihat dalam UMNO, iaitu politik wang. Masalah ini berlaku kerana ahli dan pemimpin UMNO adalah daripada golongan yang telah menikmati hasil perlaksanaan DEB. Oleh sebab mereka aktif dalam perniagaan dan juga dalam UMNO, maka unsur materialistik dalam corak politik UMNO semakin ketara (Musa, 1992). Keadaan ini diparahkan lagi dengan persepsi masyarakat umum yang menunjukkan bahawa kekayaan seseorang dapat dilambangkan melalui penguasaan politik. Dengan menguasai politik, mudahlah mereka memanipulasi kuasa untuk menimbun kekayaan. Dalam UMNO, fenomena yang wujud ialah jawatan dalam parti menjadi rebutan kerana menjawat jawatan tersebut menggambarkan monopolii kuasa yang diperoleh dan menjadikan pemiliknya kaya raya. Dengan kata lain pandangan umum orang Melayu, kuasa politik adalah kunci kekayaan (Crough, 1986).

Di dalam parti UMNO penggunaan politik wang tidak dapat dinafikan. Ini dibuktikan oleh kajian Ahmad Fawzi et. all (1995) yang menyenaraikan beberapa bentuk jenis habuan yang diberikan kepada

pengundi semasa perhimpunan agung UMNO. Bentuk habuan itu seperti melancong, permit, tanah, peralatan, cenderamata, wang tunai, saham, jamuan dan penginapan (Jadual 4.9).

Jadual 4.9

Menerima Tawaran Semasa Pemilihan Jawatan Dalam UMNO

Jenis Tawaran	Bilangan Menerima Tawaran	Peratus
Melancong	35	33.9
Permit	11	110.4
Tanah	14	13.2
Peralatan	6	5.7
Cenderamata	77	72.6
Wang Tunai	29	27.4
Saham	13	12.3
Jamuan	79	74.5
Penginapan	43	40.6

Sumber: Diubahsuai dari Ahmad Fauzi Basri et.al (1997)

Menurut Chandra Muzaffar (1996) untuk menjauhkan UMNO dari politik wang bukan mudah. Ini kerana terdapat elit-elit UMNO telah sebatи dengan gaya hidup mewah, memiliki kediaman mewah, kereta mewah, majlis perkahwinan yang mewah dan percutian di luar negara dengan belanja besar. Tidaklah mungkin seseorang menjalani hidup mewah seperti ini menolak kekayaan.

Bagi mengelak dan membendung dari penularan politik wang dalam parti pemimpin UMNO telah meminda perlembagaan UMNO dengan memperkenalkan beberapa peraturan baru. Umpamanya memperkenalkan etika pemilihan dan kempen-kempen ke arah bersih. Dengan perkenalan langkah-langkah tersebut, politik wang dapat dikurangkan (Ahmad Atory Hussain, 2000).

4.3.6 Kekalahan UMNO Dalam Beberapa Pilihanraya Kecil

Dalam tahun 2000-2002 berlaku beberapa pilihanraya kecil yang menyaksikan pertembungan yang sengit antara Barisan Nasional, khasnya, UMNO dengan PAS. Pertembungan yang sengit antara UMNO dan PAS dalam pilihanraya kecil dapat dilihat dalam pilihanraya kecil yang berlaku di negeri Kedah. Umpamanya pilihanraya kecil untuk merebut DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang pada tahun 2002. Dalam pilihanraya ini, UMNO telah tewas di DUN Anak Bukit dengan majoriti 508 undi manakala menang di Parlimen Pendang dengan majoriti 283 undi.

Walaupun UMNO berjaya merampas kembali kerusi Parlimen Pendang dari PAS tetapi dengan bilangan majoriti yang kecil, dan kemenangan tipis itu dicurigakan UMNO dapat mempertahankan kerusinya pada pilihanraya umum akan datang. Sementara itu kekalahan UMNO ditangan PAS di DUN Anak Bukit menampakkan penguasaan dan survival PAS di kawasan Anak Bukit akan berterusan. Kekalahan UMNO kepada PAS dalam pilihanraya kecil sedikit sebanyak telah dijadikan sebagai satu pengajaran dan dalam pilihanraya 2004, telah dapat ditebus.

4.3.7 Penentangan Segelintir Golongan Profesional, Akademik, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pegawai Kerajaan Terhadap Dasar Kerajaan

Dalam mengejar wawasan untuk mencapai negara maju di tahun 2020, banyak projek-projek pembangunan telah dirancang oleh kerajaan. Projek-projek bernilai berbilion ringgit yang dirancang dalam tahun 90an

seperti projek PutraJaya, KLIA, KLCC, Menara Petronas, Litar Sepang, Projek Bakun, Transit Laju Ringan (LRT seperti Putra dan STAR) dan sebagainya. Semasa sesetengah projek itu sedang berjalan atau selepas siap projek-projek berkenaan, negara telah dilanda kegawatan ekonomi pada tahun 1997-1998. Keadaan ini menyebabkan ekonomi negara berada dalam kurang stabil dan berlaku defisit dalam perbelanjaannya negara. Banyak projek pembangunan negara yang bernilai berbilllion ringgit terpaksa ditunda kerana beban hutang. Antaranya ialah projek Empangan Bakun yang terpaksa ditunda untuk mengurangkan tekanan terhadap ekonomi dan perbelanjaan awam. Berasaskan kepada keghairahan kerajaan yang berbelanja untuk menjayakan projek raksaka ini, timbul rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan golongan profesional yang mengatakan sesetengah projek yang dijalankan oleh kerajaan meninggalkan kesan negatif kerana meningkatkan hutang dari luar negara (Ramlil Ismail, 1998). Keadaan ini disemarakkan lagi oleh kritikan-kritikan terhadap projek mega oleh parti-parti pembangkang.

Sementara itu perjalanan sesetengah projek secara serentak pula menyebabkan berlaku masalah kewangan pada negara. Keadaan ini ditambah lagi dengan kegagalan beberapa dasar kerajaan mencapai matlamatnya atau mengalami kerugian. Umpamanya dasar perswastaan yang dijalankan oleh kerajaan terhadap sesetengah projek penswastaan seperti Malaysia Airline System Bhd. (MAS) dan Transit Laju Ringan seperti Putra dan STAR menemui kegagalan. Kegagalan dasar perswastaan ini menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian.

Ini kerana kerajaan terpaksa membeli kembali ekuiti syarikat-syarikat berkenaan untuk menjaga kepentingan awam. Sebagai contoh kerajaan terpaksa membeli kembali MAS pada harga RM1.8 billion untuk menyelamatkan masa depan syarikat itu. Keadaan hampir sama juga berlaku kepada Lembaga Tabung Haji (LUTH) yang mengalami kekeringan wang akibat pelaburan yang salah dan pinjaman-pinjaman yang diberikan. Dengan sebab itu Ungku Aziz membantah cadangan Tabung Haji untuk membeli MAS (Utusan Malaysia, November, 2002). Kegagalan dasar-dasar kerajaan ini menyebabkan pegawai-pegawai kerajaan dan golongan cerdik pandai mahu kerajaan mengkaji terlebih dahulu terhadap dasar penswastaan yang hendak dijalankan ke atas agensi-agensi kerajaan. Ini kerana tidak semua sektor yang sesuai untuk diswastakan dan matlamat untuk memberi kemudahan yang mudah dan murah kepada rakyat hendaklah diutamakan berbanding dengan keuntungan yang diperolehi. Walau bagaimana kritikan dan ketidakpuashati mula berkurangan apabila Tun Dr. Mahathir memberi penjelasan mengenai sebab munasabab mengenai kerugian yang dialami negara. Kerugian yang dialami oleh negara adalah kerana kelembapan ekonomi dan krisis matawang bukannya disebabkan oleh projek mega. Sementara itu kejayaan kerajaan dalam membangunkan projek-projek seperti Putrajaya dan Menara Petronas telah membuka mata semua pihak.

4.3.8 Kakitangan Kerajaan Kedah Secara Diam-Diam Menentang Kerajaan Kedah

Proses penggantian pimpinan Menteri Besar Kedah antara Tan Sri Osman Aroff dengan Tan Sri Sanusi Junid sedikit sebanyak telah

menimbulkan konflik dalam parti dan pemerintahan di negeri Kedah dan negara, amnya. Pada peringkat awal, iaitu, dalam proses pelantikan Tan Sri Sanusi Junid untuk menggantikan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar, terdapat sesetengah kakitangan kerajaan, terutamanya di peringkat tertinggi, iaitu, di peringkat exco dan wakil-wakil rakyat tidak menyetujui perlantikan itu. Bantahan ini telah disuarakan oleh 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)³⁴ dengan menghantar memorandum kepada Pendana Menteri. Walaupun ada bantahan dari ADUN ini, Tan Sri Sanusi Junid tetap juga dilantik sebagai Menteri Besar Kedah (Abdul Rahman Ibrahim, 2000)³⁵.

Pelantikan Tan Sri Sanusi Junid sedikit sebanyak telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai yang taat setia kepada Tan Sri Osman Aroff dan mereka yang mempunyai kepentingan diri. Ini menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan pegawai kerajaan, ahli UMNO atau pimpinan UMNO, iaitu, yang menyokong Sanusi Junid dan yang menyokong Osman Aroff.

Konflik itu secara tidak langsung telah memberi kesan dan menimbulkan masalah dan kerenggangan serta kelemahan jentera pentadbiran kerajaan, kemerosotan pembangunan fizikal, ekonomi termasuk spiritual di negeri Kedah. Kemungkinan juga telah meluaskan lagi perpecahan dikalangan

³⁴ 22 ADUN itu ialah: (1) Dato Haji Zainol Md. Isa, (2) Dato Paduka Haji Abdul Rahman Ibrahim, (3) Tuan Haji Abdul Rahman Ariffin, (4) Dato Abdullah Hasnan, (5) Syeikh Alias Mustaffa, (6) Haji Abdul Razak Hashim, (7) Dato Ghazali Ibrahim, (8) Badri Haji Yunus, (9) Hajah Fatimah Ismail, (10) Mohd Sibi Ahmad, (11) Hajah Che Pora Haji Omar, (12) Abu Hassan Sharif, (13) Hajah Barishah Saad, (14) Abd. Latief Md. Saman, (15) Ahmad Lebai Sudin, (16) Ahmad Bashah Md. Hanipah, (17) Mohd Jamil Idross, (18) Haji Hamlan Din, (19) Mohd Hadzir Mohd Jaafar, (20) Jamaluddin Yusoff, (21) Mohd Hidzir Ismail dan (22) Muhd Fisol Haji Said.

³⁵ Pendana Menteri mendapat sokongan ramai pemimpin negara bahawa hak melantik Menteri Besar adalah kuasa Pendana Menteri. Sokongan terbuka yang pertama datangnya dari Menteri Besar Perlis, Dato Seri Shahidan Kassim. Berdasarkan kenyataan akhbar-akhbar tempatan.

pemimpin dan ahli UMNO di negeri Kedah sama ada di peringkat cawangan mahupun bahagian. Keadaan tidak puas hati rakyat, ahli UMNO atau pegawai kerajaan di tambah lagi apabila kegagalan dasar-dasar dan pembangunan yang dijalankan oleh Tan Sri Sanusi Junid untuk memberi manfaat kepada rakyat. Tuduhan-tuduhan liar dari parti pembangkang yang memperkecilkan projek-projek pembangunan yang dilakukan oleh Tan Sri Sanusi Junid telah memburukkan lagi jentera kerajaan Kedah di bawah pimpinan Tan Sri Sanusi Junid (Abdul Rahman Ibrahim, 2000).

Bagi mengatasi masalah ini, pucuk pimpinan UMNO, Tun Dr. Mahathir terpaksa mengambil langkah drastik dengan menggantikan Tan Sri Sanusi Junid dengan Dato' Seri Syed Razak Syed Zain sebagai Menteri Besar Kedah. Penggantian ini sedikit sebanyak telah berjaya meredakan pertelagahan politik di negeri Kedah terutamanya UMNO.

4.3.9 Globalisasi dan ICT

Globalisasi merujuk kepada kebebasan dalam ekonomi dimana berlaku peningkatan didalam aliran barang dan perkhidmatan, modal dan maklumat di antara negara-negara (Vijay & Anil, 2001). Dengan lain perkataan globalisasi ialah saling bergantungan ekonomi dan kegiatan antara negara-negara semakin berkembang daripada kegiatan perniagaan yang merentasi sempadan samada barang atau perkhidmatan, pengaliran modal antarabangsa, perkembangan sains dan teknologi yang semakin meluas, dari segi politik dan kebudayaan. Dari segi ekonomi

bertambahnya perdagangan antarabangsa dengan kadar yang cepat dan berlakunya pertumbuhan ekonomi dunia. Aliran modal antarabangsa, pembangunan global sistem kewangan berlaku dan wujudnya perjanjian-perjanjian antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Bertambahnya peranan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti WTO dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Dari segi budaya, globalisasi menyebabkan berlaku pertukaran budaya, sebaran *multiculturalism*, individu terpengaruh dengan filem-filem yang dieksport terutamanya Hollywood dan Bollywood, budaya pemakaian, makanan dan sebagainya.

Globalisasi membawa kebaikan kepada negara dan globalisasi juga tidak dapat lari daripada kesan-kesan sampingannya ke atas bidang-bidang sosiopolitik dan sosiobudaya sesebuah negara, terutamanya negara yang sedang membangun. Globalisasi bukan satu fenomena baru, kerana prosesnya sudah pun bermula sejak kemunculan zaman moden pada awal abad ke 15-16. Malah tren globalisasi telah wujud sejak zaman Romawi, Hindu, Islam dan paling menonjol semasa era kolonialisme dan imperialisme sekitar tahun 1500. Sementara itu kesan globalisasi sebenarnya sudah dirasai sejak dulu lagi. Alam Melayu telah merasai impak 'globalisasi' seawal abad ke-15, bila mana Kerajaan Melayu Melaka menjadi salah satu kuasa meratim penting di sebelahan timur. Impak negatif globalisasi mula dirasai bermula dengan kedatangan Alfonso de Albuqrque pada 1511. Akhirnya Inggerislah yang telah banyak memasyarakatkan nilai-nilai sekular-liberal yang diadun dalam kehidupan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu.

Globalisasi pada zaman ICT ini, membawa satu 'pakej' nilai dan ideologi sekular-liberal yang lebih mudah dan berkesan menerusi pelbagai medium dan produk teknologi maklumat ke dalam pemikiran dan cara hidup manusia. Bertolak daripada pengaliran fahaman sekular dan liberal ini, timbul pelbagai budaya pemikiran dalam masyarakat Melayu, khususnya, seperti nasionalisme, individualisme, hedonisme dan materialisme. Budaya hidup masyarakat Melayu mulai dipengaruhi dengan cara hidup hedonistik, pergaulan bebas dan kebebasan wanita menjadi agenda penting wanita Melayu masa kini. Kesan-kesan globalisasi ini secara tidak langsung telah mewujudkan masalah sosial kepada negara. Masalah seperti budaya lepak, buang anak, mencuri, dadah dan masalah lain terpaksa di pikul oleh UMNO.

Ahmad Atory (2001) mengakui bahawa cabaran dari globalisasi amat mencengkam negara-negara yang sedang membangun. Menurut beliau globalisasi wujud ekoran dari ledakan teknologi dan maklumat. Globalisasi menyebabkan perlakuan politik juga berubah. Misalnya kalau dahulu ahli politik pembangkang hanya berjuang dalam kerangka untuk menjadi pembangkang di Parlimen, kini mereka juga bercita-cita untuk menjadi kerajaan alternatif. Globalisasi juga telah membantu mengubah minda masyarakat dari bersikap setia kepada pemimpin kepada bersikap melampau dan militan.

Selain globalisasi, ICT juga memberi impak kepada UMNO dan negara. Sebahagian besar ekonomi hari ini ditumpukan kepada bidang perindustrian dan perdagangan. Oleh itu keperluan kepada ICT adalah

amat tinggi. Pengetahuan ICT sebenarnya akan memperluaskan jurang digital antara penduduk, terutama, penduduk di luar bandar dan bandar, negeri maju dengan negeri membangun. Mana-mana masyarakat atau negeri-negeri yang tidak memiliki sumber ilmu dan ICT akan ketinggalan, mungkin pula diekspoitasikan oleh masyarakat memiliki sumber berkenaan. Inilah suatu hakikat yang perlu ditangani oleh UMNO.

Selain dari memberi kesan positif, ICT juga ada mendatangkan kesan negatif. Ini akibat daripada penyalahgunaan kaedah tersebut untuk kepentingan dan tujuan tertentu. Mengikut Ahmad Atory (2001), ICT juga merupakan satu lagi pemangkin kepada tentangan sebilangan rakyat terhadap UMNO. Dengan adanya teknologi maklumat, komputer, e-mail dan internet, berita-berita dari dalam dan luar negara cepat sampai kepada rakyat. Fitnah dan adu domba di dalam internet juga mudah memesongkan ramai orang untuk bersikap kritikal, tidak menentu dan berasas terhadap kerajaan dan UMNO.

Walau bagaimanapun UMNO berjaya memanfaatkan kesan-kesan globalisasi kepada masyarakat dengan menyahut cabaran globalisasi secara yang positif. Kerajaan telah melancarkan beberapa dasar bagi menyesuaikan dengan globalisasi itu seperti ICT, MSC, *k-economy*, *e-government*, tapisan internet dan sebagainya.

4.3.10 Sekolah Wawasan dan Tuntutan Suqiu

Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum yang berbeza dari segi keturunan, budaya, agama dan bahasa. Untuk memupuk persefahaman dan kerjasama serta mengukuhkan rasa kekitaan dan perpaduan nasional di kalangan rakyat, pendidikan menjadi alat penting. Berdasarkan matlamat ini kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan Sekolah Wawasan.

Konsep asal Sekolah Wawasan diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1995 berasaskan syor kerajaan untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil ke kompleks sekolah baru untuk mengoptimunkan penggunaan kemudahan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Perlaksanaan Sekolah Wawasan adalah bertujuan untuk meletakkan semua jenis sekolah di bawah satu bumbung/kawasan kemudahan untuk tujuan interaksi pelajar-pelajar berbilang kaum. Ini adalah untuk mengikis semangat perkauman yang menebal di kalangan murid-murid.

Konsep perlaksanaan Sekolah Wawasan bagaimanapun mendapat tentangan daripada masyarakat Cina yang khuatir Sekolah Wawasan akan menghilangkan identiti dan bahasa ibunda Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) [SJKC]. Pada pendapat pengkaji sebab utama penentangan masyarakat Cina terhadap sekolah wawasan ialah mereka tidak mahu derma/dana persatuan-persatuan Cina yang diberi dikongsi sama oleh

pelajar-pelajar lain. Bantahan masyarakat Cina yang diketuai oleh Dong Jiao Zong³⁶ yang berprasangka buruk tentang perlaksanaan Sekolah Wawasan telah menggagalkan perlaksanaannya dan terpendam begitu sahaja hinggahal pada 25 Julai 2000 Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed menyuarakan hasrat konsep Sekolah Wawasan semula. Walau bagaimanapun hasrat awal konsep sekolah wawasan telah dipinda dengan membatalkan garis panduan Sekolah Wawasan 1995 dan menggariskan semula Sekolah Wawasan 2000. Antara konsep yang dibatalkan adalah berkenaan dengan pemansuhan bahasa kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar di Sekolah Wawasan.

Kekalahan Barisan Nasional kepada keADILan dalam pilihanraya kecil di Lunas, Kedah adalah berhubungkait dengan isu Sekolah Wawasan yang mana majoriti kaum Cina memberi undi kepada parti keADILan kerana tidak berpuas hati dengan isu ini di samping beberapa isu lagi. Selain dari bantahan ke atas Sekolah Wawasan, kaum Cina juga membuat bantahan dan tuntutan ke atas beberapa perkara lain. Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu³⁷) telah mengemukakan 83 tuntutan kepada kerajaan. Antara tuntutan itu seperti:

- i. Mengambil langkah untuk memansuhkan perbezaan antara “Bumiputera/Bukan Bumiputera” dalam semua bidang

³⁶ Dong Jiao Zong merupakan satu gabungan pertubuhan yang terdiri daripada Persekutuan Persatuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina Malaysia (PPLPSCM/Dong Zong) dan gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (GPGSCM/Jiao Zong).

³⁷ Suqiu terdiri daripada 2,095 pertubuhan Cina di Malaysia. Antara pertubuhan-pertubuhan itu ialah Persekutuan Persatuan-persatuan Pengurus Sekolah Cina Malaysia, Persekutuan Persatuan-persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia, Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaysia, Taiwan Graduates Alumni Association of Malaysia, Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Federal of Guandong Association of Malaysia, Federal of Guangxi Association of Malaysia, Federal of Sanjiang Association of Malaysia, Federal of Fuzhou Association of Malaysia, Huazi Research Centre, Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan dan Federal of Hokkien Associations of Malaysia (Kamruddin M. Said, 2004).

- ii. Hapuskan sistem kuota yang berdasarkan “kaum” dan gantikan dengan sistem pengagihan yang berdasarkan “kebolehan”
- iii. Tambahkan bilangan sekolah Tamil dan Cina di kawasan yang padat penduduk India dan Cina, agar hak untuk menerima pendidikan bahasa ibunda bagi pelajar dari kaum berkenaan tidak dirampas.
- iv. Batalkan rancangan “Sekolah Rendah Wawasan” dan hentikan perlantikan guru-guru yang tidak berkelayakan bahasa Cina untuk memastikan sifat dan cara pendidikan di sekolah Cina diubah.
- v. Sediakan kelas bahasa ibunda pelajar (Pupil’s Own Language – POL) dalam kurikulum formal sekolah seandainya terdapat sekurang-kurangnya lima pelajar dari mana-mana kumpulan etnik di mana-mana sekolah
- vi. Iktiraf sijil peperiksaan bersama sekolah menengah persendirian Cina
- vii. Izinkan penubuhan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina baru dan berikan subsidi untuk perkembangannya
- viii. Iktiraf Ijazah yang dianugerahkan oleh institusi yang bertaraf antarabangsa, termasuk negara-negara seperti China, Taiwan dan sebagainya.
- ix. Hapuskan sistem kuota untuk kemasukan ke universiti
- x. Kenalkan dasar kebudayaan dan seni yang lebih liberal dan *pluralistic*
- xi. Berikan layanan yang adil bagi badan-badan agama yang berlainan dalam hal penyebaran, perkembangan dan mendapatkan kemudahan rasmi kerajaan serta dilayani dengan saksama oleh media rasmi
- xii. Tambahkan peruntukan masa untuk penyiaran berita dalam bahasa Mandarin.

Tuntutan-tuntutan ini telah dikemukakan kepada kerajaan dan UMNO.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed selaku Presiden UMNO telah meneliti tuntutan-tuntutan itu tetapi beliau tidak menerima tuntutan itu sepenuhnya. Beliau meminta agar Suqiu menghapuskan tuntutan yang menyentuh mengenai hak dan keistimewaan orang Melayu. Akhirnya pada 5 Januari 2001, Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) telah bersetuju menggugurkan 7 daripada 83 tuntutan. Tujuh tuntutan itu adalah mengenai hak dan keistimewaan orang Melayu. Antaranya bahasa rasmi, agama Islam sebagai agama rasmi negara, sistem quota, Raja-Raja Melayu, keistimewaan lesen dan permit, pentadbir-pentadbir Melayu dalam perkhidmatan awam dan juga status bumiputera; termasuk juga keistimewaan di Sabah dan Sarawak. Ketegasan pimpinan Tun Dr. Mahathir ternyata gagah dalam isu ini.

4.3.11 Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dimaksudkan adalah sekolah-sekolah yang dimiliki oleh individu atau sekumpulan individu yang menawarkan pendidikan formal kepada pelajar sepenuh masa dalam bidang agama Islam. Sekolah-sekolah ini juga mengguna pakai kurikulum kebangsaan selain daripada rujukan terus dari kurikulum Maahad Bu'uth Al Azhar atau kurikulum agama yang biasanya diselaraskan oleh Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri. Terdapat sejumlah 268 buah Sekolah Agama Rakyat pada tahun 2002 yang ditaja oleh kementerian pendidikan melalui bantuan perkapita, 43 buah daripadanya adalah sekolah rendah yang mempunyai seramai 8,078 pelajar serta 520

orang guru. Bakinya, sebanyak 225 buah adalah sekolah menengah yang mempunyai 66,375 orang pelajar dan 3,909 guru. Sekolah Agama Rakyat tertakluk di bawah enakmen negeri dan perlu berdaftar dengan Jabatan Agama Islam negeri.

Sungguhpun Sekolah Agama Rakyat bukan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan dan merupakan sekolah persendirian, namun demikian seksyen 52 Akta Pendidikan 1996 membolehkan Menteri Pendidikan menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama Islam walaupun dalam bentuk persendirian. Sumbangan Kementerian Pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat adalah berbentuk bantuan perkapita untuk pengurusan, perbelanjaan dan pengajaran, bantuan modal untuk membaiki/membina bangunan, bantuan kursus untuk guru, bantuan perpustakaan dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks. Bantuan Kementerian Pendidikan kepada SAR dalam lima tahun (1998-2002) dalam bentuk perkapita berjumlah RM228.47 juta. Baru-baru ini kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan bantuan, khususnya, bantuan perkapita serta mengemaskini SAR. Tindakan kerajaan ini disalahertikan dan diputarbelitkan oleh pihak pembangkang, terutamanya, PAS yang kononnya kerajaan cuba menghapuskan perkembangan agama Islam di Malaysia. Isu SAR telah dipergunakan oleh PAS sebagai bahan politik PAS untuk mengecam UMNO.

Bagi memberi penerangan kepada rakyat, UMNO di bawah Menteri Pendidikannya Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamed, telah memberi

penjelasan mengapa SAR perlu dikemaskini semula. Antara sebabnya adalah seperti berikut:

i. Prestasi Pelajar SAR merosot

Walaupun kerajaan telah menghulurkan banyak bantuan dalam bentuk kewangan, bentuk kebendaan dan membiayai kursus dan latihan, kerajaan amat kecewa prestasi pelajar SAR terus merosot kebelakangan ini. Kerajaan berpendapat bahawa SAR mempersia-siakan bantuan yang diberi dan oleh itu membuat keputusan menghentikan bantuan itu. Sungguhpun tidak dinafikan ada sebilangan kecil SAR yang mempunyai prestasi yang boleh dipuji, namun demikian pada keseluruhannya prestasi SAR adalah yang terkebelakang jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain. Dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2002, peratus pelajar SAR yang mendapat gred A dalam semua mata pelajaran adalah 0.2 peratus, iaitu paling rendah jika dibandingkan dengan 3 peratus di Sekolah Kebangsaan (SK), 15.9 peratus di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 63.2 peratus di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan 3.8 peratus di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN). Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di mana SAR harus menonjol, prestasi SAR masih terbahaw iaitu 10.1 peratus mendapat A berbanding dengan 18.9 peratus di SK, 68.8 peratus di SMKA, 90.8 peratus di SBP dan 35.8 peratus di SMAN. Dalam matematik, hanya 3.5 pelajar SAR mendapat gred A berbanding dengan 21 peratus di SK, 67.2 peratus di SMKA, 94.4 peratus di SBP dan 23.9 peratus di SMAN. Corak pencapaian yang serupa juga terdapat bagi mata pelajaran Sains, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Geografi.

Bagi SPM 2001 pula, SAR juga tertinggal dalam semua matapelajaran, kecuali, Tassawur Islam. Peratus pelajar Sekolah Agama Rakyat yang mendapat gred A dalam SPM 2001 dalam Bahasa Melayu misalnya adalah 13 peratus berbanding dengan 18.7 peratus di SK, 59.9 peratus di SMKA dan 24.8 peratus di SMAN. Dalam pendidikan Islam pun, SAR mendapat 11 peratus gred A manakala SK 18.2 peratus, SMKA 88.2 peratus dan SMAN 33.8 peratus. Dalam Bahasa Arab Tinggi SAR memperolehi hanya 3.2 peratus A, manakala SK 8.8 peratus, SMKA 9.7 peratus dan SMAN 7.5 peratus. Dalam mata pelajaran Al-Quran dan As-Sunnah, SAR memperolehi 10.9 peratus A, dan SK 50.4 peratus, SMKA 55.3 peratus dan SMAN 18.5 peratus. Dalam Syariah Islamiyah pula, SAR memperolehi hanya 4.3 peratus A, berbanding dengan 31.6 peratus di SK, 34.2 peratus di SMKA dan 9.2 peratus di SMAN.

ii. Prasarana Daif dan Merbahaya

Kedudukan prestasi yang begitu rendah di kalangan pelajar SAR walaupun dalam mata peajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, ada kaitannya dengan kualiti guru, prasarana dan kualiti pengurusan SAR. Kebanyakan SAR berada dalam keadaan daif dan berbahaya kepada pelajar. Kejadian-kejadian seperti kebakaran sering didengar terjadi di SAR.

iii. Orientasi SAR Telah Berubah

Orientasi SAR kini telah berubah. Lagu negaraku telah diharamkan. Sementara itu terdapat kecenderungan di kalangan SAR untuk berpolitik, mengajar pelajar-pelajar untuk membenci kerajaan dan menanam bibit-

babit politik Islam militan. Di samping itu banyak kawasan SAR dijadikan tempat ceramah PAS di seluruh negara.

iv. Gerakan Militan

Penangkapan 25 orang ahli Kumpulan Militan Malaysia dalam tahun 2001 mendedahkan bahawa seramai 19 orang daripada mereka adalah bekas murid SAR atau pondok. Sejumlah 12 orang daripada mereka lagi adalah guru-guru SAR pada masa penangkapan. Tidak dinafikan bahawa tidak semua institusi SAR dibuktikan terlibat tetapi adalah lebih baik mencegahnya daripada ia merebak ke seluruh SAR (Memo Rakyat, 15 April 2003, p8).

Tindakan kerajaan seterusnya ialah mencadangkan mengambil alih pentadbiran SAR dan memberi latihan semula kepada guru-guru dan memberi gaji dan imbuhan baru kepada mereka.

4.3.12 Lain-lain Ancaman Berbentuk Andaian dan Kekuatiran.

Pada pendapat pengkaji, terdapat beberapa kekuatiran yang ada dibenak sesetengah orang Melayu yang berfahaman nasionalisme sempit iaitu:

- i. Takut akan perpaduan/gabungan MCA/Gerakan
- ii. Takut akan penguasaan kaum Cina di pertempatan baru
- iii. Takut dengan perluasan kuasa China
- iv. Takut dengan tuntutan-tuntutan yang mengancam orang Melayu

Kekuatiran-kekuatiran ini adakalanya benar-benar terjadi dan adakalanya tidak. Umpamanya sesetengah tuntutan-tuntutan kaum Cina telah dipersetujui oleh UMNO. Contohnya tuntutan untuk membuka universiti sendiri dan kuota dalam pendidikan.

4.3.13 Kesimpulan

Secara umumnya cabaran-cabaran seperti cabaran dalam proses penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), berpuak-puak, perpecahan ahli dan pemimpin UMNO dan politik wang merupakan cabaran dalaman parti UMNO. Menurut Michels (1962) cabaran-cabaran wujud dalam parti politik apabila pemimpin itu cuba untuk mempertahankan kedudukannya. Menurut Michels sebarang usaha untuk menjatuhkan pemimpin dan menggantikannya dengan yang lain akan mendapat tentangan. Pemimpin yang ada akan menggunakan kebolehan dan kedudukannya untuk memastikan penentangnya tidak akan berjaya. Penentangan terhadap pemimpin ditafsirkan sebagai menentang parti dan membawa kepada perpecahan. Sementara cabaran seperti menghadapi kaum imigren Cina dan India, cabaran dalam politik Melayu, cabaran penjajahan dan konfrontasi, cabaran dari parti pembangkang serta cabaran ekonomi dan sosial merupakan cabaran dari luar UMNO. Walau bagaimanapun terdapat cabaran-cabaran lain seperti globalisasi nagetif, ancaman dalam negara, puak-puak chanvinisme, pelajar militan dan lain-lain cabaran lagi. Secara umumnya **isu-isu dan cabaran-cabaran yang dibincangkan telah dapat diselesaikan atau dikurangkan hasil dari kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO.** Walaupun kadang kala isu yang timbul mengancam survival UMNO dan negara tetapi kerana kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO, ia berjaya juga diatasi akhirnya. Sokongan terus diberi oleh rakyat kepada UMNO kerana UMNO sentiasa menjaga dan mengambil berat tentang parti dan menjana pertumbuhan ekonomi.

B. KEKUATAN DAN SUMBANGAN UMNO

Bahagian ini membincangkan mengenai dua perkara utama, iaitu, asas-asas kekuatan UMNO dan sumbangannya kepada masyarakat dan negara. Asas-asas kekuatan UMNO yang disentuh dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan struktur organisasi, dasar-dasar dan program-program yang dirancang, kebijaksanaan pemimpin-pemimpin menangani krisis dan lain-lain faktor. Sementara itu, sumbangan UMNO pula dilihat dalam kontek mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu, kemajuan ekonomi dan sosial, mewujudkan kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara. Kekuatan dan sumbangan UMNO dibincangkan seperti berikut:

4.4 Asas-Asas Kekuatan Yang Membawa Kepada Kelangsungan (Survival) UMNO.

Setiap parti politik yang ditubuhkan, tidak dapat lari daripada pelbagai masalah. Begitu juga dengan UMNO. Jika dilihat pada masa lampau, UMNO sering dibelenggu dengan pelbagai krisis seperti politik wang, krisis antara pemimpin dan perpecahan dalam parti yang dikira mampu menggugat kredibiliti pemimpinnya. Walau bagaimanapun, UMNO berkeupayaan untuk menyelesaikan segala permasalahan dan ada kalanya dapat diselesaikan dengan cepat. Ini adalah kerana kebijaksanaan pemimpinnya yang bersatu untuk menyelesaikan sesuatu krisis (Wan Hashim Wan Teh, 1996).

Ahmad Atory (2001) mengenalpasti tujuh asas kekuatan UMNO hingga mendapat kepercayaan dan sokongan rakyat. Asas-asas itu pertamanya, **UMNO mempunyai pemimpin yang berkaliber. Kedua, ideologi UMNO sangat**

sederhana dan sesuai dengan nilai masyarakat Melayu. Ketiga, UMNO mempunyai program-program tertentu untuk memajukan rakyat dan negara. Keempat, dasar perkauman yang sederhana dan bekerjasama dengan kaum lain. Kelima, UMNO mempunyai struktur dan organisasi yang lengkap dan padat. Keenam, UMNO sentiasa menerima kemasukan ahli-ahli baru yang muda daripada semua golongan, termasuk cerdik pandai, dan UMNO sendiri mempunyai barisan pelapis yang berkaliber dan ketujuh, UMNO adalah sebuah parti yang pragmatik. Sementara itu Hussain Mohamed (1998) menghuraikan dua asas utama yang memberi kelebihan kepada UMNO mempertahankan survivalnya dalam pemerintahan negara. Dua asas itu adalah sistem sokongan yang konstan dan sistem sokongan yang lentur (*flexible*), pragmatik dan dimamik. Di bawah ini digariskan asas-asas kekuatan UMNO yang membawa kepada survival UMNO dalam pemerintahan negara dari dulu hingga kini.

4.4.1 UMNO Mempunyai Struktur Organisasi Yang Lengkap Dan Padat Serta Tersusun.

Sebagai sebuah organisasi yang tersusun, UMNO mempunyai struktur organisasi yang lengkap dan padat. Ini dapat dilihat dari struktur atau carta organisasi di peringkat tertinggi UMNO. UMNO diketuai oleh seorang Presiden dan dibantu oleh seorang Timbalan Presiden dan tiga orang Naib Presiden serta seorang Setiausaha Agung, seorang Bendahari dan seorang Ketua Penerangan. Struktur organisasi UMNO juga dikukuhkan lagi dengan ahli Majlis Tertinggi seramai 37 orang, Pengurus Perhubungan di negeri-negeri, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua cawangan di seluruh negeri. Selain itu peringkat Pemuda,

Puteri dan Wanita UMNO juga mempunyai struktur organisasi yang teratur dan mempunyai biro-biro untuk menjalankan aktiviti. Bagi mengisi jawatan-jawatan semua peringkat pemimpin parti, ia dipilih oleh ahli-ahli UMNO dalam pemilihan. Bagi ahli-ahli Majlis Tertinggi pemilihan dibuat tiga tahun sekali. Bagi peringkat ahli Jawatankuasa (AJK) Bahagian ia dibuat dua tahun sekali dan bagi AJK cawangan pula ia dibuat setahun sekali (Lampiran 4.1-Lampiran 4.5: Struktur Organisasi UMNO, Carta Badan Perhubungan Negeri, Carta Jawatankuasa Bahagian, Carta Jawatankuasa Cawangan dan Perlembagaan UMNO)³⁸.

4.4.2 Konsep Kongsi Kuasa

UMNO telah menjadi tulang belakang pemerintahan negara selama ini. Di bawah kepimpinan cemerlang UMNO, parti-parti komponen Barisan Nasional telah dapat bekerjasama dengan baik. Konsep perkongsian kuasa di kalangan pelbagai masyarakat di bawah naungan Barisan Nasional telah menjadi contoh kepada negara-negara yang baru membangun dan merdeka (S. Samy Vellu, 1996).

Konsep berkongsi kuasa dengan kaum lain yang telah menjadi penduduk dan warganegara Malaysia merupakan salah satu pendekatan dan diamalkan oleh UMNO. Kini UMNO bekerjasama dengan empat belas (14) buah parti lain untuk memerintah negara. Parti-parti itu seperti MCA, MIC, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti

³⁸ Struktur Organisasi UMNO sekarang: Presiden, Timbalan Presiden, 3 Naib Presiden dan 3 sayap UMNO yang bertaraf Naib Presiden iaitu Ketua Wanita, Pemuda dan Puteri, 37 Ahli Majlis Tertinggi, Setiausaha Agong, Bendahari dan Ketua Penerangan

Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Maju Sabah (Sapp), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), United Pasok Momogun Kadazandusun Organization (UPKO) dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Gabungan UMNO dengan parti-parti ini telah meletakkan Barisan Nasional sebagai sebuah parti yang kuat dan memenangi lebih dua pertiga majoriti dalam pilihanraya-pilihanraya.

Konsep kongsi kuasa yang diamalkan oleh UMNO sedikit sebanyak telah menghapuskan perasaan iri hati di antara kaum. Ini kerana UMNO melantik pemimpin-pemimpin dari pelbagai parti untuk turut serta menganggotai kabinet dan mentadbir negara. Formula parti UMNO ini merupakan formula yang terbaik untuk menjadi parti pemerintah di negara majmuk seperti Malaysia ini. Sikap pemimpin-pemimpin parti yang sederhana dan bertoleransi dengan kaum lain, di samping tegas menjaga hak-hak kaum bumiputera dan agama Islam merupakan formula yang terbaik dan sukar untuk dibudayakan dan diamalkan oleh negara lain (Ghazi Ramli & Aidit Ghazali, 2000).

4.4.3 Dasar-Dasar Pembangunan Oleh UMNO

Dasar-dasar serta wawasan yang digariskan oleh UMNO telah berjaya membangunkan negara dan rakyat serta meletakkan negara dalam keadaan aman dan stabil. Belajar dari kesilapan dan peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 kerajaan telah mengubah dasar luar negeri dari pro penajah kepada dasar yang lebih *neutral* atau berkecuali serta

mengubah dasar ekonomi dan dasar pendidikan agar iaanya menjadikan lebih bersifat nasional. Berdasarkan kepada matlamat ini kerajaan Barisan Nasional telah merangka beberapa dasar untuk mengelak dari peristiwa berdarah itu daripada berulang kembali. Dasar Pendidikan Negara telah dirangka semula pada tahun 1971 dengan pengenalan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia untuk dijadikan sebagai alat mewujudkan perpaduan kebangsaan. Pada Januari 1970 pula, Lembaga Perpaduan Negara dan Majlis Perunding Negara diwujudkan bagi menyelesaikan masalah perpaduan kaum serta menghindari dari peristiwa 13 Mei berulang. Selain itu, Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan dan mengukuhkan perpaduan kaum.

Di samping itu kejayaan perlaksanaan Dasar Perswastaan yang dijalankan oleh Dr. Mahathir Mohamed juga tidak boleh diperkecilkkan kejayaannya. Perlaksanaan Dasar Perswastaan telah berjaya membangunkan ekonomi Malaysia di tahap yang agak tinggi. Seterusnya perlaksanaan Wawasan 2020 oleh Dr. Mahathir yang meletakkan sasaran tahun 2020 untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju akan menjadi mercu tanda kejayaan negara ini. Kejayaan dasar-dasar pembangunan yang digubal oleh UMNO telah meletakkan kepercayaan yang tinggi oleh masyarakat kepada UMNO untuk terus mentadbir negara. Kemajuan yang dicapai oleh rakyat kesan daripada dasar-dasar kerajaan dalam pelbagai aspek mendorong rakyat memberi undi kepada Barisan Nasional pada pilihanraya umum ke sebelas (11) 2004 (Atory Hussain, 2004).

4.4.4 Kejayaan UMNO Mengukang atau Menyekat Pengaruh Parti Saingan/pembangkang

Parti saingan kepada UMNO seperti PAS, Parti Negara, Parti Semangat 46, parti keADILan, PRM dan DAP berjaya disekat pengaruhnya oleh UMNO hinggakan ada parti (Parti Negara dan Parti Semangat 46) yang berjaya diruntuhkan. Kadangkala wujud sokongan atau pengundian yang diberikan oleh rakyat atau pengundi kepada parti-parti pembangkang itu bukan kerana menyokong parti itu tetapi sebagai undi protes kepada Barisan Nasional. Menurut Dr. Chandra Muzaffar (2004) sebab utama PAS menunjukkan prestasi baik pada pilihanraya tahun 1999 adalah kerana faktor isu Anwar Ibrahim. Pada tahun 1999 undi yang diterima oleh PAS bukanlah seratus peratus undi menyokong PAS tetapi undi melawan (protes) UMNO. Undian yang rakyat berikan kepada PAS, bukanlah bermakna mereka sayangkan PAS tetapi akibat marahkan UMNO.

Penolakan rakyat terhadap PAS adalah kerana parti itu bersifat konservatif atau fanatik agama, kolot dan anti moden, manakala penolakkan rakyat terhadap DAP kerana parti itu membawa fahaman dan berfikiran sempit, iaitu, menolak hak keistimewaan orang Melayu dan memperjuangkan hak sama rata di antara semua kaum. Parti Negara, parti Semangat 46 dan parti keADILan pula ditubuhkan berdasarkan kepada kekecewaan individu dan parti-parti seperti ini tidak boleh bertahan lama. Parti Negara ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar selepas beliau kecewa dengan penolakkan ahli UMNO dengan cadangan beliau untuk membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu. Manakala parti Semangat 46

pula ditubuhkan oleh Tunku Razaleigh selepas kecewa kerana kalah dalam pertandingan pucuk pimpinan agung UMNO dalam tahun 1988. Sementara itu kemunculan parti keADILan pula didasarkan kepada kekecewaan penyokong Anwar Ibrahim kerana beliau dipecat dari jawatan Timbalan Pendana Menteri, Menteri Kewangan dan ahli UMNO serta dipenjarakan. Parti Negara dan Parti Semangat 46 telahpun berkubur dan kebanyakan ahlinya kembali kepangkuhan UMNO dan yang tinggal kini hanya parti keADILan, PRM dan PAS.

Jika dilihat dari segi kekuatan pengaruh, pakatan pembangkang ini dilihat tidak mempunyai pengaruh yang kuat. Ini kerana gabungan pakatan pembangkang hanya mempunyai dua atau tiga parti sahaja dalam satu-satu pilihanraya sedangkan pakatan BN mengandungi empat belas (14) buah parti gabungan. **Adalah mustahil untuk pembangkang mengalahkan BN jika dilihat dari segi jumlah bilangan parti.** Kelemahan pakatan di kalangan parti-parti pembangkang juga menyebabkan pakatan mereka gagal menewaskan BN. Sebagai contoh, ketika perikatan (sekarang BN sejak 1974) gagal mendapat majoriti dua pertiga dalam pilihanraya 1969, parti pembangkang gagal menyatukan kekuatan untuk menjadi alternatif kepada Perikatan. Walaupun Perikatan kehilangan kerusi, mereka terus berjaya menerajui pemerintahan kerajaan disebabkan oleh pihak pembangkang yang berpecah sesama sendiri (Jomo.K. S., 2000)

4.4.5 Undang-undang dan Peraturan Perlembagaan Malaysia

Undang-undang yang tercatat dalam perlembagaan Malaysia sedikit sebanyak telah membantu BN mengawal keadaan politik Malaysia dari menjadi melampau seperti yang berlaku di negara-negara luar seperti Indonesia dan Filipina. Ini berikutan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Akta ini sedikit sebanyak dapat mengawal dari tercetusnya politik yang melampau dan keadaan huru-hara dalam negara. Penggunaan ISA untuk menangkap pemimpin-pemimpin dari parti politik yang melampau sedikit sebanyak telah mengurangkan serta melumpuhkan parti yang disertainya (Zin Mahmood, 2004). Dalam tahun 2001, lima pemimpin Parti Keadilan telah ditahan dibawah ISA. Mereka terdiri dari Ezam Mohd Noor Ketua Pemuda Parti Keadilan, Hishamuddin Rais Naib Pemuda Parti Keadilan, Tian Chua Pengurus Jawatankuasa Pengajuran Perhimpunan, N. Gobala Krishnan Setiausaha Pemuda Parti Keadilan dan Sa'ari Sungib (Utusan Malaysia, 2001). Penggunaan ISA juga dapat mengawal dari berlakunya peristiwa rampasan kuasa secara berdarah atau militan. Umpamanya penahanan kumpulan Al-Maunah dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) telah menyelamatkan negara dari ancaman keganasan.

4.4.6 Program-Program UMNO

UMNO sentiasa peka dan mencari serta merancang program-program baru (Lampiran 4.6: Antara program-program UMNO/BN dari tahun 1946-2000) untuk menarik sokongan rakyat, terutamanya generasi muda,

untuk mendekati parti itu. Perlaksanaan dan penubuhan PUTERI UMNO pada 10 Julai 2000 dan kemudiannya Kelab PUTERA UMNO pada 19 Jun 2005 merupakan salah satu program yang paling berkesan sekali dalam menarik minat wanita dan lelaki muda mendekati UMNO.

Berbanding UMNO dengan PAS, konsep dan program yang dianjurkan oleh UMNO adalah lebih bersifat terbuka dengan tidak memberi kongkongan kepada kaum muda. Ini berbeza dengan pendekatan yang dibawa oleh parti PAS yang membuatkan golongan muda takut untuk mendekatinya. Ini berlaku kerana pengenalan dan percubaan PAS untuk mengenakan peraturan memisahkan lelaki dan perempuan samada di jalan atau di pasaraya serta menghalang perlaksanaan program-program yang berbentuk hiburan dan konsert membuatkan golongan muda takut kepada PAS (Chandra Muzaffar, 2004).

4.4.7 Kebijaksaan Pemimpin UMNO Menangani Krisis Yang Timbul

Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO (Lampiran 4.7-Lampiran 4.13: Pemimpin-pemimpin UMNO Dari Tahun 1946 hingga kini) menangani krisis yang timbul juga telah berjaya melanjutkan survival parti itu. Kejayaan menangani isu kegawatan ekonomi yang berlaku pada 1998 telah menyelamatkan ekonomi Malaysia dari menerima nasib malang seperti yang diterima oleh Presiden Suharto dari Indonesia. Ketahanan UMNO sebagai parti politik paling unggul di negara ini adalah kerana pemimpin-pemimpin yang dilahirkannya. Bekas-bekas Perdana Menteri yang juga menjadi Presiden UMNO seperti Tunku

Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussien Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semuanya merupakan pemimpin yang *level-headed*. Mereka tidak fanatik, tidak mementingkan diri dan sanggup mengabdikan diri untuk kepentingan rakyat dan negara (M. G. Panditan, 1996).

Pemimpin-pemimpin UMNO juga bijak menangani setiap isu yang timbul dan setiap parti yang muncul. Umpamanya kemunculan isu Anwar Ibrahim dan parti keADILan pada tahun 1998. Kemunculan isu ini menjadi satu krisis besar pada negara ketika itu. Ini kerana berlakunya gerakan reformasi di sekitar ibu kota yang selama ini tidak pernah berlaku sama sekali kecuali rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Kemunculan isu ini juga menyebabkan BN hilang banyak kerusi DUN dan Parlimen serta kehilangan tumpuk pemerintahan di Terengganu serta gagal merampas Kelantan pada pilihanraya 1999. Walau bagaimanapun krisis yang timbul ini berjaya ditangani dengan bijak oleh Dr. Mahathir, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan rakyat untuk memberi penerangan mengenai perkara yang sebenar. Antara perkara yang dikaitkan dengan Anwar ialah mengenai penyelewangan dan mengambarkan Anwar dan keADILan adalah ejen barat. Tindakan ini secara tidak langsung telah memberi kesedaran dan pengetahuan sebenar kepada rakyat. Seterusnya kerajaan bertindak menangkap pemimpin-pemimpin kanan parti keADILan di bawah ISA. Tekanan-tekanan yang dilakukan oleh kerajaan sedikit sebanyak melunturkan sokongan orang ramai pada Anwar dan keADILan. Akhirnya krisis Anwar Ibrahim ini

semakin hari semakin reda dan dilupai oleh masyarakat. Penerimaan semula ahli-ahli keADILan ke pangkuan UMNO telah memburukkan lagi imej parti keADILan.

Pemimpin UMNO juga bijak dalam menangani isu-isu dan masalah-masalah etnik di Malaysia. Menurut S. Samy Vellu, UMNO telah menangani isu-isu dan masalah-masalah masyarakat berbilang etnik dengan amat sensitif dan bijak. Keputusan-keputusan telah dibuat melalui tolak ansur dan rundingan dengan menghormati dan mengambil kira harapan dan aspirasi serta kepentingan semua masyarakat (Massa 1996).

Selain bijak menangani isu yang timbul, pemimpin-pemimpin UMNO juga bijak dalam mengadakan peraturan dan program tertentu. Umpamanya peraturan dan larangan berceramah, pelaksanaan ikrar akujanji di kalangan kakitangan awam dan program wang ehsan di Terengganu. Peraturan dan program ini sedikit sebanyak dapat mengekang penularan pengaruh pembangkang. Di samping itu, pemimpin UMNO juga bijak dalam menyungkil isu-isu yang menjadi perhatian dan ketidakpuasan hati sesetengah rakyat. Tindakan drastik Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) meneruskan dasar anti rasuah yang membawa kepada penangkapan Tan Sri Eric Chia bekas Pengurus Perwaja dan penahanan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam telah menarik perhatian rakyat (Amree Ahmad, 2004). Terbaru, tindakan yang diambil terhadap Tan Sri Isa Samad, Naib Presiden UMNO merupakan kemuncak kepada tindakan tegas UMNO di bawah pimpinan Pak Lah.

Sementara itu, tindakan tegas Pak Lah menangguhkan projek jalan keretapi yang bernilai berbilion ringgit juga telah mengejutkan semua pihak³⁹. Tindakan-tindakan Pak Lah ini telah menyebabkan rakyat menaruh kepercayaan dan harapan kepada kepimpinan Pak Lah untuk menjaga kepentingan mereka. Kepercayaan rakyat kepada kepimpinan Pak Lah dikuatkan lagi dengan usaha-usaha Pak Lah membangun dan menghapuskan kemiskinan dengan memberi lebih tumpuan kepada bidang pertanian. Konsep Islam Hadhari, iaitu, Islam yang sederhana dan menyeluruh yang diperkenalkan oleh Pak Lah juga menarik perhatian rakyat. Kejayaan BN meraih kejayaan yang besar dalam pilihanraya 2004 adalah dikaitkan dengan faktor-faktor kepimpinan dan idea Pak Lah ini.

4.4.8 Sistem Sokongan Yang Konstan

Apa yang dimaksudkan sebagai sistem sokongan yang konstan ialah perkara-perkara yang dikira berperanan membantu, memantap dan menjamin kelangsungan UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik. Komponen pada sistem sokongan ini tidak mudah untuk diubah, dan secara tersurat ataupun tersirat telah menghasilkan impak tertentu terhadap perjuangan UMNO. Menurut Hussain Mohamed (1998) di antara perkara yang dimaksudkan seperti berikut:

i. Sistem Nilai Dan Sosiobudaya Melayu-Islam

Unsur agama, bangsa dan tanah air adalah lambang dan komponen penting sistem nilai dan warisan sosiobudaya orang Melayu di Tanah

³⁹ Tujuan utama Pak Lah berbuat sedemikian adalah untuk mengurangkan tekanan ekonomi kerana defisit yang dihadapi oleh kerajaan (laporan akhbar dari masa ke semasa)

Melayu. Ketiga-tiga unsur ini menjadi pegangan atau sistem nilai bagi setiap orang Melayu. Sekiranya salah satu nilai ini diganggu-gugat orang Melayu akan memberontak. Agama Islam, bangsa Melayu dan tanah Melayu merupakan landasan yang hakiki perjuangan UMNO. Tegaknya UMNO adalah berdasarkan pada tiga prinsip asas perjuangan utama iaitu; *Alif* – agama, iaitu agama Islam; ‘*Ba*’ – bangsa, iaitu bangsa Melayu; ‘*Ta*’ – tanah air iaitu Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia). Hal ini menjadi asas dan pegangan pemimpin-pemimpin UMNO hingga ke hari ini. Ia menjadi tema dan asas kekuatan ucapan-ucapan para pemimpin UMNO dari masa ke semasa.

ii. Peraturan Undang-undang dan Peruntukan Tertentu Perlembagaan Malaysia

UMNO secara tidak langsung telah memberi sumbangan dalam merangka Perlembagaan Malaysia. Ini berikutan daripada kerjasama UMNO dengan Suruhanjaya Perlembagaan Reid yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perlembagaan bagi Tanah Melayu. Dalam Perlembagaan Malaysia beberapa peruntukan tertentu telah memberi beberapa keistimewaan kepada orang Melayu terutamanya dari segi identiti negara, kepentingan dan kedudukan agama Islam, ketua negara, bahasa Melayu serta hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Peruntukan-peruntukan bagi menjamin kepentingan orang Melayu merupakan usaha pengabadian hak dan kepentingan Melayu yang pernah dan masih diperjuangkan oleh UMNO hingga kini.

iii. Sistem Dan Struktur Masyarakat Majmuk

Satu lagi faktor penting yang membantu kelangsungan UMNO ialah struktur dan sistem masyarakat Malaysia umumnya. Struktur masyarakat berbilang kaum dan etnik serta penubuhan parti politik mewakili kaum (UMNO bagi orang Melayu, UPKO bagi orang Kadazan Sabah, PRS dan SPD bagi orang Dayak Sarawak, MCA bagi orang Cina, MIC bagi kaum India dan lain-lain) dilihat sebagai faktor yang mengukuh dan mampu mempertahankan kelangsungan UMNO. Ini kerana sifat gabungan atau adunan yang dijalankan di antara parti berkenaan sejak dulu lagi didapati menghasilkan satu pakatan yang kuat dan kukuh. Kejayaan UMNO berkongsi kuasa dengan MCA dan MIC dalam Perikatan (1952-1973) dan seterusnya dalam Barisan Nasional (sejak Januari 1974 hingga kini) yang mana mengandungi 14 buah komponen parti telah membantu kelangsungan UMNO dalam pemerintahan negara dari dulu hingga kini.

4.4.9 Sistem Sokongan Yang Lentur (*flexible*), Pragmatik dan Dinamik

Menurut Firdaus Abdullah (1996), UMNO adalah sebuah parti yang berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan. Menurutnya, kebijaksanaan inilah yang telah menyelamatkan UMNO daripada menghadapi kehancuran di masa lalu. UMNO adalah lebih daripada sebuah parti yang pragmatik. Sementara itu, menurut Hussain Mohamed (1998) dalam konteks UMNO, sistem sokongan yang lentur, pragmatik dan dinamik adalah sentiasa bersifat semasa, yang boleh diubahsuai dan diberikan tempatnya bagi menjamin kesinambungan, kelangsungan dan kewujudannya sebagai sebuah parti politik yang kuat, kanan dan

berwibawa serta sentiasa peka dengan perubahan kehidupan dalam dan di peringkat antarabangsa. Di antara faktor dan aspek yang dikira menjadi komponen istimewa dalam sistem sokongan yang lentur dan pragmatik itu adalah seperti berikut:

i. Tradisi Kekeluargaan dan Hubungan Peranakkan

Dalam tahun-tahun 1970an jaringan politik keluarga telah menggerat dan memperkuatkan lagi politik UMNO pada tahun-tahun seterusnya. Umpamanya jaringan keluarga dan peranakkan terutama keluarga elit politik Datuk Hussein Mohd Taib, Dato' Onn Jaafar, Tan Sri Mohd Noah Omar, Datuk Mohd Seth dan Datuk Abd. Rahman Yassin menjadi suatu asas legitimasi istimewa bagi kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak (1970-1976) dan seterusnya Allahyarham Tun Hussein Onn (1976-1981). Sehubungan dengan itu juga dalam penerusan hayat dan kesinambungan kepimpinan politik dewasa ini muncul sebilangan anak-anak pemimpin veteran UMNO menjadi barisan pemimpin pelapis, di antaranya seperti Abdullah Ahmad Badawi, Mohd Najib Tun Razak, Syed Hamid Albar, Hishamuddin Hussein dan Mohd Tajol Rosli. Di peringkat kepimpinan negeri, jaringan kekeluargaan juga turut memperkuatkan UMNO. Contohnya jaringan kekeluargaan Syed di Johor (diwakili oleh Syed Jaafar Albar, Syed Esa Bin Syed Alwi dan Syed Nasir Ismail).

Tradisi kekeluargaan dan hubungan peranakkan serta budi dan jasa itu juga bagaimanapun diubahsuai dengan proses penghayatan ciri-ciri dan amalan demokrasi yang bersifat berasingan; malahan dengan demikian,

menjadikan persaingan dan pengagihan kuasa berkeadaan lebih terbuka sifatnya untuk diceburi oleh sesiapa sahaja yang menjadi tokoh pemimpin parti. Misalnya dalam tahun 1981, perhimpunan UMNO memberikan mandat kepada Dr. Mahathir, seorang tokoh bukan kalangan bangsawan tradisional, untuk meneruskan kepimpinan parti walaupun beliau tidak mencapai kedudukan dan jawatan politik itu berlandaskan perkiraan pewarisan seperti pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Sepanjang perkembangan UMNO, tradisi keluarga dan terhutang budi itu adalah suasana yang sentiasa melandasi interaksi bersemuka di kalangan perwakilan dalam perhimpunan agung tahunan UMNO. Kemesraan yang terjalin itu adalah suatu kemesraan dalam suasana kekeluargaan, dan apa yang lebih penting ialah sebarang konflik, tegur menegur dan kecaman yang berkenaan dengan politik dan urusan kepolitikan parti UMNO diselesaikan secara keluarga. Ini adalah satu tradisi yang dibina dan dibangunkan dalam parti berkenaan sejak sekian lamanya dan tradisi ini sentiasa menjadi sebahagian penting dalam setiap ucapan para pemimpin dalam majlis-majlis politik dengan ahli parti.

ii. Sistem Birokrasi⁴⁰ dan Tradisi Kepimpinan Organisasi

Sementara itu, sistem birokrasi dan tradisi kepimpinan merupakan satu lagi komponen penting yang membolehkan UMNO bertahan hingga ke hari ini. Birokrasi dan tradisi dalam pemilihan pucuk pemimpin dalam tahun 1990an sedikit sebanyak telah menyelamatkan UMNO dari berpecah-belah. Tradisi di mana tidak ada persaingan di kalangan

⁴⁰ Birokrasi di sini merujuk kepada peraturan-peraturan yang dipersetujui dan tercatat di dalam perlembagaan UMNO

pemimpin-pemimpin utamanya begitu kerap diungkapkan dalam perhimpunan agong UMNO. Ia bukan sahaja bertujuan untuk menjamin perpaduan dan kelangsungan parti, tetapi juga mengurangkan pula *politicking* yang keterlaluan berlaku. Memang tindakan ini membataskan hak demokrasi ahli, namun ia harus dipertahankan bagi menjamin kepentingan parti dan perjuangan lebih utama dari kepentingan individu.

iii. Kepentingan Ekonomi (perniagaan dan kewangan)

Satu lagi faktor penting yang berperanan mengekalkan kelangsungan UMNO sehingga hari ini ialah UMNO melibatkan diri dalam kepentingan ekonomi dengan menceburι bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini melengkapkan UMNO dari segi kewangan untuk pembiayaan program parti. Misalnya syarikat-syarikat milik UMNO seperti Fleet Holdings, Faber, Merlin, Paremba, Hati Budi dan Fleet Group. Kehadiran syarikat-syarikat besar di samping untuk melonjakkan individu bumiputera agar menjadi “gergasi” tetapi dalam masa yang sama juga menjadi pelindung, pembantu dan juga lambang kemegahan orang Melayu yang selama ini hanya dikesan dan dilihat melalui sejarah dan lagenda-lagenda Melayu.

4.4.10 Kesimpulan

Kekuatan UMNO kerana ia mempunyai struktur organisasi yang lengkap dan padat serta tersusun, berkongsi kuasa dengan kaum lain, keberkesanan dasar-dasar pembangunan yang dijana oleh UMNO,

kejayaan UMNO mengekang atau menyekat pengaruh parti saingan/pembangkang, kelebihan undang-undang dan peraturan Perlembagaan Malaysia kepada UMNO, kejayaan program-program yang dibentuk oleh UMNO, kebijaksaan pemimpin UMNO menangani krisis yang timbul, sistem sokongan yang konstan dan sistem sokongan yang lentur (flexible), pragmatik serta dinamik. UMNO tidak akan ‘survive’ kalau asas-asas kekuatan UMNO ini luntur atau terhakis.

4.5 Sumbangan UMNO Pada Masyarakat Dan Negara

Sumbangan UMNO pada masyarakat, amnya, orang Melayu, adalah tidak dapat dinafikan. Ini kerana cita-cita dan falsafah perjuangannya dari dulu hingga kini tidak berubah, iaitu, untuk memartabatkan bangsa Melayu, agama Islam dan kedaulatan negara. UMNO terus berjuang mempertahankan hak-hak orang Melayu, malah berusaha meningkatkan taraf hidup orang Melayu baik di desa mahupun di bandar. Sesungguhnya dalam era teknologi maklumat (IT) yang serba mencabar ini orang Melayu masih tetap mengharapkan pembelaan dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Kepada UMNOlah terletaknya harapan mereka untuk melonjakkan pencapaian taraf hidup yang lebih maju supaya seiring dengan kaum lain yang lebih maju ke hadapan. Mereka masih mengharapkan peluang-peluang yang lebih luas dalam perniagaan dan perindustrian supaya mencapai sasaran dalam peningkatan ekonomi sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30 peratus). UMNO semenjak awal penubuhannya memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajah British, kemudian mengisi kemerdekaan dengan melaksanakan berbagai-bagai rancangan

dan kini meneruskan lagi perjuangan mempertingkatkan pengisian kemerdekaan, khususnya bagi kepentingan orang Melayu. Menurut Firdaus Abdullah (1996) UMNO telah melaksanakan peranan yang pelbagai ragam: peranan sebagai *political agitators* semasa menentang Malayan Union, peranan sebagai *political and constitutional negotiators* dalam perundingan menuntut kemerdekaan menjelang tahun 1957, peranan sebagai *political mobilizers* menyatukan pelbagai golongan kaum dan memenangi pelbagai pilihanraya selama 40 tahun, peranan sebagai *cultural regenerators* dengan membangkitkan kembali martabat bahasa dan kebudayaan Melayu, peranan sebagai *nation builders* dengan merumuskan pelbagai dasar kebangsaan untuk membina jati diri sebuah bangsa dan negara Malaysia yang berdaulat dan bersatu padu, peranan sebagai *peacemakers* yang telah berjaya memulihkan kestabilan politik dan persefahaman antara kaum setelah keamanan negara ini digugat oleh Peristiwa 13 Mei 1969, peranan sebagai *economic managers* yang telah membawa kemakmuran dan menjadikan Malaysia sebagai tumpuan pendatang asing dari pelbagai pelusuk dunia, peranan sebagai *international actors* dalam sistem politik antarabangsa yang telah menjadikan Malaysia dipuja, disegani, dicemburui oleh sesetengah negara dan menjadi sasaran kedengkian oleh segelintir yang lain.

Di bawah ini digariskan peranan-peranan dan sumbangan-sumbangan UMNO kepada masyarakat dan negara. Sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh UMNO kepada masyarakat dan negara sedikit sebanyak mempertahankan survivalnya dalam pemerintahan negara. Sumbangan-sumbangan UMNO telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan UMNO, iaitu, perjuangan untuk bangsa, agama dan negara, dan dijelmakan (dimanifestasikan) dalam bentuk dasar-dasar awam seperti ekonomi, sosial, agama, pendidikan dan lain-lain. Dengan sebab

itu, didapati berpuluh-puluh dasar dan agensi telah diwujudkan demi memainkan peranan tertentu untuk membantu orang Melayu.

4.5.1 Mempertahankan Hak Keistimewaan Orang Melayu dan Pejuang Kemerdekaan

Sumbangan UMNO dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu dari dirampas oleh kaum lain tidak dapat dipertikaikan kewibawaannya. Semasa Kesatuan Malaya hendak ditubuhkan dengan memberi pemberian hak kerakyatan yang bebas kepada kaum bukan Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu sebagai kaum pribumi dihapuskan, UMNO menentang penubuhan itu. Sumbangan UMNO yang sangat bermakna sekali ialah apabila berjaya mencatatkan hak keistimewaan orang Melayu dalam Peruntukan Fasal 153, Perlembagaan Malaysia. Dalam hal ini, UMNO masih konsisten dengan prinsip perjuangannya dalam membela nasib orang Melayu. UMNO pernah diuji dalam soal mempertahankan hak istimewa orang Melayu ini pada Oktober 1986. Masyarakat Melayu dikejutkan oleh satu resolusi yang diluluskan oleh MCA Selangor bahawa “ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini iaitu Melayu, India dan Cina berasal dari negara lain dan tiada siapa pun berhak menganggap kaumnya sebagai pribumi atau anak watan negara ini”. Ini bermakna orang Melayu juga adalah pendatang yang berhijrah ke Malaysia. Oleh itu, status mereka boleh diletakkan sama dengan status pendatang Cina dan India. Kenyataan ini dengan jelas mencabar dakwaan orang Melayu bahawa mereka bersama dengan suku bangsa pribumi lain adalah penduduk asal atau bumiputera manakala orang Cina dan India adalah pendatang. Oleh kerana orang Melayu

berhijrah dari Indonesia ke Semenanjung Tanah Melayu, MCA menganggap bahawa mereka tidak layak diberi kedudukan yang lebih tinggi daripada kaum lain, sebaliknya boleh dianggap setaraf dengan kaum lain. UMNO telah menghantar surat bantahan dan mengadakan demonstrasi mengecam Lee Kim Sai, Pengurus MCA Selangor yang bertanggungjawab meluluskan usul itu. UMNO mendesak beliau dipecat daripada jawatan Menteri Kabinet dan MCA dikeluarkan daripada Barisan Nasional. Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri ketika itu terpaksa tampil menyangkal usul MCA itu dengan kenyataan:

“Bangsa Melayu bukan sahaja pribumi, malahan tuan kepada negara ini dan tiada siapa pun berhak mempertikaikan hakikatnya.... Sewaktu menuntut kemerdekaan, bangsa lain mengakui bahawa bangsa Melayu berhak ke atas negara ini. Isu yang dibangkitkan ialah memungkiri janji yang dibuat sewaktu merdeka dulu, iaitu bangsa lain mengakui bahawa bangsa Melayu berhak ke atas negara ini”

Ini menjelaskan lagi bahawa bangsa Melayu sudah bertapak beribu-ribu tahun di negara ini, walaupun terdapat sebahagiannya yang datang dari wilayah-wilayah Thailand dan Indonesia.

4.5.2 Hapuskan Kemiskinan dan Eratkan Perpaduan Kaum

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan titik hitam dalam sejarah UMNO. Jurang perbezaan sosial dan ekonomi menjadi masalah dan punca utama sehingga berlaku rusuhan kaum tersebut. Bangsa Melayu menuduh parti pemerintah terlalu memberi muka kepada kaum Cina dan melupakan ekonomi bangsa sendiri yang telah sekian lama tertindas, iaitu, semenjak pemerintahan British lagi. Kaum Cina pula menyalahkan bangsa Melayu dan mengatakan mereka sebagai golongan yang malas berusaha dan

hanya berminat untuk menetap di pinggir-pinggir bandar sahaja. Namun, tindakan segera yang diambil oleh kerajaan dengan mengisyiharkan darurat dan pelbagai langkah telah berjaya mengukuhkan semula perpaduan antara kaum.

DEB dilaksanakan menerusi objektif serampang dua mata. Matlamat akhir DEB ialah membentuk perpaduan negara. Perpaduan negara akan dicapai melalui dua objektf, iaitu mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan mempertingkatkan pendapatan serta menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Objektif kedua bertujuan mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dan mewujudkan peluang penyertaan bagi semua kaum dalam setiap kegiatan ekonomi. Peluang ini dapat menambah hak milik rakyat dalam kegiatan ekonomi moden bagi menjamin Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti, bukan Bumiputera 40 peratus dan rakyat asing 30 peratus.

DEB yang meliputi perlaksanaan jangka waktu selama 20 tahun (1971-1990), dijalankan secara berterusan melalui rancangan-rancangan lima tahun iaitu daripada Rancangan Malaysia Kedua (RMK) hingga Rancangan Malaysia Kelima (RML). Kesemua rancangan ini bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menjamin kemakmuran dan perpaduan negara, di samping mengurangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat. Dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 (RRJP 1), secara keseluruhannya, pencapaian ekonomi Malaysia dalam

tempoh RRJP 1 adalah memuaskan. KDNK sebenar negara pula telah bertambah pada kadar 6.7 peratus setahun. Sungguhpun ia lebih rendah daripada matlamat DEB (8% setahun), pencapaian ini adalah memuaskan.

Di bawah RRJP 1, semua rakyat Malaysia telah menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan agihan pendapatan yang lebih baik. Kemudahan awam telah menjadi lebih meluas sehingga kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan. Pertumbuhan ekonomi ini juga telah disertai oleh pengurangan yang agak besar dari segi ketidakseimbangan pendapatan antara kaum dan antara kawasan bandar dan luar bandar. Pendapatan purata bulanan isi rumah pula meningkat daripada RM264 dalam tahun 1970 kepada RM1,163 pada tahun 1990. Pembangunan yang pesat juga telah mengurangkan kadar kemiskinan. Di Semenanjung Malaysia peratus isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan telah berkurangan daripada 49.3 peratus kepada kira-kira 15 peratus pada tahun 1990, satu pencapaian yang lebih baik daripada matlamat 16.7 peratus yang ditetapkan dalam RRJP 1. Tahap kemiskinan di kalangan semua kumpulan etnik juga telah berkurang dengan banyaknya (Rancangan Malaysia Ke Lapan).

Ekoran dari peristiwa 13 Mei 1969, pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk mewujudkan perpaduan kaum dan membangunkan negara. Salah satu dasar yang digubal untuk meredakan ketegangan kaum ialah Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, saling bekerjasama dan menuju

kepada pembentukan bangsa Malaysia yang harmoni. Di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan program-program yang menjurus kepada perpaduan negara diatur. Umpamanya pameran, pertukaran pendapat di Televisyen, pendidikan bercorak integrasi kaum, ceramah oleh pemimpin-pemimpin dan sebagainya (Faaland, Parkinson & Rais Saniman, 2002).

4.5.3 Pendidikan

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan UMNO menerajui permerintahan. Langkah-langkah ke arah meningkatkan pendidikan orang Melayu telah diusahakan. Usaha-usaha itu secara tidak langsung telah meningkatkan bilangan pelajar Melayu dalam pendidikan tinggi. Peningkatan pelajar Melayu mula nampak ketara dalam tahun-tahun 1980-1988 seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.1 Peningkatan bilangan universiti dari tiga buah universiti awam di tahun 1970 kepada 14 buah universiti awam di tahun 2000 membuktikan kesungguhan kerajaan memberi pendidikan kepada rakyat.

**Jadual 4.10
Bilangan Pelajar di Peringkat Ijazah di IPT Awam Mengikut Kaum**

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain
1970	3,084	3,752	559	282
1980	18,804	18,381	3,928	341
1985	29,875	24,647	5,581	419
1988	44,616	37,602	9,280	673

Sumber: Kamarul Ariffin (1997)

4.5.4 Pembangunan Dan Pertumbuhan Ekonomi

Sumbangan UMNO dalam membangunkan negara hingga peringkat antarabangsa adalah tidak dapat dinafikan. Untuk merangka dasar-dasar untuk memajukan rakyat dan negara, dasar itu seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Penswad Perindustrian, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Malaysia, Dasar Pertanian Negara dan pelbagai dasar lagi. Meskipun tidak bukan tujuan-tujuan penggubalan dasar-dasar ini memajukan negara dan rakyat. Hasil dari dasar-dasar yang diberikan oleh kerajaan, rakyat telah mengecapi kemakmuran dalam keadaan yang selesa. Ini berikutan daripada penyediaan kesejahteraan dan fizikal seperti bekalan elektrik dan air, jalan raya, kemudahan komunikasi, kemudahan perubatan, kemudahan pendidikan dan pelbagai kemudahan lagi untuk penduduk. Hasil dari pembangunan dan dasar-dasar yang diberikan oleh kerajaan juga menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan yang selamat dan hormoni. Mereka bebas bergerak untuk ke mana sahaja tanpa takut dan curiga. Keadaan ini berlaku kerana kestabilan politik yang telah dicapai oleh negara. Pencapaian ini adalah di atas usaha dan kerjasama bersama-sama antara UMNO bersama dengan gabungan parti lain dalam memerintah.

4.5.5 Mewujudkan Perpaduan Politik (Kontrak Sosial) Negara

Perpaduan politik melibatkan usaha menyatupadukan kerjasama, tolak ansur, dan pembahagian kuasa politik.

kepada pembentukan bangsa Malaysia yang harmoni. Di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan program-program yang menjurus kepada perpaduan negara diatur. Umpamanya pameran, pertukaran pendapat di Televisyen, pendidikan bercorak integrasi kaum, ceramah oleh pemimpin-pemimpin dan sebagainya (Faaland, Parkinson & Rais Saniman, 2002).

4.5.3 Pendidikan

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan UMNO menerajui permerintahan. Langkah-langkah ke arah meningkatkan pendidikan orang Melayu telah diusahakan. Usaha-usaha itu secara tidak langsung telah meningkatkan bilangan pelajar Melayu dalam pendidikan tinggi. Peningkatan pelajar Melayu mula nampak ketara dalam tahun-tahun 1980-1988 seperti yang ditunjukkan di Jadual 5.1 Peningkatan bilangan universiti dari tiga buah universiti awam di tahun 1970 kepada 14 buah universiti awam di tahun 2000 membuktikan kesungguhan kerajaan memberi pendidikan kepada rakyat.

Jadual 4.10

Bilangan Pelajar di Peringkat Ijazah di IPT Awam Mengikut Kaum

Tahun	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain
1970	3,084	3,752	559	282
1980	18,804	18,381	3,928	341
1985	29,875	24,647	5,581	419
1988	44,616	37,602	9,280	673

Sumber: Kamarul Ariffin (1997)

4.5.4 Pembangunan Dan Pertumbuhan Ekonomi

Sumbangan UMNO dalam membangunkan negara hingga terkenal di peringkat antarabangsa adalah tidak dapat dinafikan. UMNO banyak merangka dasar-dasar untuk memajukan rakyat dan negara. Antara dasar-dasar itu seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Penswastaan, Dasar Perindustrian, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Pertanian Negara dan pelbagai dasar lagi. Tidak lain dan tidak bukan tujuan-tujuan penggubalan dasar-dasar ini adalah untuk memajukan negara dan rakyat. Hasil dari dasar-dasar yang dirancang oleh kerajaan, rakyat telah mengecapi kemakmuran dan hidup dalam keadaan yang selesa. Ini berikutan daripada penyediaan kemudahan asas dan fizikal seperti bekalan elektrik dan air, jalan raya, sekolah, kemudahan komunikasi, kemudahan perubatan, pengangkutan, kemudahan pendidikan dan pelbagai kemudahan lagi dinikmati oleh penduduk. Hasil dari pembangunan dan dasar-dasar yang telah dirangka oleh kerajaan juga menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan aman dan hormoni. Mereka bebas bergerak untuk ke mana sahaja tanpa rasa takut dan curiga. Keadaan ini berlaku kerana kestabilan politik dan ekonomi telah dicapai oleh negara. Pencapaian ini adalah di atas hasil usaha UMNO bersama dengan gabungan parti lain dalam memerintah negara.

4.5.5 Mewujudkan Perpaduan Politik (Kontrak Sosial) dan Kestabilan Negara

Perpaduan politik melibatkan usaha menyatupadukan rakyat melalui kerjasama, tolak ansur, dan pembahagian kuasa politik. Tujuan utama

perpaduan politik adalah untuk mewujudkan satu keadaan politik yang stabil dan kuat serta membolehkan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia mempunyai perwakilan menyuarakan pendapat mereka. Perpaduan politik juga membolehkan rakyat pelbagai kaum hidup dalam keadaan aman serta bebas melakukan aktiviti ekonomi dan sosial mereka. Perpaduan politik di Malaysia dilahirkan melalui persetujuan pelbagai parti yang mewakili kaum-kaum bergabung dan bekerjasama di bawah konsep Barisan Nasional dan menubuhkan kerajaan di peringkat negeri dan pusat. Di bawah konsep BN setiap kaum mempunyai perwakilan sama ada di peringkat negeri atau pusat.

4.5.6 Kesimpulan

UMNO dapat bertahan hingga ke hari ini kerana UMNO masih utuh sebagai sebuah parti politik yang kuat dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. **Sumbangan berterusan yang telah diberikan oleh UMNO menyebabkan rakyat terus memberi sokongan kepadanya. Sumbangan UMNO dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu dan pejuang kemerdekaan, menghapuskan kemiskinan dan eratkan perpaduan kaum, memberi pendidikan kepada rakyat, menjana pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan perpaduan politik (kontrak sosial) serta kestabilan negara menyebabkan rakyat terus memberi kepercayaan kepada UMNO untuk menerajui pemerintahan negara.**

SOKONGAN PENGUNDI TERHADAP UMNO

Bahagian ini akan membincangkan mengenai keputusan kaji selidik yang telah dijalankan. Terdapat beberapa matlamat mengapa kaji selidik ini dijalankan. Pertama, ialah untuk melihat profil responden, tahap kesedaran dan pembabitan mereka dalam aktiviti berpolitik serta mengkaji faktor-faktor penentu kepada sokongan responden terhadap parti politik, khasnya, UMNO. Untuk tujuan ini borang kaji selidik diedarkan dan temuduga telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat dari responden di kawasan pengundian Kampung Banat.

Matlamat kedua ialah untuk mengukur tahap sokongan rakyat kepada UMNO dan seterusnya menentukan survival UMNO di kawasan itu. Bagi mendapatkan jawapannya, kaji selidik ini membuat tinjauan terhadap pengundi di kawasan pengundian (DUN) Tambung Tulang.

5 Keputusan Kaji Selidik

Sejumlah 659 responden telah berjaya ditemuduga di kawasan pengundian Kampung Banat yang mengandungi 1,329 sampel. Sementara itu pula seramai 2,473 bakal pengundi telah berjaya dikenalpasti dan ditemuduga di tiga buah kawasan pengundian, DUN Tambun Tulang yang berjumlah 4,203 orang. Dapatan keputusan kajian dibincangkan seperti berikut:

4.6.1 Profil Responden

Daripada jumlah responden yang ditemuduga (659 orang-Lampiran 4.14: Ujian Frekuensi-Profil Responden) 46.9 peratus adalah responden lelaki manakala 53.1 peratus lagi adalah responden perempuan (Jadual 4.11). Jika dilihat dari segi umur responden, keputusan kajian menunjukkan purata umur responden adalah 43.59 tahun dengan umur paling muda ialah 21 tahun manakala umur paling tua adalah 107 tahun. Seterusnya jika dibandingkan dari segi kategori umur responden, dapatan menunjukkan lebih ramai responden berada dalam kategori umur 25-35 tahun dan 36-45 tahun (Jadual 4.12).

**Jadual 4.11
Jantina Responden**

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	309	46.9
Perempuan	350	53.1
Jumlah	659	100.0

**Jadual 4.12
Kategori Umur Responden**

Kategori Umur	Kekerapan	Peratus
Kurang 25 tahun	72	10.9
25-35 tahun	173	26.3
36-45 tahun	159	24.1
46-55 tahun	104	15.8
56-65 tahun	85	12.9
66-75 tahun	43	6.5
76 tahun ke atas	23	3.5
Jumlah	659	100.0

Jadual 4.13 pula memaparkan taraf pendidikan responden. Di sini di perhatikan lebih dari separuh responden berpendidikan di tahap yang rendah, iaitu, SRP ke bawah. Ini berikutan keputusan kajian yang

mencatatkan 24.9 peratus dari responden mendapat pendidikan di tahap SRP, 23.4 peratus di tahap darjah enam ke bawah dan 5.8 peratus mendapat didikan di SAR serta 14.9 peratus dari responden tidak pernah bersekolah.

Jadual 4.13
Taraf Pendidikan Responden

Taraf Pendidikan	Kekerapan	Peratus
Tidak bersekolah	98	14.9
Darjah Enam Ke bawah	154	23.4
Sekolah Pondok	12	1.8
Lain-lain (SAR)	38	5.8
PMR/SRP/LCE	164	24.9
SPM	133	20.2
STPM/HCS/Diploma	42	6.4
Universiti	18	2.7
Jumlah	659	100.0

Jika dilihat dari jenis pekerjaan responden, dapatan kajian menunjukkan 21.5 peratus dari jumlah responden bekerja sebagai petani dan diikuti bekerja sebagai buruh, kakitangan swasta dan kerajaan, peniaga dan pesara manakala 38.2 peratus menjadi suri rumah (golongan ini adalah wanita) (Jadual 4.14).

Jadual 4.14
Jenis Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Petani	142	21.5
Kakitangan Kerajaan dan Swasta	79	12.0
Buruh Kilang dan Buruh Kasar	110	16.7
Suri Rumah	252	38.2
Peniaga	49	7.4
Pesara	15	2.3
Pelajar	12	1.8
Jumlah	659	100.0

Seterusnya jika diteliti pula dari segi pendapatan responden, keputusan kajian menunjukkan purata pendapatan responden ialah RM655.56 dengan pendapatan paling rendah RM200.00 dan pendapatan paling tinggi ialah RM3000.00. Jika dilihat dari segi kategori pendapatan, hasil kajian memaparkan kebanyakan (69.5 peratus) responden berpendapatan antara RM400.00-RM800.00 (Jadual 4.15).

Jadual 4.15

Kategori dan Purata Pendapatan Responden

Kategori Pendapatan	Kekerapan	Peratus	Purata Pendapatan
Bawah RM400.00	59	17.8	
RM400.00-RM800.00	230	69.5	RM655.56
Lebih Dari RM800.00	42	12.6	
Jumlah	340	100.0	100.0


4.6.2 Penglibatan Responden Dalam Politik

Dalam seksyen ini, maklumat mengenai latarbelakang responden dalam politik ditinjau dan dipaparkan. Antara maklumat yang dilihat ialah maklumat yang berkaitan dengan tahap minat responden dalam politik, pembabitan responden dalam aktiviti politik, gelagat responden semasa mengundi dan saluran utama responden mendapatkan maklumat politik.

i. Berminat Dalam Hal Ehwal Politik

Pada seksyen awalnya, kaji selidik ini meneliti tahap minat responden terhadap aktiviti berpolitik (Lampiran 4.15: Ujian Frekuensi-Berminat Dalam Hal Ehwal Politik). Keputusan kajian seperti mana yang


dipaparkan di Rajah v memaparkan 63.7 peratus dari responden tidak berminat (1.8 peratus- sangat tidak berminat + 61.9 peratus-tidak berminat) dalam hal ehwal politik berbanding 36.1 peratus lagi responden berminat (34.3 peratus-berminat + 2.0 peratus-sangat berminat) dalam hal ehwal politik.




Rajah v
Tahap minat responden dalam politik

Kaji selidik ini juga mengkaji kekerapan responden berbincang mengenai hal-hal politik. Dapatan kajian menunjukkan 19.6 peratus dari responden tidak pernah berbincang mengenai hal-hal politik, berbanding 71.6 peratus berbincang kadang-kala dan 8.8 peratus responden lagi kerap berbincang mengenai hal-hal politik (Rajah vi). Bagi mereka yang pernah berbincang tentang hal-hal politik (kadangkala dan kerap) kajian ini melihat pula dengan siapa mereka kerap berbincang sama ada dengan keluarga, jiran atau rakan. Keputusan kajian ini memaparkan 59.4 peratus daripada responden berbincang mengenai politik dengan keluarga, 48.9

peratus lagi berbincang mengenai isu politik dengan jiran dan 41.5 peratus berbincang dengan rakan (Rajah vii).




Rajah vi
Kekerapan responden berbincang mengenai isu politik (peratus)



Rajah vii
Peratus responden berbincang mengenai politik dengan keluarga, jiran dan rakan


Seterusnya kaji selidik ini menilai pula tingkahlaku responden dalam perbincangan mengenai hal-hal politik iaitu pernah bertengkar dengan sesiapa atau keluarga disebabkan perbezaan parti dan politik. Hasil kajian seperti di Rajah viii mendapati bahawa majoriti (92.5 peratus) responden tidak pernah bertengkar semasa berbincang mengenai politik berbanding 7.5 peratus lagi responden pernah bertengkar ketika berbincang mengenai hal politik.



ii. Pembabitan Responden Dalam Aktiviti Berpolitik

Kaji selidik ini juga meneliti pembabitan responden dalam aktiviti berpolitik seperti aktiviti berkempen, bertanding, memegang jawatan parti dan lain-lain aktiviti (Lampiran 4.16: Ujian Frekuensi-Pembabitan Dalam Aktiviti Berpolitik). Keputusan kajian seperti di Rajah ix memaparkan pembabitan responden dalam aktiviti berpolitik lebih sebagai pengundi dengan peratusan 90.7 peratus penglibatan. Lain-lain

aktiviti berpolitik seperti mengedar risalah, menampal poster, bertanding jawatan, berkempen, hadir kempen dan memegang jawatan adalah kurang disertai oleh responden.



Rajah ix
Peratus pembabitan responden dalam aktiviti berpolitik

4.6.3 Sumber Responden Mendapatkan Maklumat Politik

Kaji selidik ini turut meneliti dari mana responden mendapatkan maklumat mengenai politik semasa. Dari kaji selidik yang dilakukan ke atas sumber-sumber yang dirasakan dapat memberi maklumat kepada responden, hasil kajian mendapati majoriti dari responden mendapatkan maklumat dari sumber media komunikasi utama seperti televisyen dan radio serta diikuti oleh akhbar-akhbar tempatan. Lain-lain sumber maklumat samada lisan atau tidak lisan seperti rakan, saudara mara, ahli masjid, JKKK dan kempen politik kurang dijadikan sebagai saluran maklumat oleh responden. Sementara itu, saluran maklumat melalui

media komunikasi internet langsung tidak memberi maklumat kepada responden. Begitu juga dengan sumber maklumat daripada kakitangan KEMAS, kakitangan jabatan penerangan dan surat layang (Jadual 4.16, Lampiran 4.17:Ujian Frekuensi-Saluran Mendapatkan Maklumat Politik).


Jadual 4.16
Sumber Responden Mendapat Maklumat

Saluran Maklumat	Keketaraan (Peratus)		Ranking
	Ya	Tidak	
Radio	640 (97.1)	19 (2.9)	2
Televisyen	646 (98.0)	13 (2.0)	1
Akhbar	457 (69.3)	202 (30.7)	3
Rakan Sepersatuhan	15 (22.3)	644 (97.7)	7
Rakan Tempat Kerja	11 (1.7)	648 (98.3)	10
Kenalan Rapat	80 (12.1)	579 (87.9)	6
Ahli Keluarga	156 (23.7)	503 (76.3)	4
Saudara Mara	107 (16.2)	552 (83.8)	5
Ahli masjid	14 (2.1)	645 (97.6)	8
JKKK	6 (0.9)	653 (99.1)	11
Kakitangan KEMAS	-	659 (100.0)	13
Jabatan Penerangan	-	659 (100.0)	14
Majalah/risalah	3 (0.5)	656 (99.5)	12
Internet	-	659 (100.0)	15
Ceramah/kempen politik	12 (1.8)	647 (98.2)	9
Surat Layang	-	659 (100.0)	16
Jumlah	659	100.0	16


Data di atas menunjukkan media elektronik seperti radio, televisyen dan akhbar amat berpengaruh dalam memberi maklumat kepada rakyat atau pengundi.

i. Gelagat Responden Semasa Mengundi

Dalam aspek pengundian, beberapa situasi telah diteliti dalam kajian ini. Umpamanya dari aspek pilihan responden semasa mengundi dan tindakan-tindakan yang diambil semasa mengundi. Selain itu faktor-faktor mengapa responden berubah parti dan perbezaan pemilihan parti mengikut kawasan juga dikenalpasti (Lampiran 4.18: Ujian Frekuensi-Gelagat Semasa Mengundi). Dari aspek pilihan semasa mengundi, kajian ini mendapati 86.0 peratus daripada responden bertindak memilih parti ketika hendak mengundi berbanding 14.0 peratus lagi memilih calon (Rajah x). Sementara itu, bagi mereka yang memilih calon, sekiranya calon yang disokong oleh mereka tidak terpilih untuk bertanding, 59.5 peratus dari mereka tetap memberi sokongan kepada parti yang disokong, 12.7 peratus lagi bertindak tidak mengundi dan 27.8 peratus lagi bertindak memangkah parti lawan (Rajah xi).



Rajah x
Pilihan responden semasa mengundi



Rajah xi
Tindakan responden jika calon disokong tidak terpilih bertanding

Seterusnya dalam aspek faktor-faktor peralihan parti semasa pilihanraya, kaji selidik ini berjaya mengenalpasti sepuluh (10) responden pernah beralih parti iaitu dari parti Barisan Nasional kepada PAS iaitu dalam pilihanraya umum tahun 1999. Kaji selidik ini mendapati responden yang pernah beralih parti memberi alasan, perasaan kekecewaan mereka dengan isu persekitaran atau isu semasa yang berlaku pada masa itu (isu Anwar Ibrahim) sebagai faktor utama mengapa mereka beralih parti (Jadual 4.17).

Jadual 4.17
Gelagat Atau Perubahan Pengundi Dalam Memilih Parti

Parti Sebelum	Parti Sesudah	Alasan	Parti Sebelum	Parti Sesudah	Alasan
-	-	-	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
-	-	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
-	-	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
BN	BN	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
BN	BN	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
BN	BN	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
BN	BN	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
-	-	-	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
-	-	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu
-	BN	BN	BN	PAS	Isu dan Persekutaran Masa itu

Di samping itu, jika ditanya responden mengenai parti mana yang akan diundi mereka pada pilihanraya akan datang, kajian ini memaparkan 92.9 peratus dari responden berkata mereka akan mengundi UMNO, 4.4 peratus dari responden akan mengundi PAS dan 2.7 peratus responden lagi tidak pasti lagi akan mengundi parti mana pada pilihanraya akan datang (Jadual 4.18).

Jadual 4.18

Pengundi Akan Memilih Parti Mana Pada Pilihanraya Akan Datang

Parti Yang Dipilih	Kekerapan	Peratus
UMNO	612	92.9
PAS	29	4.4
Tidak Pasti	18	2.7
Jumlah	659	100.0

Jika dilihat pula perbezaan sokongan pengundi terhadap parti politik berdasarkan tempat kediaman, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kawasan kediaman responden dengan sokongan yang diterima oleh UMNO dan PAS. Di sini diperhatikan UMNO mendapat undi sepenuhnya dari kawasan Kampung Bakong (100% dari 150 pengundi) dan Kampung Kebun (99.5% dari 191 pengundi). Sementara itu pengaruh PAS walaupun sedikit tetapi wujud di kawasan kediaman kampung Banat, Kampung Station dan Kampung Alor Merah (Jadual 4.19).

Jadual 4.19**Kaitan Antara Kawasan Kediaman Responden Dengan Sokongan Yang Diterima oleh UMNO (Ringkasan Ujian Silang)**


Kawasan Kediaman (x!)	Memilih Parti		Jumlah
	UMNO	PAS	
Kg. Banat	138	19	157
	87.9%	12.1%	100.0%
Kg. Behor Kurong Ayam	7	0	7
	100.0%	-	100.0%
Kg. Bakong	150	0	150
	100.0%	-	100.0%
Kg. Kebun	191	1	192
	99.5%	0.5%	100.0%
Kg. Station	161	6	122
	95.1%	4.9%	100.0%
Kg. Alor Merah	10	3	13
	76.9%	23.1%	100.0%
Jumlah	612	29	641
	95.5%	44.5%	100.0%

Ujian Silang (Crosstabulation): Nilai Pearson Chi-Square=45.837, p<0.001

ii. Pendapat Responden Mengenai Faktor Pemilihan Calon

Kaji selidik ini meninjau pandangan responden terhadap faktor-faktor memilih calon jika mereka diberi pilihan. Di sini responden meletakkan faktor keperibadian calon (keperibadian yang dimaksudkan ialah berkelakuan baik, tidak sompong, suka menolong orang, menegur tidak kira siapa, senyum dan lain-lain akhlak yang terpuji) dan arah aliran perjuangan calon sebagai faktor terpenting (Lampiran 4.19: Ujian Frekuensi-Faktor Pemilihan Calon). Misalnya di sini didapati faktor keperibadian calon mendapat peratusan persetujuan paling tinggi (63.4%) di samping faktor aliran perjuangan (51.0%) berbanding dengan faktor-

faktor lain seperti faktor latarbelakang agama calon (27.5%), sebangsa dan seagama (25.2%), berpelajaran tinggi (21.2%), berpengalaman (18.1%), isu yang diperjuang (16.8%) dan orang tempatan (8.5%) (Rajah xii).




Rajah xii
Faktor-faktor pemilihan calon oleh responden

iii. Pendapat Responden Mengenai Faktor Pemilihan Parti Politik

Di samping itu responden juga diambil pandangan mereka mengenai faktor-faktor yang mendorong mereka memilih satu-satu parti politik itu jika mereka di beri pilihan (Lampiran 4.20: Ujian Frekuensi-Faktor Pemilihan Parti Politik). Keputusan di Rajah xiii memaparkan pilihan yang telah dibuat oleh responden yang mana responden meletakkan 88.6 peratus persetujuan ke atas faktor dasar/manisfesto parti sebagai faktor terpenting apabila memilih parti. Ini diikuti oleh faktor kepimpinan parti (28.1%), calon (21.4%), isu yang di bawa (11.1%) dan kempen (3.3%).

Manifesto BN/UMNO ternyata lebih berpengaruh dan menarik pengundi. Misalnya canggih, warna-warna dan penuh dengan wawasan (contoh Cemerlang, Gemilang dan Terbilang).




Rajah xiii
Faktor-faktor pemilihan parti politik oleh responden


iv. Pendapat Responden Tentang Peranan Kempren

Selain itu, kajiselidik ini juga meninjau pandangan responden terhadap kepentingan peranan kempren dalam membantu calon dalam pilihanraya (Lampiran 4.21: Ujian Frekuensi-Peranan Kempren). Daripada kaji selidik yang dibuat didapati hampir keseluruhan (98.5 peratus) dari responden bersetuju bahawa kempren memainkan peranan penting dalam membantu calon memenangi pilihanraya (Rajah xiv). Responden memberikan beberapa alasan mengapa pentingnya kempren. Antara alasan itu seperti dapat mengenai calon dengan lebih dekat, dapat maklumat mengenai

perkembangan politik semasa dan dapat membandingkan antara isu yang dibawa oleh calon dan parti. Selain itu responden juga berpendapat bahawa kempen dan aktiviti kempen hanya aktif atau panas semasa dekat-dekat pilihanraya dan akan kembali reda selepas pilihanraya (Rajah xv). Menurut pandangan kebanyakan responden, pilihanraya umum yang diadakan lima tahun sekali merupakan satu perjuangan pengundi di peringkat bawahan. Dengan sebab itu, pilihanraya dirasakan sebagai satu pesta dalam masa seminggu dua sebelum pilihanraya diadakan. Justeru itu, pelbagai strategi kempen diatur untuk meraih sokongan pengundi.



Rajah XIV
Kepentingan kempen pada calon



Rajah XV
Kempen hanya aktif dan panas dekat pilihanraya

4.6. 5 Pendapat Responden Mengenai Faktor Kejayaan UMNO Dalam Mendapatkan Undi

Kajiselidik ini turut meninjau pendapat responden mengenai faktor kejayaan UMNO dalam mendapatkan undi dari pengundi. Untuk mencapai tujuan ini penyelidik telah mengutarakan faktor-faktor seperti faktor calon dan kepimpinan, faktor program parti, faktor imej dan ideologi parti, faktor demokrasi, faktor pertumbuhan ekonomi, faktor isu dan kempen. Keputusan kajian seperti yang dicatatkan di Jadual 4.20 (Lampiran 4.22: Ujian Frekuensi-faktor sokongan terhadap UMNO) menunjukkan hampir keseluruhan daripada responden bersetuju bahawa faktor-faktor itu banyak mempengaruhi pengundi menyokong UMNO. Sebagai contoh 97.6 peratus dari responden percaya kepada pemimpin UMNO dalam mengurus negara, 98.3 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO mempunyai pemimpin yang berkaliber dan 97.3 peratus daripada responden bersetuju bahawa rakyat berpuashati dengan calon-calon yang dipilih oleh UMNO untuk memimpin.

Sementara itu 99.1 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO mempunyai struktur dan organisasi yang lengkap, 98.2 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO mempunyai program-program tertentu untuk memajukan rakyat dan negara dan 98.9 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO mempunyai cukup sumber dan belanjawan untuk mengatur program.

Seterusnya 97.4 peratus daripada responden bersetuju bahawa ideologi UMNO sangat sederhana dan sesuai dengan nilai masyarakat Malaysia,

98.0 peratus daripada responden bersetuju bahawa dasar perkauman UMNO adalah sederhana dan berkongsi kuasa dengan kaum lain, 96.9 peratus daripada responden bersetuju bahawa imej UMNO sebagai pejuang negara dan nasib bangsa Melayu dan 97.7 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO adalah sebuah parti yang pragmatik

Akhir sekali 97.4 peratus daripada responden bersetuju bahawa demokrasi dalam parti masih kukuh walaupun terdapat amalan kompromi, 99.1 peratus daripada responden bersetuju bahawa UMNO membawa (menjana) pertumbuhan ekonomi negara (atasi kegawatan ekonomi, dll), dan 98.0 peratus daripada responden bersetuju bahawa isu dan kempen yang dibawa UMNO adalah relevan.

Jadual 4.20
Pendapat Responden Mengenai Faktor Kejayaan UMNO Mendapatkan Undi

Pendapat Responden Mengenai Faktor Kejayaan UMNO Mendapatkan Undi	Kekerapan	Peratus
Faktor Calon dan Kepimpinan		
1. Percaya kepada pemimpin UMNO dalam mengurus negara		
Setuju	639	97.6
Tidak setuju	16	2.4
2. UMNO mempunyai pemimpin yang berkaliber		
Setuju	644	98.3
Tidak setuju	16	1.7
3. Rakyat berpuashati dengan calon-calon yang dipilih oleh UMNO untuk memimpin		
Setuju	637	97.3
Tidak Setuju	18	2.7

Sambung/: Jadual 4.20

Pendapat mengenai faktor-faktor yang membentuk umur dan pengaruh UMNO dalam politik negara			
--	--	--	--

Faktor Program Parti

4. UMNO mempunyai struktur dan organisasi yang lengkap			
Setuju	649		99.1
Tidak setuju	6		0.9
5. UMNO mempunyai program-program tertentu untuk memajukan rakyat dan negara			
Setuju	643		98.2
Tidak setuju	12		1.8
6. UMNO mempunyai cukup sumber dan belanjawan untuk mengatur program			
Setuju	648		98.9
Tidak Setuju	7		1.1

Faktor Imej dan Ideologi Parti

7. Ideologi UMNO sangat sederhana dan sesuai dengan nilai masyarakat Malaysia			
Setuju	638		97.4
Tidak setuju	17		2.6
8. Dasar perkauman UMNO yang sederhana dan berkongsi kuasa dengan kaum lain			
Setuju	642		98.0
Tidak Setuju	13		2.0
9. Imej UMNO sebagai pejuang Negara dan nasib bangsa Melayu			
Setuju	635		96.9
Tidak setuju	20		3.1
10. UMNO adalah sebuah parti yang pragmatik			
Setuju	640		97.7
Tidak setuju	15		2.3

Faktor Demokrasi

11. Demokrasi dalam parti masih kukuh di samping amalan kompromi			
Setuju	638		97.4
Tidak setuju	17		2.6

Faktor Pertumbuhan Ekonomi

12. UMNO membawa (menjana) pertumbuhan ekonomi negara (atasi kegawatan ekonomi, dan lain lain)			
Setuju	649		99.1
Tidak setuju	6		0.9

Faktor Isu dan Kempen

13. Isu dan kempen yang dibawa UMNO adalah relevan			
Setuju	642		98.0
Tidak setuju	13		2.0

4.6.6 Pendapat Responden Mengenai Krisis Dalaman Yang Berlaku Kepada UMNO, MCA dan keADILan

Kaji selidik ini juga mengambil pendapat responden mengenai krisis dalaman yang berlaku dalam parti politik, UMNO (Anwar Ibrahim), MCA (krisis pemuda, kepimpinan) dan keADILan (krisis peletakkan jawatan dan penarikan diri dari parti) dalam tahun-tahun 1998-2003.

Daripada tinjauan yang dibuat beberapa keputusan telah diperolehi dan dicatatkan seperti di Jadual 4.21 atau Lampiran 4.23: Ujian Frekuensi-Krisis Dalaman. Antara keputusannya, 75.3 peratus dari responden bersetuju bahawa cabaran yang dilalui oleh UMNO merupakan cabaran paling sukar dalam sejarah UMNO (Era Tun Dr. Mahathir). Antara cabaran-cabaran itu seperti krisis ekonomi (kegawatan ekonomi) dan krisis politik (Pemecatan Anwar Ibrahim).

Dalam hal krisis MCA pula, 70.3 peratus dari responden bersetuju bahawa MCA juga menghadapi situasi yang sama seperti UMNO. Seterusnya dalam situasi keADILan, 81.8 peratus dari responden berpendapat bahawa keADILan akan menerima nasib yang sama seperti Semangat 46. Walau bagaimanapun rata-rata (87.4%) responden bersetuju bahawa krisis dalaman parti merupakan fenomena biasa dalam parti.

Jadual 4.21
Pendapat Responden Mengenai Krisis Dalaman

Pendapat Responden Mengenai	Keluaran	Persentase
UMNO hadapi cabaran paling sukar		
Setuju	484	75.3
Tidak setuju	162	24.7
MCA hadapi isu paling sukar dalam sejarahnya		
Setuju	455	70.3
Tidak setuju	192	29.7
KeADILan akan menerima nasib seperti		
Semangat 46		
Setuju	527	81.8
Tidak Setuju	117	18.2
Krisis dalaman adalah fenomena biasa		
Setuju	638	87.4
Tidak Setuju	17	2.6

4.6.7 Pendapat Responden Mengenai Kuasa Mereka Sebagai Pengundi

Kaji selidik ini juga mengambil pendapat responden mengenai kuasa mereka sebagai pengundi dan layanan yang diterima dari parti politik untuk memancing undi mereka. Dalam aspek ini beberapa item telah dikemukakan untuk diselidiki. Antara item-item itu seperti: Saya tidak menyoal apa yang kerajaan buat, Kadang kala saya tidak faham apa yang kerajaan buat, Orang atasan tidak ambil tahu apa yang saya fikir, Suara saya tidak didengar dalam membuat keputusan, Parti lebih tertarik dengan undi saya dari pendapat saya dan Pengundian merupakan satu cara untuk salurkan ketidakpuasan atau kepuasan (Lampiran 4.24: Ujian Frekuensi- Kuasa Sebagai Pengundi:Apati).

Dapatan penting di sini menunjukkan hampir keseluruhan (93.7%) daripada responden bersetuju bahawa pengundian merupakan salah satu

cara untuk mereka salurkan ketidakpuasan atau kepuasan. Lain-lain keputusan dicatatkan seperti di Jadual 4.22 di mana lebih dari separuh tidak bersetuju dengan pernyataan: Saya tidak menyatakan apa yang kerajaan buat (58.2%), Kadang kala saya tidak faham apa yang kerajaan buat (60.7), Orang atasan tidak ambil tahu apa yang saya fikir (60.3%), Suara saya tidak didengar dalam membuat keputusan (60.0%). Sementara itu hasil kajian ini mendapati 54.5 peratus dari responden bersetuju dengan pernyataan “Parti lebih tertarik dengan undi saya dari pendapat saya” dan 45.5 peratus lagi responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 4.22
Pendapat Responden Mengenai Kuasa Mereka Sebagai Pengundi (Apati)

Pendapat Responden Mengenai	Kekerapan	Peratus
Saya tidak menyatakan apa yang kerajaan buat		
Setuju	274	41.8
Tidak setuju	381	58.2
Kadang kala saya tidak faham apa yang kerajaan buat		
Setuju	258	39.4
Tidak setuju	397	60.6
Orang atasan tidak ambil tahu apa yang saya fikir		
Setuju	260	39.8
Tidak Setuju	394	60.2
Suara saya tidak didengar dalam membuat keputusan		
Setuju	262	40.0
Tidak Setuju	393	60.0
Parti lebih tertarik dengan undi saya dari pendapat saya		
Setuju	357	54.5
Tidak Setuju	298	45.5
Pengundian merupakan satu cara untuk salurkan ketidakpuasan atau kepuasan		
Setuju	614	93.7
Tidak Setuju	14	6.3

4.6.8 Pendapat Responden Mengenai Pencapaian Ekonomi

Akhir sekali kaji selidik ini juga mengambil pandangan responden mengenai pencapaian ekonomi di bawah kerajaan Barisan Nasional. Daripada kaji selidik ini, didapati hampir keseluruhan responden berpuas hati dengan pencapaian ekonomi negara di bawah kerajaan BN atau UMNO (Lampiran 4.25: Ujian Frekuensi-Pencapaian Ekonomi). Ini berdasarkan kepada 97.3 peratus bersetuju bahawa pencapaian ekonomi di bawah kerajaan BN adalah baik, 98.0 peratus responden berkata kerajaan BN berjaya mengawal kegawatan ekonomi dan 98.3 peratus lagi bersetuju dengan kejayaan BN mengawal pengangguran dan inflasi. Seterusnya dapatan kajian memaparkan 93.1 peratus dari responden menyatakan parti lain belum tentu dapat mengurus ekonomi seperti mana yang diurus oleh BN (Jadual 4.23).

Jadual 4.23

Pendapat Responden Mengenai Pencapaian Ekonomi Negara Di Bawah Kerajaan BN

Pendapat Responden Mengenai Pencapaian Ekonomi di Bawah BN	Kekurusan	Peratus
Pencapaian ekonomi di bawah kerajaan BN adalah:		
Baik	641	97.3
Tidak	18	2.7
Kerajaan BN berjaya mengawal kegawatan ekonomi		
Ya	646	98.0
Tidak	13	2.0
Kerajaan BN berjaya mengawal pengangguran dan inflasi dengan baik		
Ya	648	98.3
Tidak	11	1.7
Parti lain belum tentu dapat urus seperti mana BN		
Ya	614	93.1
Tidak	35	5.3
Tidak Pasti	10	1.5

4.6.9 Pendapat Responden Mengenai Parti Yang Akan Memerintah Negara Pada Masa Hadapan

Kaji selidik ini juga meninjau pandangan responden mengenai parti mana yang akan memerintah negara pada masa akan datang. Dengan sebab itu dua item ditanya kepada responden iaitu yakin Barisan Alternatif (BA) akan memerintah negara dan yakin UMNO akan terus memerintah negara. Hasil keputusan kajian seperti yang dipaparkan di Jadual 4.24 atau di Lampiran 4.26: Ujian Frekuensi-Parti Yang Akan Memerintah Negara, menunjukkan hanya 3.4 peratus dari responden yakin bahawa BA akan memerintah negara pada masa akan datang berbanding 95.6 peratus lagi responden tidak yakin BA akan memerintah negara.

Sementara itu pula 95.9 peratus dari responden yakin bahawa UMNO akan terus memerintah negara pada masa hadapan berbanding 4.1 peratus lagi tidak yakin.

Jadual 4.24

Pendapat Responden Mengenai Parti Yang Akan Merintah Negara

Pendapat Responden Mengenai	Kelirupan	Peratus
Yakin bahawa BA akan memerintah negara		
Yakin	22	3.4
Tidak Yakin	627	95.6
Yakin UMNO akan terus memerintah negara		
Yakin	628	95.9
Tidak Yakin	27	4.1

4.6.10 Survival UMNO di DUN Tambun Tulang

Bagi mencapai matlamat kaji selidik kedua (untuk mengukur tahap sokongan rakyat kepada UMNO dan seterusnya menentukan survival UMNO) satu tinjauan telah dijalankan di kawasan pengundian Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang. Pemilihan DUN Tambun Tulang sebagai kawasan kajian berasaskan pengalaman penyelidik bertanding di kawasan itu sebelum ini.

Sejumlah 2,473 bakal pengundi telah berjaya dikenalpasti dan ditemuduga di tiga buah kawasan (pusat) pengundian yang berjumlah 4,203 orang. Dapatan tinjauan adalah seperti di Jadual 4.25 (Lampiran 4.27: Ujian Frekuensi-Parti dipilih pada pilihanraya akan datang) yang mana menunjukkan 81.8 peratus daripada pengundi akan memilih Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 2004 berbanding 12.2 peratus lagi memilih untuk mengundi Parti Islam Malaysia (PAS). Sementara itu 6.0 peratus daripada pengundi tidak pasti lagi untuk memilih parti mana pada pilihanraya akan datang. Mereka yang tidak pasti untuk mengundi parti mana pada pilihanraya akan datang kebanyakannya adalah mereka yang belum pernah mengundi dan baru mengundi sekali.

**Jadual 4.25
Pengundi Akan Memilih Parti Mana Pada Pilihanraya Akan Datang**

Parti Yang Dipilih	Kekerapan	Peratus
BN	2,024	81.8
PAS	301	12.2
Tidak Pasti	148	6.0
Jumlah	2473	100.0

4.6.11 Pengujian Hipotesis

Bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian ini, pengujian hipotesis terhadap pembolehubah yang dikaji seperti mana yang dicadangkan di bab satu dipaparkan di bahagian ini.

i. Pengujian Hipotesis 1

H_0 : Tidak terdapat korelasi antara faktor pemilihan calon dan pemimpin UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

H_a : Terdapat korelasi antara faktor pemilihan calon dan pemimpin UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Untuk menjawab hipotesis pertama, ujian korelasi telah dibuat. Keputusan dari ujian tersebut mendapati nilai *pearson correlation* (r) ialah 0.592 dan signifikan pada aras sig. 0.01 (Jadual 4.26 dan lampiran 4.28: Pengujian Hipotesis 1-Ujian Korelasi). Keputusannya, hipotesis alternatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_0) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor calon dan kepimpinan dengan sokongan terhadap UMNO. Maknanya, jika UMNO tidak meletakkan calon yang benar-benar sesuai dan berketerampilan, kemungkinan besar UMNO akan kalah dalam pilihanraya berkenaan.

Jadual 4.26

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Calon dan Pemimpin dengan Sokongan Yang diterima oleh UMNO

Faktor	Bilangan Responden (n)	Nilai Pearson Correlation (r)
Faktor Calon (x1)	655	0.592**

** $p < 0.01$

ii. Pengujian Hipotesis 2

H_0 : Tidak terdapat korelasi antara faktor program parti dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

H_a : Terdapat korelasi antara faktor program parti dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Seterusnya ujian korelasi sekali lagi jalankan bagi menguji hipotesis kedua. Keputusan ujian korelasi mencatatkan nilai *pearson correlation* ialah 0.435 dan signifikan pada aras 0.01 (Jadual 4.27 dan lampiran 4.29: Pengujian Hipotesis 2-Ujian Korelasi). Maka dengan itu, hipotesis altenatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_0) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor program parti dengan sokongan terhadap UMNO.

Jelas kepada pengkaji bahawa program-program parti pemerintah yang dilaksanakan selama ini (program ekonomi, sosial, pendidikan dan agama) memang menarik minat para pengundi untuk menyokong parti tersebut.

Jadual 4.27

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Program Parti Dengan Sokongan Yang diterima oleh UMNO

Faktor	n	r
Faktor Program (x2)	655	0.435**

** $p < 0.01$

iii. Pengujian Hipotesis 3

Ho3 : Tidak terdapat korelasi antara faktor imej dan ideologi UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha3 : Terdapat korelasi antara faktor imej dan ideologi UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ujian korelasi turut dijalankan untuk menguji hipotesis ketiga. Keputusan ujian korelasi mendapati nilai *pearson correlation* ialah 0.595 dan signifikan pada aras sig. 0.01 (Jadual 4.28 dan lampiran 4.30: Pengujian Hipotesis 3-Ujian Korelasi). Maka dengan itu, hipotesis altenatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor imej dan ideologi parti dengan sokongan terhadap UMNO. Seperti yang dimaklumkan ideologi UMNO adalah pragmatik, mudah difahami seperti untuk bangsa, agama dan negara. Imej UMNO juga tetap harum kerana dikenali sebagai parti yang menentang Malayan Union, memperjuangkan kemerdekaan, pembentukan Malaysia, DEB, Wawasan 2020, Islam Hadhari dan lain-lain.

Jadual 4.28

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Imej dan Ideologi Dengan Sokongan Yang diterima oleh UMNO

Faktor	n	r
Faktor Imej (x3)	655	0.595**

** p< 0.01

iv. Pengujian Hipotesis 4

Ho4 : Tidak terdapat korelasi antara faktor demokrasi dalam UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ha4 : Terdapat korelasi antara faktor demokrasi dalam UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Untuk menjawab hipotesis keempat sekali lagi ujian *korelasi* dibuat.

Keputusan dari ujian tersebut memaparkan nilai *pearson correlation* ialah 0.616 dan signifikan pada aras 0.01 (Jadual 4.29 dan lampiran 4.31: Pengujian Hipotesis 4-Ujian Korelasi). Keputusannya, hipotesis altenatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor demokrasi dengan sokongan yang diterima oleh UMNO. Di sini jelas menunjukkan bahawa faktor demokrasi yang berjalan secara licin dan tersusun dalam UMNO di samping faktor muafakat antara pemimpin mendapat perhatian daripada pengundi untuk menyokong parti itu.

Jadual 4.29

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Demokrasi Dengan Sokongan Yang Diterima oleh UMNO

Faktor	n	r
Faktor Demokrasi (x4)	655	0.616**

** p< 0.01

v. Pengujian Hipotesis 5

H_0 : Tidak terdapat korelasi antara pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

H_a : Terdapat korelasi antara pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh UMNO dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Ujian *korelasi* juga dijalankan untuk menguji samada untuk menolak hipotesis altenatif (H_a) atau menerimanya. Keputusan dari ujian tersebut, mendapati nilai *pearson correlation* ialah 0.363 dan signifikan pada aras 0.01 (Jadual 4.30 dan lampiran 4.32: Pengujian Hipotesis 5-Ujian Korelasi). Keputusannya, hipotesis altenatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_0) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh UMNO dengan sokongan terhadap UMNO. Dapatkan ini menyokong bahawa faktor ekonomi merupakan salah satu dari aspek penting dalam menarik sokongan pengundi. Kemakmuran ekonomi yang dicapai oleh rakyat sudah tentu akan membuatkan mereka berpuas hati terhadap pemerintah, justeru itu mereka akan memberi undi kepada pemerintah. Dalam hal ini, kerajaan Barisan Nasional lazimnya mengadakan pilihanraya di waktu ekonomi yang baik. Sebagai contoh pilihanraya 2004.

Jadual 4.30

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Pertumbuhan Ekonomi dengan Sokongan Yang Diterima oleh UMNO

Faktor	n	r
Faktor Pertumbuhan Ekonomi (x5)	655	0.363**

** $p < 0.01$

vi. Pengujian Hipotesis 6

H_0 : Tidak terdapat korelasi antara faktor isu dan kempen dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

H_a : Terdapat korelasi antara faktor isu dan kempen dengan sokongan yang diterima oleh UMNO

Akhir sekali ujian *korelasi* dibuat untuk menilai hipotesis keenam. Keputusan dari ujian tersebut, mendapati nilai *pearson correlation* ialah 0.537 dan signifikan pada aras 0.01 (Jadual 4.31 dan lampiran 4.33: Pengujian Hipotesis 6-Ujian Korelasi). Keputusannya, hipotesis altenatif (H_a) diterima dan hipotesis null (H_0) ditolak. Dengan ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara faktor isu dan kempen dengan sokongan terhadap UMNO. Kejayaan UMNO dalam mengutarakan isu semasa berkempen di samping menolak isu pihak lawan sedikit sebanyak telah membantu parti itu menang dalam pilihanraya, sebagai contoh pilihanraya umum 2004. Dalam pilihanraya umum 2004, UMNO telah berjaya menolak isu negara Islam oleh PAS, apabila Pendana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melancarkan pendekatan Islam Hadhari yang mampu diterima oleh kesemua masyarakat tanpa mengira agama dan etnik.

Jadual 4.31

Ringkasan Keputusan Ujian Korelasi Antara Faktor Isu dan Kempen dengan Sokongan Yang diterima oleh UMNO

Faktor	n	r
Faktor Isu dan kempen (x6)	655	0.537**

** $p < 0.01$

vii. Pengujian Hipotesis 7

Ho₇ : Faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu tidak mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO

Ha₇ : Faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan isu mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO

Sementara itu ujian *regression* dijalankan untuk menguji hipotesis ketujuh. Keputusan ujian *regression* seperti di Jadual 4.32 (lampiran 4.34: Pengujian Hipotesis 7-Ujian Regresi) mendapati nilai signifikan (p) adalah 0.000. Maka dengan ini hipotesis altenatif (Ha) diterima dan hipotesis null (Ho) ditolak.

Secara keseluruhannya keputusan ujian *regression* ini menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan faktor isu mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO. Hasil ujian *regression* juga menunjukkan 38 peratus faktor-faktor seperti faktor calon, program, imej, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan faktor isu mempengaruhi sokongan rakyat terhadap UMNO. Manakala selebihnya adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain. Sementara itu, jika dinilai faktor mana yang paling mempengaruhi sokongan terhadap UMNO, keputusan ujian ini menunjukkan faktor demokrasi dan faktor calon mempunyai pengaruh paling kuat (faktor demokrasi: beta=0.423, p=0.16 dan faktor calon: beta=0.291, p=0.042) berbanding dengan faktor lain.

Jadual 4.32**Ringkasan Keputusan Ujian Regression Antara Faktor-faktor Penentu dengan Sokongan Yang diterima oleh UMNO**

Faktor Penentu	Beta	Sig.
Calon dan kepimpinan parti (x1)	0.291	0.042
Program parti (x2)	0.055	0.697
Imej dan ideologi parti(x3)	0.170	0.290
Demokrasi (x4)	0.423	0.016
Petumbuhan Ekonomi (x5)	0.109	0.365
Isu dan kempen (x6)	0.125	0.207

R Square=0.383, Adjusted R Square =0.378, p= 0.000

4.6.12 Kesimpulan

Beberapa penemuan penting diperolehi daripada tinjauan ini. Umpamanya dapatan analisis ini memaparkan tahap minat responden terhadap politik dan aktiviti berpolitik adalah masih rendah. Kebanyakan dari mereka hanya berminat untuk mengundi sahaja berbanding menyertai lain-lain aktiviti. Sementara itu pula didapati televisyen dan radio merupakan sumber rujukan utama mendapatkan maklumat di samping akhbar tempatan. Seterusnya dapatan tinjauan ini menunjukkan lebih ramai responden meletakkan parti sebagai pilihan semasa mereka memangkah kertas undi berbanding calon.

Dalam analisis tinjauan pendapat pula beberapa penemuan diperolehi. Antaranya ialah mengenai pentingnya peranan kempen dalam membantu calon dalam pilihanraya. Selain itu, responden meletakkan keperibadian calon dan arah perjuangan calon sebagai faktor terpenting memilih calon. Manakala bagi memilih parti politik pula responden meletakkan dasar

atau manifesto parti sebagai faktor utama dalam memilih parti. Seterusnya hampir keseluruhan dari responden berpuas hati dengan pencapaian ekonomi di bawah kerajaan BN. Analisis tinjauan pendapat ini juga memaparkan majoriti responden meletakkan keyakinan kepada kerajaan BN untuk terus memerintah negara pada masa akan datang berbanding dengan BA.

Dapatkan tinjauan ini adalah selari dengan keputusan yang diperolehi dari kajian Universiti Utara Malaysia (UUM-2004) yang membuat kajian mengenai kerenggangan politik masyarakat desa di kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Keputusan kajian tersebut memaparkan majoriti peserta KEDA memberi kepercayaan terhadap parti pemerintah (UMNO) untuk mentadbir. Kajian UUM ini juga memaparkan peserta KEDA menganggap pihak pemerintah merupakan parti yang bertanggungjawab dalam usaha membawa pembangunan dalam kemajuan masyarakat, khususnya masyarakat luar bandar. Seterusnya kajian ini mendapati media komunikasi seperti Berita TV, Utusan Malaysia dan Berita Harian-NST lebih dominan di mata rakyat dan paling banyak digunakan oleh mereka untuk mendapatkan maklumat semasa. Kajian UUM ini juga mendapati ramai peserta KEDA hanya bertindak sebagai ahli biasa dalam parti dan aktif sebagai pengundi sahaja dari menjawat jawatan dalam parti. Dari segi faktor memilih pemimpin atau calon pula, kajian ini mendapati peserta KEDA meletakkan faktor keperibadian (amanah, kuat agama, bertanggungjawab) di tempat yang utama, manakala faktor pemilihan parti pula adalah didasarkan kepada faktor kepimpinan parti yang terbaik.

Kajian ini juga mendapati responden UMNO memiliki sikap positif terhadap kerajaan dan dasar kerajaan. Ini berbeza dengan responden PAS yang banyak bersikap buruk terhadap kerajaan. Seterusnya dalam keputusan ujian hipotesis yang dijalankan dalam kajian ini mengesahkan kesemua faktor (faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi, demokrasi, pertumbuhan ekonomi, faktor isu dan kempen) yang diuji mempunyai korelasi yang positif dengan sokongan rakyat terhadap UMNO. Sementara itu, dalam tinjauan yang dibuat mengenai survival UMNO di Tambun Tulang pula, keputusan kajian memaparkan UMNO akan terus bertahan di situ. Secara keseluruhannya penemuan analisis tinjauan pendapat atau kaji selidik (penemuan kuantitatif) adalah tidak berbeza dengan penemuan kualitatif (penemuan ulasan karya).

4.7 Rumusan

Secara khususnya ke semua objektif dan hipotesis yang telah dikemukakan dalam Bab Satu telah dijawab dalam bab ini. Bab ini telah membincangkan ke semua objektif kajian yang diutarakan iaitu cabaran-cabaran yang dihadapi oleh UMNO, **asas-asas kekuatan, kejayaan dan sumbangan UMNO kepada masyarakat, sokongan pengundi terhadap UMNO dan kesedaran masyarakat terhadap politik dan ekonomi serta pendidikan.** Di samping itu, **hipotesis kajian juga turut terjawab di bab ini dengan pengujian hipotesis yang dijalankan ke atas ke semua faktor-faktor yang menjadi asas kepada kekuatan UMNO dalam menghadapi cabaran dan ancaman untuk mengekalkan survivalnya.**

BAB LIMA **PERBINCANGAN, RINGKASAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan

Pada umumnya terdapat perseimbangan penemuan di antara analisis yang bersifat kualitatif seperti di dalam Bab Ulasan Karya dengan analisis yang bersifat kuantitatif melalui ujian-ujian hipotesis di Bab Empat. Bab ini akan membincangkan dan meringkaskan hasil dari keputusan yang diperolehi di samping mengusulkan cadangan-cadangan yang bersesuaian.

5.2 Perbincangan dan Ringkasan

Di bawah ini dibincangkan dan diringkaskan beberapa penemuan dan kesimpulan yang diperolehi daripada kajian kualitatif dan kuantitatif.

5.2.1 Analisis Faktor-faktor (Penentu) Sokongan Rakyat Terhadap UMNO.

Berdasarkan kepada hasil-hasil kajian terdahulu [Ahmad Fawzi Basri., et.all (1995), Baharudin Ali Masrom (1989), Plasser, F., (2001), Coleman, J. J., (1996), Chamil Wariya (1998), Syed Arabi & Safar (1986)] serta keputusan kajian ini mendapati wujud faktor-faktor yang menjadi **penentu** kepada sokongan rakyat terhadap UMNO. Keputusan ujian hipotesis yang dijalankan dalam kajian ini mengesahkan ke semua faktor (faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi,

demokrasi, pertumbuhan ekonomi, faktor isu dan kempen) yang diuji mempunyai **korelasi yang positif** dengan sokongan orang Melayu terhadap UMNO. Berdasarkan kepada keputusan itu beberapa rumusan dan analisis dapat dibuat. **Pertamanya**, kepentingan faktor **pemilihan calon dan kepimpinan parti** adalah tidak boleh diketepikan akan kepentingannya untuk menarik sokongan rakyat dan seterusnya menjamin survival UMNO. Faktor pemilihan calon dan kepimpinan parti mempunyai kaitan yang positif atau selari dengan sokongan rakyat kepada UMNO. Dengan kata lain sekiranya faktor pemilihan calon dan pemimpin adalah tidak sesuai atau tidak diterima oleh rakyat, maka sokongan yang diterima oleh UMNO juga rendah. Sebaliknya jika rakyat berpuas hati dengan calon yang dipilih maka sokongan yang diterima oleh UMNO akan meningkat. Hal ini dibuktikan oleh kajian Ahmad Fawzi Basri (1997) yang mendapati wujud ahli UMNO yang belot kerana tidak berpuas hati dengan calon yang dipilih. Sementara itu, Mansor Mohd Noor (2005) telah membuktikan dalam analisisnya bahawa masyarakat akan menolak calon atau pemimpin yang mempunyai hubungan yang renggang (hanya aktif semasa kempen pilihanraya, jika menang lebih banyak berada di luar kawasan mereka dan hanya sibuk menguruskan projek mereka sendiri sahaja) dengan masyarakat setempat. Menurut Mansor, pengundi akan menggunakan kuasa mengundi yang ada ditangan mereka untuk mengubah hubungan renggang ini.

Rumusan kedua ialah mengenai perlunya **diadakan program-program** (ekonomi, sosial, agama dan lain-lain) dari masa ke semasa untuk membangunkan rakyat serta negara disamping memastikan program-

program yang dilancarkan itu berjaya. Di sini tidak dinafikan bahawa kejayaan program-program UMNO yang memuaskan hati rakyat telah menyebabkan survivalnya dapat dipertahankan hingga ke hari ini. UMNO mempunyai program-program tertentu untuk memajukan negara menyebabkan UMNO mendapat tempat dan kepercayaan rakyat (Atory Hussain, 1990). Salah satu sebab kejatuhan empayar Presiden Suharto Indonesia yang telah memerintah selama 32 tahun adalah kerana kegagalan program-programnya untuk memajukan rata-rata rakyat dan negara yang mana menyebabkan rakyat bangkit untuk menentangnya.

Seterusnya **rumusan ketiga, imej dan ideologi parti** juga merupakan faktor penting untuk satu-satu parti itu mempertahankan survivalnya. Umpamanya Imej UMNO yang terkenal dengan pejuang kemerdekaan dan pembela agama dan bangsa Melayu. Ideologi UMNO juga sederhana dengan mengamalkan dasar perkauman yang sederhana dengan bekerjasama dengan kaum-kaum lain turut menjadi faktor mengapa UMNO di sokong. Hal ini adalah berbeza dengan imej yang dipancarkan oleh PAS iaitu lebih kepada fanatik agama. Kajian oleh Mansor Mohd Noor (2005) mengesahkan bahawa penggunaan ideologi politik PAS untuk membina identiti diri telah memecah belahan masyarakat. Menurut Mansor kesan kegiatan kemasyarakatan pertama yang akan menonjol berlakunya perpecahan dalam masyarakat ini adalah pemulauan majlis kenduri kesyukuran dan nikah kahwin, diikuti dengan memulau makanan yang disembelih oleh ahli parti lawan, ziarah kematian-majlis tahlil dan tidak menggalakkan perkahwinan di antara pasangan yang berbeza parti politik.

Rumusan keempat, amalan demokrasi dan amalan bertolak ansur yang dilakukan di kalangan ahli parti juga sedikit sebanyak memantapkan parti UMNO. Kegagalan parti Golkar dan Presiden Suharto untuk terus memerintah negara kerana wujudnya amalan politik yang bersifat autoritarian yang menampakkan dengan jelas wujudnya ketidakserasan di dalam pemerintahan negara. Sikap kerajaan yang tidak telus telah menimbulkan kekecewaan, rasa tidak percaya dan tidak puas hati rakyat terhadap kemampuan institusi pemerintahan tersebut untuk mentadbir negara.

Rumusan kelima, faktor pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara juga tidak boleh dipertikaikan akan keberkesanannya untuk menjamin survival sesebuah parti politik itu terutamanya di negara-negara yang sedang membangun. Peristiwa kejatuhan Presiden Suharto adalah juga dikaitkan dengan krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1998. Ketidakmampuan menangani krisis ekonomi yang timbul telah menyebabkan Presiden Suharto kehilangan ketaatan dan sokongan rakyat. Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan yang dibawa oleh Suharto di kawasan-kawasan tertentu dan kota raya adalah cukup baik dan belum ada pemimpin-pemimpin selepasnya yang dapat berbuat sedemikian. Namun begitu kawasan-kawasan yang tertinggal dan jauh dari kota raya adalah terpinggir. Sementara itu, kemunculan demokrasi baru dan pengaruh asing menyebabkan pemimpin dijatuhkan melalui demokrasi jalanan. Seterusnya **Demokrasi yang diperkenalkan tidak demokratik** boleh mencetuskan huru-hara jika tidak dibendung. Keadaan politik sebeginilah yang sering kali dilihat berlaku di Indonesia.

Rumusan keenam, faktor isu dan peranan kempen semasa pilihanraya juga tidak dapat diperkecilkkan akan peranannya dalam pilihanraya. Bukti kukuh boleh dilihat pada pilihanraya di tahun 1999 dan 2004. Dalam pilihanraya di tahun 1999 parti pembangkang memenangi banyak kerusi kerana isu besar ketika itu, iaitu, isu Anwar Ibrahim telah mencetuskan sensitiviti rakyat pada masa itu. Manakala kekalahan yang teruk parti pembangkang pada pilihanraya di tahun 2004 kerana mereka ketandusan isu.


Rumusan terakhir, faktor kebolehan (kekuatan) UMNO menyusun jentera di peringkat akar umbi dalam pilihan raya juga menjadi penentu kepada kemenangan (faktor ini tidak dikaji oleh mana-mana penyelidik sebelum ini, dan diharap dikaji pada masa akan datang). Menurut pendapat pengkaji, parti yang disokong oleh rakyat akan mendapat kemenangan dan sokongan yang diberikan oleh rakyat ini adalah berdasarkan kepada kepercayaan mereka terhadap parti itu, di samping jaminan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang dapat diberikan oleh parti. Dalam jangka masa pendek (masa pilihan raya) jentera UMNO dapat digerakkan secara sistematik. Aktiviti-aktiviti seperti kempen, kegunaan kenderaan, makan dan minum serta kebajikan lain ahli dijaga rapi oleh jentera UMNO. Hampir separuh dari ahli parti bagi sesuatu kawasan adalah jentera parti yang bertugas (kajian menyeluruh perkara ini diharap dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang). Sementara itu, dalam jaminan jangka masa panjang jentera UMNO adalah penggerak utama kepada aktiviti-aktiviti kerajaan seperti bantuan-bantuan kebajikan, pertanian, pendidikan, belia dan lain-

lain. Di samping itu, faktor sumbangan sukarela jangka pendek dan jangka panjang membolehkan jentera UMNO sukar digugat oleh mana-mana parti politik di Malaysia. Parti Semangt 46 pernah meniru strategi UMNO tetapi mereka gagal menembusinya kerana rakyat percaya kepada UMNO dan kebolehannya hingga menjadi budaya kepatuhan orang Melayu dan budaya ini amat sukat diubah dalam jangka masa singkat. UMNO akan terus bertahan kerana jenteranya yang kuat dan kekuatan UMNO hanya boleh digugat sekiranya jentera UMNO lemah⁴¹.

5.2.2 Analisis Survival (Kelangsungan) UMNO Pada Masa Depan

Dalam menilai survival UMNO pada masa hadapan, **sejarah boleh dijadikan sebagai pengukur** di samping ramalan dan tinjauan yang dilakukan. Barisan Nasional dan UMNO dalam sejarah pengalaman pilihan raya yang lepas, umpamanya pilihanraya di tahun-tahun 1978, 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999 dan 2004 telah mencatatkan kejayaan dengan majoriti yang tinggi. Dalam pilihanraya di tahun-tahun 1978, 1982, 1986 dan 1995 pencapaian Barisan Nasional adalah dalam lingkungan 85 peratus manakala dalam pilihanraya tahun 2004 mencecah 90 peratus pencapaian. Sementara itu pencapaian Barisan Nasional dalam pilihanraya di tahun 1990 dan 1999 mencatatkan peratusan 70.5 peratus dan 76.68 peratus (Rajah xvi).

⁴¹ Sejak kemerdekaan negara-negara yang dijajah dari tahun 1940an hingga tahun 1960an parti-parti politik yang berjaya menuntut kemerdekaan telah kalah dalam pilihanraya yang diadakan pasca kemerdekaan. Contohnya, Parti Kongres di India, tetapi UMNO yang menjadi teras Parti Perikatan/Barisan Nasional bertahan hingga ke hari ini dan terus cemerlang.



Rajah xvi
Peratus pencapaian BN dalam pilihanraya

Penurunan peratus pencapaian Barisan Nasional dalam pilihanraya 1990 dan 1999 adalah kerana UMNO dilanda isu dan masalah. Sebagai contoh, pada pilihan raya tahun 1990 telah wujud pembentukkan Angkatan Perpaduan Ummah oleh parti-parti pembangkang dan kemunculan Parti Semangat 46. Pembentukan ini berlaku kerana wujudnya perpecahan dalam parti UMNO pada tahun 1987 yang membawa kepada kemunculan Parti Semangat 46 yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah, bekas ahli UMNO. Walaupun berlaku gabungan parti-parti pembangkang yang telah membentuk Angkatan Perpaduan Ummah, Barisan Nasional tetap juga berjaya mencatat kemenangan dalam tahun 1990 meskipun hilang beberapa kerusi DUN dan parlimen kepada pembangkang.

Kalau ditinjau dalam pilihanraya pada tahun 1995 barisan **pembangkang** mengalami kekalahan yang besar kepada Barisan Nasional. Kekalahan

ini disebabkan isu-isu atau asas perjuangan parti Semangat 46 di tahun 1990 sudah tidak relevan lagi untuk tahun 1995. Kekalahan yang besar parti pembangkang, terutamanya Parti Semangat 46, telah melunturkan semangat ahli-ahlinya dan akhirnya Parti Semangat 46 dibubarkan, presidennya Tengku Razaleigh Hamzah bersama pengikutnya kembali berpaut kepada UMNO pada tarikh 6 Oktober 1996.

Tahun 1998 telah **muncul Parti keADILan** dan gabungan parti pembangkang yang membentuk Barisan Alternatif (BA) pada pilihanraya 1999. Dalam pilihanraya 1999, walaupun isu pemecatan Anwar Ibrahim boleh meletus, Barisan Nasional tetap juga memenangi pilihanraya dan boleh membentuk kerajaan walaupun pembangkang berjaya merampas Kelantan dan Terengganu serta beberapa kerusi DUN dan Parlimen di negeri-negeri lain. Dalam pilihanraya tahun 2004, pencapaian Barisan Nasional dalam pilihanraya kembali baik seperti pencapaian cemerlang di tahun 1995. Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya 2004 juga kerana isu-isu yang bersangkutan dalam tahun 1999 telah pulih dan tidak relevan lagi di tahun 2004. **Sekiranya peristiwa ini dijadikan ukuran tidak dapat dinafikan bahawa UMNO akan terus menerajui pemerintahan negara pada masa-masa akan datang.**

Di samping sejarah menjadi ukuran, **tinjauan atau kajian** yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji juga dapat dijadikan ukuran. Umpamanya tinjauan yang dibuat oleh Mansor Mohd Noor sebelum pilihanraya 2004 ke atas pengundi di Malaysia mendapati 85 peratus pengundi akan memberi undi kepada Barisan Nasional. Manakala keputusan kaji selidik

ini pula mendapati 81.8 peratus daripada pengundi-pengundi akan memberi undi kepada UMNO di Tambun Tulang. Gambaran ini juga jelas untuk menunjukkan survival UMNO akan berterusan dalam memerintah negara.

Seterusnya jika diukur dari konsep berkongsi kuasa yang diamalkan oleh UMNO dengan kaum lain juga menjamin survival UMNO dalam pemerintahan negara. Kini UMNO berkerjasama dengan empat belas (14) buah parti lain untuk memerintah negara. Parti-parti itu seperti MCA, MIC, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), United Pasok Momogun Kadazandusun Organization (UPKO) dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Jika dilihat dari segi kekuatan pengaruh, pakatan pembangkang dilihat tidak mempunyai pakatan yang kuat. Ini kerana gabungan pakatan pembangkang hanya mempunyai dua atau tiga parti sahaja dalam satu-satu pilihanraya sedangkan pakatan Barisan Nasional mengandungi empat belas (14) buah parti gabungan. Adalah mustahil untuk pembangkang mengalahkan Barisan Nasional jika dilihat dari segi jumlah bilangan parti.

Perpecahan di antara parti-parti pembangkang merupakan satu lagi faktor yang menjamin survival UMNO. Kekuatan dan kesetiaan parti politik pembangkang adalah tidak kekal. Gabungan mereka hanya untuk menang

dalam pilihanraya dan bukannya berpandukan kepada asas-asas perjuangan tertentu untuk mereka bergabung.

Isu semasa boleh di atasi jika UMNO mempunyai jentera yang kuat dan sentiasa dikemas kini di bawah sistem naungan tradisional masyarakat Melayu dari zaman berzaman. Walaupun UMNO kalah pada pilihanraya kecil tahun 1998 bagi kerusi Parlimen Arau, Perlis dan mendapat kekalahan pada pilihanraya kecil di Lunas dan Anak Bukit, Kedah tetapi kemenangan di Indra Kayangan, Perlis merupakan titik permulaan baru dalam sejarah permulaan kebangkitan kembali UMNO. UMNO telah bangun sebagai sebuah parti yang perkasa dan menjadi obor perjuangan dan memenangi pilihanraya kecil Sanggang, Teluk Kemang, Ketari dan Likas serta Pendang. Kekalahan UMNO dalam dua pilihanraya kecil di Lunas dan Anak Bukit serta kehilangan kerusi pada pilihanraya umum 1999 di Kedah, Perlis dan Pahang serta kejatuhan negeri Kelantan dan Terengganu kepada PAS dilihat oleh orang Melayu sebagai mengajar UMNO. **Perasaan merajuk orang Melayu tidak panjang**, mereka kembali kepada UMNO. Ini kerana sebelum ini mereka terpengaruh dengan isu dan maklumat yang diterima. Orang Melayu sering menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat. Mereka lebih suka mendengar cakap orang, berita sensasi dan tidak gemar untuk mendapat berita secara serius.

5.2.3 Analisis Cabaran-Cabarani UMNO

Sememangnya sebagai sebuah parti yang hidup dan berkembang sejak 58 tahun lamanya, UMNO menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar parti. Cabaran-cabaran yang dilalui oleh UMNO adalah merupakan satu lumrah atau fenomena biasa bagi sesebuah parti politik. Cabaran-cabaran yang berlaku adalah kerana wujudnya faktor persekitaran dan faktor dalaman parti. Adalah tidak dapat ditolak dengan kenyataan bahawa cabaran-cabaran politik yang wujud adalah kerana masing-masing (ahli parti dan parti politik) ingin meluaskan pengaruh, menguasai politik dan meneraju kepimpinan parti atau negara. Cabaran dari pembangkang wujud kerana mereka juga hendak menguasai atau memerintah negara. Manakala cabaran dalaman parti UMNO terjadi kerana pemimpin atau ahli parti yang merebut kuasa dan hendak meluaskan pengaruh mereka.

Dalam hal ini sejarah membuktikan akan kebenarannya. Umpamanya cabaran-cabaran yang diterima oleh UMNO dari parti pembangkang yang mana pernah berlaku pakatan pembangkang menentang UMNO atau Barisan Nasional. Pertamanya gabungan PAS dan Parti Semangat 46 membentuk Angkatan Perpaduan Ummah pada pilihanraya 1995 dan seterusnya gabungan PAS, DAP dan keADILan membentuk Barisan Alternatif (BA) pada pilihanraya 1999. Apa yang dipersoalkan di sini ialah bagaimana boleh wujudnya kerjasama antara PAS dengan DAP. Usaha-usaha ini adalah bertentangan dengan prinsip perjuangan PAS memandangkan dalam tahun 1960an, 1970an dan 1980an, PAS pernah mendakwa UMNO (pemimpin dan ahli) kafir kerana bekerjasama dengan

parti bukan Melayu (MCA dan MIC). Mengapa baru kini PAS hendak bekerjasama dengan orang Cina dan India? Mengikut Mustapa Mohamed (2001), PAS kini telah menyedari bahawa tanpa undi orang Cina dan India, adalah sukar untuk memerintah negara. Dengan itu PAS sanggup mengenepikan perjuangan dan maruahnya asalkan cita-citanya tercapai.

Sementara itu **cabaran-cabaran yang berlaku dalam UMNO** seperti perpecahan parti, politik wang, berpuak-puak dan sebagainya adalah kerana mereka (ahli dan pemimpin parti) merebut jawatan atau mempertahankan jawatan, merebut kuasa atau meluaskan pengaruh mereka. Peristiwa perpecahan parti yang pernah berlaku dalam UMNO membuktikan akan kebenaran kata-kata ini. Peristiwa perpecahan di tahun 1988 di mana Tengku Razaleigh keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Semangat 46 dan peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim yang membawa penubuhan Parti keADILan. Kedua-kedua peristiwa ini adalah berkaitan dengan perasaan kecewa pemimpin-pemimpin tersebut kerana kehilangan jawatan dalam parti dan kerajaan. Bagi Tengku Razaleigh, beliau kecewa kerana gagal menjadi Presiden manakala Anwar Ibrahim pula kecewa kerana kehilangan jawatan Timbalan Presiden UMNO, Timbalan Pendana Menteri dan Menteri Kewangan. Sekiranya mereka seorang ahli parti yang setia mereka akan akur dengan segala keputusan yang dibuat oleh ahli dan pemimpin parti.

Gejala politik wang dalam UMNO pula dikaitkan dengan sikap tamak sesetengah pemimpin UMNO kerana hendak mengejar pangkat dan pengaruh. Ini berikutan dengan wujudnya fahaman negatif sesetengah

ahli dan pemimpin UMNO yang mengaitkan dengan istilah “kuasai wang kuasai politik, kuasai politik kuasai wang”. Bagi mereka yang memegang pada fahaman ini akan tergila-gila untuk menjadi ahli politik dan seterusnya menjadi ketua (Hamidah Zabidi, 2004).

Cabaran-cabaran persekitaran adalah proses mematangkan UMNO. Cabaran-cabaran persekitaran yang berlaku seperti rusuhan kaum, kemiskinan orang Melayu, kegawatan ekonomi, globalisasi dan sebagainya adalah merupakan pelengkap kepada cabaran UMNO. Cabaran seperti ini adalah merupakan lumrah semula jadi dan setiap parti di dunia ini tidak dapat lari dari menerimanya. Cabaran-cabaran yang berlaku dalam UMNO sebenarnya ia menguatkan lagi parti itu dalam jangka masa panjang. Contohnya mana-mana pemimpin atau ahli yang tidak taat keluar dari parti atau dipecat akan menguatkan lagi parti itu dalam jangka masa panjang. Ini kerana perpaduan parti dapat dicapai kerana orang yang mementingkan diri sendiri sudah tiada. Kes Tengku Razaleigh dan Anwar Ibrahim menceritakan akan kebenarannya.

Sementara itu, **cabaran dari pembangkang** yang mengutarakan isu-isu seperti isu kafir memakan diri sendiri dalam jangka panjang. Ini memandangkan UMNO akan mengungkit kembali isu-isu itu walaupun kejadian itu sudah lama berlalu. Sementara itu **cabaran-cabaran ekonomi dan perpaduan antara kaum** juga menaikkan imej UMNO dalam jangka masa panjang. Kejayaan UMNO menyelesaikan masalah kemiskinan, perpaduan kaum dan masalah kegawatan ekonomi menaikkan imej baik UMNO di mata masyarakat. Sementara itu dasar-

dasar atau projek-projek mega UMNO juga turut membawa keuntungan dalam jangka masa panjang. Contohnya seperti projek KLIA dan PutraJaya telah mengharumkan nama Malaysia dipersada antarabangsa .

5.2.4 Analisis Asas-Asas Kekuatan UMNO

UMNO dijangka akan terus bertahan untuk lima puluh tahun atau seratus tahun akan datang jika parti itu berjaya mempertahankan asas-asas yang menjadi punca parti itu kukuh serta memelihara faktor-faktor yang menjadi penentu kepada sokongan rakyat terhadapnya. Amalan-amalan atau dasar-dasar yang diamalkan oleh UMNO telah meletakkan parti itu di tempat yang kukuh. Dasar-dasar yang digubal oleh UMNO telah berjaya menaikkan taraf hidup rakyat, memajukannya dan memodenkan negara.

Sementara itu **konsep kongsi kuasa** UMNO dengan parti-parti lain serta amalan kerjasama rakyat semua kaum di Malaysia telah melahirkan perasaan harmoni, rasa saling menghormati dan mengalakkan semangat muhibbah antara kaum. UMNO telah memainkan peranan yang cukup baik dalam memelihara kepentingan politik pelbagai kaum di Malaysia. Walaupun kuasa politik utama di tangan UMNO dan orang Melayu, namun bangsa lain tetap mendapat hak sama rata di bawah perkongsian kuasa melalui Barisan Nasional.

Kekuatan organisasi parti UMNO yang mempunyai struktur organisasi yang lengkap dapat mengatur program-program membangunkan

masyarakat dapat meletakkan negara dalam keadaan aman dan stabil.

Keupayaan UMNO menyekat dan menyaingi pengaruh parti saingannya telah meletakkan dirinya di tempat yang selamat dipersada politik negara. Sikap pemimpin UMNO yang sentiasa peka dan merancang program-program baru telah menarik sokongan rakyat, terutamanya generasi muda mendekati parti. Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO **menangani krisis yang timbul juga telah berjaya melanjutkan survival** parti itu. Kejayaan menangani isu kegawatan ekonomi yang berlaku pada 1998 telah menyelamatkan ekonomi Malaysia dari menerima nasib malang seperti yang diterima oleh Suharto dan Indonesia.

Beberapa negara, umpamanya negara-negara di Asia Tenggara seperti **Thailand, Filipina dan Indonesia sering kali berada dalam keadaan tidak stabil** atau kerap kali bertukar pucuk pimpinan dalam waktu yang terdekat. Ini kerana negara-negara berkenaan **tidak mempunyai asas-asas kekuatan parti** yang kukuh. Bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Thailand dan Filipina, dasar atau layanan yang berbeza yang diberikan telah meletakkan negara itu dalam keadaan yang tidak harmoni. Umpamanya, wujud gerakan pemisah menentang kerajaan negara itu ekoran dari rasa tidak puas hati kerana tidak mendapat layanan yang baik dan sering ditindas. Di negara-negara luar lain, seperti India dan Pakistan, pergaduhan atau pertumpahan darah antara agama dan kaum kerap berlaku kerana masing-masing hendak mempertahankan agama masing-masing manakala ketua negara pula memihak di satu belah pihak rakyatnya sahaja. Runtuhnya Masjid Babri

di India pada tahun 1992 membuktikan betapa beratnya masalah perpaduan kaum dan agama jika tidak ditangani dengan baik.

Selain dari kegagalan pihak berkuasa memberi layanan sama rata terhadap rakyat, sikap pemimpin dan kegagalan mereka untuk menyelesaikan masalah ekonomi juga memburukkan keadaan. **Pemimpin yang tidak jujur dan rasuah** telah meletakkan pemerintahan negara dibenci oleh rakyat. Contohnya kemarahan rakyat kepada Presiden Estrada kerana dituduh terbabit menerima rasuah sebanyak 10 juta peso (RM791,540) sebulan daripada seidikit judi dan menyeleweng wang rakyat telah mencetuskan kemarahan rakyat yang akhirnya dengan beliau digulingkan.

5.2.5 Analisis Tahap Kesedaran dan Pembabitan Masyarakat Dalam Politik dan Ekonomi

Secara umumnya, masyarakat, amnya orang Melayu, **masih rendah tahap kesedaran dan pembabitan mereka dalam aktiviti politik terbuka**. Kebanyakan daripada mereka hanya aktif sebagai pengundi. Kenyataan ini berdasarkan kepada keputusan kajian yang memaparkan kurang separuh daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti politik seperti mengedar risalah, menampal poster, bertanding jawatan, berkempen, hadir kempen dan memegang jawatan. Menurut Michels (1962), salah satu sebab yang memungkinkan wujudnya oligarki ialah ahli parti yang apati, tidak bersedia dan berkebolehan untuk mengambil tahu hal ehwal parti apatah lagi mengawasi pemimpin atau pun membuat apa-apa teguran dan nasihat.

Sementara itu keputusan kajian ini juga mendapati tahap minat masyarakat untuk berbincang mengenai isu-isu politik dalam **kehidupan seharian dengan keluarga, jiran dan rakan adalah rendah**. Kajian ini memaparkan kurang separuh daripada mereka berbincang mengenai politik dengan keluarga, jiran dan rakan. Dapatan ini disokong oleh kajian Ahmad Fawzi Basri (1997) yang mendapati pembabitan masyarakat atau pengundi dalam kegiatan politik adalah ditahap yang rendah. Ramai di antara mereka hanya sekadar mendaftar sebagai pengundi dan mengundi semasa pilihanraya atau pendengar ceramah sahaja ataupun menyambung cerita-cerita mengenai gossip-gossip sensasi yang didapatkan melalui internet, media, surat layang dan sebagainya.

5.2.6 Risiko Perpecahan Undi Pengundi Melayu Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik

Survival politik Melayu di sini bermaksud orang Melayu akan terus menguasai politik negara ini. Walau bagaimanapun, dengan “hanya menguasai politik” sahaja, (seperti yang pernah diutarakan oleh Dr. Mahathir berkali-kali semasa pentadbiran beliau sebelum ini), ianya tidak boleh menjamin atau menentukan survival politik orang Melayu akan berkekalan, jika faktor ekonomi tidak diberi perhatian dan keutamaan. Maka, kajian ini telah membuktikan bahawa faktor-faktor atau penentu-penentu survival politik Melayu selain politik dan kuasa, ialah calon dan kepimpinan parti, program-program parti, imej dan ideologi parti, demokrasi, pertumbuhan ekonomi, faktor isu serta kempen dan juga

perpaduan (sesama orang Melayu dan bukan orang Melayu) adalah merupakan penentu-penentu survival politik Melayu.

Dalam semua andaian yang telah diutarakan dalam kajian ini, pengkaji tidak menolak akan **kepentingan faktor perpaduan** dalam parti dan kalangan orang Melayu untuk meneruskan survival UMNO dan survival orang Melayu dalam memerintah negara. Ini berdasarkan kepada contoh dan keadaan sebenar yang telah berlaku pada sebuah negara, iaitu, Fiji yang mempunyai perlembagaan dan ciri-ciri etnik yang hampir sama dengan Malaysia. Etnik Fiji terdiri daripada kaum pribumi yang meliputi empat puluh sembilan peratus (49%) dan pendatang dari India (46%) serta lain-lain kaum. Dalam pilihanraya yang pertama dan kedua parti pribumi Fiji membentuk berbelas buah parti politik dan berdepan dengan hanya sebuah parti politik dari kaum minoriti India dan kaum-kaum lain. Keputusannya didapati parti-parti politik pribumi telah kalah kepada parti minoriti India dengan teruknya. Dengan itu, Fiji terpaksa menerima etnik India sebagai Pendana Menteri (adalah diharapkan pengkaji lain membuat kajian mengenai perkara ini di masa hadapan).

Akibat dari **rasa tidak puas hati di kalangan kaum pribumi** terhadap penguasaan ekonomi dan politik oleh kaum minoriti India, rampasan kuasa telah berlaku sebanyak tiga kali di Fiji semenjak mencapai kemerdekaan pada bulan Oktober 1970. Salah satu daripada rampasan-rampasan kuasa tersebut telah diketuai oleh Kolonel Sitiveni Rabuka yang melakukan rampasan kuasa pada tahun 1987. Beliau telah berjaya dalam rampasan kuasa tersebut dan menjadi Pendana Menteri Fiji hingga

ke tahun 1999. Pada pilihanraya tahun 1999, Rabuka telah tewas kepada Mahendra Chaudry dari parti minoriti India (Parti Buruh). Peristiwa penguasaan ekonomi dan politik oleh kaum minoriti India telah berulang kembali dengan pelantikan Mahendra Chaudry sebagai Pendana Menteri dan ini menyebabkan seorang ahli perniagaan yang bernama George Speight telah merampas kuasa pula. Namun begitu rampasan kuasa ini gagal. Walaupun mendapat tekanan dari luar negara agar Fiji mengambil pendekatan demokrasi untuk memilih pemimpin tetapi akibat dari ketidakpuasan terhadap penentuan ketua pemerintah maka krisis politik terus melanda Fiji hingga ke hari ini.

Kemenangan besar kaum minoriti India dalam pilihanraya-pilihanraya di Fiji itu adalah kerana mereka bersatu padu, menguasai ekonomi, berpendidikan tinggi, cekap serta rajin berusaha. Manakala kekalahan kaum pribumi Fiji pula kerana mereka tiada kesedaran politik, tidak sepakat, rendah pendidikan dan rendah taraf sosio ekonominya (Mingguan Malaysia, 2000). Apakah mungkin sebuah parti politik yang bercirikan UMNO harus wujud untuk menyelesaikan krisis politik di negara Fiji? Demikian juga sekiranya UMNO tewas, apakah mungkin pengalaman di Fiji akan dirasai di Malaysia? Persoalan ini diharap dapat disentuh oleh pengkaji akan datang di samping mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan oleh penyelidik.

Walau apa pun keadaan, sejarah telah menunjukkan bahawa **UMNO yang menjadi teras kepada Parti Perikatan dan BN** telah berjaya mempertahankan pemerintahan Malaysia dari merdeka hingga sekarang,

dan faktor mengenai kekuatan dan kelemahan UMNO telah dibincangkan dalam bab-bab di dalam tesis ini. Berbagai-bagai hipotesis telah dikemukakan berhubung dengan kepimpinan, pengundi dan pilihanraya. Kesimpulan boleh dibuat bahawa majoriti ahli-ahli UMNO yang menjadi teras kepada BN menerima **sikap kesederhanaan** dalam **perkongsian kuasa** yang diamalkan demi menjamin kemakmuran dan kestabilan negara. Banyak pihak berpendapat bahawa ahli UMNO, pengundi dan pemimpin diikat di bawah sistem nilai atau budaya penaung (patronage) yang berteraskan kepada nilai, budaya Melayu dan Islam. Ikatan tersebut dibentuk di bawah struktur UMNO, dari akar umbi hingga pemimpin.

Walaupun menghadapi **pelbagai rintangan**, **struktur UMNO ini mampu menampung segala kekurangan** yang terdapat di kalangan pemimpin dan akar umbi. Hari ini, kita tidak hairan kalau melihat calon BN, dari kaum Cina menang mudah dalam kawasan majoriti kaum Melayu yang berteraskan UMNO, walaupun pemimpin yang bertanding melawan calon kaum Cina adalah seorang Melayu. Ahli UMNO meletakkan kesetiaan kepada parti untuk jaminan masa depan yang lebih cemerlang. Mana-mana pemimpin UMNO walaupun popular dan banyak berjasa sekalipun jika ia keluar dari struktur UMNO, jarang mendapat kejayaan. Keadaan ini boleh dilihat kepada apa yang berlaku kepada tokoh-tokoh yang pernah keluar dari UMNO seperti Allahyarham Dato' Onn Jaafar, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Seri Anwar Ibrahim. **Struktur UMNO yang unik ini diharapkan akan terus bertahan untuk menjadi teras pemerintahan negara ini.**

5.3 Cadangan

Daripada beberapa rumusan yang telah dibincangkan, maka digariskan pula beberapa cadangan yang dianggap penting dan harus diambil berat oleh UMNO, khususnya, dan orang Melayu, amnya, bagi menjamin survivalnya di masa hadapan.

5.3.1 Membela Hak Orang Melayu Tanpa Mengabaikan Kepentingan Kaum Lain

Salah satu prasyarat untuk UMNO mengekalkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu adalah bergantung kepada kesanggupannya untuk berpegang teguh pada **paksi perjuangan untuk menegakkan hak-hak bangsa Melayu**. Untuk itu UMNO mesti prihatin dan terus menjaga hak-hak keistimewaan orang Melayu yang merangkumi agama Islam, budaya Melayu dan bahasa Melayu. Dalam menghayati hak-hak utama ini, UMNO harus mengambil faktor agama sebagai paksi pegangan, di samping perjuangan ekonomi, politik, sosial, bahasa, teknologi, undang-undang dan lain-lain lagi bagi menjamin kesenambungan kepentingan orang Melayu.

5.3.2 Usaha-usaha Untuk Mensifarkan Kemiskinan dan Meninggikan Taraf Pendidikan Rakyat

Sungguhpun terdapat **kemajuan dalam pengurangan kadar kemiskinan** tetapi aspek kemiskinan antara kumpulan etnik dan antara bandar dan luar bandar masih lagi terdapat jurang. Pemimpin-pemimpin UMNO seharusnya mengambil iktibar dari peristiwa berdarah 13 Mei

dengan mempertingkatkan taraf ekonomi penduduk Melayu supaya sekurang-kurangnya dapat setanding dengan bangsa lain. Masalah kemiskinan masih tertumpu dalam beberapa sektor tradisional utama dan di kawasan luar bandar. Dari segi pekerjaan, para pekebun kecil getah, penanam padi, pekebun kecil kelapa dan nelayan masih lagi merupakan sebahagian besar daripada golongan miskin (pandangan dan dapatan ini dibuat sebelum harga getah dan kelapa sawit meningkat). Memandangkan Bumiputera adalah golongan terbesar di luar bandar dan terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan tersebut, maka langkah-langkah membasmi kemiskinan haruslah diteruskan dari masa ke semasa. Selain itu, langkah-langkah untuk memberi bantuan pendidikan kepada golongan miskin hendaklah terus dilaksanakan

5.3.3 Usaha-usaha Meningkatkan Kerjasama Antara Kaum Bagi Mengukuhkan Perpaduan

Peristiwa malang 13 Mei 1969 merupakan suatu rahmat yang tersembunyi kepada semua kaum di Malaysia. Peristiwa tersebut merupakan titik tolak perubahan corak sosio-ekonomi dan politik negara. Keadaan tersebut juga menyedarkan semua pihak tentang betapa jurang perbezaan sosial dan ekonomi merupakan masalah utama bagi masyarakat Malaysia. Antara pengajaran terpenting yang perlu dipelajari oleh UMNO dalam peristiwa 13 Mei 1969 ialah mewujudkan perpaduan antara kaum dengan mengelakkan sebarang isu *sensitive* yang boleh membawa kepada perpecahan. Parti politik juga perlu menunjukkan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain, bekerjasama dan tidak pula menunjukkan semangat kesukuan atau kepartian yang boleh

menghalang proses perpaduan. Selain itu, kepentingan dan kestabilan politik juga harus dipertahankan supaya perkara yang tidak diingini seperti peristiwa 13 Mei tidak berulang lagi. Ini kerana kestabilan politik yang wujud akan membawa perpaduan yang baik.

5.3.4 Penglibatan Golongan Profesional Dalam Pentadbiran

Untuk memantapkan lagi pentadbiran dan perancangan program-program pembangunan dengan lebih berkesan, **golongan profesional hendaklah digalakkan menyertai parti**. Mereka seharusnya diberi ruang untuk mengemukakan bantahan atau pendapat. Sementara itu, bagi mereka yang mengemukakan pandangan yang bercanggah dengan pucuk pimpinan parti tidak seharusnya pula diketepikan. UMNO juga tidak harus menyempitkan sumber kepimpinannya dengan hanya memberi tempat kepada golongan yang sehaluan dengan pucuk pimpinan parti sehingga profesional lain yang juga berkebolehan dan cemerlang berada di luar lingkungan parti tanpa dimanfaatkan. Sebaliknya, langkah-langkah hendaklah diambil untuk memperluaskan sumbangan profesional untuk memperkuuhkan kepimpinan Melayu itu sendiri. Mereka yang berkebolehan boleh dilantik sebagai penasihat dan jawatan teknikal kepada pemimpin parti yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan itu.

5.3.5 Pemimpin Mesti Tonjolkan Akhlak Terpuji

Aspek akhlak dan moral juga merupakan aspek yang amat dititikberatkan dalam budaya politik masa kini. Pemimpin-pemimpin

politik yang tidak bermoral dan berakhhlak akan ditolak oleh masyarakat. Hal ini berlaku kerana tahap pendidikan dan kesedaran agama di kalangan masyarakat semakin tinggi. Masyarakat mahukan pemimpin serta keluarga yang boleh dicontohi dan boleh membimbing mereka ke arah budaya hidup yang lebih baik. Mereka juga mahukan pemimpin politik yang berilmu dan mampu menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Slogan “Bersih, Cekap dan Amanah” yang diutarakan oleh YAB Dato’ Seri Dr. Mahathir jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai murni tersebut menjadi tunggak budaya politik masa kini amat dititikberatkan. YAB Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi pula meneruskan wawasan 2020 dengan slogan “Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”, melalui pendekatan Islam Hadhari.

5.3.6 Demokrasi dan Tolak Ansur Antara Pemimpin-pemimpin Tertinggi

UMNO dan kepimpinan seterusnya memerlukan perpaduan yang benar-benar utuh dan kukuh. UMNO juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang benar-benar berwibawa dan berkeperibadian tinggi demi kelangsungan dan masa hadapan bangsa dan agama. Keunggulan sesebuah parti bukan terletak kepada parti itu semata-mata, tetapi ia amat bergantung kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya. Oleh itu seharusnya wujud tolak ansur antara ahli parti dan pemimpin-pemimpin parti terutamanya dalam hal pertandingan jawatan parti demi menjamin kestabilan politik dan kesepakatan dalam parti itu sendiri.

5.3.7 Perangi Politik Wang, Rasuah dan Penyelewengan

UMNO akan hancur jika perjuangannya tidak bersandarkan kepada agama. Pengaruh-pengaruh *sekularisme*, *elitisme*, *materialisme*, *kapitalisme* dan sebagainya yang lari dari landasan ketamaduhan akan menghancurkan UMNO. Malah, unsur-unsur negatif telahpun menular dalam UMNO seperti rasuah, politik wang, *nepotisme*, *kronisme*, fitnah dan sebagainya. Oleh itu anasir-anasir seperti ini perlu dicegah daripada berlaku dalam parti. Bagi memastikan perjuangan mulia ini terus terlaksana, UMNO perlu dipimpin oleh tokoh yang bersih dan disegani serta berwibawa. Mereka haruslah terdiri daripada kalangan intelektual dan mengenepikan pemimpin-pemimpin yang mengamalkan amalan tidak sihat. Mereka ini harus berani dan ikhlas meletak perjuangan parti di hadapan dari habuan peribadi. Pemimpin ini juga harus memimpin dan memberi layanan sama rata kepada semua kumpulan UMNO dan bukannya memilih kumpulannya sahaja untuk mendapat habuan apabila ia berkuasa. Sesungguhnya banyak lagi yang harus dipikul oleh seseorang pemimpin hingga ketahap berkorban apa sahaja untuk agama, bangsa dan tanah air.

5.3.8 Pembangunan Yang Seimbang

Dalam mengejar pembangunan dan pmodenan, UMNO sebagai ketua pemerintah seharusnya mengimbangi pembangunan ekonomi dengan lain-lain aspek pembangunan (sebagaimana intipati Wawasan 2020, wawasan negara). Pembangunan dari aspek-aspek keagamaan, alam

sekitar dan tanggungjawab sosial harus juga diambil kira. Setiap pembangunan yang berlaku ia semestinya adalah pembangunan yang seimbang. Pembangunan seimbang yang dimaksudkan ialah pembangunan ekonomi bersama dengan pembangunan insan yang berilmu, beriman, beramal dan berakhhlak mulia. Pembangunan seimbang juga dinilai dari pembangunan yang tidak mengorbankan kehendak di satu pihak untuk memenuhi keperluan di pihak lain, iaitu, termasuk dengan menjaga alam sekitar daripada turut musnah.

5.3.9 Perangi Gejala Sosial

Gejala keruntuhan akhlak terutama di kalangan remaja Melayu kini amat membimbangkan. Perangkaan statistik kes jenayah dan salah laku moral membabitkan muda-mudi, amnya remaja Melayu, di Malaysia kian serius dan meningkat dari tahun ke tahun. Kes-kes penagihan dadah, pembuangan bayi, perhubungan seks bebas, pemimin arak, bohsia/bohjan serta Aids dan HIV kesemuanya menunjukkan angka yang bertambah setiap hari. Statistik yang dicatatkan ini menunjukkan golongan Melayu paling ramai yang terjebak dengan gejala negatif ini. Oleh itu, UMNO sebagai pejuang orang Melayu seharusnya mengambil langkah-langkah positif untuk mengawal dan membendung masalah ini dari terus berlaku dengan menjadikan gejala sosial ini agenda nasional untuk dibenteraskan.

5.3.10 Cabaran Akan Datang: Perjuangan Meningkatkan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu/ Kaum Bumiputera

Kita akui pembangunan sosial dan pendidikan orang Melayu telah meningkat dengan hebatnya, tetapi pencapaian ekonomi, khususnya untuk orang Melayu, masih belum menyamai kaum bukan Bumiputera, pemilikan ekuiti syarikat hanya sekitar 19.0 peratus sahaja. Justeru itu, tesis ini juga bersetuju dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Atory yang antara lain menunjukkan beberapa sektor ekonomi masih ketinggalan seperti perhotelan, peruncitan, bidang-bidang professional, *spareparts*, pelancongan, pembinaan, pemborongan, perkapalan, *francais*, pembuatan, perkilangan, industri dan lain-lain. Justeru itu, usaha-usaha untuk mencapai taraf ekonomi yang setanding dengan kaum bukan bumiputera harus diteruskan dari masa ke semasa.

5.4 Penemuan Baru Kajian

Secara umumnya kajian ini merumuskan bahawa survival UMNO akan berterusan untuk tempoh tahun-tahun yang akan datang. Ini berasaskan kepada keadaan politik dan situasi yang berlaku hari ini di samping kejayaan program-program yang dianjurkan oleh UMNO. Oleh itu kajian ini menolak andaian yang mengatakan permasalahan yang berlaku dalam UMNO merupakan salah satu daripada petunjuk kepada kejatuhan parti itu.

Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor seperti calon dan kepimpinan parti, program-program parti, imej dan ideologi parti, demokrasi (di~~s~~amping amalan kompromi), pertumbuhan ekonomi dan faktor isu/kempen menjamin

kelangsungan atau survival politik UMNO dan orang Melayu di masa hadapan. Faktor-faktor ini merupakan gabungan faktor-faktor yang akan menentukan survival UMNO. Pengkaji sebelum ini [Plasser (2001), Tan & Ho (2000), Monroe & Erickson (1986), Lancaster & Lewis-Beck (1986) dan Ahmad Fawzi Basri, Mohd Fo'ad Sakdan & Shafee Saad (1995)] tidak mengkaji atau membuktikan bahawa kesemua faktor ini akan memberi penentuan sokongan terhadap parti politik secara keseluruhannya. Walaupun demikian di antara faktor-faktor ini (calon dan kepimpinan parti, program-program parti, imej dan ideologi parti, demokrasi, pertumbuhan ekonomi dan faktor isu serta kempen), kajian ini mendapati dua faktor memainkan peranan terpenting sekali iaitu faktor demokrasi (disamping amalan kompromi) dan faktor calon. Kepentingan faktor calon sudah dibuktikan melalui kajian terdahulu (Ahmad Fauzi Basri, 1995) manakala faktor demokrasi (di samping amalan kompromi) merupakan faktor yang muncul dan menjadi penting dalam politik UMNO seperti yang didapati dalam kajian ini.

5.5 Rumusan

Secara tidak langsung kajian ini telah berjaya mencapai objektif utamanya, iaitu, untuk menilai survival UMNO pada masa hadapan. Pada pendapat pengkaji UMNO akan terus menerajui pemerintahan negara selagi pemimpin-pemimpin dan ahlinya terus berpegang teguh kepada prinsip dan asas-asas perjuangan UMNO semasa ia ditubuhkan. Seperti kata Mohamed Rahmat:

“Selagi UMNO tidak menyeleweng, selagi UMNO tidak tercabut akar umbi daripada perjuangan untuk membela agama, bangsa dan negara, selagi itulah UMNO tetap menjadi tempat berhimpunnya orang-orang Melayu” (Massa, 1996).

Selain itu pada pendapat pengkaji UMNO akan terus ‘survive’ kalau asas-asas kekuatan UMNO tidak luntur atau terhakis. Asas-asas kekuatan itu ialah pertamanya, **struktur organisasi UMNO yang lengkap dan padat**. Ini dapat dilihat dari struktur atau carta organisasi di peringkat tertinggi UMNO. Kedua, UMNO mengamalkan **kONSEP BERKONGSI KUASA** dengan kaum lain. Konsep kongsi kuasa yang diamalkan oleh UMNO sedikit sebanyak telah menghapuskan perasaan iri hati di antara kaum. Ketiga, **dasar-dasar serta wawasan** yang digariskan oleh UMNO telah berjaya membangunkan negara dan rakyat serta meletakkan negara dalam keadaan aman dan stabil. Keempat, **kepakaran UMNO dalam mengekang atau menyekat pengaruh parti saingan/pembangkang.** Kelima, **undang-undang** yang tercatat dalam perlombagaan Malaysia sedikit sebanyak telah membantu pemerintah yang diterajui UMNO mengawal keadaan politik Malaysia dari menjadi melampau seperti yang berlaku di negara-negara luar seperti Indonesia dan Filipina. Ini berikutan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Akta ini sedikit sebanyak dapat mengawal dari tercetusnya politik yang melampau dan keadaan huru-hara dalam negara.

Keenam, **UMNO sentiasa peka dan mencari serta merancang program-program baru untuk menarik sokongan rakyat**, terutamanya generasi muda, bagi mendekati parti itu. Ketujuh, **kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO** dalam menangani krisis yang timbul. Kelapan, **UMNO mengamalkan sistem sokongan yang konstan**. Kesembilan, **UMNO adalah sebuah parti yang berkemampuan** untuk menyesuaikan diri dengan keadaan. Kesepuluh, **UMNO juga mengamalkan sistem sokongan yang lentur (*flexible*), pragmatik dan dinamik**. Sementara itu, **sistem birokrasi (peraturan-peraturan yang**

dipersetujui dan tercatit di dalam perlembagaan UMNO) dan tradisi kepimpinan merupakan satu lagi komponen penting yang membolehkan UMNO bertahan hingga ke hari ini. Birokrasi dan tradisi dalam pemilihan pucuk pemimpin dalam tahun 1990an sedikit sebanyak telah menyelamatkan UMNO dari berpecah-belah. Tradisi di mana tidak ada persaingan di kalangan pemimpin-pemimpin utamanya begitu kerap diungkapkan dalam perhimpunan agong UMNO. Satu lagi faktor penting yang berperanan mengekalkan kelangsungan UMNO sehingga hari ini ialah **UMNO melibatkan diri dalam kepentingan ekonomi dengan menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.**

Selain itu UMNO juga akan terus mendapat sokongan dari rakyat jika ia terus mempertahankan, menjaga dan mengambil berat akan faktor-faktor yang telah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu faktor calon dan kepimpinan, program parti, imej dan ideologi, demokrasi, pertumbuhan ekonomi, faktor isu dan kempen. Walau bagaimanapun UMNO harus lebih memberi penekanan kepada faktor calon/kepimpinan dan demokrasi dalam parti untuk menjamin kestabilan dalam parti. Kajian ini diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada semua pihak, yang baik diharapkan dijadikan sebagai ikutan dan yang salah pula diharapkan diperbetulkan. Maaf kalau keterlaluan cara. Yang baik dari Allah jua dan yang lemah adalah dari saya, insan yang kerdil. Alhamdulillah.

Buku

Abu Hassan Adam (1984). *Malaysia Pimpinan Mahathir*. Pertaling Jaya: IBS International Book Service.

Abdul Ghani Ismail (1984). *Razaleigh Lawan Musa*. Kuala Lumpur: IJS Communication Sdn. Bhd.

Abdul Nazri Abdullah (1993). "Mahathir Dan Krisis Kepimpinan UMNO 1987" Dalam Wan Hashim Wan Teh. *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.

Abdul Samad Idris (Tan Sri (1982). *25 Tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.

Ahmad Atory Hussain (1986,2000). *Pembentangan Dasar Awam: Hubungannya Dengan Politik UMNO Dan Birokrasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Ahmad Atory Hussain (1987). *Kepimpinan Masa Depan: Berakhirkah Dilema Melayu?* Kuala Lumpur: Karangkraf.

Ahmad Atory Hussain (1989,1997). *Dimensi Politik Melayu: Antara Kepentingan Dengan Wawasan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Atory Hussain (1990). *Politik Dan Dasar Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Atory Hussain (1993). *Pentadbiran Dan Politik Pembangunan: Satu Analisis Terhadap Pembangunan Masyarakat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Atory Hussain (1998). *Dari Berantakan Menuju Pembangunan. Politik Melayu 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publication

Ahmad Atory Hussain (1998). *Reformasi Pentadbiran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication

Ahmad Atory Hussain (2000). *Analisis Dasar Awam: Peranan Kerajaan Menangani Krisis Ekonomi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication

Ahmad Fawzi Basri (1991). *Bumi Dipijak Milik Orang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Mokhtar (1988). *Pengharaman UMNO 1946, Siapa Pengkhianatnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Ahmad Samion & Ahmad Saupi Wadji (1989). *Hidup UMNO*. Johor Bahru: Linocraf Sdn. Bhd.

Alatas, S. H. (1988). *Talqin Untuk UMNO*. Kuala Lumpur: Al-Suhaimi.

Alias Mohamed (1991). *Malaysia's Islamic Opposition: Past, Present And Future*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.

Allen, J. (1967). *The Malayan Union*. Yale University.

Almond G, A., Powel, G. B., Stroom, J. K., & Dalton, R. J., (2000). *Comparative Politic Today*. Kuala Lumpur: Longman

Anwar Ibrahim (1993). UMNO; *Wadah Perjuangan Abad 21*. Di Dalam Wan Hashim Wan Teh (1993). UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan. Bhd. Kuala Lumpur: Mahir Publication Sdn.

Bennis, J. (1985). *Leadership In Organization*. New York: Macmillan Publishers Ltd.

Biro Analisa Politik (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya UMUM 1999*.

Brymann, A. (1992). *Charisma And Leadership In Organizations*. London: Sage Publications.

Butler, D. E. & Rose, R. (1959). *The British General Election Of 1959*. London: Frank Cass.

Chamil Wariya (1985). *Siapa Kuasai UMNO?* Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd.

Chamil Wariya (1988). *UMNO Baru: Kelahiran Dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: K. Publishing.

Chamil Wariya (1988). *UMNO Era Mahathir*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Chandra Muzaffar (1979). *Protector?: An Analysis Of The Concept And Practice Of Loyalty In Leader-Led Relationships Within Malay Society*. Penang: Aliran Publications.

Chew Hock Thye (1979). *Masalah Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Chung Kek Yoong (1987). *Mahathir Administration: Leadership And Change In A Multi-Racial Society*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Crouch, Harold, Lee Kam Hing & Michael Ong, Eds. (1980). *Malaysian Politics And The 1978 Election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Crough (1986) di dalam Jamaie Hamil (2004). *UMNO Dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: UKM

Dahl, R. A. (1991). *Modern Political Analysis* (Fifth Edition). Yale University Press.

Das, K. (1986). *The Musa Dilemma: Reflections On The Decision Of Datuk Musa Hitam To Quit The Government Of Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed*. Kuala Lumpur: K. Das.

Dorothy Pickles (1984). *Pengenalan Kepada Politik (Introduction To Politics)*. Diterjemahkan Oleh Hussain Muhamad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (Teks Asal Dalam Bahasa Inggeris).

Dowding, Keith, M. (1991). *Rational Choice And Political Power*, Brookfield: Edward Elgar Publishing Company.

Downs, Anthony (1957). *An Economic Theory Of Democracy*, New York: Harper And Row.

Dye R., Thomas (1978). *Understanding Public Policy*. New York: Prentice Hall

Faaland., J., Parkinson., J., & Rais., S., (1991). *DEB Pertumbuhan Dan Ketaksamarataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Faaland., J., Parkinson., J., & Rais. S., (2002). *Dasar Ekonomi Baru, Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Petaling Jaya: Ultimate Print

Fan Yew Teng (1989). *The UMNO Drama: Power Struggle In Malaysia*. Kuala Lumpur: An Egret Book.

Firdaus Haji Abdullah (1985). *Radical Malay Politics*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Franklin, Mark, N. (1985). *The Decline Of Class Voting In Britain: Changes In The Basis Of Electoral Choice, 1964-1983*. Oxford: Clarendon Press.

Funston, N. J. (1980). *Malay Politics In Malaysia: A Study Of UMNO And PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Funston, N. J. (1980). *Malay Politics In Malaysia: A Study Of The United Malays National Organization And Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

Ghazi Ramli & Aidit Ghazali (2000). *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru: Cabaran Dan Panduan*. Kuala Lumpur: Percetakan Iwc

Ghazali Shafie (1981). *Nilai Melayu Dan Budaya*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara

Goldthorpe, J. H., Lockwood, D. (1968). *The Affluent Worker: Industrial Attitudes And Behaviour*. Cambridge: University Press.

Gomez, Edmund Terence (1990). *Politics In Business: UMNO's Corporate Investments*. Kuala Lumpur: Forum Enterprise.

Hairany Naffis (1993). *Amalan Politik Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hairany Naffis, Ed. (1993). *Amalan Politik Malaysia: Esei Pilihan (Malaysian Political Practice: Collection Of Essays)*. Bangi: Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hambali Abdul Latif (1988). *UMNO Milik Siapa?* Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

Harrigon, John, J. (1987). *Politics And The American Future*, 2nd Ed., New York: Random House.

Hassan Hj. Hamzah (1990). *Suka Duka Politik Mahathir*. Kuala Lumpur: Media Printex Sdn. Bhd.

Himmelweit, H., (1987). *How Voters Decide: A Long Study Of Political Attitudes And Voting*. Philadelphia: Open University Press

Husin Ali, S. (1993). *The Malays: Their Problems And Future*. Reprinted. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Hussin Mutalib (1990). *Islam And Ethnicity In Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.

Ibrahim Ahmad (1989). *Konflik UMNO PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: Ibs Buku Sdn. Bhd.

Idris Zakaria (1991). *Teori Politik Al Farabi Dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Jamaie Hamil (2004). *UMNO Dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. Bangi: UKM

Kamaruddin M. Said (2004). *500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran*. Shah Alam: KRIS Publications

K. Ramanathan (1992). *Asas Sains Politik*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd

K. Ramanathan (2000). *Konsep Asas Sains Politik*. Pulau Pinang: Wing Cheong Press.

Kessler, Clive, S. (1978). *Islam And Politics In A Malay State: Kelantan 1838-1969*. Ithaca: Cornell University Press.

Khong Kim Hoong (1991). *Malaysia's General Election 1990: Continuity, Change And Ethnic Politics*. Research Notes And Discussions Paper No. 74, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Kua Kia Soong (1990). *Malaysian Political Myths*. Kuala Lumpur: The Resource And Research Centre, Selangor Chinese Assembly Hall.

Laswell, H. D. (1936). *Politics: Who Gets What, When And How?* New York: McGraww Hill Book Company.

Leon Comber (1985). *Peristiwa 13 Mei*. Kuala Lumpur: International Books Service

Lim Kit Siang (1986). *Crisis Of Identity*. Kuala Lumpur: Democratic Action Party.

Lim Kit Siang (1992). *Battle For Democracy In Malaysia: Selected Speeches And Press Statements*. Petaling Jaya: Democratic Action Party.

Mahathir Mohamed (1982). *The Malay Dilemma*. Kuala Lumpur: Federal Publications.

Mauzy, Diane, K. (1983). *Barisan Nasional: Coalition Government In Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican And Sons (M) Sdn. Bhd.

Mckay, David, H. (1993). *American Politics And Society*. 3rd. Ed. Cambridge Usa: Blackwell Publishers.

Mckenzie, R. T. & Silver, A. (1968). *The Working Class Tory In England In Worsley 1972*. London: Heinermann.

Md. Noor Salleh & Haji Bakri Ali Mahamad (1996). *Demi Martabat Bangsa*. Kedah: Penerbitan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah.

Means, G. P. (1976). *Malaysian Politics* (Second Edition). London: Hodder And Stoughton Ltd.

Means, Gordon, P. (1991). *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.

Michel, R & Philip, A (1971). "An Introduction To Political Sociology". London: Thomas Nelson And Sons Ltd.

Michels, R., (1962). *Political Parties: A Sociological Study of the Oligarchical Tendencies of Modern Democracy*. New York: The Free Press.

SELANGOR
Tel : 03-78738641
Fax : 03-78738642



YBhg Dato' Mohamad Norza Hj Zakaria
d/a Pejabat Menteri Kewangan Kedua,
Kementerian Kewangan,
Aras 11, Blok Tengah, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA
Tel : 03-88823000
Fax : 03-88823918



YBhg Senator Puan Nordiana Shafie
1182-A, Jalan Sultan Mahmud
20400 Kuala Terengganu
TERENGGANU
Tel : 09-6232779
Fax : 09-6229498

Setiausaha Kerja



Brig. Jeneral (B) Dato' Haji Husainay Hashim
Ibu Pejabat UMNO,
Tingkat 38, Menara Dato' Onn,
Jalan Tun Ismail
50480, Kuala Lumpur.
Tel: 03-40429511, 03-40437903, Ext. 201/202
Fax: 03-40412358

Lampiran 4.2: Carta Badan Perhubungan Negeri

CARTA BADAN PERHUBUNGAN NEGERI



Lampiran 4.3: Carta Jawatankuasa Bahagian



CARTA JAWATANKUASA CAWANGAN



Lampiran 4.5: Perlembagaan UMNO



فراتوہون کبیسائن ملادیو برسانو Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

FASAL 1

NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO (United Malays National Organisation)

FASAL 2

COGANKATA UMNO IALAH:-
BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

FASAL 3

ASAS DAN TUJUAN

UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruh dan martabat bangsa, agama dan negara.

- 3.1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.
 - 3.2 Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-negeri dan Raja Berperlembagaan.
 - 3.3 Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebangsaan beragama.
 - 3.4 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya.
 - 3.5 Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.
 - 3.6 Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan kepada hak-hak Asasi Manusia dan Hak-Hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera.
-

FASAL 4

JENIS AHLI

- 4.1 Ahli-ahli UMNO adalah dua jenis:

4.1.1 Ahli Biasa

4.1.2 Ahli Bergabung

- 4.2 Ahli Biasa ialah Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu atau Bumiputera yang berusia 18 tahun keatas.

- 4.3 Ahli Bergabung ialah sebuah pertubuhan politik yang bersetuju berkerjasama dengan UMNO dan menerima syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.

FASAL 5

PENDAFTARAN KEAHLIAN

- 5.1 Tiap-tiap orang Melayu dan Bumiputera berhak mendaftar diri sebagai ahli UMNO mengikut Perlembagaan dan peraturannya.
- 5.2 Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa hendaklah dikemukaan kepada Jawatankuasa Cawangan yang dikehendaki menerima dan meluluskan permohonan tersebut.
- 5.3 Borang pendaftaran menjadi ahli hendaklah ditandatangani oleh pemohon dan seorang pencadang dari ahli daripada Cawangan di mana ia memohon menjadi dan hendaklah disertakan dengan bayaran wang pendaftaran dan yuran mengikut Fasal 25.1.
- 5.4 Jika pemohon tidak didaftar sebagai ahli dalam satu bulan, ia boleh melapor hal ini kepada Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Bahagian mesti mengarah Jawatankuasa Cawangan mendaftar pemohon tersebut sebagai ahli.
- 5.5 Jika Jawatankuasa Bahagian tidak melaksanakan mengikut Fasal 5.4 atau Jawatankuasa

Cawangan masih enggan mematuhi arahan Jawatankuasa Bahagian, pemohon boleh dalam satu bulan, melapor kepada Majlis Tertinggi yang selepas menimbang apa-apa bantahan di bawah Fasal 5.6, jika ada, mengarah Jawatankuasa Cawangan mendaftar pemohon itu sebagai ahli.

- 5.6 Mana-mana ahli boleh melapor kepada Majlis Tertinggi atas mana-mana pemohon yang difikirkan tidak layak menjadi ahli serta memberi sebab-sebabnya.
- 5.7 Majlis Tertinggi berhak membuat apa-apa keputusan atas mana-mana permohonan pendaftaran keahlian atau taraf sesuatu pendaftaran itu (termasuk menarik balik pendaftaran) dan keputusan itu adalah muktamad.
- 5.8 Pertubuhan yang hendak menjadi Ahli Bergabung hendaklah menghantar permohonannya dengan bertulis yang ditandatangani oleh Yang Dipertua dan Setiausaha kepada Setiausaha Agung UMNO.
- 5.9 Majlis Tertinggi UMNO berkuasa menetapkan borang permohonan wang pendaftaran dan yuran ahli.

FASAL 6

TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI

6.1 Tiap-tiap ahli mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

- 6.1.1 Memegang teguh dasar parti dan melaksanakan tujuan-tujuannya.
- 6.1.2 Mendaftar diri sebagai pengundi dan mengundi di setiap pilihan raya, melainkan atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Majlis Tertinggi.
- 6.1.3 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan parti.
- 6.1.4 Menjalankan kerja-kerja parti dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti.
- 6.1.5 Menyokong calon-calon parti yang bertanding dalam pilihan raya.
- 6.1.6 Berkhidmat kepada orang ramai.
- 6.1.7 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh negara.

6.2 Tiap-tiap ahli mempunyai hak-hak yang berikut:

- 6.2.1 Bercakap dan mengemukakan pendapat-pendapat dan mengundi di dalam mesyuarat-mesyuarat parti.
- 6.2.2 Memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam parti.
- 6.2.3 Mengambil bahagian dalam pilihan raya dan menerima lantikan parti sebagai seorang calon.
- 6.2.4 Ahli-ahli yang sedang di dalam cadangan atau dipecat tidaklah hilang hak keahlinnya.
- 6.2.5 Ahli-ahli yang tidak menjadi wakil ke mesyuarat Perwakilan Bahagian atau Perhimpunan Agung boleh dicalonkan dan bertanding di peringkat yang berkenaan sekiranya memenuhi syarat di bawah Fasal 9.5 dan Fasal 15.5.
- 6.2.6 Ahli-ahli yang tidak hadir di Persidangan Cawangan boleh dicalonkan dan bertanding sebarang jawatan atau sebagai wakil ke Perwakilan Bahagian dengan menyatakan persetujuannya secara bertulis.

6.3 Seseorang ahli itu tidak berhak

- 6.3.1 Menjadi ahli lebih daripada satu Cawangan.
- 6.3.2 Mewakilkan hak mengundinya kepada sesiapa juu pun.
- 6.3.3 Menggunakan haknya di bawah Fasal 6.2 sekiranya ia tidak menjelaskan yuran mengikut peruntukan dalam Perlembagaan.
- 6.3.4 Menggunakan haknya di bawah Fasal 6.2 jika dilarang di bawah akta Pertubuhan 1966 atau setakat mana ia dikenakan hukuman disiplin di bawah Fasal 20.9 dan 20.10.
- 6.3.5 Menjadi Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Pemeriksa Kira-Kira atau Ahli Jawatankuasa lebih daripada satu Cawangan atau Bahagian melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Tertinggi.
- 6.3.6 Menjadi Ahli Jawatankuasa di peringkat yang sama di mana ia telah dipilih menjadi Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Pemeriksa Kira-kira dan sebaliknya.
- 6.3.7 Mengambil bahagian bercakap, mengundi, memilih dan dipilih dalam Persidangan Cawangan dan Perwakilan Bahagian selain daripada Cawangan dan Bahagian di mana ia menjadi ahli.

6.3.8 Mengambil bahagian bercakap, mengundi, memilih dan dipilih dalam mana-mana Cawangan atau Bahagian baru yang dimasukinya, kiranya ahli telah menggunakan haknya itu dalam Cawangan atau Bahagian asalnya bagi tahun berkenaan.

FASAL 7 **SUSUNAN DAN PENTADBIRAN UMNO**

7.1 Bentuk susunan parti dan pembahagian kuasa adalah seperti berikut:

- 7.1.1 PUSAT-Perhimpunan Agung atau waktu ketiadaannya Majlis Tertinggi.**
 - 7.1.2 PERHUBUNGAN-Badan Perhubungan Negeri dan Wilayah Persekutuan.**
 - 7.1.3 BAHAGIAN-Perwakilan Bahagian atau ketiadaannya Jawatankuasa Bahagian.**
 - 7.1.4 CAWANGAN-Persidangan Cawangan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Cawangan.**
-

FASAL 8 **PERHIMPUNAN AGUNG**

8.1 Perhimpunan Agung adalah kuasa tertinggi parti dan perjalanan parti adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan dan juga Peraturan UMNO.

8.2 Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah diadakan sekali dalam setahun pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi dengan syarat tidak lewat daripada 18 bulan dari tarikh Perhimpunan Agung yang lalu.

8.3 Tugas-tugas Perhimpunan Agung Tahunan ialah:

- 8.3.1 Menentukan dasar-dasar parti.**
- 8.3.2 Mengkaji kerja-kerja Majlis Tertinggi.**
- 8.3.3 Tertakluk kepada Fasal 9.3 memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi.**
- 8.3.4 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan melantik Juruaudit untuk tempoh Majlis Tertinggi.**

8.4 Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah terdiri daripada:-

- 8.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.**
- 8.4.2 Ahli-ahli Majlis Tertinggi.**
- 8.4.3 Wakil yang dipilih oleh Perwakilan Tahunan Bahagian sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima ratus orang ahli yang telah menjelaskan yuran dengan syarat bilangan wakil-wakil itu tidak lebih daripada tujuh orang dari satu Bahagian termasuk Bahagian yang Jawatankuasanya sedang digantung jika Bahagian itu boleh mengadakan Perwakilan Bahagian dengan sempurna.**
- 8.4.4 Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Wanita dan Ketua Pergerakan Puteri Bahagian yang telah mengadakan Perwakilan Bahagiannya dan telah menjelaskan yuran mengikut peruntukan dalam Perlembagaan. Mereka di atas yang menjadi Ahli Majlis Tertinggi berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Bahagian.**
- 8.4.5 Tidak lebih daripada sepuluh orang wakil Pergerakan Pemuda, sepuluh orang wakil Pergerakan Wanita dan sepuluh orang wakil Pergerakan Puteri yang dipilih oleh Perhimpunan Agung Pergerakan masing-masing.**

8.5 Perhimpunan Agung Khas hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada tiga permintaan yang berikut:

- 8.5.1 Dengan kehendak Presiden.**
- 8.5.2 Dengan permintaan bertulis dari pada dua pertiga Ahli-ahli Majlis Tertinggi.**
- 8.5.3 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Bahagian itu telah mengadakan mesyuarat Perwakilan Khas atas masalah yang sama.**

8.6 Mengikut Fasal 8.5.3 di atas Setiausaha Agung hendaklah memanggil Perhimpunan Agung Khas itu. Jika Setiausaha Agung tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh permohonan daripada Bahagian yang terakhir itu diterima maka Perhimpunan Agung Khas itu hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Tetap atau Timbalannya dan jika Pengerusi Tetap dan Timbalannya tidak berbuat demikian dalam tempoh dua puluh lapan hari daripada tarikh permohonan asal diterima maka Bahagian-bahagian yang memohon diadakan Perhimpunan Agung Khas itu boleh memanggil Perhimpunan Agung Khas tersebut

FASAL 9

MAJLIS TERTINGGI

- 9.1 Majlis Tertinggi adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal ehwal UMNO di bawah kekuasaan dan perintah Perhimpunan Agung dan Majlis Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Perhimpunan Agung pada masa ketiadaannya tetapi segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Perhimpunan Agung.
 - 9.2 Majlis Tertinggi hendaklah terdiri daripada:
 - 9.2.1 Presiden.
 - 9.2.2 Timbalan Presiden.
 - 9.2.3 Enam orang Naib Presiden termasuk Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri.
 - 9.2.4 Setiausaha Agung.
 - 9.2.5 Bendahari.
 - 9.2.6 Ketua Penerangan.
 - 9.2.7 Tidak lebih daripada dua puluh lima orang yang dipilih oleh Perhimpunan Agung.
 - 9.2.8 Tidak lebih daripada dua belas orang yang dilantik oleh Presiden termasuk sekurang-kurangnya seorang dari Pergerakan Pemuda, seorang dari Pergerakan Wanita dan seorang dari Pergerakan Puteri
 - 9.3 Presiden, Timbalan Presiden, tiga orang Naib Presiden dan dua puluh lima orang Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih oleh Perhimpunan Agung tiap-tiap 3 tahun sekali.
 - 9.4 Ketua dan Naib Ketua Pemuda, Ketua dan Naib Ketua Wanita, Ketua dan Naib Ketua Puteri hendaklah dipilih oleh Perhimpunan Agung tiap-tiap 3 tahun sekali. Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Ketua Pergerakan Puteri mempunyai hak-hak dan kuasa-kuasa Naib Presiden.
 - 9.5 Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan Majlis Tertinggi hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:
 - a) Presiden - 30%
 - b) Timbalan Presiden - 20%
 - c) Naib Presiden - 10%
 - d) Ahli-ahli Majlis Tertinggi - 5%
- daripada jumlah bahagian yang sah mengikut Fasal 14.5.4
- 9.6 Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan dilantik oleh Presiden dan memegang jawatan mereka selama tempoh Majlis Tertinggi kecuali mereka berhenti atau diberhentikan
 - 9.7 Pegawai-pegawai UMNO ialah:
 - 9.7.1 Presiden
 - 9.7.2 Timbalan Presiden
 - 9.7.3 Enam (6) orang Naib Presiden
 - 9.7.4 Setiausaha Agung
 - 9.7.5 Bendahari
 - 9.7.6 Ketua Penerangan
 - 9.8 Tugas-tugas pegawai dalam Majlis Tertinggi:
 - 9.8.1 Presiden
 - 9.8.1.1 Menjadi pemimpin utama dan bertanggungjawab menjaga kesempurnaan perjalanan parti.
 - 9.8.1.2 Melantik Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Penerangan dan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri Wilayah Persekutuan.
 - 9.8.1.3 Memanggil dan mempengerusikan sidang Majlis Tertinggi.
 - 9.8.1.4 Melantik tidak lebih daripada dua belas orang Ahli Majlis Tertinggi mengikut Fasal 9.2.8.
 - 9.8.2 Timbalan Presiden

- 9.8.2.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
- 9.8.2.2 Mempengerusikan sidang-sidang Majlis Tertinggi semasa ketiadaan Presiden.
- 9.8.3 Naib-Naib Presiden
- 9.8.3.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
- 9.8.3.2 Mempengerusikan sidang-sidang Majlis Tertinggi apabila Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.
- 9.8.4 Setiausaha Agung
- 9.8.4.1 Bertanggungjawab kepada Presiden.
- 9.8.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan sidang-sidang Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung.
- 9.8.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan yang menerangkan perkerjaan dan kemajuan parti dalam masa setahun kepada Majlis Tertinggi.
- 9.8.5 Bendahari
- 9.8.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Ibu Pejabat.
- 9.8.5.2 Menyediakan Penyata Kira-Kira Kewangan untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik oleh Perhimpunan Agung.
- 9.8.5.3 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada Majlis Tertinggi.
- 9.8.5.4 Membentangkan Penyata dan butir kira-kira yang diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Majlis Tertinggi.
- 9.8.5.5 Memaklumkan kepada Majlis Tertinggi kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 9.8.6 Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Wanita dan Ketua Pergerakan Puteri:
- 9.8.6.1 Tugas-tugas Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri ditetapkan oleh peraturannya masing-masing selain daripada tugasnya mengikut Fasal 9.8.3.
- 9.8.7 Ketua Penerangan
- 9.8.7.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan dan melapkannya kepada Majlis Tertinggi
- 9.8.7.2 Mentadbir Jabatan Penerangan di Ibu Pejabat dan menyusun kerja pegawai-pegawai di dalam Jabatan itu
- 9.9 Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1.
- 9.10 Jika Pemangku Presiden berhenti, Majlis Tertinggi hendaklah memilih salah seorang daripada Naib Presiden memangku jawatan itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1.
- 9.11 Jika semua Ahli Majlis Tertinggi berhenti serentak maka Pengerusi Tetap atau Timbalannya hendaklah dalam tempoh tidak lebih daripada enam puluh hari mengadakan Perhimpunan Agung Khas bagi menubuhkan semula Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung itu hendaklah menetapkan tempoh perkhidmatan Majlis Tertinggi yang baru ditubuhkan itu..
- 9.12 Jawatan Ahli-ahli Majlis Tertinggi termasuk Presiden dan Timbalan Presiden boleh dilucutkan atau Majlis Tertinggi dibubarkan oleh Perhimpunan Agung Khas dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli yang berhak hadir.
- 9.13 Majlis Tertinggi hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan, atau
- 9.13.1 Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Presiden atau
- 9.13.2 Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga daripada Ahli-ahli Majlis Tertinggi.
- 9.14 Jika Setiusaha Agung tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 9.13.2 dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh permohonan itu dibuat maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Majlis Tertinggi dijemput hadir.
- 9.15 Satu Perdua daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.

FASAL 10

TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERTINGGI

- 10.1 Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan lain atas hal-hal politik atau lain-lain yang sesuai dengan tujuan-tujuan UMNO.
- 10.2 Menerima wang yuran tahunan yang dibayar melalui Cawangan dan Bahagian-bahagian yang dibuat mengikut Fasal 25.2 dan Fasal 26.1 dan menentukan tarikh pembayaran yuran mengikut Fasal 25.2 dan 25.3.
- 10.3 Memilih calon-calon bagi Pilihan Raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri setelah berunding dengan Badan Perhubungan bagi Negeri yang berkenaan dan Jawatankuasa Bahagian mengikut peraturan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi.
- 10.4 Menunaikan segala syarat-syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
- 10.5 Membentangkan kepada Perhimpunan Agung suatu Penyata Tahunan dan Penyata Kira-Kira Tahunannya yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira.
- 10.6 Menghantar kepada Bahagian Penyata Tahunan berserta dengan Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh Perhimpunan Agung.
- 10.7 Menentukan taraf pendaftaran seseorang ahli (mengikut Fasal 5.7), menggantung atau melucutkan keahlian seseorang ahli.
- 10.8 Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar Pertubuhan, menubuhkan Badan Perhubungan, Bahagian dan Cawangan-cawangan dan menentukan perjalanannya dan boleh menggantung atau membubarkan Badan Perhubungan, Bahagian, Cawangan itu dan/atau Jawatankuasa masing-masing serta menentukan penubuhan semula dan/atau pemilihan Jawatankuasa yang digantung atau dibubarkan itu.
- 10.9 Dengan persetujuan dua pertiga daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Bahagian yang menghadiri Perhimpunan Agung yang didapati pungutan yuran tidak mengikut Fasal 25.1 dan 25.2.
- 10.10 Melucutkan jawatan mana-mana Ahli Badan Perhubungan, Jawatankuasa Bahagian dan Cawangan atas apa-apa sebab sekali pun.
- 10.11 Melantik seorang Pegawai Awam.
- 10.12 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
- 10.13 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikannya pada bila-bila masa juar pun.
- 10.14 Menetapkan tarikh Perwakilan Bahagian dan dengan tidak menghiraukan Fasal 15.3, berkuasa menentukan mana-mana satu di antara Perwakilan Bahagian-bahagian yang diadakan itu bagi memilih Jawatankuasanya.
- 10.15 Membuat peraturan bagi menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan serta Peraturan untuk melaksana, mengawal dan menyelia pemilihan jawatan-jawatan di semua peringkat dan menubuhkan Jawatankuasa Kecil yang lain.
- 10.16 Mengambil sebarang langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan parti.
- 10.17 Majlis Tertinggi berhak menangguhkan pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi, Bahagian dan Cawangan. Penangguhan ini tidak boleh lebih daripada 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya ia diadakan.

FASAL 11

PEJABAT SETIAUSAHA AGUNG

Pejabat Setiausaha Agung adalah menjadi Pejabat Berdaftar, iaitu di Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Kompleks UMNO, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur atau dimana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 12

BADAN PERHUBUNGAN

- 12.1 Badan Perhubungan boleh ditubuhkan oleh Majlis Tertinggi di tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 12.2 Badan Perhubungan terdiri daripada:
 - 12.2.1 Pengerusi.
 - 12.2.2 Timbalan Pengerusi.
 - 12.2.3 Setiausaha.

- 12.2.4 Bendahari.
- 12.2.5 Ketua Penerangan.
- 12.2.6 Ketua-ketua Bahagian.
- 12.2.7 2 orang wakil Pergerakan Pemuda Negeri, 2 orang wakil Pergerakan Wanita dan 2 orang wakil Pergerakan Puteri bagi tiap-tiap Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Ketua Pergerakan masing-masing.
- 12.3 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dilantik oleh Pengerusi dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh Majlis Tertinggi kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Pengerusi.
- 12.4 Timbalan Ketua Bahagian berhak mengambil tempat Ketua Bahagian di Mesyuarat Jawatankuasa Badan Perhubungan jika Ketua Bahagian tidak dapat hadir.
- 12.5 Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan hendaklah dilantik oleh Presiden yang mereka memegang jawatan masing-masing selama tempoh Majlis Tertinggi tetapi boleh berhenti atau diberhentikan oleh Presiden pada bila-bila masa.
- 12.6 Wakil Majlis Tertinggi boleh hadir dan mengambil bahagian dalam sebarang mesyuarat Badan Perhubungan tetapi tidak boleh mengundi.
- 12.7 Badan Perhubungan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan, atau
- 12.7.1 Pada bila-bila masa dikehendaki oleh Pengerusi atau
 - 12.7.2 Dengan permintaan bertulis daripada satu pertiga daripada bilangan ahli-ahlinya.
- 12.8 Jika Setiausaha tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 12.7.2 selepas 14 hari daripada tarikh permohonan itu diterima maka ahli-ahli yang memohon itu boleh mengadakan mesyuarat itu dengan syarat semua ahli hendaklah dijemput hadir.
- 12.9 Satu perdua daripada bilangan Ahli Badan Perhubungan adalah menjadi cukup bilang menjalankan mesyuaratnya.
- 12.10 Badan Perhubungan hendaklah mengadakan konvensyen di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya sekali setahun mengandungi wakil-wakil daripada Bahagian-bahagian. Majlis Tertinggi berkuasa menentukan syarat-syarat dan lain-lain perkara berhubung dengan Konvensyen itu.
- 12.11 Di dalam tiap-tiap Mesyuarat Badan Perhubungan jika Pengerusi dan Timbalannya tidak hadir maka salah seorang daripada ahli yang hadir itu boleh dipilih menjadi Pengerusi.
- 12.12 Tugas-tugas Pegawai Badan Perhubungan:
- 12.12.1 Pengerusi.
 - 12.12.1.1 Melantik Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari.
 - 12.12.1.2 Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan.
 - 12.12.1.3 Bertanggungjawab atas semua anggota Pejabat Badan Perhubungan.
 - 12.12.2 Timbalan Pengerusi.
 - 12.12.2.1 Membantu tugas-tugas Pengerusi.
 - 12.12.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat Badan Perhubungan apabila Pengerusi tidak hadir.
 - 12.12.3 Setiausaha.
 - 12.12.3.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi.
 - 12.12.3.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat dan Pejabat Perhubungan.
 - 12.12.3.3 Memanggil Mesyuarat mengikut Fasal 12.7.
 - 12.12.4 Bendahari.
 - 12.12.4.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan.
 - 12.12.4.2 Membentangkan laporan kewangan kepada Badan Perhubungan.
 - 12.12.4.3 Memaklumkan kepada Badan Perhubungan kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-sekurangnya sekali setahun.
 - 12.12.5 Ketua Penerangan.
 - 12.12.5.1 Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran.
 - 12.12.5.2 Melaporkan kepada Badan Perhubungan atas kerja-kerja penerangan di peringkat Negeri.
- 12.13 Tanggungan, kuasa dan kewajipan Badan Perhubungan ialah:

- 12.13.1 Mengatur dan menyelaraskan perjalanan Bahagian-bahagian sesebuah Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 12.13.2 Memilih ahli-ahli bagi mewakili parti di dalam sebarang kumpulan atau Lembaga di Peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- 12.13.3 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
- 12.13.4 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikan pada bila-bila masa pun.
- 12.13.5 Manunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
- 12.13.6 Menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit di dalam Bahagian dan Cawangan dengan kehendak Majlis Tertinggi.
- 12.13.7 Membentangkan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-kira wang tahunannya yang telah diperiksa dan di sahkan oleh Pemeriksa Kira-kira pada Majlis Tertinggi.

FASAL 13

PEJABAT SETIAUSAHA BADAN PERHUBUNGAN

Pejabat Setiausaha Badan Perhubungan itu hendaklah ditempatkan di pusat pentadbiran UMNO Negeri itu atau di mana-mana juga tempat yang ditentukan oleh Badan Perhubungan Negeri dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 14

BAHAGIAN

- 14.1 Majlis Tertinggi berkuasa menuahkan sebuah Bahagian di setiap kawasan Pilihan Raya Dewan Rakyat.
- 14.2 Tertakluk kepada Perlembagaan dan Peraturan Persidangan UMNO, perjalanan Bahagian adalah berasaskan pada kuasa dan perintah Perwakilan Bahagian.
- 14.3 Perwakilan Bahagian hendaklah diadakan sekali setahun tidak kurang daripada 60 hari sebelum tarikh diadakan Perhimpunan Agung. Kelonggaran boleh diberikan oleh Majlis Tertinggi tertakluk kepada Fasal 10.14.
- 14.4 Perwakilan Bahagian hendaklah terdiri daripada:
 - 14.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
 - 14.4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.
 - 14.4.3 Ketua Cawangan yang Cawangannya telah mengadakan persidangan dan telah menjelaskan yuran kepada Bahagian bagi tahun berkenaan. Ketua Cawangan yang menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian berhak melantik gantinya yang terdiri daripada Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.
 - 14.4.4 Wakil-wakil yang dilantik oleh Persidangan Cawangan sebanyak seorang wakil bagi tiap-tiap lima puluh orang ahli yang telah menjelaskan yurannya mengikut Fasal 25.1 dan 25.2, tetapi jumlah Ahli Perwakilan itu tidak lebih daripada lima orang dari satu Cawangan.
 - 14.4.5 Cawangan-cawangan yang dicadangkan oleh Bahagian untuk digantung atau dibubarkan dan Jawatankuasa Cawangan yang telah digantung oleh Majlis Tertinggi boleh menghantar wakil jika Cawangan itu dapat mengadakan Persidangan dengan sempurna.
 - 14.4.6 Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Pemuda, sepuluh (10) orang wakil Pergerakan Wanita dan (10) orang wakil Pergerakan Puteri yang dipilih oleh Perwakilan Bahagiannya masing-masing.
- 14.5 Tugas-tugas Perwakilan Bahagian ialah:
 - 14.5.1 Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian tertakluk kepada Fasal 15.3.
 - 14.5.2 Memilih wakil-wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung. Wakil-wakil yang tidak dipilih dalam Perwakilan Bahagian atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah. Mana-mana wakil yang tidak dapat hadir tidak boleh melantik gantinya.
 - 14.5.3 Membincangkan dasar-dasar parti untuk dikemukakan dalam Perhimpunan Agung.
 - 14.5.4 Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Majlis Tertinggi.
 - 14.5.5 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan 2 orang Pemeriksa Kira-kira mengikut Fasal 28.2.

- 14.6 Perwakilan Khas Bahagian hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:
- 14.6.1 Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian.
 - 14.6.2 Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah semua Cawangan dengan syarat Cawangan-cawangan itu telah mengadakan Persidangan Khasnya atas masalah yang sama.
 - 14.6.3 Dengan kehendak Majlis Tertinggi.
- 14.7 Setiausaha Bahagian hendaklah memanggil Perwakilan Khas Bahagian itu. Jika Setiausaha Bahagian tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan cawangan yang terakhir itu diterima maka Perwakilan Khas Bahagian itu hendaklah dipanggil oleh Majlis Tertinggi.
- 14.8 Perwakilan khas bahagian itu hendaklah diadakan mengikut kaedah Perwakilan Bahagian dan ahli-ahli yang hadir dalam Perwakilan Bahagian bagi tahun yang baru lalu sahaja boleh hadir kecuali jika Persidangan Khas Cawangan itu menggantikannya dengan ahli yang lain.

FASAL 15

JAWATANKUASA BAHAGIAN

- 15.1 Jawatankuasa Bahagian hendaklah terdiri daripada:
- 15.1.1 Ketua.
 - 15.1.2 Timbalan Ketua.
 - 15.1.3 Empat orang Naib Ketua termasuk Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri
 - 15.1.4 Setiausaha.
 - 15.1.5 Bendahari.
 - 15.1.6 Ketua Penerangan.
 - 15.1.7 Tidak lebih daripada dua puluh (20) orang yang dipilih oleh Perwakilan Bahagian.
 - 15.1.8 Tidak lebih daripada tujuh (7) orang yang dilantik oleh Ketua termasuk sekurang-kurang seorang dari Pergerakan Pemuda, seorang dari Pergerakan Wanita dan seseorang dari Pergerakan Puteri.
- 15.2 Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Bahagian tersebut yang bukan dipilih atau dilantik mengikut Fasal 15.1 berhak menghadiri tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Bahagian sebagai ahli tetapi tidak boleh mengundi.
- 15.3 Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Wanita dan Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Puteri dan Ahli-ahli Jawatankuasa mengikut Fasal 15.1.7, hendaklah dipilih tiap-tiap tiga tahun sekali. Walaupun bagaimanapun Majlis Tertinggi boleh menangguhkan pemilihan bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada 18 bulan daripada tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan mengikut Fasal 10.17.
- 15.4 Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan ahli yang dilantik oleh Ketua Bahagian akan memegang jawatan mereka selama tempoh Jawatankuasa Bahagian yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Bahagian.
- 15.5 Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan dalam Jawatankuasa Bahagian hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya:
- a) Ketua - 20%
 - b) Timbalan Ketua - 15%
 - c) Naib - 10%
 - d) Ahli Jawatankuasa - 2 Cawangan

daripada jumlah Cawangan yang sah dalam Bahagian mengikut Fasal 17.5.7 kecuali apabila mana-mana Bahagian di mana Cawangannya melebihi 150 Cawangan mencukupilah seorang calon itu mendapat sokongan sekurang-kurangnya 30 Cawangan bagi Ketua dan 20 Cawangan bagi Timbalan Ketua 10 Cawangan bagi Naib Ketua

- 15.6 Jawatan Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu dilantik menjadi pegawai mengikut Fasal 15.4.
- 15.7 Jika Ketua Bahagian berhenti atau diberhentikan maka Timbalan Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua berhenti atau diberhentikan maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang daripada Naib Ketua memangku jawatan itu atau melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa jika ketiadaan Naib Ketua untuk memangku

Jawatan itu sehingga diadakan Perwakilan Bahagian mengikut Fasal 15.3.

- 15.8 Jika semua Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian berhenti serentak maka Majlis Tertinggi akan mengadakan Perwakilan Khas Bahagian untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Bahagian itu dan menentukan tempoh perkhidmatannya.
- 15.9 Jawatankuasa Bahagian hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua bulan atau.
- 15.9.1 Pada bila-bila masa lain yang dikehendaki oleh Ketua atau
- 15.9.2 Dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga daripada Ahli-ahli Jawatankuasa
- 15.10 Jika Setiausaha Bahagian tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 15.9.2 dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh permohonan itu dibuat, maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Jawatankuasa Bahagian dijemput hadir.
- 15.11 Satu perdua daripada Ahli-ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.
- 15.12 Tugas-tugas Pegawai dan Jawatankuasa Bahagian:
- 15.12.1 Ketua Bahagian.
- 15.12.1.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Bahagian dan Cawangan di dalam Bahagian.
- 15.12.1.2 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota pejabat Bahagian.
- 15.12.1.3 Memanggil dan mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian.
- 15.12.1.4 Melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
- 15.12.1.5 Melantik 7 orang Ahli Jawatankuasa Bahagian.
- 15.12.2 Timbalan Ketua.
- 15.12.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian.
- 15.12.2.2 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian apabila Ketua Bahagian tidak hadir.
- 15.12.3 Naib Ketua.
- 15.12.3.1 Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian.
- 15.12.3.2 Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bahagian apabila Ketua dan Timbalannya tidak hadir.
- 15.12.4 Setiausaha.
- 15.12.4.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Bahagian.
- 15.12.4.2 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Bahagian dan Perwakilan Bahagian.
- 15.12.4.3 Menyediakan Penyata Tahunan UMNO Bahagian.
- 15.12.5 Bendahari.
- 15.12.5.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Bahagian itu.
- 15.12.5.2 Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Tahunan yang disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira kepada Jawatankuasa Bahagian.
- 15.12.5.3 Memaklumkan kepada Jawatankuasa Bahagian kedudukan harta benda milik UMNO Bahagian dan pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 15.12.6 Ketua Penerangan.
- 15.12.6.1 Menjalankan tugas penerangan di peringkat Bahagian dan
- 15.12.6.2 Melaporkan kepada Bahagian akan tugas-tugas tersebut.
- 15.12.7 Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri:
- 15.12.7.1 Tugas-tugas Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Peraturan-peraturannya.
- 15.13 Tanggungan, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Bahagian ialah:-

- 15.13.1 Mencadangkan calon-calon pilihan raya, wakil-wakil parti bagi menganggotai Majlis Bandar Raya, Perbandaran, Bandaran Tempatan dan Daerah.
 - 15.13.2 Mengawasi perjalanan dan menyelesaikan masalah Cawangan.
 - 15.13.3 Membentangkan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-kira yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira kepada Perwakilan Bahagian.
 - 15.13.4 Hendaklah menerima wang yuran tahunan yang dibayar oleh Cawangan-cawangan
 - 15.13.5 Menghantar kepada Setiausaha Agung, Penyata Tahunan Bahagian dan Penyata Kira-kira yang telah dibentangkan dalam Perwakilan Bahagian.
 - 15.13.6 Menetapkan tarikh Persidangan Cawangan setelah berunding dengan Jawatankuasa Cawangan.
 - 15.13.7 Menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
 - 15.13.8 Dengan persetujuan dua pertiga daripada Ahli Jawatankuasa Bahagian, berhak menolak semua sekali Ahli Perwakilan Cawangan yang didapati membayar yuran ahli-ahlinya tidak mengikut kehendak Fasal 25.1 dan 25.2.
 - 15.13.9 Berkerjasama dengan Majlis Tertinggi dan Cawangan bagi menyediakan senarai ahli-ahli yang berhak mengambil bahagian dalam Persidangan Cawangan.
 - 15.13.10 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetap tempat menyimpan wang.
 - 15.13.11 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikannya pada bila-bila jua masa pun.
-

FASAL 16

PEJABAT SETIAUSAHA BAHAGIAN

Pejabat Setiausaha Bahagian itu bolehlah ditempatkan dimana-mana jua tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Bahagian itu dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17

CAWANGAN

- 17.1 Majlis Tertinggi berkuasa menubuh, menggantung dan membubarkan Cawangan setelah terlebih dahulu berunding dan merujuk kepada Jawatankuasa Bahagian berkenaan.
- 17.2 Tertakluk kepada Perlumbagaan dan Peraturan Persidangan UMNO, perjalanan Cawangan adalah berasaskan kepada kuasa dan perintah Persidangan Cawangan.
- 17.3 Tertakluk kepada Fasal 15.13.6 Persidangan Cawangan hendaklah diadakan setahun sekali tetapi tidak lewat daripada empat belas hari sebelum tarikh diadakan Perwakilan Bahagian.
- 17.4 Persidangan Cawangan hendaklah terdiri daripada:
 - 17.4.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
 - 17.4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan.
 - 17.4.3 Ahli-ahli UMNO yang telah menjelaskan yuran tahunannya mengikut Fasal 25.1 dan 25.2 Perlumbagaan UMNO.
- 17.5 Tugas-tugas Persidangan Cawangan ialah:
 - 17.5.1 Membincangkan dasar parti untuk dikemukakan kepada mesyuarat Perwakilan Bahagian.
 - 17.5.2 Mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan.
 - 17.5.3 Mengadakan rancangan-rancangan kerja untuk faedah rakyat.
 - 17.5.4 Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa tertakluk kepada Fasal 18.2.
 - 17.5.5 Memilih Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap dan dua orang Pemeriksa Kira-Kira mengikut Fasal 28.2.
 - 17.5.6 Memilih wakil-wakil ke Perwakilan Bahagian. Wakil-wakil yang tidak dipilih di dalam Persidangan Cawangan atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah.
 - 17.5.7 Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian.
 - 17.5.8 Tertakluk kepada Fasal 8.4.3 mencadangkan 7 nama untuk dipilih sebagai wakil UMNO Bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO.
- 17.6 Persidangan Khas Cawangan hendaklah diadakan dengan permintaan bertulis daripada

satu perdua jumlah ahli-ahli. Jika Setiausaha tidak memanggil Persidangan Khas Cawangan itu dalam tempoh empat belas hari maka Persidangan Khas Cawangan itu hendaklah dipanggil oleh Jawatankuasa Bahagian.

FASAL 18

JAWATANKUASA CAWANGAN

- 18.1 Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:
 - 18.1.1 Ketua.
 - 18.1.2 Timbalan Ketua.
 - 18.1.3 Ketua-Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri.
 - 18.1.4 Setiausaha.
 - 18.1.5 Bendahari.
 - 18.1.6 Ketua Penerangan.
 - 18.1.7 Tidak lebih daripada lima belas (15) orang yang dipilih oleh Persidangan.
 - 18.1.8 Tidak lebih dari lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan termasuk sekurang-kurangnya seorang dari Pemuda, Wanita dan Puteri.
- 18.2 Ketua, Timbalan, Ketua, dan lima belas (15) Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan seperti 18.1.7 hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali oleh Persidangan Cawangan. Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri akan dipilih oleh Persidangan Pergerakan masing-masing tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. Walau bagaimanapun Majlis Tertinggi boleh menangguhkan pemilihan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada 18 bulan daripada tarikh pemilihan yang sepatutnya diadakan mengikut Fasal 10.17.
- 18.3 Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan dan tidak lebih dari lima (5) orang ahli yang dilantik menikut Fasal 18.1.8. dilantik oleh Ketua Cawangan dan akan memegang jawatan mereka selama tempoh Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan kecuali mereka berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Cawangan.
- 18.4 Jawatan Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu telah dilantik menjadi Pegawai mengikut Fasal 18.3.
- 18.5 Jawatankuasa Cawangan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua bulan sekali, atau
 - 18.5.1 Pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Ketua atau
 - 18.5.2 Dengan permintaan bersurat daripada satu pertiga Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- 18.6 Jika Setiausaha tidak memanggil mesyuarat mengikut fasal 18.5.2. dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh permohonan itu dibuat maka ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Jawatankuasa Cawangan dijemput hadir.
- 18.7 Satu perdua daripada Ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilang bagi menjalankan mesyuarat.
- 18.8 Sekiranya seseorang Ahli Jawatankuasa yang dipilih tiada lagi memegang jawatannya maka jawatan itu tidak boleh diganti.
- 18.9 Jika Ketua Cawangan berhenti atau diberhentikan maka Timbalan Ketua akan memangku jawatan itu dan jika Pemangku Ketua itu berhenti atau diberhentikan maka salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa boleh dilantik memangku jawatan itu.
- 18.10 Jika Ketua dan Timbalan tidak hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa maka salah seorang daripada ahli-ahli yang hadir itu boleh dilantik menjadi Pengurus.
- 18.11 Tugas-tugas Pegawai Cawangan:
 - 18.11.1 Ketua:
 - 18.11.1.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Cawangannya.
 - 18.11.1.2 Melantik Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan Cawangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
 - 18.11.1.3 Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota Pejabat Cawangan.
 - 18.11.1.4 Memanggil dan mempergerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan.
 - 18.11.1.5 Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut Fasal 18.1.8.
 - 18.11.2 Timbalan Ketua:

- 18.11.2.1 Membantu tugas-tugas Ketua Cawangan.
- 18.11.2.2 Mempengerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan apabila Ketua Cawangan tidak hadir.

18.11.3 Setiausaha:

- 18.11.3.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Cawangan.
- 18.11.3.2 Mentadbirkan perjalanan Pejabat Cawangan dan menjadi Pegawai Awam.
- 18.11.3.3 Melaporkan kepada Ketua Cawangan segala tindakan yang diambil berhubung dengan pentadbiran Pejabat Cawangan.
- 18.11.3.4 Bertanggungjawab atas kesempurnaan sidang-sidang Jawatankuasa Cawangan dan Persidangan Cawangan.
- 18.11.3.5 Menyediakan Penyata Tahunan Cawangan.
- 18.11.3.6 Memanggil mesyuarat mengikut Fasal 18.5

18.11.4 Bendahari:

- 18.11.4.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Cawangan.
- 18.11.4.2 Menyediakan dan membentangkan Penyata Kira-Kira Kewangan Tahunan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira Jawatankuasa Cawangan.
- 18.11.4.3 Memaklumkan kepada Jawatankuasa Cawangan kedudukan harta benda milik UMNO dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.

18.11.5 Ketua Penerangan:

- 18.11.5.1 Mentadbirkan dan menyusun rancangan-rancangan penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
- 18.11.5.2 Bertanggungjawab atas penerangan dan penyiaran yang dikelolakan oleh Cawangan.
- 18.11.5.3 Melaporkan kepada Jawatankuasa Cawangan atas kerja-kerja penerangan UMNO yang dijalankan dalam Cawangan itu.

18.11.6 Ketua-ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri:

- 18.11.6.1 Tugas-tugas Ketua Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Peraturannya-peraturannya.

18.12 Tugas-tugas Jawatankuasa Cawangan ialah:

- 18.12.1 Menjalankan arahan-arahan parti seperti yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Bahagian.
- 18.12.2 Menyemai perasaan persaudaraan dan menggalakkan bantuan sesama sendiri di kalangan ahli-ahli parti.
- 18.12.3 Hendaklah menerima wang yuran tahunan yang dibayar oleh ahli-ahli.
- 18.12.4 Mengkaji dan memanjangkan permohonan untuk menjadi ahli kepada Majlis Tertinggi melalui Jawatankuasa Bahagian.
- 18.12.5 Membentangkan kepada Persidangan Cawangan Penyata Tahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira.
- 18.12.6 Menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.
- 18.12.7 Menghantarkan kepada Ahli-ahlinya Penyata Kira-Kira sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh diadakan Persidangan Cawangan
- 18.12.8 Mencadangkan pemecatan atau penggantungan keahlian seseorang ahli kepada Majlis Tertinggi melalui Bahagian.
- 18.12.9 Menentukan perbelanjaan, menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangi cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
- 18.12.10 Melantik Pemegang Amanah dan memberhentikannya pada bila-bila masa pun.
- 18.12.11 Meluluskan permohonan mendaftar menjadi ahli dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Bahagian dan Majlis Tertinggi.

FASAL 19

PEJABAT SETIAUSAHA CAWANGAN

Pejabat Setiausaha bolehlah ditempatkan di mana-mana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa

FASAL 20

DISIPLIN

- 20.1 Majlis Tertinggi berkuasa menubuhkan Lembaga Disiplin dan menentukan peraturan-peraturan, kuasa-kuasanya dan mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan Perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan di dalam Tataetika Ahli UMNO atau mana-mana peraturan lain.
 - 20.2 Ahli-ahli Lembaga Disiplin hendaklah dilantik oleh Majlis Tertinggi yang terdiri dari ahli-ahli yang tidak berjawatan dalam parti dan tidak mempunyai kepentingan dalam pemilihan.
 - 20.3 Majlis Tertinggi boleh menurunkan kuasa disiplin kepada mana-mana Jawatankuasa di peringkat Perhubungan Negeri atau Bahagian.
 - 20.4 Tanpa menyentuh hak Majlis Tertinggi, Lembaga Disiplin di peringkat Badan Perhubungan Negeri atau Bahagian, setelah mendengar dan berpuas hati terhadap pelanggaran peruntukan Perlembagaan ini atau Tataetika Ahli UMNO, bolehlah mengenakan mana-mana hukuman setakat yang diperturunkan kuasa oleh Majlis Tertinggi.
 - 20.5 Tiap-tiap peringkat parti hendaklah melaporkan kepada Lembaga Disiplin mengenai kegiatan mana-mana ahli yang didapati melanggar disiplin parti untuk tindakan selanjutnya.
 - 20.6 Seseorang ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin yang dikenakan keatasnya boleh merayu kepada Majlis Tetinggi.
 - 20.7 Seseorang ahli yang membawa apa-apa jua perkara parti atau hak keahliannya ke mahkamah sebelum mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan parti maka keahliannya di dalam parti gugur dengan sendirinya.
 - 20.8 Semua ahli UMNO hendaklah cintakan parti dan:
 - (a) Patuh kepada Perlembagaan ini dan Tataetika Ahli;
 - (b) Mengikut perintah-perintah parti;
 - (c) Menjalankan dasar-dasar parti;
 - (d) Patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti;
 - (e) Menjaga rahsia-rahsia parti;
